

**METODE FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI JOHOR
DALAM MENANGANI PERSOALAN SEMASA:
ANALISIS FATWA-FATWA NEGERI JOHOR
DARI TAHUN 2000 HINGGA 2010**

MOHD FAEZ BIN MOHD SHAH

**JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

**METODE FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI JOHOR
DALAM MENANGANI PERSOALAN SEMASA:
ANALISIS FATWA-FATWA NEGERI JOHOR
DARI TAHUN 2000 HINGGA 2010**

MOHD FAEZ BIN MOHD SHAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA PENYELIDIKAN)**

**JABATAN FIQH DAN USUL
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: MOHD FAEZ BIN MOHD SHAH (No. K.P/Pasport: 841001-0175295)

No. Pendaftaran/Matrik: 1GA 110002

Nama Ijazah: SARJANA SYARIAH


Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

METODE FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI JOHOR DALAM MENANGANI PROBLEMATIK SEMASA ANALISIS FATWA - FATWA NEGERI JOHOR DARI TAHUN 2000 HINGGA 2010
Bidang Penyelidikan:

SAINS KEMASYARAKATAN (FIQH)

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.



Tandatangan Calon

Tarikh 18/11/2013

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi
~~Dr. Noor Naemah Abd Rahman~~
Nama:
Profesor Madya Dr. Noor Naemah Abd Rahman
Jawatan:
Penyayahan
Jabatan Fiqh dan Usul
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

Tarikh 19/11/2013

ABSTRAK

Kajian ini menjelaskan metode fatwa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor (JFNJ) dalam menyelesaikan persoalan semasa dengan melihat fatwa-fatwa dari tahun 2000 hingga 2010. Kajian ini bertujuan menjelaskan metode berfatwa yang diamalkan oleh JFNJ menerusi penyelidikan yang dijalankan dalam pengeluaran fatwa bagi isu-isu semasa dengan melihat pengambilkiraan elemen semasa. Tiga metodologi telah digunakan dalam kajian ini. Pertama, metode kepustakaan digunakan untuk mencari maklumat berkaitan kaedah penyelidikan hukum Islam dari pelbagai sumber berkenaan fatwa dan kaedah penyelidikan fatwa yang diaplikasi oleh JFNJ. Kedua, metode temubual digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai kaedah berfatwa dan amalan penyelidikan yang berlaku melalui tembual bersama ahli JFNJ dan pegawai fatwa yang terlibat dalam pemfatwaan. Ketiga, metode analisis data yang menggunakan tiga bentuk analisis iaitu metode deduktif dengan membuat kesimpulan khusus berkenaan kaedah asas dalam penentuan fatwa berdasarkan penyelidikan hukum Islam, metode induktif dengan membuat kesimpulan umum mengenai metode penyelidikan fatwa yang dipalikasi oleh JFNJ melalui data temubual dan dokumentasi dan metode komparatif dengan menilai revelensi terhadap kaedah berfatwa yang diaplikasi oleh JFNJ berdasarkan analisis terhadap fatwa-fatwa semasa yang diputuskan.

Hasil kajian menunjukkan bahawa, penggunaan kaedah *uṣūl al-fiqh* sebagai metode penentuan fatwa kurang diaplikasi secara tepat. Penyelidikan fatwa kurang mengambilkira keperluan sebenar masalah yang ditangani. Ia dibuat secara ringkas dan mendatar disebabkan pegawai fatwa kurang menguasai kaedah penyelidikan yang sebenar. Input-input semasa tidak dihuraikan dengan begitu jelas pengambilkiraannya di dalam isu fatwa hanya dilihat sebagai keutamaan sahaja tanpa diraikan keperluannya.

ABSTRACT

This study explains the fatwa method applied by Johor State Fatwa Committee in handling the contemporary issues based on fatwas issued from the year 2000 to 2010.

This study explains the methods have been used by Fatwa Committee for issuing the legal fatwa based on their research culture in resolving the contemporary issues with current inputs have been taken as an approach in fatwa's preparation. Three methodologies were used on this study. Firstly, the library research has been used to search the relevant information and data related to Islamic law research from a variety of sources. It's also used to search accurately data related to fatwa committee method and research culture from documentation source. Secondly, the interview research has been used to obtain accurately data on the fatwa committee method and fatwa's research culture through the selected members of the fatwa committee. Thirdly, the data analysis method which is used in these three methods, firstly; the deductive method used to make a specific conclusion on the steps of issuing fatwa based on Islamic law research from the general discussion about fatwa. Secondly; the inductive method has been used to make a general conclusion on fatwa committee method and their research culture through interviews and documentation data. Thirdly; the comparative method has been used to make comparison and determination on the method of fatwa committee and their research culture based on Islamic law research for issuing the current issues through fatwa's content analysis. The findings in this study indicate that application of *uṣūl al-fiqh* as a methodology in deriving rulings (*fiqh*) has not been done in a correct way. Fatwa research has not been resolved according to real problem but it's done in simple and horizontal way. Meanwhile, the approaches of the current inputs are not clearly defined in fatwa answers. However, it's seen as a priority without it needs.

PENGHARGAAN

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على رسول أمين سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم
وعلى آله وصحبه أجمعين

Segala pujian-pujian dipanjangkan ke hadrat Allah S.W.T, Tuhan pentadbir sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda Rasulullah S.A.W, buat seluruh keluarga dan sahabat baginda serta muslimin dan muslimat yang sentiasa mendapat rahmat daripada Allah S.W.T.

Alhamdulillah, pengkaji memanjangkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas pertolongan, izin dan rahmat-Nya, pengkaji akhirnya dapat menyelesaikan kajian sarjana ini dalam tempoh yang semaksimanya. Walaupun terdapat kekangan dan masalah yang berlaku sepanjang menyelesaikan kajian ini, pengkaji dapat menghadapinya dengan penuh kesungguhan dan ketekunan. Namun, dengan ketentuan Allah S.W.T, kajian ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Dalam kesempatan ini, pengkaji ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih buat penyelia iaitu Prof. Madya Datin Dr. Noor Naemah Abdul Rahman di atas kesudian beliau meluangkan masa menyelia, membantu, memberi tunjuk ajar, menyumbang idea dan teguran membina kepada pengkaji sepanjang disertasi ini dilakukan agar kajian yang dihasilkan mempunyai nilai dalam dunia akademik pada hari ini. Bimbingan dan teguran beliau amat bermakna buat pengkaji dalam menghasilkan kajian sarjana ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan setinggi-tinggi terima kasih, pengkaji tujukan buat ayahanda dan bonda yang banyak memberi sokongan dan semangat kepada

pengkaji untuk meneruskan perjuangan dalam medan ilmu ini. Semoga doa dan restu ayahanda dan bonda menjadi inspirasi buat pengkaji untuk terus mencipta kejayaan pada masa akan datang. Begitu juga, buat keluarga yang selalu memberi sokongan kepada pengkaji untuk terus berjaya. Terima kasih diucapkan buat kalian semua.

Pengkaji juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Mufti Johor, terutama Sahibus Samahah Dato' Hj. M. Tahrir Bin Dato' Hj Samsudin, Mufti Negeri Johor kerana memberi keizinan kepada pengkaji untuk melakukan kajian di jabatan tersebut. Buat Ustaz Suhaimi Bin Rebu, Ustaz Mohd Fadzil Bin Abu Samah dan staf-staf Jabatan Mufti Johor, ribuan terima kasih pengkaji ucapkan atas bantuan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Jasa kalian tidak akan dilupakan.

Tidak dilupakan juga, buat para pensyarah Jabatan Fiqh Dan Usul terutama Ketua Jabatan Dr Ridzwan Ahmad yang banyak memberi sokongan dan teguran kepada pengkaji sehingga ke saat ini. Begitu juga, buat warga Jabatan Fiqh dan Usul dan teman-teman seperjuangan yang sentiasa memberi bantuan dan semangat kepada pengkaji dalam menyelesaikan kajian ini. Budi baik kalian, hanya Allah sahaja yang dapat membalaunya, terima kasih pengkaji ucapkan.

Akhir sekali, ucapan setinggi-tinggi terima kasih pengkaji ditujukan buat pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu pengkaji menyiapkan disertasi sarjana ini. Jasa dan pertolongan yang diberikan, pengkaji menyerahkan kepada Allah untuk membalaunya. Harapan pengkaji, semoga kajian ini dapat memberi manfaat dan input berguna kepada semua pihak sebagai satu usaha meneruskan kesinambungan khazanah ilmiah dalam dunia akademik masa kini.

Sekian, terima kasih.

Mohd Faez Bin Mohd Shah

(IGA 110002)

Jabatan Fiqh Dan Usul

134-A Jalan Pantai

Akademi Pengajian Islam

Kampung Bakar Batu

Universiti Malaya

80150 Johor Bahru

Kuala Lumpur

Johor

DAFTAR TRANSLITERASI

Jadual transliterasi adalah seperti berikut:

Huruf Konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
أ	alif	ā
ب	ba'	b
ت	ta'	t
ث	tha'	th
ج	jim	j
ح	ha'	ḥ
خ	kha'	kh
د	dal	d
ذ	dhal	dh
ر	ra'	r
ز	zay	z
س	sin	s
ش	shin	sh
ص	sad	ṣ
ض	dad	ḍ
ط	ta'	ṭ
ظ	za'	ẓ
ع	'ayn	'
غ	ghayn	gh
ف	fa'	f
ق	qaf	q
ك	kaf	k

ل	lam	l
م	mim	m
ن	nun	n
و	waw	w
ه	ha'	h
ي	ya'	y
ة	ta' marbutah	h

Huruf Vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	(fathah) 	a
	(dammah) 	u
	(kasrah) 	i
Panjang		ā
		ū
		ī
Diftong	 	aw
	 	ay
	 	iy / i
		uww

SENARAI KEPENDEKAN

AJK	: Ahli Jawatankuasa
Cet.	: Cetakan
DYMM	: Duli Yang Maha Mulia
Ed.	: Editor
et.al	: dan rakan-rakan
Hj.	: Haji
Ibid.	: Ibidem yakni rujukan bagi bagi halaman yang sama.
JAIJ	: Jabatan Agama Islam Johor
Kg.	: Kampung
MAIJ	: Majlis Agama Islam Johor
Pem.	: Pembantu
PHEI	: Pegawai Hal Ehwal Islam
Prof.	: Profesor
PUNJ	: Penasihat Undang-Undang Negeri Johor
t.tp	: Karya tiada tempat terbitan
t.p	: Karya tiada penerbit
S.S	: Sahib al-Samahah
SAR	: Search and Rescue
SAW	: Sallahu 'Alaihi Wasallam
Sdn. Bhd	: Sendirian Berhad
SWT	: Subhanahu wa Ta'ala
terj	: Terjemahan

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1 : Statistik Fatwa-Fatwa Semasa Negeri Johor.

Jadual 5.1 : Statistik Bidang Pegawai Fatwa di Jabatan Mufti Johor.

ISI KANDUNGAN

HALAMAN MUKA	i
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
JADUAL TRANSLITERASI	ix
SENARAI KEPENDEKAN	xi
SENARAI JADUAL	xii
ISI KANDUNGAN	xiii
BAB SATU: PENDAHULUAN KAJIAN	1
1.0 PENDAHULUAN	2
1.1 LATARBELAKANG KAJIAN	3
1.2 PENYATAAN MASALAH KAJIAN	6
1.3 persoalan KAJIAN	8
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	8
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN	9
1.6 SKOP KAJIAN	9
1.7 SOROTAN LITERATUR	10
1.8 METODOLOGI KAJIAN	19
1.9 SISTEMATIKA KAJIAN	24
BAB KEDUA: METODE ASAS DALAM PENYELIDIKAN	
FATWA SEMASA	26
2.0 PENDAHULUAN	27
2.1 KONSEP FATWA, MUFTI DAN REALITI SEMASA	27
2.1.1 Definisi Fatwa	27
2.1.2 Definisi Mufti	29
2.1.3 Definisi Realiti Semasa	31
2.2 METODE ASAS DALAM PENYELIDIKAN FATWA	33
2.2.1 Aplikasi ilmu usūl al-fiqh	33

2.2.1 Keutamaan sumber dalam proses <i>istidlāl</i> dan <i>istinbāt</i>	36
2.2.3 Meraikan kepentingan maqāṣid al-sharī'ah	40
2.2.4 Memahami dan mengambilkira realiti semasa	45
2.2 LANGKAH UTAMA DALAM PENYELIDIKAN FATWA	49
2.4 PENYELIDIKAN DALAM AMALAN BERFATWA	59
2.4.1 Penyelidikan Fatwa Semasa	59
2.4.2 Peruntukan Penyelidikan Fatwa di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Negeri	63
2.4.3 Kepentingan Penyelidikan Dalam Pengeluaran Fatwa	68
BAB KETIGA: METODE FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI JOHOR BAGI FATWA-FATWA SEMASA DARI TAHUN 2000 HINGGA 2010	75
3.0 PENDAHULUAN	76
3.1 JAWATANKUASA FATWA NEGERI JOHOR	76
3.1.1 Sejarah Penubuhan	76
3.1.2 Keanggotaan Jawatankuasa Fatwa	79
3.2 METODE FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI JOHOR	82
3.2.1 Autoriti Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Penetapan Fatwa	82
3.2.2 Prosedur Pengeluaran Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor	84
3.2.3 Kerangka Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor	91
3.3 METODE BERFATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI JOHOR DALAM MENANGANI persoalan SEMASA	96
3.3.1 Kaedah Penyelidikan Dalaman	96
3.3.1.1 Aplikasi nas al-Quran dan al-Sunnah	96
3.3.1.2 Aplikasi kaedah <i>al-qiyās</i> , <i>maṣāliḥ</i> <i>al-mursalah</i> , <i>sadd al-dharā'i</i> ' dan ' <i>urf</i>	98
3.3.1.3 Rujukan terhadap karya-karya fiqh	104
3.3.2 Kaedah Penyelidikan Lapangan	111
3.3.2.1 Kajian lapangan	111
3.3.2.2 Rujukan kepada pakar	114
3.4 KESIMPULAN	115

BAB KEEMPAT: ANALISIS FATWA-FATWA SEMASA

NEGERI JOHOR DARI TAHUN 2000 HINGGA 2010

4.0 PENDAHULUAN	118
4.1 FATWA-FATWA SEMASA DARI TAHUN 2000 HINGGA 2010	118
4.1.1 Statistik Fatwa-Fatwa Semasa	121
4.2 ANALISIS FATWA-FATWA SEMASA NEGERI JOHOR DARI TAHUN 2000 HINGGA 2010	
4.2.1 Pemilihan Fatwa-Fatwa Semasa	125
4.2.2 Pengambilkiraan Input-Input Semasa	126
4.2.3 Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Dari Tahun 2000 Hingga 2010	128
4.2.3.1 Fatwa ibadah: Status puasa pesakit yang menerima rawatan dialisis	128
4.2.3.2 Fatwa zakat: Fatwa zakat gaji dan pendapatan	136
4.2.3.3 Fatwa kubur dan masjid: Pemindahan kubur-kubur lama untuk tujuan pembesaran masjid	143
4.2.3.4 Fatwa munakahat: Perlaksanaan ujian HIV di kalangan bakal pengantin di Johor	147
4.2.3.5 Fatwa muamalat: Hukum perdagangan baja najis kelawar	156
4.2.3.6 Fatwa kepenggunaan: Penubuhan unit anjing (SAR) dalam Jabatan Pertahanan Awam	162
4.3 KESIMPULAN	169

BAB KELIMA: RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.0 PENGENALAN	171
5.1 RUMUSAN	172
5.2 FAKTOR-FAKTOR PENYELIDIKAN YANG MENDATAR DI INSTITUSI FATWA NEGERI JOHOR	176
5.3 CADANGAN DAN SARANAN	180
5.3.1 Cadangan terhadap Jabatan Mufti Johor	181
5.3.2 Cadangan terhadap para pegawai bahagian fatwa	185
5.3.3 Cadangan terhadap ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor	188
5.4 PENUTUP	191

BIBLIOGRAFI

193

LAMPIRAN

211

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN KAJIAN

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN KAJIAN

1.0 PENDAHULUAN

Sejak dari zaman Rasulullah SAW hingga kini, fatwa berperanan penting sebagai penghubung antara mufti dan *mustaftī*, sekaligus menjadi medium penyelesaian hukum bagi masalah yang berlaku di kalangan umat Islam.¹ Pada zaman pensyariatan, Rasulullah SAW bertindak sebagai mufti dan pemutus hukum bagi setiap persoalan yang dihadapi umat Islam pada ketika itu. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya;

وَسَتَفْتُونَكَ فِي النِّسَاءِ قُلِ اللَّهُ يُفْتِي كُمْ فِيهِنَّ^ص

Surah al-Nisa 4:127

Terjemahan: Dan mereka meminta fatwa kepadamu (Wahai Muhammad), mengenai (hak dan kewajipan) kaum perempuan. Katakanlah olehmu: "Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu mengenai mereka"

Legasi ini diteruskan oleh para sahabat dengan metode yang serupa sebagaimana yang diwariskan oleh Rasulullah SAW² melalui kerangka ijтиhad yang lebih tersusun memandangkan zaman pensyariatan sudah terhenti selepas kewafatan baginda SAW.³ Contohnya, fatwa Khalifah Abu Bakar yang memutuskan agar diperangi golongan yang enggan mengeluarkan zakat pada zaman pemerintahannya.⁴

Zaman selepas wafat Rasulullah SAW memperlihatkan ijтиhad sebagai satu disiplin dalam amalan berfatwa dengan menggunakan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber rujukan utama dalam menyediakan jawapan hukum bagi setiap

¹ Nooh Bin Gadot, "Peranan Fatwa Dalam Perpaduan Ummah" (makalah, Konvensyen Islam 2002 Peringkat Kebangsaan, Golden Legacy Hotel Melaka, 14-15 Jun 2002)

² Mahmood Zuhdi Bin Abdul Majid dan Paizah Bt. Hj Ismail, *Pengantar Pengajian Syariah* (cet. ke-2. Kuala Lumpur: al-Baian Corporation Sdn. Bhd, 2006), 120.

³ *Ibid.*, 120.

⁴ Mustafa Abdul Rahman, *Ringkasan Sejarah Khulafa' al Rasyidin*, (cet. ke-5, Pulau Pinang: Maktabah al-Haj Abdullah Bin Muhammad Nuruddin al-Rawi, 1975), 21.

persoalan yang berlaku. Kerangka ijтиhad ini akhirnya melahirkan kepelbagaiannya pandangan, respon hukum dan fatwa bagi setiap permasalahan yang diajukan berasaskan manhaj yang berbeza berdasarkan unsur lokaliti dan elemen tempatan dan semasa⁵. Hal ini membuktikan bahawa, metode penyelidikan hukum telah mula dipraktikkan secara sistematik dan tersusun sejak zaman para sahabat lagi sebagai salah satu daripada disiplin ilmu yang akhirnya diwarisi sehingga ke hari ini.

Oleh yang demikian, metode penyelidikan hukum yang efektif dan tersusun bakal melahirkan satu bentuk keputusan hukum yang dinamik dan berkesan dengan mengambilkira pelbagai keperluan dan aspek dalam kehidupan manusia. Penekanan terhadap keperluan penyelidikan hukum membuktikan bahawa syariat Islam merupakan agama yang sempurna dengan menyediakan jawapan lengkap bagi setiap isu yang berlaku berdasarkan penyelidikan yang komprehensif. Justeru, kajian ini akan memperlihatkan metode yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dalam menghadapi dan menjawab segala persoalan fatwa yang bersifat semasa berasaskan kerangka penyelidikan hukum yang telah dibentuk oleh para sarjana silam.

1.1 LATARBELAKANG KAJIAN

Metode penyelidikan dalam berfatwa amat perlu diberikan penekanan. Bahkan ia berfungsi sebagai “tiang” dalam proses penghasilan jawapan fatwa. Tanpa metode yang kukuh dan jelas, fatwa yang dihasilkan itu tidak mampu memberi sebarang kesan terhadap pembangunan dan kepentingan ummah. Bahkan fatwa tersebut tidak dilihat sebagai penyelesaian yang sebenar bagi menjawab pelbagai persoalan semasa yang berlaku. Akhirnya jawapan fatwa tersebut kurang dihormati, sementara institusi

⁵ Abdullah@Alwi Bin Hj. Hassan, “Penyelidikan Sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah”, dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, ed. Mahmood Zuhdi Bin Abdul Majid (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1997), 14.

fatwa pula dianggap sebagai sebuah badan yang kurang memenuhi keperluan sesebuah institusi penyelidikan hukum.

Berasaskan keperluan tersebut, pengkaji memilih untuk mengkaji fatwa-fatwa negeri Johor dari tahun 2000 hingga 2010 yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor terhadap persoalan semasa dengan melihat kepada mekanisme dan metode berfatwa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa tersebut. Statistik Jabatan Mufti Negeri Johor sehingga penghujung tahun 2010 memaparkan sebanyak 753 fatwa telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa merangkumi fatwa-fatwa yang diwartakan dan tidak diwartakan dalam pelbagai katogeri dan isu.⁶ Sepanjang tempoh tersebut terdapat hampir 27 fatwa yang diputuskan menyentuh persoalan semasa dan kepentingan masyarakat memandangkan era tahun 2000 merupakan zaman yang mencabar, zaman *ict* dan teknologi maklumat ditambah dengan pembaharuan dalam sistem urusan harian manusia yang lebih canggih dan moden. Apatah lagi dengan sistem elektronik melalui aplikasi “*e-online*” dalam pelbagai bidang, perkhidmatan dan urusan. Situasi ini sudah pasti menjadi cabaran kepada Jawatankuasa Fatwa untuk menghasilkan satu penetapan hukum yang lebih bersifat semasa dan terkini berpaksikan kepada kaedah penentuan hukum yang pelbagai.

Oleh yang demikian, bagi menangani cabaran semasa yang berlaku dalam masyarakat Islam khususnya, Jawatankuasa Fatwa seharusnya berpegang kepada satu disiplin dan metode penyelidikan hukum yang serius bagi melahirkan natijah fatwa yang benar-benar dapat menyelesaikan kemelut dan cabaran semasa yang berlaku di era ini. Mahmood Zuhdi Bin Abdul Majid menegaskan bahawa badan yang bersifat perkumpulan para mufti atau majlis seumpama itu perlu mempunyai agenda kerja yang teratur bagi memenuhi keperluan utamanya, iaitu bagaimana menjadikan fatwa

⁶ Jabatan Mufti Negeri Johor, *Fail Fatwa-Fatwa Negeri Johor*, (Johor Bahru: Jabatan Mufti Johor, 15 September 2011).

lebih berkesan dalam memandu kerajaan dan masyarakat ke arah kehendak Islam yang sebenar.⁷

Merujuk kepada metode berfatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, keterikatan kepada mazhab al-Shāfi’ī menjadi rangka utama dalam penyediaan fatwa di negeri Johor. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003, menyebut bahawa *qawl* muktamad yang harus diikuti mestilah mengikut kepada *qawl* mazhab al-Shāfi’ī.⁸ Walaupun begitu, sumber utama iaitu al-Quran al-Sunnah tetap diutamakan dalam metode berfatwa namun sandaran kepada pengambilan hukum adalah berasaskan kepada pandangan mazhab al-Shāfi’ī.

Manakala dari aspek penyelidikan fatwa pula, Jawatankuasa Fatwa menyerahkan proses penyelidikan dan kajian fatwa sepenuhnya kepada bahagian fatwa yang bertanggungjawab menjalankan kajian dan penyelidikan bagi sesuatu isu fatwa yang memerlukan penjelasan secara terperinci.⁹ Walaupun begitu, tinjauan awal pengkaji di Jabatan Mufti Johor mendapati bahawa penyelidikan fatwa yang dijalankan memakan masa yang begitu lama. Hal ini berpunca darikekangan yang berlaku dari kalangan pegawai di bahagian fatwa itu sendiri, antaranya kelemahan kakitangan di unit tersebut dalam menguasai kaedah penyelidikan hukum Islam, kurangnya kemahiran untuk menjalankan kajian dan kurang berkemampuan dalam menganalisis data.¹⁰

Menyentuh isu penyelidikan hukum, Rahimin Affandi Abdul Rahim dalam artikelnya menyebut bahawa, keperluan untuk menyediakan satu bentuk penyelidikan hukum yang bersifat semasa dan terkini amat diperlukan dan

⁷ Mahmood Zuhdi Bin Abdul Majid, Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia”, *Jurnal Syariah* 12, no. 2 (2004), 91.

⁸ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003, bahagian III fasil 54.

⁹ Jabatan Mufti Negeri Johor, “Bahagian Fatwa”, laman sesawang *Jabatan Mufti Negeri Johor*, dicapai 18 September 2011, <http://www.johordt.gov.my/mufti/index.php/en/joomla-home>.

¹⁰ Mohd Fadzil Bin Abu Samah (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S27 merangkap unit istinbat, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Johor) dalam temubual dengan pengkaji, 14 September 2011.

dikehendaki pada zaman moden ini¹¹ kerana perkembangan dan kemajuan dalam sistem perundangan Islam masa kini bergantung kepada pembentukan metodologi penyelidikannya yang canggih dan moden¹².

Justeru itu, kajian ini akan melihat permasalahan yang berlaku dalam proses penghasilan fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor bagi menjawab persoalan semasa berdasarkan metode yang digunakan dalam menyediakan keputusan fatwa tersebut dengan mengambilkira kaedah pendalilan hukum dan kaedah penyelidikan hukum semasa.

1.2 PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Dalam disiplin penyelidikan hukum Islam, kekuatan pendalilan dan kaedah istinbāt yang jelas merupakan tuggak utama dalam pembinaan hukum Islam berdasarkan kepada aplikasi ilmu *uṣūl al-fiqh* dan *maqāṣid al-sharī'ah*. Di samping itu, pengambilkiraan elemen semasa juga perlu diberi perhatian supaya jawapan hukum yang diberikan bersifat penyelesaian dan bukan bersifat penghukum.

Disiplin inilah yang akan dilihat dalam metode berfatwa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor bagi menyelesaikan persoalan-persoalan semasa yang bersifat mencabar dan kritikal. Memandangkan berlakunya perkembangan yang pesat dalam pelbagai bidang penyelidikan dan penemuan-penemuan saintifik yang terkini, ia juga turut mempengaruhi proses penyelidikan hukum semasa yang dijalankan oleh Jawatankuasa Fatwa. Hal ini kerana, kepesatan dan perkembangan dalam pelbagai bidang seperti perubatan, ekonomi, kepenggunaan dan sebagainya melahirkan berbagai-bagai persoalan baru yang perlu diberi penyelesaian bagi menjaga kepentingan umat Islam terutama di negeri Johor. Oleh itu timbul persoalan,

¹¹ Rahimin Affandi Bin Abdul Rahim, "Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini: Satu Pengenalan", *Jurnal Syariah* 10, no. 1 (2002), 2-5.

¹² *Ibid.*

adakah metode fatwa yang digunakan ketika ini mampu menangani persoalan-persoalan semasa tersebut dan adakah Jawatankuasa Fatwa mengambilkira penyelidikan semasa seiringan dengan perkembangan tersebut dalam metode fatwanya. Memandangkan terdapat kekangan dan masalah yang berlaku sama ada dari faktor luaran maupun dalaman, fatwa yang diputuskan seolah-olahnya tidak kelihatan rasional dalam menjawab persoalan.

Justeru itu, penyelidikan yang bersepadu perlu dijalankan dengan gabungan kajian-kajian semasa yang berperanan penting dalam membantu penyelidikan fatwa agar melahirkan fatwa yang dapat menangani pelbagai persoalan dengan matang. Oleh itu, bentuk penyelidikan tersebut akan dikenalpasti menerusi metode dan penyelidikan fatwa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor sama ada ianya berlaku dalam situasi yang sebenar atau sebaliknya memandangkan terdapat pelbagai bentuk kajian semasa yang dapat memberikan maklumat secara tepat berkenaan isu yang berlaku. Pendekatan inilah yang akan dilihat dalam metode dan penyelidikan fatwa di negeri Johor.

Justeru itu, permasalahan yang ingin dijelaskan dalam kajian ini dapat disimpulkan seperti berikut;

- i. Sejauh manakah metode dan penyelidikan yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa pada ketika ini dapat menyelesaikan persoalan-persoalan semasa yang diajukan oleh masyarakat.
- ii. Sejauh manakah metode dan penyelidikan yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa benar-benar mengambilkira pendekatan dan kajian semasa yang berlaku pada masa kini atau sebaliknya.
- iii. Persoalan tentang sejauh manakah kaedah penyelidikan hukum Islam diimplementasikan dalam metode dan kaedah penyelidikan fatwa yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa.

- iv. Persoalan tentang sejauh manakah fatwa-fatwa semasa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa bersifat matang dan rasional dengan menepati kehendak isu yang berlaku berdasarkan metode yang diaplikasi.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah kaedah dan metode asas dalam berfatwa yang dihuraikan oleh para sarjana silam bagi menangani dan menjawab persoalan hukum.
2. Apakah bentuk-bentuk metode yang dijalankan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dalam mengemukakan jawapan fatwa yang bersifat semasa kepada masyarakat.
3. Adakah fatwa-fatwa semasa yang diputuskan dalam menyelesaikan persoalan yang diajukan oleh masyarakat bersifat matang dan rasional serta menepati kehendak semasa.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti metode asas dalam penyelidikan fatwa berdasarkan huraian para sarjana Islam.
2. Mengenalpasti metode penyelidikan fatwa yang dijalankan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor bagi fatwa-fatwa semasa dari tahun 2000 hingga 2010.
3. Menganalisis fatwa-fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dari tahun 2000 hingga 2010 berdasarkan metode fatwa yang diaplikasi.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

1. Hasil dari penyelidikan dan kajian ini akan dapat menjelaskan metode yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dalam memberi jawapan fatwa kepada pihak yang bertanya sama ada metode tersebut bersetujuan dengan jawapan fatwa atau tidak.
2. Kajian ini juga boleh menjadi panduan dan berfungsi sebagai saluran maklumat berkaitan dengan metode penyelidikan dalam amalan berfatwa khususnya kepada pihak yang bertanggungjawab dalam bidang dan institusi fatwa di negara ini.
3. Hasil kajian ini boleh menjadi bahan rujukan dan panduan kepada penyelidik yang berminat untuk meneruskan kesinambungan kajian pengkaji mengenai metode berfatwa dalam bentuk dan konteks yang berlainan.
4. Hasil dari kajian ini juga akan dapat memberi sumbangan dan lontaran idea ke arah penyelidikan dan pembangunan fatwa yang lebih berkesan dan efektif melalui penggunaan metode dalam mengeluarkan fatwa.
5. Kajian ini juga dapat menyalurkan dan memberi input berkaitan dengan keperluan penyelidikan semasa dalam amalan berfatwa, di samping memperkemaskan lagi metode berfatwa yang sedia dengan memberi penambahbaikan terhadap aspek yang tertentu.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian pengkaji memfokuskan sepenuhnya terhadap fatwa-fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor berkaitan dengan isu-isu semasa bermula dari tahun 2000 hingga 2010 yang merangkumi setiap persoalan fatwa.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya menghadkan kajian terhadap fatwa-fatwa semasa sahaja yang diputuskan dalam tempoh sepuluh tahun bermula dari tahun 2000 hingga 2010 bagi mewakili isu-isu yang bersifat semasa dalam pelbagai bidang. Rasionalnya, tempoh tersebut merupakan zaman perkembangan teknologi dan pembaharuan dalam pelbagai bidang kehidupan seperti ekonomi, perubatan, kepenggunaan, pertahanan dan sebagainya yang menjadi suatu keperluan pada hari ini. Implikasinya, timbul pelbagai persoalan semasa akibat perkembangan dan pembaharuan tersebut seperti isu zakat melalui atas talian, penggunaan cacing dalam perubatan dan sebagainya yang dilihat mempunyai kepentingan tertentu. Seterusnya sepanjang sepuluh tahun tersebut, pengkaji akan menganalisis enam fatwa semasa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor disebabkan masalah yang berlaku di dalam proses penyediaan hukum fatwa seperti kaedah nukilan yang digunakan secara tipikal, penggunaan kaedah *uṣūl al-fiqh* yang tidak jelas dan penentuan hukum yang tidak mengikut keutamaan sumber syarak.

1.7 SOROTAN LITERATUR

Dalam merealisasikan objektif dan merungkaikan permasalahan sesebuah kajian, sorotan literatur amat penting untuk dikemukakan sebagai asas kepada latar belakang dan penemuan yang dicari dalam menyelesaikan kajian yang dikaji. Menyorot kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang dikaji merupakan suatu keperluan yang sangat perlu dalam disiplin penyelidikan agar kajian tersebut tidak tersasar dari objektifnya. Malahan ia berperanan sebagai kajian kesinambungan dari kajian yang lepas dengan menghasilkan satu penemuan yang baru dalam skop bidang tersebut.

Perbincangan mengenai kefatwaan telah diselitkan secara ringkas oleh para ulama terdahulu di dalam karya-karya mereka menerusi perbincangan ijtihad dalam

perbahasan ilmu *uṣūl al-fiqh*. Teori-teori mengenai fatwa dan hukum yang berkaitan dengannya dibincangkan secara bersama di dalam skop perbahasan ijtihad tanpa perbincangan atau skop khusus mengenainya.¹³ Hal ini kerana, para ulama bersepakat bahawa para mufti adalah mujtahid yang berperanan sebagai mereka yang mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam mengeluarkan hukum-hukum yang tidak mempunyai nas berasaskan kaedah *istinbāt* dan *istidlāl* setelah memenuhi kriteria yang layak dikira sebagai mujtahid.¹⁴ Justeru, metode berfatwa seorang mufti harus bertepatan dengan kaedah berijtihad seorang mujtahid kerana kedua-dua mereka mempunyai kapasiti yang sama.

Meskipun begitu, terdapat kajian yang lebih khusus membincangkan metode berfatwa yang perlu diaplikasi oleh seorang mufti dalam proses pengeluaran fatwa. Metode ini dinyatakan di dalam ‘*Ilām al-Mūwaqi’īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn* karangan Ibn Qayyīm al-Jawzīyah,¹⁵ Jamāl al-Dīn al-Qāsimī menerusi *al-Fatāwā fī al-Islām*,¹⁶ Ibn Ḥamdān al-Ḥarrānī di dalam *Ṣifah al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafṭī*,¹⁷ *Mabāḥith fī Aḥkām al-Fatwā* oleh ‘Āmar Sa’īd al-Zaibārī,¹⁸ *al-Fatwā* oleh Ḥusayn Muḥammad al-Mallāḥ.¹⁹ Perbincangan oleh Muḥammad Bin ‘Alī al-Makkī al-Mālikī di dalam *Dawābiṭ al-Fatwā*,²⁰ Yūsuf al-Qardāwī di dalam *al-*

¹³ Lihat ‘Ali Bin Muḥammad al-Amīdī, *al-Aḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* (cet. pertama, Riyad: Dār al-Šāmī’ī li al-Nasyr wa al-Tawzi’, 2003), 4: 270. Fakhr al-Dīn Bin ‘Umar al-Husayn al-Rāzī, *al-Mahsul fī ‘Ilm Usul al-Fiqh* (Beirut: Muassasah al-Risalah, t.t), 6:69. Abī Isḥāk Ibrāhīm Bin Mūsā al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt* (Arab Sa’udi: Dār Ibn ‘Affān, 1997), 5:255. Badr al-Dīn Muḥammad Bin Bahādur al-Zarkashī, *Bahr al-Muhiṭ fī Uṣūl al-Fiqh* (cet. ke-2, Kuwait: Dār al-Šafwah, 1992), 6:305. Muḥammad Bin ’Alī al-Sywākānī, *Irshād al-Fuhūl ila Tahqīq al-Haqqa min ’Ilm al-Uṣūl* (Riyad: Dār al-Faḍīlah, 2000). 2:1026.

¹⁴ al-Razī, *al-Mahsul*, 69.

¹⁵ Abī ‘Abd Allah Muḥammad Bin Abī Bakr Ibn Qayyīm al-Jawziyyah, *I’lām al-Mūwaqqī’īn ‘an Rabb al-‘Ālamīn* (Jeddah: Dār Ibn Qayyim al-Jawzī, 1423H), 6.

¹⁶ Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī, *al-Fatāwā fī al-Islām* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 1986).

¹⁷ Al-Ḥmad Bin Ḥamdān al-Ḥarrānī, *Ṣifah al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustafṭī* (cet. ke-4, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1984).

¹⁸ ’Āmir Sa’īd al-Zaibārī, *Mabāḥith fī Aḥkām al-Fatwā* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1995).

¹⁹ Husayn Muḥammad al-Mallāḥ, *al-Fatwā* (Beirut: al-Maktabah al-’Aṣrīyah, 2006).

²⁰ Muḥammad Bin ‘Alī al-Makkī al-Mālikī, *Dawābiṭ al-Fatwā* (Iskandariyah: Dār al-Furqān, 1418H).

Fatwā Bayna al-Indibāt wa al-Tasayyub.²¹ Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa, penguasaan ilmu *uṣūl al-fiqh* dan ilmu *maqāṣid al-sharī'ah* menjadi syarat utama dalam metode pengeluaran fatwa. Di samping memahami dan mengambilkira perubahan-perubahan semasa yang berlaku dalam penetapan fatwa.

Seterusnya, pengambilkiraan realiti semasa sebagai keperluan dalam metode penentuan fatwa juga disentuh oleh Mahmud Saedon Bin Awang Othman dalam makalah yang bertajuk *Etika Mufti: Tugas Dan Peranan Dalam Menghadapi Alaf Baru*,²² Uthman El-Muhammadi dalam makalah yang bertajuk *Manhaj Fatwa Dalam Islam*,²³ makalah Ahmad Hidayat Buang yang bertajuk *Penyediaan Dan Pengeluaran Fatwa*,²⁴ makalah *Fatwa Dalam Perundangan Islam dan Fungsinya Menangani Keperluan Hukum Semasa Menurut Siasah al-Syar'iyyah* oleh Hasnan Kasan dan Jasri Jamal,²⁵ makalah Uthman El-Muhammady yang bertajuk *Kaedah-Kaedah Dan Adab-Adab Mengeluarkan Fatwa*,²⁶ makalah Noor Naemah Abdul Rahman yang bertajuk *Garis Panduan Mengemukakan Persoalan dan Mengeluarkan fatwa Menurut al Quran*²⁷ dan Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid dalam makalah *Kepentingan Penyelidikan Dalam Pengeluaran Fatwa*²⁸ serta Alexandre Caeiro

²¹ Yūsuf al-Qardāwī, *al-Fatwā Bayna al-Indibāt wa al-Tasayyub* (Kaherah: Dār al-Šahwah, 1998).

²² Mahmud Saedon Bin Awang Othman, “Etika Mufti: Tugas dan Peranan dalam Menghadapi Alaf Baru” (makalah, Seminar Serantau: Mufti Dan Fatwa, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 23-24 September 1997).

²³ Uthman El-Muhammadi, “Manhaj Fatwa Dalam Islam” (makalah, Seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, 5-6 Disember 2006).

²⁴ Ahmad Hidayat Buang, “Penyediaan dan Pengeluaran Fatwa,” dalam *Fatwa di Malaysia*, ed. Ahmad Hidayat Buang, (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004) 97-116.

²⁵ Hasnan Kasan dan Jasri Jamal, “Fatwa Dalam Perundangan Islam dan Fungsinya Menangani Keperluan Hukum Semasa Menurut Siasah Syar'iyyah”, *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* 7, (2003), 89-111.

²⁶ Uthman El-Muhammadi, “Kaedah-Kaedah Dan Adab-Adab Mengeluarkan Fatwa,” dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al, (Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006), 1-18.

²⁷ Noor Naemah Bt. Abdul Rahman, “Garis Panduan Mengemukakan Persoalan dan Mengeluarkan Fatwa Menurut al Quran”, *Jurnal Syariah* 10, no. 1, (2002), 25-37.

²⁸ Mahmood Zuhdi Bin Abd Majid, “Kepentingan Penyelidikan Dalam Pengeluaran Fatwa,” dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al, (Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006), 177-190.

dalam makalah *The Shifting Moral Universes of The Islamic Tradition of Ifta': A diachronic Study of Four Adab al-Fatwa Manuals.*²⁹

Kajian-kajian di atas menyentuh secara umum berkenaan dengan kepentingan mengambilkira perubahan dan realiti semasa melalui penerapannya dalam kaedah berfatwa. Bahkan menjadi suatu kemestian bagi seorang mufti untuk melihat pelbagai kepentingan semasa yang berlaku di sekelilingnya sebagai input fatwa. Justeru itu, kajian di atas amat penting khususnya dalam membincangkan kaedah berfatwa yang harus diamalkan oleh institusi fatwa dan mufti itu sendiri. Teori-teori tersebut akan dimuatkan dalam perbincangan awal kajian ini di mana penekanan akan diberikan kepada kepentingan metode dan keperluan penyelidikan dalam berfatwa.

Sementara itu, terdapat juga kaedah berfatwa berasaskan pentarjihan pandangan-pandangan fuqaha melalui ijтиhad jama’i. Ia disentuh oleh Ma’ruf Amin dalam makalah yang bertajuk *Pengurusan Fatwa di Indonesia*³⁰ dan makalah *Behind The Scenes: Fatwas of Majelis Ulama’ Indonesia (1975-1998)* oleh Nadirsyah Hosen,³¹ makalah *Pengurusan Fatwa di Negara Brunei Darussalam* oleh Hj. Japar Bin Hj Mat Dain@Madin,³² makalah *Pengurusan Fatwa di Singapura* oleh Hj. Mohd Murat Bin Md Aris,³³ tesis Hudaeny Deni Ahmad yang bertajuk *Aplikasi Ijtihad Intiqaiy Dan Insyaiy Dalam Kehidupan Modern: Studi Tentang Fatwa Komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia Dalam Penerapan Konsep Ijtihad Intiqaiy Dan*

²⁹ Alexandre Caeiro, “The Shifting Moral Universes of The Islamic Tradition of Ifta’: A diachronic Study of Four Adab al-Fatwa Manuals,” *The Muslim World Journal* 96, (2006), 661-685.

³⁰ Ma’ruf Amin, “Pengurusan Fatwa di Indonesia,” dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al, (Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006), 79-94.

³¹ Nadirsyah Hosen, “Behind The Scenes; Fatwas of Majelis Ulama’ Indonesia (1975-1998),” *Journal of Islamic Studies* 15, no. 2, (2004), 147-179.

³² Hj. Japar Bin Hj Mat Dain @ Maidin, “Pengurusan Fatwa di Negara Brunei Darussalam,” dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al, (Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006), 95-108.

³³ Hj. Mohd Murat Bin Md Aris, “Pengurusan Fatwa di Singapura,” dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al. (Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006), 109-125.

Insyaiy Dalam Tahun 1998-2003,³⁴ Ijtihad Dan Amalannya Dalam Pembinaan Fatwa di Malaysia oleh Abdul Hamid@Yusoff Bin Yunus,³⁵ *Pendekatan Ijtihad Dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu* oleh Mohd Marbawi Bin Taha,³⁶ *Analisis Pendekatan Ijtihad Dalam Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan* oleh Mohd Nor Hashri Bin Junoh.³⁷

Kajian-kajian di atas menjelaskan kaedah berfatwa dalam bentuk ijтиhad jama'i dengan mentarjih pandangan-pandangan yang saling bertentangan untuk dimuatkan sebagai dalil fatwa. Fokus utama kajian hanya menumpukan kepada kaedah pentarjihan dalam penentuan fatwa, tidak melibatkan pendekatan semasa. Tambahan pula, kajian-kajian tersebut tidak memfokuskan kepada fatwa-fatwa semasa hanya mengemukakan sampel-sampel fatwa yang diputuskan melalui ijтиhad jama'i sahaja.

Seterusnya, kaedah berfatwa berasaskan pemakaian *uṣūl al-fiqh* yang tertentu turut disentuh dalam beberapa kajian. Antaranya kajian yang bertajuk *Sadd al-Dhara'i: Pemakaianya Dalam Fatwa Majelis Ulama Indonesia* oleh Faisal Bin Hj Muhammad Ali Nurdin,³⁸ *Pembaharuan Hukum Islam di Indonesia: Analisis terhadap 'illat al-Hukm Dalam Fatwa-Fatwa Majelis Ulama Indonesia Prop(v)insi Jambi* oleh M. Hasbi Umar,³⁹ *Sadd al-Dhara'i Sebagai Sumber Fatwa: Satu Kajian Tentang Pemakaianya Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Selangor* oleh Saipul Anuar bin

³⁴ Hudaeny Deni Ahmad, "Aplikasi Ijtihad Intiqaiy Dan Insyaiy Dalam Kehidupan Modern: Studi Tentang Fatwa Komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia Dalam Penerapan Konsep Ijtihad Intiqaiy Dan Insyaiy Dalam Tahun 1998-2003" (Tesis kedoktoran, Fakultas Pascasarjana, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2005).

³⁵ Abdul Hamid@Yusoff Bin Yunus, "Ijtihad dan Amalannya Dalam Pembinaan Fatwa di Malaysia" (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1992).

³⁶ Mohd Marbawi Bin Taha, "Pendekatan Ijtihad Dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu" (Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).

³⁷ Mohd Nor Hashri Bin Junoh, "Analisis Pendekatan Ijtihad Dalam Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan" (Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003).

³⁸ Faisal Bin Hj Muhammad Ali Nurdin, "Sadd al-Dhara'i : Pemakaianya Dalam Fatwa Majelis Ulama Indonesia" (Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1998).

³⁹ M. Hasbi Umar, "Pembaharuan Hukum Islam di Indonesia : Analisis terhadap 'illat al-Hukm Dalam Fatwa-Fatwa Majelis Ulama Indonesia Prop(v)insi Jambi" (Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003).

Haji Mohd. Yusop,⁴⁰ *Penentuan Hukum Berasaskan Ijmak Oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia* oleh Norizan Masrion,⁴¹ kajian yang bertajuk *Realiti Pengamalan Istihsan di dalam Perundangan Islam dan Fatwa di Malaysia* oleh Mohd Hafiz Bin Jamaludin⁴² dan *Kaedah Pendalilan Berasaskan al-Quran: Kajian Tentang Penggunaannya Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Perak 1994-2010* oleh Zamri Hashim.⁴³ Perbincangan kajian-kajian ini memfokuskan tentang kaedah berfatwa dengan menerimapakai pendekatan tertentu dalam prinsip uṣūl al-fiqh terhadap fatwa-fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa berkenaan. Meskipun begitu, perbincangan tidak tertumpu kepada fatwa-fatwa yang bersifat semasa hanya mengemukakan fatwa-fatwa yang diputuskan menerusi pendekatan tersebut. Tambahan pula, fokus kajian-kajian tersebut tidak tertumpu kepada penyelidikan hukum yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa berkenaan secara keseluruhan hanya memfokuskan kepada satu pemakaian kaedah sahaja.

Dalam pada itu, Mohd Nazri Asiabu dalam kajian yang bertajuk *Penggunaan Maslahah Dalam Fatwa: Kajian Kes Bagi Fatwa-Fatwa Yang Dikeluarkan Oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia*,⁴⁴ Irwan Mohd Subri dalam tesisnya yang bertajuk *al-Fatāwā al-Syarīyyah wa Isykālīyah al-Thabāt wa al-Taghayyur: Dirārah Taṭbīqīyah fī al-Wāqi’ al-Mālīzī*⁴⁵ dan Mohd Akram Dahaman dalam tesisnya *Pengaruh Perubahan Sosial Dalam Penetapan Fatwa di Malaysia dan*

⁴⁰ Saipul Anuar Bin Haji Mohd. Yusop, “Sadd al-Dhara`i Sebagai Sumber Fatwa: Satu Kajian Tentang Pemakaianya Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Selangor” (Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999).

⁴¹ Norizan Masrion, “Penentuan Hukum Berasaskan Ijmak Oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia” (Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005).

⁴² Mohd Hafiz Bin Jamaludin, “Realiti Pengamalan Istihsan di dalam Perundangan Islam dan Fatwa di Malaysia” (Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

⁴³ Zamri Bin Hashim, “Kaedah Pendalilan Berasaskan al-Quran: Kajian Tentang Penggunaannya Dalam fatwa-Fatwa Negeri Perak 1994-2010” (Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011).

⁴⁴ Mohd Nazri Bin Asiabu, “Penggunaan Maslahah Dalam Fatwa: Kajian Kes Bagi Fatwa-Fatwa Yang Dikeluarkan Oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia” (Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

⁴⁵ Irwan Bin Mohd Subri, “al-Fatāwā al-Syarīyyah wa Isykālīyah al-Thabāt wa al-Taghayyur: Dirārah Taṭbīqīyah fī al-Wāqi’ al-Mālīzī” (Tesis kedoktoran, Kuliyyah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2011).

*Singapura: Kajian Terhadap Fatwa-Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)*⁴⁶ membincangkan pengambilkiraan *maṣlahah* dan perubahan semasa dalam penentuan hukum fatwa. Kedua-duanya merupakan aspek penting yang perlu diambilkira khususnya bagi menangani persoalan-persoalan semasa yang berlaku. Ini kerana penentuan hukum perlu melihat kepada kewujudan *maṣlahah* dan perubahan semasa yang berlebar di sekeliling masyarakat. Kajian ini juga secara tidak langsung menyentuh kepentingan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam penentuan fatwa melalui pemakaian sebagai sumber hukum Islam. Meskipun begitu, kedua-kedua kajian di atas tidak menyatakan penggunaan metode-metode lain dalam berfatwa hanya menumpukan kepada pengambilkiraan *maṣlahah* dan perubahan semasa sebagai kaedah penetapan fatwa.

Berlainan pula dengan kajian yang dikemukakan oleh Raihanah Halid menerusi tesisnya yang bertajuk *The Fatawa Issued By The Fatwa Committee of Singapore: An Evaluative Analytical Study*.⁴⁷ Kajian ini membincangkan keperluan untuk mendapatkan pandangan pakar dalam sesuatu bidang sebagai salah satu dari metode berfatwa dengan mengemukakan pengamalannya yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Fatwa Singapura. Selain itu, Zulkiple Abd. Ghani di dalam makalahnya yang bertajuk *Teknologi Maklumat: Hubungannya Dengan Perkembangan Hukum Islam Semasa*⁴⁸ menegaskan kepentingan untuk mengambilkira perkembangan sains dan teknologi sebagai salah satu daripada sumber dalam kaedah berfatwa dalam konteks semasa. Walau bagaimanapun, kajian

⁴⁶ Mohd Akram Bin Dahaman, “Pengaruh Perubahan Sosial Dalam Penetapan Fatwa di Malaysia dan Singapura: Kajian Terhadap Fatwa-Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)” (Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

⁴⁷ Raihanah Halid, “The Fatawa Issued By The Fatwa Committee of Singapore: An Evaluative Analytical Study” (Tesis kedoktoran, Kuliyyah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2008).

⁴⁸ Zulkiple Abd. Ghani, “Teknologi Maklumat: Hubungannya Dengan Perkembangan Hukum Islam Semasa,” dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*, ed. Abd Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999), 148.

ini hanya membincangkan pendekatan baru dalam metode berfatwa melalui satu pendekatan sahaja. Sedangkan pengkaji mengkaji keseluruhan metode fatwa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor supaya dapat menggambarkan permasalahan yang berlaku.

Akhir sekali, kajian mengenai metode berfatwa yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri tetapi tidak mengaitkannya dengan fatwa semasa. Kajian tersebut ialah *Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa: Kajian Dari Tahun 1985–1995* oleh Alias Bin Azhar,⁴⁹ *Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990–2000* oleh Mohd Akram Bin Dahaman@Dahlan⁵⁰ dan *Fatwa Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Dari Tahun 1980 hingga 1997: Satu Analisis* oleh Ahmad Zaharuddin Bin Mohd Alias.⁵¹ Ketiga-tiga kajian tersebut mengkaji dan menganalisis metode berfatwa bagi fatwa-fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri tersebut. Analisis dilakukan secara kritis terhadap fatwa-fatwa yang diputuskan berdasarkan pendekatan dan metode yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa berkenaan dalam mengeluarkan fatwa. Meskipun begitu, kajian ini tidak menentukan jenis fatwa yang dikaji sama ada bersifat semasa atau tidak bahkan dianalisis secara umum.

Kesimpulannya, kajian yang dikemukakan oleh pengkaji ini berbeza dengan kajian terdahulu berdasarkan rumusan berikut;

- i. Kajian-kajian terdahulu hanya memfokuskan terhadap satu bentuk metode fatwa sahaja dengan mengemukakan analisis fatwa berkenaan dengan metode

⁴⁹ Alias Bin Azhar, “Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa: Kajian Dari Tahun 1985-1995” (Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002).

⁵⁰ Mohd Akram Bin Dahaman@Dahlan, “Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000” (Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005).

⁵¹ Ahmad Zaharuddin Bin Mohd Alias, “Fatwa Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Dari Tahun 1980 hingga 1997: Satu Analisis” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

tersebut. Sedangkan kajian ini dibentuk untuk melihat aplikasi keseluruhan metode yang terlibat dalam proses penetapan dan pengeluaran fatwa.

- ii. Kajian-kajian terdahulu tidak menyentuh secara khusus penyelidikan semasa yang digunakan dalam penentuan fatwa. Sedangkan kajian ini secara khususnya akan mengemukakan bentuk-bentuk penyelidikan semasa yang diaplikasi pada masa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor.
- iii. Kajian-kajian terdahulu tidak memfokuskan kajian fatwa terhadap fatwa-fatwa semasa bahkan kajiannya meliputi keseluruhan fatwa. Sedangkan fokus utama kajian ini hanya melibatkan fatwa-fatwa yang bersifat semasa sahaja bertepatan dengan tahun 2000 hingga 2010 yang boleh dilabelkan sebagai zaman teknologi.
- iv. Analisis fatwa yang dilakukan bersifat menganalisis ketepatan fatwa-fatwa yang diputuskan bukan menilai metode fatwa yang digunakan. Tetapi kajian dirangka untuk menilai dan menganalisis metode fatwa yang digunakan dalam mengemukakan fatwa-fatwa semasa.

Ringkasnya berdasarkan penelitian yang dibuat, kajian ini menekankan metode dan penyelidikan semasa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor melalui penganalisaan terhadap fatwa-fatwa dalam isu semasa yang belum ditemui sebarang kajian mengenainya. Sedangkan kajian-kajian sebelum ini hanya terbatas kepada perbincangan yang melibatkan penggunaan metode fatwa secara umum atau kajian menerusi satu metode fatwa sahaja tanpa mengambilkira bentuk penyelidikan semasa yang digunakan dan tidak memfokuskan penganalisaan terhadap persoalan semasa. Tambahan pula, fatwa-fatwa dalam kajian tersebut dianalisis dari aspek kerasionalan jawapan fatwa dengan isu fatwa, sedangkan kajian ini menganalisis fatwa-fatwa semasa berdasarkan metode dan penyelidikan yang diaplikasi bagi mengukur ketepatan fatwa yang diputuskan. Meskipun begitu, kajian-

kajian terdahulu memberi sumbangan menerusi pendekatan dan disiplin tertentu dalam amalan berfatwa yang boleh dijadikan rujukan bagi kajian ini.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini secara keseluruhannya akan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif bagi mengenalpasti metode dan kaedah penyelidikan yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa menerusi fatwa-fatwa semasa dari tahun 2000 hingga 2010 sama ada ianya berlaku mengikut kaedah yang sebenar atau sebaliknya. Oleh itu, bagi merealisasikan objektif kajian ini, pengkaji menggunakan tiga metode utama untuk mendapatkan data dan kaedah analisis, iaitu;

- 1) Metode penentuan subjek
- 2) Metode pengumpulan data
- 3) Metode analisis data

1.8.1 Metode Penentuan Subjek

Dalam metode ini, pengkaji akan memfokuskan kajian berdasarkan tajuk kajian pengkaji sahaja dengan menentukan subjek kajian melalui tiga cara;

Pertama: Sampel kajian, menerusi kaedah ini pengkaji akan menentukan kajian terhadap enam fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor berkaitan dengan persoalan semasa di negeri Johor sahaja dalam tempoh sepuluh tahun bermula dari tahun 2000 hingga 2010.

Kedua: Lokasi kajian, dalam kajian ini pengkaji akan menumpukan sepenuh penyelidikan di bahagian fatwa Jabatan Mufti Johor yang berfungsi sebagai unit yang bertanggungjawab menjalankan kajian-kajian fatwa dan menyediakan hasil kajian untuk perbincangan Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor bagi menetapkan fatwanya.

Ketiga: Objek kajian, fokus utama kajian ini adalah untuk mengkaji dan menganalisis metode berfatwa yang digunakan dan diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dalam memutuskan fatwa yang bersifat semasa dan elemen semasa yang diambilkira semasa proses penyediaan dan pengeluaran fatwa.

1.8.2 Metode Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan tiga metode pengumpulan data untuk mendapatkan maklumat penting bagi menghasilkan kajian dengan tepat dan jelas, iaitu;

1. Metode kepustakaan
2. Metode temubual
3. Metode dokumentasi

1.8.2.1 Metode Kepustakaan

Metode kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan dalam sesuatu kajian bagi mendapatkan maklumat dan bahan yang bersifat teori atau fakta sama ada ia berbentuk cetakan, digital, video mahupun audio. Metode ini sangat perlu dalam sesebuah kajian khususnya bagi memperolehi data dalam bentuk buku, jurnal, tesis, koleksi kertas kerja seminar, artikel dan sebagainya.

Metode ini akan digunakan sepenuhnya oleh pengkaji dalam bab yang kedua bagi menjelaskan secara terperinci teori-teori berkaitan dengan fatwa dan hukumnya, metode asas dalam amalan berfatwa dan ciri-ciri yang perlu ada bagi sesuatu fatwa yang ingin dikeluarkan serta langkah-langkah penyelidikan semasa dalam mengemukakan fatwa. Justeru itu, bagi memenuhi keperluan metode ini, pengkaji akan mengunjungi beberapa buah perpustakaan bagi memperolehi data yang berkenaan, antaranya;

- 1) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- 2) Perpustakaan Jabatan Mufti Johor.
- 3) Perpustakaan Pusat Islam Malaysia.
- 4) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan bahan-bahan yang diperolehi melalui aplikasi internet bagi mendapatkan data-data sampingan berkaitan dengan kajian ini, antara laman sesawang yang dilayari ialah;

- 1) www.e-fatwa.gov.my – Laman sesawang rasmi bagi Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia, JAKIM.
- 2) infad.usim.edu.my – Laman sesawang rasmi Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia.
- 3) www.alifta.net – Laman sesawang rasmi Pengurusan Fatwa dan Penyelidikan Arab Saudi.
- 4) www.dar-alifta.org – Laman sesawang bagi Dār al-Iftā al-Miṣrīyah.
- 5) www.islamweb.net/fatwa – Laman sesawang bagi Markaz al-Fatwā.

1.8.2.2 Metode Temubual

Metode temubual merupakan kaedah penting yang perlu digunakan bagi mendapatkan data secara tepat dan sahih mengenai isu kajian, di samping menyokong dan mengukuhkan fakta-fakta yang dikemukakan dalam kajian ini. Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji akan menemuramah beberapa orang responden yang terdiri daripada individu yang berkaitan dengan kajian ini untuk mendapatkan maklumat yang benar dan jelas mengenai metode berfatwa yang diamalkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor terhadap persoalan-persoalan semasa. Oleh itu, antara responden yang ditemuramah ialah;

- 1) Dato' Hj. M. Tahrir Bin Hj. Samsuddin, Mufti Kerajaan Negeri Johor selaku Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor.
- 2) Dato' Hj. Sha'ri @ Shangari Bin Abdullah al-Hafiz, Timbalan Mufti Negeri Johor merangkап Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor.
- 3) Prof. Selamat Bin Hashim, Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia merangkап Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor.
- 4) Ustaz Suhaimi Bin Rebu, Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Johor merangkап Setiausaha JKF Negeri Johor.
- 5) Ustazah Zanariah Binti Mohamad Don, Pegawai Hal Ehwal Islam Unit Buhuth, Jabatan Mufti Johor.

Oleh yang demikian, metode temubual ini akan digunakan sepenuhnya oleh pengkaji dalam bab yang ketiga khususnya bagi mendapatkan input dan maklumat yang tepat berkaitan dengan fatwa-fatwa semasa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa, metode berfatwa yang digunakan dan amalan penyelidikan yang dijalankan bagi menangani persoalan semasa yang diutarakan.

1.8.2.3 Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi merupakan kaedah kajian yang digunakan bagi mendapatkan data atau maklumat yang bersifat bahan-bahan yang terpelihara bagi sesuatu organisasi atau jabatan seperti surat-surat rasmi, enakmen, prosedur, warta, pekeliling, dokumen rasmi dan sebagainya. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji akan mengunjungi Jabatan Mufti Johor, khususnya bahagian Fatwa untuk memperolehi segala data dan maklumat rasmi yang berkaitan dengan fatwa-fatwa negeri Johor termasuk surat-surat rasmi, pekeliling jabatan, pewartaan fatwa, senarai fatwa, kertas kerja bagi proses pemfatwaan, koleksi fatwa-fatwa yang diputuskan mengikut tahun dan prosedur penyediaan dan pengeluaran fatwa serta dokumen-dokumen rasmi yang

berkaitan. Metode ini akan digunakan dalam bab yang ketiga di mana fakta mengenai kaedah berfatwa yang dipraktikkan oleh Jawatankuasa Fatwa, pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan penyediaan jawapan fatwa akan diperolehi melalui kaedah ini.

1.8.3 Metode Analisis Data

Setelah proses pengumpulan data selesai dilakukan, peringkat seterusnya adalah proses menganalisis data-data yang sedia ada. Oleh itu, bagi merungkai permasalahan yang dikemukakan dalam kajian ini, pengkaji menggunakan tiga metode analisis data yang dilakukan secara krtikal dan kritis, iaitu;

- 1) Metode Deduktif
- 2) Metode Induktif
- 3) Metode Komparatif

1.8.3.1 Metode Deduktif

Metode deduktif merupakan hasil analisis bagi satu kesimpulan dari sesuatu yang umum kepada sesuatu yang khusus. Justeru itu, melalui metode ini pengkaji akan menganalisis teori-teori berkenaan metode dan kaedah berfatwa yang dikemukakan oleh para sarjana silam untuk disimpulkan kepada satu penemuan penting secara khusus iaitu metode fatwa yang perlu dipraktikkan dalam menangani permasalahan semasa di mana dapatan kajian akan dimuatkan dalam bab kedua. Oleh yang demikian, hasil dapatan daripada analisis ini boleh menjelaskan kaedah dan metode yang perlu diaplikasi dalam menjalankan penyelidikan fatwa.

1.8.3.2 Metode Induktif

Metode induktif merupakan lawanan bagi metode deduktif di mana satu kesimpulan dari sesuatu yang umum akan dihasilkan melalui sesuatu yang khusus. Justeru itu, melalui metode ini pengkaji akan menganalisis data-data yang bersifat

khusus yang diperolehi menerusi kaedah temubual dan bahan-bahan dokumentasi mengenai metode fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor untuk disimpulkan kepada satu rumusan yang umum berkenaan metode dan kaedah berfatwa yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa dalam menyelesaikan persoalan semasa melalui penyelidikan yang dijalankan. Dapatan yang diperolehi akan dimuatkan dalam bab yang ketiga selari dengan pencapaian objektif kajian yang kedua. Oleh yang demikian, hasil dapatan daripada analisis ini boleh menjelaskan kaedah dan metode yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa tersebut dalam menyelesaikan isu-isu semasa yang berlaku melalui pemilihan enam fatwa semasa.

1.8.3.3 Metode Komparatif

Metode komparatif merupakan metode analisis perbandingan terhadap data-data yang diperolehi supaya dapat menghasilkan satu kesimpulan yang jelas. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji akan melakukan analisis perbandingan antara kaedah berfatwa yang perlu dipraktikkan dalam penyelidikan fatwa semasa dengan kaedah berfatwa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor secara khusus menerusi penganalisaan terhadap fatwa-fatwa semasa yang diputuskannya secara kritikal. Hasil analisis ini akan dimuatkan di dalam bab yang keempat. Hasil kajian akan memperlihatkan penemuan yang jelas mengenai kaedah berfatwa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa sama ada ianya menepati kaedah berfatwa yang sebenar atau sebaliknya.

1.9 SISTEMATIKA KAJIAN

Perbincangan dalam kajian ini akan disusun kepada lima bab. Bab pertama akan membincangkan pendahuluan kajian sebagai rangka penyelidikan ini. Seterusnya, dalam bab yang kedua pula akan dibincangkan berkenaan konsep kefatwaan yang

merangkumi definisi fatwa, mufti dan realiti semasa. Turut dibincangkan juga langkah-langkah utama dalam proses penyediaan fatwa dan metode asas dalam melakukan penyelidikan fatwa semasa.

Dalam bab yang ketiga, perbincangan memfokuskan terhadap metode fatwa yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dalam menyelesaikan persoalan semasa berdasarkan fatwa-fatwa yang diputuskan bermula dari tahun 2000 hingga 2010. Seterusnya, hasil dapatan dari kajian ini akan dimuatkan dalam bab yang keempat di mana analisis secara kritikal akan dilakukan terhadap enam sampel fatwa-fatwa semasa yang dipilih mengikut bidang fatwa. Akhir sekali bab yang kelima akan mengemukakan rumusan dan cadangan yang rasional untuk memberi penambahbaikan terhadap metode fatwa yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa.

BAB KEDUA

METODE ASAS DALAM

PENYELIDIKAN FATWA

SEMASA

BAB KEDUA

METODE ASAS DALAM PENYELIDIKAN FATWA SEMASA

2.0 PENDAHULUAN

Fatwa merupakan satu bentuk jawapan hukum yang fleksibel berdasarkan perubahan masa, tempat dan keadaan. Penentuan jawapan hukum ini semestinya bersandarkan kepada kaedah pengeluaran hukum yang sistematik. Begitu juga, input penyelidikan semasa turut berperanan sebagai pelengkap kepada jawapan fatwa yang diberikan. Justeru itu, satu garis panduan dalam metode berfatwa atau mengeluarkan hukum harus dipatuhi oleh setiap mufti yang ingin memfatwakan sesuatu hukum supaya jawapan yang diberikan benar-benar menepati kehendak syarak. Oleh itu, bab ini akan membincangkan teori mengenai konsep kefatwaan, metode asas berfatwa dan keperluan penyelidikan dalam amalan berfatwa.

2.1 KONSEP FATWA, MUFTI DAN REALITI SEMASA

2.1.1 Definisi Fatwa

Fatwa berasal dari perkataan *al-fatā* yang bermaksud pemuda yang kuat yakni seolah-olah kuat dan cerdas dalam menjelaskan sebarang kerumitan dari pelbagai masalah yang berlaku⁵².

Ibn al-Manzūr di dalam kitabnya *Lisān al-‘Arab* mendefinisikan fatwa dengan maksud penjelasan atau keterangan sebagaimana yang disebut أفتاء في الأمر yakni menjelaskan sesuatu kepada seseorang.⁵³ Seterusnya, beliau mengemukakan

⁵² Jamāl al-Dīn Muḥammad Bin Mukram Ibn al-Manzūr, *Lisān al-‘Arab* (Beirut: Dār Ṣādir, 1990), 15:148.

⁵³ *Ibid.*

istilah fatwa kepada tiga sebutan iaitu *al-futyā*, *al-fatwā* dan *al-futwā*⁵⁴ di mana ketiga-tiga sebutan ini merujuk kepada makna sesuatu yang difatwakan atau dijelaskan oleh seorang yang *faqīh*.⁵⁵

Justeru itu, makna fatwa pada bahasa boleh diertikan sebagai penjelasan, keterangan atau pengkhabaran. Namun begitu, fatwa pada bahasa tidak boleh diertikan dengan makna pengkhabaran atau penjelasan semata-mata tetapi fatwa perlu difahami sebagai suatu petunjuk atau pertolongan kepada pihak yang bertanya bagi memberi penjelasan tentang kebenaran yang harus diikuti supaya dapat merungkaikan kemusykilan yang telah atau akan berlaku.⁵⁶

Dari segi istilah pula, takrifan fatwa yang dikemukakan oleh para sarjana silam dan kontemporari dapat dirumuskan dengan maksud “Pengkhabaran tentang hukum-hukum syarak yang dikemukakan oleh seorang mufti bagi menjawab isu-isu yang berlaku sama ada dalam bentuk respon hukum kepada soalan yang ditanya atau semata-mata penjelasan bagi sesuatu hukum di mana ia boleh bersifat sebagai sesuatu yang mengikat atau sekadar pemberitahuan sahaja”.⁵⁷

Walaupun begitu, terdapat sedikit penambahan maksud fatwa yang diberikan oleh para sarjana semasa antaranya menurut al-Asyqar, fatwa merupakan respon hukum yang berfungsi sebagai jawapan kepada mereka yang bertanya tentangnya

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ ‘Alī Bin ‘Abbās al-Ḥakamī, *Uṣūl al-Fatwā wa Taṭbīq al-Āḥkam al-Syar’īyyah fī Bilād Ghayr al-Muṣlimīn* (Beirut: Muassasah al-Rayyān, 1999), 5.

⁵⁷ Abī al-‘Abbās Aḥmad Bin Idrīs al-Qarāfī, *al-Furūq anwār al-Burūq fī anwa’ al-Furū* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1998), 4:112. Lihat juga, al-Qāsimī, *al-Fatwā fī al-Islām*, 46. al-Asfahānī, Abū al-Qāsim al-Husayn Bin Muḥammad, *al-Mufrādāt fī Gharīb al-Quran* (Beirut: Dar al-Qalam, 1412H), 625. al-Shāṭibī, *Fatāwā al-Imām al-Shāṭibī* (cet. ke-2, Tunis: t.p, 1985), 68. al-Ḥarrānī, *Ṣifah al-Fatwā*, 4. Abī ‘Abd Allah Muḥammad al-Kharṣī, *Syarḥ Mukhtaṣar Khalīl* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t), 3:10. Qāsim Bin ‘Abd Allah Bin Amīr al-Qūnuwī, *Anīs al-Fuqahā fī Ta’rīfāt al-Alfāz al-Mutadāwilah Bayna al-Fuqahā* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 2004), 117. ‘Alī Bin Muḥammad al-Jurjānī, *al-Ta’rīfāt* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1983), 32. al-Qaraḍāwī, *al-Fatwā Bayn al-Indībāt wa al-Tasayyub*, 11. al-Ḥakamī, *Uṣūl al-Fatwā*, 5. Maḥmūd Syaltūt, *al-Fatāwa* (Kaherah: Dār al-Syūruq, 2001), 7. Muḥammad Abū Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1997), 349. Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (cet ke-10, Damsyiq: Dār al-Fikr, 2007), 1:35. Nādiah Syarīf al-‘Amrī, *al-Ijtihād fī al-Islām* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2004), 44.

berasaskan realiti yang berlaku tetapi tidak bersifat mengikat.⁵⁸ al-Mallāḥ juga menambah bahawa, fatwa merupakan jawapan hukum bagi pelbagai situasi yang berlaku sama ada situasi yang sedia ada atau situasi baru.⁵⁹

Kesimpulannya, fatwa boleh dirumuskan kepada empat maksud berikut:

- 1) Respon atau jawapan hukum kepada pertanyaan yang diajukan.
- 2) Penjelasan atau keterangan mengenai hukum syarak secara mutlak tanpa sebarang bentuk pertanyaan.
- 3) Tidak bersifat sebagai hukum yang mengikat.
- 4) Berfungsi sebagai penerangan hukum apabila wujudnya sesuatu peristiwa sahaja.

2.1.2 Definisi Mufti

Para sarjana silam mendefinisikan mufti sebagai mujtahid atau ahli ijtihad⁶⁰ kerana mufti adalah orang yang mahir dalam ilmu-ilmu *naqlīyah* dan *aqlīyah* sehingga mampu mewujudkan sesuatu hukum yang dapat menjadi petunjuk kepada orang ramai.⁶¹

Terdapat juga ulama yang mendefinisikan mufti sebagai seorang yang *faqīh* dalam hukum-hukum Allah SWT.⁶² Manakala, al-Shāṭibī pula melabelkan mufti sebagai seorang yang menempati kedudukan Rasulullah SAW⁶³ di mana mufti adalah seorang mujtahid yang berpegang kepada dalil-dalil syarak dari al-Quran, al-Sunnah dan sebagainya untuk mengistinbāṭkan hukum syarak yang dipertanggungjawabkan

⁵⁸ Usāmah ‘Umar Sulaymān al-Asyqar, *Manhaj al-Iftā ‘inda al-Imām Ibn Qayyīm al-Jawzīyah* (Jordan: Dār al-Nafaes, 2004), 62.

⁵⁹ al-Mallāḥ, *al-Fatwā*, 398.

⁶⁰ al-Amidi, *al-Āḥkām fī Uṣūl al-Āḥkām*, 270. al-Rāzī, *al-Mahsul*, 69. al-Syawkānī, *Irsyād al-Fuḍūl*, 1082. Manṣūr Bin Aḥmad Bin ‘Abd al-Jabbār al-Sam’ānī, *Qawāṭī’ al-Adillah fī Uṣūl al-Fiqh* (Riyāḍ: Maktabah al-Taubah, 1998), 5:133.

⁶¹ *Ibid.*

⁶² al-Zarkashī, *Baḥr al-Muḥīṭ*, 305.

⁶³ al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 5:253.

kepadanya.⁶⁴ Secara umum, ulama-ulama silam mentakrifkan mufti sebagai seorang yang berkelayakan untuk melakukan ijтиhad dan dilabelkan sebagai mujtahid yang mempunyai *mamlakah* dalam pelbagai bidang ilmu.

Selain itu, terdapat juga takrifan mufti yang lebih detil telah dikemukakan oleh pelbagai ulama, antaranya Ibn Ḥamdān menyebut bahawa mufti adalah orang yang menghabarkan tentang hukum Allah SWT bertujuan bagi mengetahui dalil hukum tersebut.⁶⁵ Sementara itu, al-Barakatī memperincikan mufti sebagai seorang yang *faqīh* dalam menjawab segala persoalan baru dan semasa serta mempunyai kemampuan dan keupayaan dalam ilmu *istinbāt*⁶⁶ menerusi kaedah ijтиhad yang diperakui.⁶⁷ Ibn al-Sam'ānī juga melabelkan mufti sebagai seorang dari kalangan ulama yang memenuhi tiga syarat utama iaitu ahli ijтиhad, bersifat adil, dan berhati-hati dari memfatwakan sesuatu yang terlalu meringankan dan memudahkan.⁶⁸ al-Qaraḍāwī juga menambah bahawa, mufti haruslah dari kalangan mereka yang memahami realiti kehidupan manusia secara mendalam.⁶⁹ Menurut takrifan semasa yang dikemukakan oleh Mahmood Zuhdi Abd Majid, mufti ialah mereka yang terdiri dari kalangan ahli akademik yang berwibawa dan mampu melakukan penyelidikan secara ilmiah.⁷⁰

Kesimpulannya mufti ialah seorang yang mempunyai keilmuan yang tinggi dan keupayaan untuk melakukan ijтиhad berdasarkan kaedah-kaedah syarak sehingga mampu untuk mengeluarkan fatwa yang jelas dan rasional. Malahan mufti pada masa kini terdiri dari kalangan mereka yang mampu untuk melakukan kajian dan

⁶⁴ al-Shāṭibī, *Fatāwā al-Imām al-Syāṭibī*, 70.

⁶⁵ al-Ḥarrānī, *Ṣifah al-Fatwā*, 4.

⁶⁶ Muhammad 'Amīn al-Iḥsān al-Majdadī al-Barakatī, *Qawā'id al-Fiqh* (Karachi: al-Ṣadaf Publisher, 1986), 498. Wahbah al-Zuḥaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Damsyiq: Dār al-Fikr, 2006), 2:434.

⁶⁷ al-Mallāh, *al-Fatwā*, 57.

⁶⁸ al-Sam'ānī, *Qawāṭ' al-Adillah fī Uṣūl al-Fiqh*, 133.

⁶⁹ al-Qaraḍāwī, *al-Fatwā Bayn al-Indībāt wa al-Tasayyub*, 31.

⁷⁰ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Transformasi Fikah Semasa* (Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2010), 168.

penyelidikan hukum Islam dengan mengambilkira situasi semasa yang berlaku pada hari ini.

Justeru itu, mufti pada masa kini bukan sahaja perlu memiliki kemampuan dalam berijtihad bahkan mereka juga perlu menyiapkan diri dengan pengetahuan dan input semasa agar dapat membantunya dalam memahami dan mengeluarkan fatwa yang dapat menyelesaikan masalah. Memahami realiti dan *wāqi'* amat diperlukan dalam pengeluaran hukum Islam semasa pada hari ini. Mufti dan institusi fatwa pada hari ini berperanan penting sebagai pusat rujukan dan penyelidikan hukum kepada masyarakat yang memerlukan jawapan bagi setiap permasalahan semasa yang berlaku. Oleh itu, metode berfatwa secara sistematik dan tepat menjadi keperluan dalam institusi fatwa dan mufti pada masa kini ditambah pula dengan penyelidikan semasa.

2.1.3 Definisi Realiti Semasa

Realiti semasa cukup sinonim dengan perubahan zaman dan masa yang berlaku. Pembaharuan dalam aspek kehidupan manusia juga mempengaruhi kewujudan realiti semasa sama ada dari segi budaya, persekitaran, lokaliti, adat dan sebagainya. Jika diimbas kembali, para sarjana silam telah lama mengambilkira realiti semasa ini dalam fatwa-fatwa mereka. Contohnya perbezaan *qawl qadīm* dan *qawl jadīd* dalam aliran mazhab al-Shāfi'i⁷¹, pengambilkiraan amal ahli madinah bagi penentuan hukum dalam mazhab al-Malikī⁷², dan aplikasi *istihsān* dalam mazhab al-Hanafī⁷³.

Aḥmad Bū'ūd mendefiniskan realiti semasa dengan maksud setiap keadaan yang merangkumi aspek kehidupan manusia dalam pelbagai bidang dan cabang

⁷¹ Abdul Karim Bin Ali, "Faktor-Faktor Semasa dan Setempat di Malaysia Yang Boleh Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak Dalam Menentukan Hukum," dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Hj Ismail dan Ridzwan Ahmad (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000), 61.

⁷² *Ibid.* 60.

⁷³ Muhammad Abū Zahrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmīyah* (Beirut: Dār al-Fikr al-'Arabī, t.t), 378.

berdasarkan suasana, realiti, objektif dan perkembangannya.⁷⁴ ‘Abd al-Majīd al-Najār pula menjelaskan bahawa, realiti semasa ditakrifkan sebagai setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan manusia dengan pelbagai cabang yang berbeza di mana ia menentukan corak kehidupan mereka sehingga membentuk adat, ikutan dan ‘urf yang tersendiri dan akhirnya melahirkan pelbagai situasi semasa dan perkara-perkara baru.⁷⁵

Realiti semasa yang berlaku dipengaruhi oleh pelbagai elemen yang berlaku dalam kehidupan manusia terutama adat setempat, ‘urf yang menjadi amalan warisan sejak turun temurun dan keperluan masa kini yang mendesak perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan manusia. Ditambah dengan kewujudan teknologi moden dalam pelbagai bidang harian masyarakat,⁷⁶ pembaharuan semasa dalam bidang ekonomi,⁷⁷ perubatan⁷⁸ dan perubahan sosial, maka sudah semestinya ia melahirkan pelbagai isu semasa yang memungkinkan perubahan hukum berlaku. Selain itu, realiti semasa juga amat berhubung rapat dengan budaya yang menjadi amalan dalam sesebuah masyarakat kerana ia menggambarkan corak hidup mereka, adat resam, tradisi, kepercayaan dan nilai setempat.⁷⁹

Kesimpulannya realiti semasa diuraikan sebagai perubahan yang berlaku dalam masyarakat yang merangkumi pelbagai aspek dalam bidang kehidupan manusia berasaskan kepada keperluan semasa, lokaliti, setempat, adat dan ‘urf. Ia juga turut menjadi faktor perubahan dalam kalangan masyarakat disebabkan oleh kepelbagaian pembaharuan dalam sistem kehidupan manusia sama ada dari segi sosial, politik atau ekonomi.

⁷⁴ Ahmad Bū’ud, *Fiqh al-Wāqi’ Usūl wa Ḏawābiṭ* (Kaherah: Dār al-Salām, 2006), 40.

⁷⁵ ‘Abd al-Majīd al-Najār, *Fī Fiqh al-Tadyin Fahman Wa Tanzīlan, Kitāb al-Ummah* (t.tp: Dār Akhbār al-Yaum, 1989), 111.

⁷⁶ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Transformasi Fikah Semasa*, 21.

⁷⁷ Basri Bin Ibrahim, *Metode Fatwa al-Qardawi Dalam Menangani Isu-Isu Semasa* (Batu Caves: al Hidayah Publisher, 2011), 192.

⁷⁸ Harmy Mohd Yusoff et.al., *Fikah Perubatan* (Batu Caves: PTS Millennnia Sdn. Bhd., 2011), 39.

⁷⁹ Mahmood Zuhdi Abd Majid, “Pengaruh Timbal Balik Antara Hukum Dan Budaya Dalam Syariat Islam,” dalam *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*, ed. Md. Saleh Hj Ahmad, et.al. (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 13.

2.2 METODE ASAS DALAM PENYELIDIKAN FATWA

Dalam proses pemfatwaan, seorang mufti wajar mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai asas penyelidikan dalam amalan berfatwa agar fatwa yang diputuskan tidak menyimpang atau menyeleweng dari syariat Islam⁸⁰ bahkan bertepatan dengan objektif pensyariatan yang diturunkan oleh Allah SWT. Antara metode asas yang perlu diaplikasi dalam penyelidikan fatwa ialah;

2.2.1 Aplikasi ilmu *uṣūl al-fiqh*

Aplikasi ilmu *uṣūl al-fiqh* merupakan intipati utama dalam metode berfatwa yang menjadi syarat penting bagi kelayakan seorang mufti. Ini kerana, keautoritian dan kewajaran sesuatu fatwa bergantung kepada kaedah pendalilan yang digunakan berdasarkan ilmu *uṣūl al-fiqh*. Sikap bertaqlid dan jumud kepada fatwa-fatwa klasik yang dimuatkan di dalam kitab-kitab *turāth*⁸¹ secara mutlak tanpa melihat kepada kaedah pendalilan dalam *uṣūl al-fiqh*⁸² akan melahirkan fatwa yang tidak rasional bahkan menyimpang dari landasan syariat.

al-Khaṭīb al-Baghdadī menegaskan bahawa seorang mufti wajib mempunyai kepakaran yang mendalam tentang kaedah pendalilan berdasarkan nas al-Quran dan al-Sunnah serta cara mengistinbātkan hukum melalui *ijmā'* dan *qiyās* sehingga mereka mampu menyelesaikan hukum-hukum semasa yang berlaku dan menyediakan jawapan hukum yang tepat.⁸³ Para sarjana silam meletakkan kepakaran

⁸⁰ Zulkifli Bin Mohammad al Bakri, *Fatwa Dan Mufti: Hukum, Etika dan Sejarah* (Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2008), 45. Lihat juga, Hasnan Kasan, *Institusi Fatwa di Malaysia* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008), 53.

⁸¹ al-Qaraḍāwī, *al-Fatwā Bayna al-İndibāt wa al-Tasayyub*, 90.

⁸² al-Šādiq ‘Abd al-Rahmān al-Ghārīyānī, “Naẓarīyah al-Ijtihād wa ‘Alāqatuhā bi al-Fatwā”, dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al, (Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006), 306.

⁸³ Abū Bakr Aḥmad Bin ‘Alī al-Khaṭīb al-Baghdadī, *al-Faqīh wa al-Muttafaqīh* (cet. ke-2, Arab Saudi: Dār Ibn al-Jūzī, 1412H), 2:330.

dalam bidang *uṣūl al-fiqh* sebagai kelayakan utama bagi seorang mufti⁸⁴ yang juga digelar sebagai mujtahid⁸⁵ apabila ingin mengeluarkan fatwa bahkan ia menjadi syarat utama dalam penentuan sesuatu hukum.

Namun, realiti yang berlaku pada masa kini memerlukan kepada adunan secara bersepadu antara ilmu *uṣūl al-fiqh* dengan penyelidikan ilmiah secara moden.⁸⁶ Rahimin Affandi Bin Abdul Rahim dalam satu artikelnya mengutarakan bahawa para ulama pada zaman moden kini perlu menggabungkan penyelidikan ilmiah semasa antara ilmu *uṣūl al-fiqh* dengan kaedah penyelidikan moden secara bersepadu.⁸⁷ Sandaran kepada *uṣūl al-fiqh* semata-mata dengan menggunakan kaedah-kaedah klasik sekali-kali tidak dapat menyelesaikan permasalahan ummah yang berlaku pada zaman moden ini.⁸⁸ Oleh itu pendekatan terbaru dalam kaedah penyelidikan hukum Islam semasa perlu diwujudkan melalui gabungan bersepadu antara manhaj *uṣūlī* dengan manhaj *hadīthah*. Disiplin ilmu *uṣūl al-fiqh* telah menyediakan kaedah penentuan hukum secara tepat dengan memperkenalkan pelbagai teori yang mampu melahirkan hukum secara rasional dan menepati kehendak syariat.⁸⁹ Justeru itu, gabungan penyelidikan moden dalam penentuan hukum Islam semasa menjadi suatu keperluan pada masa kini bahkan para mufti perlu melibatkan diri dalam penyelidikan semasa ini.⁹⁰

⁸⁴ al-Amidī, *al-Aḥkām*, 198. al-Syawkānī, *Irshād al-Fuhūl*, 1032. Muḥammad al-Amīn Bin Muḥammad al-Mukhtār al-Syinqīṭī, *Muzakkirah fī Uṣūl al-Fiqh* (cet. ke-5, t.p: Maktabah al-’Ulūm wa al-Ḥikam, 2001), 370. Lihat juga, al-Ḥakamī, *Uṣūl al-Fatwā*, 27.

⁸⁵ *Ibid.*

⁸⁶ Rahimin Affandi Bin Abdul Rahim, *Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini*, 15.

⁸⁷ Rahimin Affandi Bin Abdul Rahim, “Kebudayaan Melayu Dan Islam Di Nusantara: Suatu Analisis Pengkaedahan”, dalam *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*, ed. Md. Saleh Hj Ahmad, et.al. (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006), 44.

⁸⁸ Mahmud Saedon Awang Othman, “*Etika, Mufti: Tugas Dan Peranan Dalam Menghadapi Alaf Baru*” (makalah, Seminar Serantau: Mufti Dan Fatwa, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 23-24 September 1997)

⁸⁹ Louay M. Safi, *The Foundation of Knowledge: A Comparative Study in Islamic and Western Methods of Inquiry* (Petaling Jaya: International Islamic University Malaysia Press, 1996), 33.

⁹⁰ Zulkifli Bin Mohammad al-Bakri, “*Syarat-Syarat Ijtihad Dalam Fiqh Semasa Mengikut Perkembangan Teknologi*” (makalah, Seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia INFAD, 5-6 Disember 2006).

Teori penentuan hukum seperti kaedah mengenalpasti ‘illah bagi sesuatu isu yang tidak pernah berlaku⁹¹ melalui teori *tanqīh al-manāt*,⁹² *tahqīq al-manāt*,⁹³ dan *takhrīj al-manāt*⁹⁴ dianggap sebagai teori terbaik dalam menentukan sesuatu hukum semasa yang tidak mempunyai sandaran nas. Melalui analogi yang dilakukan berasaskan kaedah *uṣūl al-fiqh* dengan melihat persamaan ‘illah yang wujud di antara hukum baru yang tidak mempunyai sandaran nas dengan hukum terdahulu yang dinaskan⁹⁵, ditambah pula dengan penemuan-penemuan moden⁹⁶ yang bersifat membantu, maka ia akan melahirkan sebuah natijah hukum yang amat relevan dan bertepatan dengan objektif syarak.

Sebagai contoh, fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor berkenaan hukum peraduan kuiz melalui SMS dan talian 600. Jawatankuasa Fatwa memutuskan bahawa hukum peraduan tersebut adalah haram kerana kedudukannya sama seperti judi yang jelas keharamannya. Jawatankuasa Fatwa telah mengaplikasi metode qiyās dalam menentukan pengharaman kuiz tersebut dengan melakukan analogi antara bentuk judi yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW dengan peraduan kuiz yang direka pada masa kini melalui persamaan ‘illah yang terdapat padanya menerusi teori *tahqīq al-manāt*.⁹⁷ Ternyata kedua-duanya mempunyai persamaan ‘illah iaitu mengandungi unsur-unsur penipuan dan *gharar* yang amat jelas sekali serta ketidakpastian wang yang dilaburkan.⁹⁸ Namun begitu, peraduan kuiz melalui SMS dan talian 600 merupakan kaedah perjudian dalam bentuk alam maya yang tidak diketahui bagaimana ia diproses melainkan perlu mendapat penjelasan menerusi

⁹¹ Mat Saad Bin Abdul Rahman, “*Istinbat: Asas Dan Metodologi*” (makalah, Seminar Serantau: Mufti Dan Fatwa, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 23-24 September 1997)

⁹² al-Sywakkānī, *Irshād al-Fuhūl*, 918. Lihat juga, Rahimin Affandi Bin Abdul Rahim, *Kebudayaan Melayu Dan Islam*, 44.

⁹³ *Ibid.*, 920. Lihat juga, al-Zarkashī, *Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh*, 5:256.

⁹⁴ al-Zarkashī, *Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh*, 5:257.

⁹⁵ *Ibid.*, h. 7. Lihat juga, al-Syinqīṭī, *Muzakkirah fī Uṣūl al-Fiqh*, 291. Tāj al-Dīn ’Abd al-Wahhāb al-Subkī, *Jawāmi’ fī Uṣūl al-Fiqh* (cet. ke-2, Beirut: Dār al-Kutub al-’Ilmīyah, 2003), 80.

⁹⁶ Rahimin Affandi Bin Abdul Rahim, *Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini*, 9.

⁹⁷ *Ibid.*

⁹⁸ *Ibid.*

penyelidikan semasa oleh mereka yang mahir dalam bidang telekomunikasi bertujuan bagi memastikan kewujudan bentuk judi di dalam peraduan tersebut. Hasilnya, bentuk peraduan kuiz tersebut mempunyai persamaan ‘*illah* yang dikehendaki. Maka, hukumnya juga adalah haram kerana berbentuk perjudian. Jelaslah bahawa penggunaan kaedah pencarian ‘*illah* terutama bagi isu-isu terkini yang melibatkan teknologi baru⁹⁹ perlu mengambilkira keputusan penyelidikan moden agar penentuan ‘*illah* bagi kes-kes baru dapat ditentukan secara pasti dan menepati persamaan bagi kes-kes yang dinaskan.

Oleh itu, aplikasi ilmu *uṣūl al-fiqh* pada masa kini bukan sahaja perlu digunakan secara klasik bahkan menjadi satu keperluan menerimapakai penyelidikan moden sebagai sandaran penting bagi menghasilkan hukum-hukum Islam yang dapat menjawab setiap persoalan semasa. Gabungan secara bersepada antara kaedah *uṣūl al-fiqh* dengan penyelidikan moden dilihat sebagai metode terbaik yang perlu digunakan bagi menjawab segala permasalahan semasa yang menjadi cabaran buat umat Islam masa kini.

2.2.2 Keutamaan sumber dalam proses *istidlāl* dan *istinbāt*

Sebelum lahirnya keputusan fatwa, pencarian sumber untuk mengenal pasti hukum yang harus diputuskan adalah suatu kemestian dalam amalan berfatwa. Rujukan kepada sumber yang berautoriti menjadi syarat utama bagi seorang mufti sebelum keputusan fatwa itu diputuskan. Justeru, bagi mengenal pasti ketepatan sesuatu hukum itu, ia perlu didasari oleh proses *istidlāl* dan *istinbāt* yang tersusun mengikut keutamaan sumbernya.¹⁰⁰ Mat Saad Abd Rahman mengutarakan bahawa para ilmuwan Islam yang terlibat dalam proses *istinbāt* hukum-hukum Islam semasa pada masa kini perlu mempunyai kefahaman yang mendalam mengenai setiap sumber

⁹⁹ Zulkiple Bin Abd Ghani, “Teknologi Maklumat, 148.

¹⁰⁰ al-Baghdādī, *al-'Uddah fī Uṣūl al-Fiqh*, 1595.

pendalilan, bahkan yang lebih utama mengaplikasi setiap sumber pendalilan tersebut mengikut keutamaan dengan mendahulukan rujukan kepada al-Quran, kemudian al-Sunnah dan seterusnya sumber-sumber utama dalam perundangan Islam¹⁰¹.

Dalam usaha melakukan proses pendalilan bagi memutuskan hukum terhadap sesuatu isu. Para mufti atau pegawai yang berkaitan wajar sekali mengaplikasi kaedah *istidlāl* dan *istinbāt* yang tersusun dan menepati kaedah penentuan sesuatu hukum.¹⁰² Pertama, jika berlaku sesuatu persoalan sama ada persoalan biasa atau semasa, hendaklah ia dirujuk kepada al-Quran terlebih dahulu¹⁰³ dengan melihat tafsir-tafsir ayat yang banyak dibincangkan oleh para *al-mufassir*. Termasuk juga kaedah penafsiran melalui lafaz-lafaz nas yang merangkumi lafaz ‘ām, khās, muṭlaq, *muqayyad*, *nasakh* dan *mansūkh*, *mujmal*, *mufassar*, *majāzī*, *haqīqī* dan sebagainya.¹⁰⁴ Kedua, rujukan kepada hadis melalui syarah-syarahnya bermula dengan hadis *al-mutawāṭīr* hingga hadis *al-ahād*¹⁰⁵ termasuk juga kaedah penafsiran nas.¹⁰⁶ Ketiga, merujuk kepada pandangan-pandangan yang *aṣaḥ* dalam empat mazhab¹⁰⁷ yang utama menerusi kitab-kitab mereka yang muktabar serta hukum-hukum yang telah disepakati melalui *ijmā'* para ulama termasuk juga melihat kepelbagaiannya pandangan yang dikemukakan oleh para sahabat, tabi'in serta para fuqaha lain.¹⁰⁸ Dalam situasi ini, para mufti perlu bijak dan mahir mentarjih setiap pandangan yang saling berkontradiksi berdasarkan *maṣlahah* dan keperluan semasa

¹⁰¹ Mat Saad Bin Abdul Rahman, *Istinbat: Asas Dan Metodologi*.

¹⁰² *Ibid.*

¹⁰³ Abū Ḥāmid Bin Muḥammad al-Ghazālī, *al-Mankhūl min Ta'liqāt al-Uṣūl* (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, 1998), 575. al-Ḥaramayn Abī al-Ma'āli 'Abd al-Malik Bin 'Abd Allah al-Jūwaynī, *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh* (Kaherah: Dār al-Anṣār, 1400H), 2:1337. al-Zarkashī, *Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh*, 6:229.

¹⁰⁴ al-Khaṭīb al-Baghdadī, *al-Faqīh wa al-Muttafaqīh*, 2:330. Lihat juga, al-Baghdadī, *al-'Uddah fī Uṣūl al-Fiqh*, 1594. Lihat juga, Muhammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Juristic Prudence* (Petaling Jaya: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd. 1999), 379.

¹⁰⁵ al-Ghazālī, *al-Mankhūl min Ta'liqāt al-Uṣūl*, 575. al-Jūwaynī, *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*, 2:1338.

¹⁰⁶ *Ibid.* Lihat juga Mat Saad Bin Abdul Rahman, *Istinbat: Asas Dan Metodologi*. Lihat juga, Muhammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Juristic Prudence*, 379.

¹⁰⁷ al-Ghazālī, *al-Mankhūl min Ta'liqāt al-Uṣūl*, 575. al-Jūwaynī, *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*, 2:1338. al-Zarkashī, *Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh*, 6:229.

¹⁰⁸ *Ibid.*

yang berlaku.¹⁰⁹ Keempat, jika persoalan tersebut belum pernah dibincangkan oleh ulama-ulama silam, para mufti perlu berijtihad dengan mengaplikasi ilmu *uṣūl al-fiqh* menerusi kaedah *qiyās*,¹¹⁰ *istīḥsān*, *'urf*, *mashālih* *mursalah* dan sumber-sumber lain yang diperakui serta menggunakan kaedah-kaedah fiqh bagi mengenalpasti hukum yang rasional untuk menyelesaikan isu tersebut.¹¹¹

Namun realiti yang berlaku, proses penyediaan fatwa itu tidak mengikut kaedah *istidlāl* dan *istinbāt* yang digariskan oleh para fuqaha khususnya bagi amalan berfatwa di negeri Johor di mana sikap bertaqlid¹¹² kepada *qawl* mazhab al-Shāfi'i¹¹³ menjadi intipati dalam proses penyediaan fatwa¹¹⁴ sekalipun wujud ruang ijтиhad dan melaksanakan penyelidikan semasa yang lebih kemas sebagaimana yang diperuntukkan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri.¹¹⁵ Realitinya, proses *istidlāl* dan *istinbāt* tidak mengikut keutamaan sumber dalam proses penyediaan fatwa. Rujukan dilakukan secara nukilan terhadap nas-nas al-Quran dan al-Sunnah tanpa melihat tafsiran, syarah atau mengaplikasi kaedah penfasiran nasnya. Bahkan rujukan dipetik secara terus dari pandangan *al-Shāfi'iyyah* yang sedia ada¹¹⁶ tanpa menilai kepelbagaian pandangan dari fuqaha lain yang kadangkala dilihat lebih berasas dan menepati situasi semasa.

Othman Hj Ishak melihat bahawa seorang mufti perlu mengetahui keutamaan dan keautoritian sumber-sumber perundangan Islam agar fatwa yang diputuskan

¹⁰⁹ Mat Saad Bin Abdul Rahman, *Istinbat: Asas Dan Metodologi*. Lihat juga, Muhammad Sayyid Tantawi, *Konsep Ijtihad Dalam Hukum Syarak*, terj. Safri Mahayedin (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan negara Malaysia Berhad, 2008), 121.

¹¹⁰ al-Ghazālī, *al-Mankhūl min Ta'liqāt al-Uṣūl*, 575. al-Jūwaynī, *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*, 2:1338. al-Zarkashī, *Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh*, 6:229.

¹¹¹ Muhammad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Juristic Prudence*, 379-380.

¹¹² Rahimin Affandi, "Ijtihad Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia, 195-222.

¹¹³ *Ibid.*

¹¹⁴ Zanariah Bt Mohd Don (Pegawai Hal Ehwal Islam S41 merangkap unit buhuth, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Johor) dalam temubual dengan pengkaji, 10 Februari 2012.

¹¹⁵ Noor Naemah Bt Abd Rahman, *Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia*, 23-25.

¹¹⁶ Rahimin Affandi Abd Rahim, *Ijtihad Dalam Institusi Fatwa di Malaysia*, 195-222.

tidak menyeleweng atau menyimpang dari maksud syarak.¹¹⁷ Rahimin Affandi Abd Rahim, *et.al.* di dalam kajiannya menegaskan bahawa, antara kelemahan yang berlaku dalam proses ijтиhad masa kini di institusi fatwa di Malaysia ialah para mufti dan Jawatankuasa Fatwa kerap meniru atau menggunapakai pandangan yang diputuskan oleh mufti sesebuah negeri yang lain¹¹⁸ walhal pandangan tersebut boleh dianggap lapuk dan tidak bersesuaian dengan realiti pada hari ini. Contohnya, mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor akan merujuk terlebih dahulu kepada fatwa-fatwa lama yang telah diputuskan oleh mufti-mufti sebelum ini¹¹⁹ sedangkan fatwa-fatwa tersebut sudah berusia berpuluhan tahun lamanya bahkan tidak relevan untuk digunapakai pada masa kini lagi dek kerana situasinya berbeza. Realitinya, proses berijтиhad dalam menghasilkan fatwa tidak boleh dilakukan secara mudah dan ringkas¹²⁰ malahan proses tersebut perlu dibangunkan dengan kaedah tepat dan mendalam¹²¹ supaya fatwa yang dihasilkan berpotensi sebagai fatwa yang menepati kehendak syarak.

Justeru itu, kelemahan ini wujud akibat proses pendalilan yang tidak tepat tanpa mengikut keutamaan dalam mengistibāṭkan hukum. Hasilnya, rujukan hukum hanya bersifat mencedok dari warisan hukum terdahulu sahaja sebagai jalan mudah sedangkan hukum tersebut perlu dinilai semula untuk keperluan masa kini. Kelemahan ini berpunca dari kondisi pegawai yang tidak mahir dan berkelayakan dalam bidang penyelidikan hukum sehingga tidak mampu menguasai kaedah pendalilan yang sebenar.¹²² Beberapa kajian yang dilakukan oleh penyelidik tempatan mendapati bahawa, masalah-masalah utama yang berlaku dalam proses

¹¹⁷ Othman Bin Hj Ishak, *Fatwa Dalam Perundangan Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1981), 12.

¹¹⁸ Rahimin Affandi Abd Rahim, *Ijtihad Dalam Institusi Fatwa di Malaysia*, 202.

¹¹⁹ Zanariah Bt Mohd Don (Pegawai Hal Ehwal Islam S41 merangkap unit buhuth, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Johor) dalam temubual dengan pengkaji, 10 Februari 2012.

¹²⁰ Saiyad Nizamuddin Ahmad, *Fatwas of Condemnation: Islam and The Limits of Dissent* (Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 2006), 71-72.

¹²¹ *Ibid.*

¹²² Zanariah Bt Mohd Don (Pegawai Hal Ehwal Islam S41 merangkap unit buhuth, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Johor) dalam temubual dengan pengkaji, 10 Februari 2012.

penyediaan fatwa ialah kakitangan jabatan mufti tidak mempunyai kelayakan dalam bidang hukum syarak dan kelemahan yang terdapat dalam unit penyelidikan di jabatan itu sendiri.¹²³

Oleh itu, keutamaan sumber dalam proses pendalilan hukum merupakan asas penting dalam metode berfatwa yang semestinya diambil perhatian oleh pihak mufti mahupun para pegawai yang terlibat agar fatwa yang diputuskan bersifat sebagai fatwa yang mampu menyelesaikan permasalahan umat pada masa kini dan bertepatan dengan kaedah ijтиhad yang sistematik.

2.2.3 Meraikan kepentingan *maqāṣid al-sharī'ah*

Memahami *maqāṣid al-sharī'ah* merupakan asas penting dalam metode berfatwa yang seharusnya menjadi pegangan setiap mufti yang ingin mengemukakan kenyataan hukum yang bersifat semasa. Tujuannya bagi memberi kebaikan dan menjauhkan sesuatu kemudaratan ke atas umat Islam demi menjaga kepentingan mereka.¹²⁴ Rumusan dari pelbagai takrifan yang diberikan oleh para fuqaha mengenai *maqāṣid al-sharī'ah*¹²⁵ dapat disimpulkan bahawa;¹²⁶

1. *Maqāṣid al-sharī'ah* dirujuk sebagai objektif syarak dalam pensyariatan hukum-hukum Islam.
2. *Maqāṣid al-sharī'ah* merealisasikan kepentingan kepada mukallaf dengan cara mendatangkan sesuatu kebaikan dan menolak sesuatu kerosakan.

¹²³ Lihat Ahmad Hidayat Buang, *Penyediaan dan Pengeluaran Fatwa*, 103, Raihanah Abdullah, “Personel Jabatan Mufti”, dalam *Fatwa di Malaysia*, ed. Ahmad Hidayat Buang (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 93. Rahimin Affandi Abd Rahim, *Ijtihad Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia*, 202.

¹²⁴ Hassan Hj Ahmad, “Maqasid Syariah: Konsep Dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum”, dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*, ed. Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999), 61.

¹²⁵ Lihat al-Shātibī, *al-Muwāfaqāt*, 2:8. Lihat juga Abū Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī, *al-Muṣtaṣfā min 'Ilm al-Ūṣūl* (Madinah: t.p, t.t), 4:174. Lihat juga, al-Amidi, *al-Āḥkām fī Uṣūl al-Āḥkām*, 3:339. Lihat juga, Sa'ad Bin Aḥmad al-Yūbī, *Maqāṣid al-Syarī'ah al-Islāmiyah wa 'alāqatuhā bi al-Adillah al-Syarī'yah* (Riyadh: Dār al-Hijrah, 1998), 30.

¹²⁶ Ziyād Muḥammad Aḥmīdān, *Maqāṣid al-Syarī'ah al-Islāmiyah Dirāsah Uṣūlīyah wa Taṭbīqāt Fiqhīyah* (Beirut: Risālah Publishers, 2008), 23.

3. *Maqāṣid al-sharī'ah* merealisasikan kepentingan umum bagi situasi yang berkaitan dengan ummah dan kepentingan khusus bagi individu yang tertentu sebagai jaminan kepada kepentingan masyarakat keseluruhannya.

Imam al-Shāṭibī membahagikan tingkatan *maqāṣid al-sharī'ah* kepada tiga kedudukan, pertama: *dāruriyāt*. Kedua: *hājiyāt*. Ketiga: *tahsinīyāt*.¹²⁷ Dalam merealisasikan kepentingan *dāruriyāt*, lima penjagaan perlu diberi perhatian dan keutamaan sebelum memutuskan sesuatu hukum yang melibatkan kepentingan ummah iaitu kepentingan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.¹²⁸ Oleh itu, seorang mufti perlu mengambilkira kelima-lima kepentingan tersebut dalam memutuskan keputusan fatwa yang bersifat semasa lebih-lebih lagi persoalan yang menyentuh kepentingan umat Islam pada masa kini. Meraikan *maqāṣid al-sharī'ah* merupakan metode penting dalam amalan berfatwa terutama bagi isu-isu semasa yang banyak melibatkan kepentingan kepada umat Islam khususnya. Penjagaan lima kepentingan *dāruriyāt* dalam *maqāṣid al-sharī'ah* menjadi syarat yang perlu bagi menentukan perubahan sesuatu fatwa¹²⁹ agar tidak bersifat jumud. Bahkan nas al-Quran juga memperakui pentingnya mengambilkira *dāruriyāt* dalam menentukan sesuatu hukum seperti diharuskan memakan bangkai atau sesuatu yang haram dalam keadaan terdesak bertujuan bagi meneruskan kelangsungan hidup supaya tidak mati.¹³⁰

Selain itu, para mufti juga perlu mengambilkira kepentingan *hājiyāt* dalam menentukan keputusan fatwa apabila berlaku sesuatu permasalahan yang memerlukan kelonggaran atau keringanan supaya tidak menimbulkan kepayahan atau

¹²⁷ al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 17. Lihat juga, Muhammad Khalid Masud, *Shatibi's Philosophy Of Islamic Law* (Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 1995), 151-152.

¹²⁸ *Ibid.*, 20.

¹²⁹ Noor Naemah Abd. Rahman dan Taufik Abd. Rahman, “Taghaiyir al-Ijtihād wa Atharihi fī Taysīr al-Fatwā: Dirāsah Takṣīlīyah Tatbīqīyah”, dalam *Muktamar ‘Ālamī ‘an al-Ijtihād wa al-Iftā fī al-Qurn al-Hādī wa al-‘Isyrīn* (Gombak: Jabatan Fiqh Dan Usul al-Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2008), 3:453.

¹³⁰ Wahbah al-Zuhayli, *Nażarīyah al-Darūrah al-Syarīyah* (cet. ke-3, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1982), 227.

kesukaran¹³¹ kepada umat Islam. Dalam hal ini pertimbangan atau *muwāzanat*¹³² perlu diberi perhatian oleh mufti dan Jawatankuasa Fatwa dengan mengambilkira keperluan *maṣlahah* atau *mafsadah*¹³³ yang timbul dari persoalan yang berlaku. Oleh itu, mufti perlu bijak menilai dan menganalisis implikasi yang bakal terhasil dari fatwa yang diputuskan sama ada merealisasikan *maṣlahah* atau menolak *mafsadah*.¹³⁴ Begitu juga, dalam menilai keperluan *maṣlahah* atau *mafsadah*, keutamaan atau *awlawīyāt*¹³⁵ perlu diberi penekanan oleh para mufti bagi memastikan bahawa fatwa yang diputuskan meraikan meraikan kepentingan kepada ummah dengan melihat kesan-kesan baik dan buruk dari fatwa tersebut.

Justeru, pertimbangan atau *muwāzanat* sangat penting dalam persoalan yang berkait rapat dengan *maṣlahah* atau *mafsadah* kerana bagi menentukan sama ada pertimbangan dalam menerima *maṣlahah* lebih utama atau pun menolak *mafsadah*.¹³⁶ Realitinya, persoalan semasa pada masa kini dilihat lebih mencabar dan memerlukan pertimbangan yang bijak dari pihak institusi fatwa sendiri kerana setiap persoalan semasa tersebut mempunyai *maṣlahah* dan *mafsadahnya* yang perlu diambilkira serta impak yang bakal berlaku dari keputusan fatwa yang diputuskan. Contohnya isu penggunaan kalimah Allah oleh pihak gereja, perlantikan peguam syar'ie dari

¹³¹ al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 21. Lihat juga, Hassan Hj Ahmad, *Maqasid Syariah: Konsep Dan Pengaruhnya*, 65. Abdul Monir Bin Yaacob, “Maqasid Shariah: Konsep dan Hubungannya dengan Nilai-Nilai Semasa di Malaysia Dalam Menentukan Hukum”, dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Hj Ismail dan Ridzwan Ahmad (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000), 175.

¹³² Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fī Fiqh al-Awlawīyāt Dirāsah Jadīdah Fī Daw' al-Quran wa al-Sunnah* (cet. ke-2, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996). 30. Lihat juga, Paizah Hj Ismail, “Fiqh al-Awlawiyat: Konsep Dan Hubungannya Dengan Fiqh al-Muwazanat, Fiqh al-Syar' dan Fiqh al-Waqi' Dalam Pelaksanaan Hukum Islam”, dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*, ed. Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999), 75.

¹³³ al-Qaraḍāwī, *Fī Fiqh al-Awlawīyāt*, 30.

¹³⁴ Abū Muḥammad ‘Izz al-Dīn Bin ‘Abd al-Salam al-Damsyīqī, *Qawa'id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām* (Kaherah: Maktabah al-Kullīyāt al-Azharīyah, 1991), 1:60.

¹³⁵ *Ibid.* h. 28.

¹³⁶ Ridzwan Ahmad, “Metode Pentarjihan Maslahah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa”, *Jurnal Syariah* 16, no. 1 (2008), 107-143. Lihat juga Ihsān Mīr ‘Alī, *al-Maqāṣid al-'Ammah li al-Shari'ah al-Islāmiyah Bayn al-Asalah wa al-Mu'āṣirah* (Syiria: Dār al-Thaqāfah li al-Jamī', 2009), 298.

kalangan orang bukan Islam, penggunaan nama Islam oleh pertubuhan tertentu, penggunaan anjing dalam unit pertahanan awam dan sebagainya.

Oleh itu, kesemua contoh di atas mempunyai *maṣlaḥah* atau *mafsadah* yang perlu dikaji dan dipertimbangkan melalui tingkatan *maqasid al-shari’ah* bagi menilai kepentingan dan kebaikan yang lebih besar untuk umat Islam khususnya. Oleh sebab itu, pertimbangan yang dilakukan semestinya berasaskan keutamaan dan realiti semasa yang berlaku dengan mengambil kira kaedah-kaedah fiqh¹³⁷ serta teori *sadd al-dharā’i*.¹³⁸

Di samping itu, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri mempunyai peruntukan agar fatwa yang diputuskan mengambil kira kepentingan umat Islam tanpa terikat semata-mata kepada *qawl* mazhab al-Shāfi’ī jika didapati ia bertentangan dengan kepentingan *ummah*. Dalam Fasal 54 (2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003¹³⁹ menyebut bahawa, *Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan berhasil, Jawatan kuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali*. Dalam Fasal 54 (3)¹⁴⁰ pula menyebut bahawa, *Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satupun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu*.

Justeru, para mufti mempunyai ruang yang seluas-luasnya untuk menentukan dan memutuskan hukum berdasarkan pertimbangannya setelah melakukan

¹³⁷ Mat Saad Bin Abdul Rahman, *Istinbat: Asas Dan Metodologi*.

¹³⁸ Abū Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh*, 87.

¹³⁹ Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003, bahagian III, fasal 54.

¹⁴⁰ *Ibid.*

penyelidikan dengan melihat *mashlahah* atau *mafsadah* yang terhasil dari fatwa yang diputuskan melalui *muwazanat* dalam sesuatu keutamaan.

Sebagai contoh, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor pada 2001 telah memutuskan fatwa bahawa setiap pasangan yang bakal melangsungkan perkahwinan di negeri Johor sama ada bernikah atau mendaftarkan perkahwinan diwajibkan menjalani ujian saringan HIV.¹⁴¹ Keputusan fatwa ini diputuskan berdasarkan pertimbangan Jawatankuasa Fatwa terhadap penularan virus HIV yang kian meningkat di kalangan masyarakat melayu khususnya di negeri Johor terutama golongan yang belum berkahwin.¹⁴² Justeru itu, berdasarkan kepada kepentingan penjagaan nyawa dalam *maqāṣid al-darūriyāt*, berlebih-lebih lagi bagi menjaga kelangsungan zuriat yang bakal dilahirkan, maka Jawatankuasa Fatwa telah menetapkan bahawa ujian saringan HIV dikira sebagai salah satu daripada syarat perkahwinan.¹⁴³

Keputusan fatwa yang diputuskan bertepatan dengan tujuan atau maksud syarak dalam menjaga kepentingan nyawa seseorang, bahkan ia juga melibatkan kehidupan orang ketiga iaitu anak yang bakal dilahirkan. Oleh itu, keputusan fatwa ini dilihat sebagai langkah yang proaktif bagi membendung penularan virus HIV ini melalui zuriat-zuriat yang bakal dilahirkan kerana wujudnya *mashlahah* lebih besar yang perlu dijaga. Justeru itu, pertimbangan dan keutamaan mengenai *mashlahah* atau *mafsadah* dalam *maqasid al-shari'ah* perlu diberi perhatian yang serius dalam amalan berfatwa di negara ini. Memandangkan realiti persoalan semasa yang berlaku pada masa kini mempunyai kesan positif dan negatif yang perlu diberikan pertimbangan sewajarnya bagi menetapkan hukum mengenainya.

¹⁴¹ Kertas kerja fatwa pelaksanaan ujian saringan HIV ke atas bakal pengantin di Johor, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/01(MK)/10 (26 Jun 2012).

¹⁴² *Ibid.*

¹⁴³ *Ibid.*

2.2.4 Memahami dan mengambilkira realiti semasa

Para sarjana silam mahupun kontemporari melontarkan pandangan yang sama dalam memperkatakan perlunya mengambilkira realiti dan kondisi semasa dalam amalan berfatwa¹⁴⁴ bahkan ia dikira sebagai metode asas dalam penyelidikan fatwa semasa pada masa kini. Jika diimbas kembali kepada pembinaan hukum Islam dalam aliran mazhab fiqh, didapati bahawa nilai, realiti dan persekitaran semasa mempengaruhi kewujudan fatwa, pandangan hukum dan hasil ijihad yang berbeza-beza.¹⁴⁵

Sebagai contoh, kewujudan *qawl qadīm* dan *qawl jadīd* dalam aliran fiqh al-Shafi'ī,¹⁴⁶ di mana suasana masyarakat dan realiti yang berlaku di Mesir berbeza dengan suasana di Iraq sehingga menyebabkan Imam al-Shafi'ī terpaksa mengemukakan pandangan-pandangan baru dalam *qawl jadīd* kerana *qawl qadīm* tidak dapat menyelesaikan permasalahan yang berlaku pada ketika itu.¹⁴⁷ Begitu juga dengan teori *al-istihsān* dalam manhaj *uṣūlī* al-Hanafī,¹⁴⁸ di mana kewujudan teori tersebut disebabkan oleh teori *qiyās* yang sedia ada tidak mampu diaplikasi bagi menyelesaikan masalah fiqh atau sebagai langkah menangani kesukaran yang berlaku

¹⁴⁴ Ibn Qayyīm al-Jawziyyah, *I'lām al- Muwaqqi'īn*, 1:41. Lihat juga, al-Qāsimī, *al-Fatāwā fī al-Islām*, 125. Lihat juga, Ibn Ḥamdān, *Sifah al-Fatwā* 57. Lihat juga, al-Qarāfī, *al-Furūq*, 175. Lihat juga, al-Fāsī, Muhammad Bin al-Hasan al-Ja'farī, *al-Fikr al-Sāmī fī Tārikh al-Fiqh al-Islāmī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1995), 2:574. Lihat juga 'Iyād Bin Nāmī al-Salamī, *Uṣūl al-Fiqh al-Ladhī lā Yasa'ū ăl-Faqīḥ Jahalahu* (Riyad: Dār al-Tadmīriyah, 2005), 473. Lihat juga, al-Qaraḍāwī, al-Qaraḍāwī, *al-Fatwā Bayna al-Inqibāt wa al-Tasayyub*, 71. al-Zaibārī, *Mabāhith fī Aḥkām al-Fatwā*, 84. al-Hakamī, *Uṣūl al-Fatwā*, 57. Nādiyah Syarīf, *al-Ijtihād fī al-Islām*, 247. Noor Naemah Abd. Rahman dan Taufik Abd. Rahman, *Tagħajjir al-Ijtihād*, 452. Irwan Mohd Subri dan Mohd Hafiz Muhyidin, "Ahammīyah Murā'āh al-Ahwāl fī ăl-Iftā: Dirāsah Taħlīlīyah Taqbīqīyah fī ɰaw Wāqi' al-Iftā ăl-Mu'āşir", dalam *Muktamar 'Ālamī 'an al-Ijtihād wa al-Iftā fī ăl-Qurn al-Hādī wa al-Isyrīn* (Gombak: Jabatan Fiqh Dan Usul al-Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2008), 3:611.

¹⁴⁵ Mahmood Zuhdi Bin Abdul Majid, *Sejarah Pembinaan Hukum Islam* (cet. ke-2, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, 1992), 112. Lihat juga Abdul Karim Ali, *Faktor-Faktor Semasa dan Setempat*, 60.

¹⁴⁶ Muhammad Abū Zahrah, *Tārikh al-Madhbāhīb al-Islāmīyah* (t.t.p: Dār al-Fikr al-'Arabī, t.t). 2:274. Lihat juga 'Alī Juma'ah Muhammad, *al-Madkhāl ilā Dirāsah al-Madhbāhīb al-Fiqhīyah* (cet. ke-2, Kaherah: Dār al Salām, 2007), 23. Abdul Karim Bin Ali, et.al. "Faktor Perubahan Pendapat Imām al-Shāfi'ī Dari Qawl Qadīm Kepada Qawl Jadīd", *Jurnal Syariah* 16, no. 2 (2008), 305-320.

¹⁴⁷ Sihabuddin Muhaemin, Pandangan al-Syāfi'i Dalam Qaul Qadīm Dan Qaul Jadīd: Satu Analisis (Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005), 92.

¹⁴⁸ Usāmah al-Ḥamawī, *Naẓāriyah al-Istihsān* (Beirut: Dār al-Khayr, 1996), 23. Lihat juga Abū Zahrah, *Tārikh al-Madhbāhīb al-Islāmīyah*, 163. Saim Kayadibi, *Doctrine Of Istihsan (Juristic Preference) In Islamic Law* (Konya: Tablet Kitabevi, 2007), 87. Imran Ahsan Khan Nyazee, *Islamic Jurisprudence* (New Delhi: Adam Publishers, 2006), 231.

atau sebagai hukum alternatif bagi menjaga maslahah tertentu¹⁴⁹ seperti hukum jualbeli *al-salam*¹⁵⁰, akad *al-istiṣnā*¹⁵¹, jaminan kepada pembeli,¹⁵² dan sebagainya. Begitu juga dengan mazhab al-Malikī, pegangan kepada ‘*amal ahl al-Madīnah*¹⁵³ membuktikan bahawa amalan dan nilai setempat yang diamalkan oleh masyarakat Madinah pada waktu itu¹⁵⁴ menjadi salah satu daripada sumber perundangan hukum Islam dengan alasan bahawa amalan mereka berteraskan kepada wahyu dan sunnah Rasulullah SAW.

Justeru, contoh-contoh di atas membuktikan bahawa pengambilkiraan realiti dan faktor setempat perlu diadun dalam menafsirkan dan menjelaskan hukum-hukum syarak tanpa bepegang semata-mata kepada naṣ secara zahir atau mutlak. Sikap bertaqlid kepada hukum atau fatwa terdahulu secara statik¹⁵⁵ tanpa melihat kepada perubahan semasa atau realiti yang berlaku boleh menyebabkan kegelinciran dan ketidaktepatan dalam mengeluarkan hukum fatwa.¹⁵⁶ Abdul Karim Ali mengutarakan bahawa, para ulama silam mengemukakan hukum dan fatwa berdasarkan kepada corak hidup, budaya masyarakat dan nilai setempat yang wujud pada ketika itu. Oleh itu, tidak semua hukum yang diputuskan relevan untuk diaplifikasi pada masa kini kerana situasinya sama sekali berbeza,¹⁵⁷ ditambah pula dengan penggunaan teknologi dan penemuan moden dalam kehidupan masyarakat pada hari ini.¹⁵⁸

Ibn ‘Abidīn menegaskan bahawa, *terdapat banyak hukum yang dihasilkan oleh para mujtahid berdasarkan ‘urf dan nilai semasa di zamannya. Oleh itu, hukum-*

¹⁴⁹ al-Mallāḥ, *al-Fatwā*, 472.

¹⁵⁰ Usāmah al-Ḥamawī, *Naẓarīyah al-Istihṣān*, 33.

¹⁵¹ *Ibid.*, 158.

¹⁵² *Ibid.*, 143.

¹⁵³ Abdul Karim Bin Ali, “Pengambilkiraan Nilai Semasa Dan Setempat Dalam Menentukan Hukum: Konsep, Pendekatan Dan Batas”, dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*, ed. Abd Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999), 57.

¹⁵⁴ *Ibid.*

¹⁵⁵ Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Paizah Hj Ismail, *Pengantar Syariah* (cet. ke-2, Kuala Lumpur: al-Baian Corporation Sdn. Bhd., 2006), 155.

¹⁵⁶ Zulkifli Mohamad al Bakri, *Fatwa Dan Mufti: Hukum, Etika dan Sejarah*, 52.

¹⁵⁷ Abdul Karim Ali, *Faktor Perubahan Pendapat Imām al-Shāfi’ī*, 61.

¹⁵⁸ Zulkiple Abd Ghani, *Teknologi Maklumat*, 152.

*hukum tersebut berubah dengan sebab berubahnya masa, tempat dan suasana kerana perubahan yang berlaku dalam corak hidup masyarakat atau berlakunya sesuatu kemudaratan atau pincangnya akhlak masyarakat pada ketika itu. Justeru itu, jika dikekalkan atau digunakan hukum yang sedia ada, sudah pasti akan menimbulkan kesukaran dan kemudaratan kepada orang ramai serta bertentangan dengan kaedah-kaedah syarak yang diasaskan atas dasar keringanan, menolak kemudaratan dan kerosakan. Jika diamati, para fuqaha mazhab mengeluarkan fatwa yang bertentangan dengan para mujtahid mazhab mereka dalam kebanyakan isu berasaskan kepada suasana zamannya.*¹⁵⁹

Selain itu, para ulama juga telah membina beberapa kaedah fiqh yang berkaitan dengan pengambilkiraan ‘urf dan nilai semasa dalam pembinaan hukum Islam yang tidak mempunyai sandaran nas sebagai prinsip penyelesaian bagi hukum-hukum *furiū*; ¹⁶⁰

العادة محكمة

(Adat ditentukan sebagai hukum)

استعمال الناس حجة يجب العمل بها

(Amalan manusia dikira sebagai hujah yang wajib diamalkan)

لا ينكر الأحكام بتغير الأزمان

(Tidak dinafikan berlaku perubahan hukum disebabkan perubahan masa)

المعروف عرفاً كالمشروط شرعاً

(Sesuatu yang diketahui sebagai ‘urf sama seperti sesuatu yang disyaratkan dalam syarat)

التعيين بالعرف كالتعيين بالنص

(Sesuatu yang ditentukan berdasarkan penentuan ‘urf sama seperti penentuan dengan nas)

Oleh itu, mengambilkira perubahan yang berlaku dalam masyarakat serta memahami realiti semasa yang berlaku adalah sesuatu yang telah diperakui dan disepakati oleh para ulama dan mujtahid sejak dahulu lagi berdasarkan perubahan

¹⁵⁹ Ibn ‘Abidīn, Muḥammad Amīn, *Majmū’ah Rasā'il Ibn ‘Abidīn* (t.t, 1998), 2:125.

¹⁶⁰ Ahmād Bin Muḥammad al-Zarqā, *Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhīyah* (cet. ke-2, Damsyiq: Dār al-Qalam, 1989), 219-241. Ṣalīḥ Bin Ghānim al-Sadlān, *al-Qawā'id al-Fiqhīyah al-Kubrā wa mā tafarra'a 'anhā* (Riyāḍ: Maktabah Bilansīyah, 1417H), 391-459.

yang berlaku dalam fatwa dan hukum yang diputuskan.¹⁶¹ Justeru itu, para mufti pada masa kini sewajarnya menuruti jejak langkah para ulama silam dengan mengaplikasi kerangka dan panduan yang disediakan, bukan hanya bersikap taqlid atau jumud dalam memutuskan hukum fatwa tanpa sebarang justifikasi yang jelas.

Md. Saleh Hj Ahmad menyatakan bahawa, objektif pensyariatan hukum-hukum syarak adalah untuk memberi kepentingan kepada manusia sejagat, menegakkan keadilan, menghapuskan kerosakan dan keburukan. Maka, objektif ini perlu diambilkira sewaktu menafsirkan dan memahami nas-nas syarak. Oleh itu, tidak wajar bagi seorang ulama atau mufti bersikap statik pada pandangan-pandangan silam yang jelas tidak relevan lagi untuk dimuatkan dalam fatwa atau perundangan pada masa kini disebabkan oleh ‘urf, tempat, lokaliti dan suasannya telah berubah.¹⁶²

Justeru itu, realiti semasa yang berlaku pada masa kini melibatkan pelbagai faktor, antaranya perubahan akhlak dan tabiat manusia yang berbeza dengan zaman terdahulu,¹⁶³ perubahan amalan dan praktikal dalam kehidupan masyarakat yang lebih moden sehingga mewujudkan elemen yang baru serta penggunaan pelbagai teknologi dan aplikasi canggih dalam urusan kehidupan manusia hari ini.¹⁶⁴ Oleh itu, setiap perubahan yang berlaku perlu diambilkira dan diberi perhatian dalam amalan berfatwa di era globalisasi ini. Rujukan hukum atau fatwa secara warisan dari fiqh klasik¹⁶⁵ perlu dinilai semula relevensinya tanpa diinterpretasi semata-mata bagi menyelesaikan permasalahan ummah masa kini. Oleh yang demikian, para mufti

¹⁶¹ Irwan Bin Mohd Subri, “Fiqh al-Waqi” Dalam Ijtihad”, dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004*, ed. Irwan Mohd Subri, et.al. (Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2004), 169-170.

¹⁶² Md. Saleh Hj. Md. Ahmad, “Urf Dan Adat Semasa Di Malaysia Sebagai Asas Penentuan Hukum Yang Tidak Dinaskan”, dalam dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Hj Ismail dan Ridzwan Ahmad (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000), 121.

¹⁶³ Noor Naemah Abd. Rahman dan Taufik Abd. Rahman, *Taghayir al-Ijtihād*, 454.

¹⁶⁴ Mustafa Shamsudin, “Kepentingan Penguasaan Ilmu Usul Fiqh: Satu Analisis Umum” (makalah, Seminar Usul Fiqh, Kolej Universiti Islam Malaysia, Disember 2005)

¹⁶⁵ Zulkifli Mohammad al Bakri, *Fatwa Dan Mufti: Hukum, Etika dan Sejarah*, 74.

seharusnya bebas dari sikap taqlid dan jumud¹⁶⁶ dalam memutuskan hukum fatwa bahkan penilaian yang bijak perlu dilakukan dalam menyelesaikan persoalan semasa yang semakin mencabar dewasa kini.

2.3 LANGKAH UTAMA DALAM PENYELIDIKAN FATWA

Sebelum keputusan fatwa dikeluarkan oleh seorang mufti, ianya haruslah melalui beberapa langkah penyelidikan yang perlu menjadi asas kepada para mufti untuk mengeluarkan fatwa atau respon hukum kepada *al mustaftī*. Ianya bertujuan agar fatwa yang diputuskan dan seterusnya menjadi panduan kepada masyarakat awam benar-benar menepati kehendak syarak. Bahkan langkah-langkah tersebut juga menjadi mekanisme agar tidak berlaku penyelewangan dan kegelinciran dalam berfatwa. al-Qaraḍāwī¹⁶⁷ dan beberapa sarjana Islam yang lain telah meletakkan pelbagai langkah dan panduan yang harus diikuti oleh para mufti dalam berfatwa dengan mengambilkira pelbagai aspek yang merangkumi faktor *al mustaftī*,¹⁶⁸ faktor semasa¹⁶⁹ dan faktor lokaliti¹⁷⁰.

Fatwa merangkumi persoalan halal dan haram, sah dan batal, harus dan tidak di mana secara jelas ia menyentuh tentang hukum syarak yang menjadi petunjuk masyarakat Islam yang menginginkan jawapan kepada sesuatu isu yang berlaku. Oleh itu, jawapan hukum tersebut mestilah melalui satu proses atau langkah yang benar-benar boleh menghasilkan hukum yang bertepatan dengan objektif syarak sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah SWT. Praktikaliti dalam berfatwa tidak hanya bergantung semata-mata kepada kefahaman tentang hukum syarak sahaja

¹⁶⁶ *Ibid.*, 74.

¹⁶⁷ Lihat manhaj fatwa semasa yang digariskan oleh al-Qaraḍāwī, al-Qaraḍāwī, *al-Fatwā Bayn al-Indibāṭ wa al-Tasayyub*, 107-130.

¹⁶⁸ Lihat sifat fatwa yang perlu menjadi pegangan para mufti, Ibn Qayyīm al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqqi'iñ*, 6:113.

¹⁶⁹ *Ibid.*, 1:41.

¹⁷⁰ *Ibid.*

tetapi perlu juga mengambilkira realiti kehidupan yang berlaku dengan melihat suasana persekitaran, masyarakat dan ‘urfnya.

Oleh itu, terdapat empat langkah penyelidikan fatwa yang sepatutnya menjadi pegangan kepada para mufti untuk mengeluarkan fatwa yang jelas dan tepat. Empat langkah tersebut ialah *al-Taṣawwūr*, *al-takyīf*, *al-hukm* dan *al-ifṭā’*.¹⁷¹ Keempat-empat langkah penyelidikan fatwa ini saling berkaitan dan memerlukan antara satu sama lain bermula dari langkah yang pertama sehingga hasil fatwa dikeluarkan. Sekiranya seorang mufti melakukan kesilapan pada langkah awal penyelidikan tersebut, maka fatwa yang dihasilkan juga mengandungi kesilapan.¹⁷² Oleh kerana itu, para mufti harus cermat dalam menerima sebarang persoalan hukum dari pelbagai pihak agar persoalan tersebut boleh direalisasikan melalui empat langkah penyelidikan fatwa tersebut.

Langkah pertama: *al-Taṣawwūr*

Langkah pertama dalam proses pengeluaran fatwa ialah *al-Taṣawwūr*. Ia berfungsi sebagai penentu jawapan fatwa yang bakal diputuskan oleh seorang mufti. Oleh itu, *al-Taṣawwūr* ialah peringkat pengajuan soalan atau masalah yang dikemukakan oleh pihak *al-mustaftī*¹⁷³ di mana pada peringkat ini pihak *al-mustaftī* akan mengemukakan isu atau persoalan tertentu kepada mufti untuk diputuskan fatwa mengenainya.¹⁷⁴ Dalam peringkat ini, mufti perlu memahami dengan jelas mengenai isu atau persoalan yang diajukan supaya dapat mengelakkan salah faham terhadap kehendak soalan tersebut. Kefahaman yang jelas mengenai kehendak soalan yang

¹⁷¹ Noor Naemah Abdul Rahman, “al-Marāhil allatī Tamurr bihā al-Fatwā,” *Al- Risalah Jurnal Kajian Hukum dan Sosial Kemasyarakatan* 7, edisi 15, no. 2 (2009), 105.

¹⁷² *Ibid.*, 106.

¹⁷³ *Ibid.*

¹⁷⁴ *Ibid.*

diajukan oleh pihak *al-mustaftī* sangat membantu untuk menghasilkan jawapan fatwa yang tepat.¹⁷⁵

Oleh itu, mufti perlu berhati-hati dan bersifat cermat dalam meneliti setiap persoalan fatwa yang diajukan kepadanya dengan menyelidiki dan mengkaji latarbelakang persoalan tersebut berasaskan faktor masa, tempat, suasana dan persekitaran.¹⁷⁶ Secara realiti, ulama-ulama *uṣūl* telah memberi penekanan yang serius terhadap penerapan langkah *al-taṣawwīr* ini di dalam proses penentuan hukum syarak. Dalam hal ini, Abū Zahrah menegaskan bahawa seorang mufti perlu meneliti sesuatu isu dengan cermat tanpa bersikap tergopoh-gapah atau terburu-buru dalam mengeluarkan fatwanya bahkan setiap persoalan yang diajukan kepadanya perlu difikirkan dan diamati secara mendalam.¹⁷⁷ Menurut al-Baghdādī, memahami realiti masyarakat merupakan sifat yang perlu dipraktikkan oleh seorang mufti sebelum menyediakan jawapan fatwa bagi mengelakkan berlakunya amalan bertaklid di dalam aktiviti pembuatan hukum.¹⁷⁸ Ini kerana kefahaman secara mendalam tentang isu fatwa dapat menghindarkan berlakunya ketidaktepatan dan kesalahan dalam mengeluarkan fatwa.¹⁷⁹ Ibn ‘Aqīl menyifatkan bahawa mufti yang tidak mengambil kira realiti masyarakat atau gagal memahami isu yang berlaku, sudah pasti akan menyebabkan kegelinciran dalam berfatwa.¹⁸⁰ Sekiranya berlaku sebarang kesilapan dalam memahami persoalan atau permasalahan yang diajukan sekalipun kesilapan yang kecil, sudah pasti ia akan memberi kesan terhadap jawapan fatwa

¹⁷⁵ Abī al-Ḥusayn Muḥammad Bin ‘Alī al-Tayyib al-Baṣrī, *al-Mu’tamad fī Uṣūl al-Fiqh* (Damsyiq: Ma’had al-‘Alamī al-Faransī li al-Dirāsah al-‘Arabīyah, 1965), 2:932. Lihat juga Maḥfūz Bin Aḥmad al-Kalūdhanī al-Ḥanbalī, *al-Tamhīd fī Uṣūl al-Fiqh* (Jeddah: Dār al-Medinā, 1985), 4:394.

¹⁷⁶ Dār al-Iftā ʻal-Miṣrīyah, “Marāhil al-Fatwā”, laman sesawang *Dār al-Iftā ʻal-Miṣrīyah*, dicapai 7 September, <http://www.dar-alifta.org/ViewFatawaConcept.aspx?LangID=1&ID=73>.

¹⁷⁷ Muḥammad Abū Zahrah (2003), *Uṣūl al-Fiqh*, *Op.cit.*, h. 352.

¹⁷⁸ Abī Ya’lā Muḥammad Bin al-Ḥusayn al-Farrā’ al-Baghdādī, *al-‘Uddah fī Uṣūl al-Fiqh* (cet. ke-2, Riyād: al-Mamlakah al-‘Arabīyah al-Sa’ūdīyah, 1990), 5:1599.

¹⁷⁹ Abī al-Wafā’ ‘Alī Bin ‘Aqīl, *al-Wāḍīh fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1999), 5:463.

¹⁸⁰ *Ibid.*

yang bakal dikeluarkan kerana sesuatu yang dibentuk melalui kesilapan maka hasilnya juga salah.¹⁸¹

Seorang mufti bukan sahaja perlu alim tentang hukum-hukum syarak dengan memahami dan mengistinbāt kannya dari nas-nas yang sahih tetapi menjadi suatu keperluan baginya untuk mengetahui latarbelakang pihak yang bertanya atau isu yang disoalkan secara terperinci.¹⁸² Kegagalan seorang mufti untuk mengetahui secara jelas mengenai latarbelakang *al-mustafī* atau isu yang diutarakan boleh menyebabkan jawapan fatwa yang diberikan akan menyimpang dari maksud yang sebenar.

Contohnya, isu mengenai status puasa bagi pesakit yang menjalani rawatan dialisis peritoneal.¹⁸³ Dalam isu ini, pihak mufti harus meneliti secara mendalam berkenaan dengan rawatan dialisis peritoneal tersebut, bagaimana ia berfungsi, tempoh atau waktu rawatan, bagaimana kaedah rawatan tersebut dijalankan serta hal yang berkaitan. Oleh itu, kepakaran pegawai perubatan yang arif mengenai rawatan ini sangat diperlukan dalam memberi kerjasama kepada pihak mufti untuk menjelaskan secara terperinci tentang maklumat rawatan dialisis tersebut dilakukan. Oleh itu, tidak seharusnya pihak mufti terus mengeluarkan fatwa bahawa rawatan dialisis tersebut boleh membatalkan puasa sebelum mengkaji dengan sedalam-dalamnya isu tersebut atau pihak mufti hanya memandang isu tersebut dari satu sudut sahaja iaitu berlaku kemasukan sesuatu ke dalam badan dengan percampuran tertentu.

Dalam hal ini, pihak mufti perlu memandang rawatan dialisis tersebut dari pelbagai sudut dengan mengambil kira *maṣlahah* dan *mafsadahnya* serta keperluan rawatan tersebut kepada pesakit buah pinggang pada masa kini. Oleh itu, pihak mufti

¹⁸¹ Noor Naemah, *al-Marāḥil*, 109.

¹⁸² *Ibid.*, 124. Lihat juga, al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 5:177.

¹⁸³ Kertas fatwa status puasa pesakit yang menerima rawatan dialisis peritoneal, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(IB)/37 (26 Jun 2012).

tidak harus bersikap statik pada satu-satu hukum sahaja, bahkan mereka perlu melihat kepada keperluan dan faktor semasa yang berlaku. Justeru, segala maklumat yang berkaitan dengan rawatan dialisis tersebut sangat penting untuk membantu pihak mufti menghasilkan fatwa yang tepat dan menyeluruh, tidak hanya memberi manfaat kepada seorang individu sahaja tetapi bermanfaat kepada individu yang lain. Oleh itu, sebelum sesuatu jawapan fatwa itu diputuskan, langkah pertama ini amat penting untuk diperhatikan dan diteliti oleh seseorang mufti sebagai langkah permulaan kepada hasil fatwa yang benar dan menepati objektif syarak.

Langkah kedua: *al-Takyīf*

Seterusnya, setelah pihak mufti meneliti dan memahami dengan jelas isu atau persoalan yang dikemukakan, penyelidikan fatwa akan beralih kepada langkah yang kedua iaitu *al-Takyīf*. *al-Takyīf* merujuk kepada penyesuaian atau pemanjangan isu atau persoalan yang dikaji dengan sumber-sumber hukum syarak.¹⁸⁴ Di peringkat yang kedua ini, isu yang telah selesai dikaji atau diteliti akan ditentukan hukumnya melalui penentuan dari sumber-sumber perundangan syarak yang diperakui¹⁸⁵ sama ada isu tersebut merupakan isu yang *qat’ī* atau isu baru yang memerlukan *ijtihād*.¹⁸⁶ Penentuan hukum ini berdasarkan kepada semua sumber hukum syarak sama ada sumber yang disepakati atau tidak disepakati seperti *al-istihsān*, *al-istiṣḥāb*, *sadd al-dharā’i* dan sebagainya.

Pertama, sekiranya isu tersebut merupakan persoalan yang *qat’ī* di mana jawapannya telah dinaskan oleh al-Quran dan al-Sunnah, maka persoalan tersebut tidak boleh menerima ijtihad kerana hukumnya telah disabitkan melalui nas yang jelas dari al-Quran dan al-Sunnah bahkan hukum tersebut tidak boleh berubah sama

¹⁸⁴ Dār al-Iftā āl-Miṣrīyah, “*Marāhil al-Fatwā*”.

¹⁸⁵ al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 5:179.

¹⁸⁶ Noor Naemah, *al-Marāhil*, 116.

sekali sekalipun berubah masa, suasana, tempat atau keadaan.¹⁸⁷ Contohnya persoalan yang berkaitan dengan hukum ibadah, riba, hukuman jenayah dan sebagainya. Oleh itu, para mufti tidak boleh sewenang-wenangnya menukar hukum-hakam yang *qaṭ’ī* kepada hukum yang lain bahkan wajib bagi mereka berpegang kepada hukum tersebut kerana pensabitannya jelas dari Allah SWT.

Kedua, sekiranya isu tersebut merupakan isu yang *zannī* atau isu baru yang tidak mempunyai sandaran hukum, maka hukumnya boleh berubah berdasarkan keperluan dan kepentingan semasa mengikut perubahan masa, tempat dan keadaan. Isu ini dikenali sebagai isu-isu *ijtihād* yang memerlukan kepakaran dan kebijaksanaan mufti dalam menentukan hukumnya¹⁸⁸ bersesuaian dengan keperluan semasa. Isu-isu *ijtihād* bukanlah suatu yang *qaṭ’ī* kerana isu tersebut dibentuk melalui *’illah* yang diperakui oleh syarak dan *’urf* yang tidak menyalahi syarak.¹⁸⁹ Oleh itu, ia memerlukan kepada kekuatan dalil melalui ilmu *uṣūl al-fiqh* yang diadun dengan kaedah pendalilan dan istinbāt yang betul¹⁹⁰ serta mengambilkira perubahan masa, tempat dan suasana semasa. Kegagalan mufti untuk mengaplikasi isu fatwa dengan kaedah-kaedah penetapan hukum berpunca dari sikap mufti yang terburu-buru dalam memberi jawapan fatwa sebelum berfikir dan meneliti isu fatwa untuk dipadankan kepada kaedah pendalilan dari sumber syarak. Justeru itu, seorang mufti perlu mahir dalam menguasai ilmu *uṣūl al-fiqh* terutama ketika mengaplikasi metode *qiyās* untuk mencari *’illah* sesuatu hukum berdasarkan proses-proses pencarian *’illah* yang tepat.¹⁹¹ Tambahan pula, keperluan semasa pada masa kini memerlukan pihak mufti menjalankan kerjasama dengan pakar-pakar dalam bidang yang lain supaya proses pencarian *’illah* dilihat lebih rasional dan kukuh untuk menentukan hukum

¹⁸⁷ *Ibid.*, 117.

¹⁸⁸ Abū Zakarīyā Muḥyī al-Dīn Bin Syarf al-Nawawī, *al-Majmū’* (Jeddah: Maktabah al-Irsyād, t.t) 1:74.

¹⁸⁹ *Ibid.*, h.117.

¹⁹⁰ Rahimin Affandi, *Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini*, 8.

¹⁹¹ al-Tayyīb al-Baṣrī, *al-Mu’tamad fī Uṣūl al-Fiqh*, 2:929. Lihat juga al-Kalūdhanī al-Ḥanbalī, *al-Tamhīd fī Uṣūl al-Fiqh*, 4:392. Noor Naemah, *al-Marāhil*, 119.

bagi sesuatu isu. Contohnya, isu peraduan kuiz melalui sms¹⁹² di mana pihak mufti perlu mendapatkan maklumat secara terperinci dari mereka yang mahir dalam bidang telekomunikasi dan teknologi maklumat supaya lebih mengetahui bagaimana aliran proses kuiz tersebut dijalankan, bukan sekadar menyatakan ia sebagai suatu bentuk judi semata-mata tanpa meneliti ‘illah yang sebenar. Begitu juga, jika isu fatwa tersebut berkaitan dengan ekonomi, perbankan atau muamalat, maka pihak mufti perlu mendapatkan maklumat yang tepat dari pakar dalam bidang tersebut supaya fatwa yang diputuskan dapat memberi kebaikan dan kemaslahatan kepada masyarakat yang berpegang kepadanya.

Oleh itu, dalam peringkat *al-takyīf* ini keupayaan dan kemampuan seorang mufti sangat di perlukan untuk menentukan ketepatan fatwa berdasarkan dalil-dalil syarak. Menurut al-Baghdādī, mufti yang berjaya adalah mufti yang dapat mengeluarkan hukum mengikut kaedah *istinbāt* yang betul berdasarkan manhaj uṣūlī sehingga mencapai penentuan hukum yang bersifat rasional.¹⁹³ Kaedah penentuan hukum ini juga harus dibina berasaskan keutamaan dalil-dalil syarak dengan mengutamakan dalil yang lebih berautoriti.¹⁹⁴ Justeru, pemakaian *uṣūl al-fiqh* merupakan intipati utama di dalam proses *al-takyīf* bagi menentukan penggunaan kaedah syarak yang betul untuk menyediakan jawapan fatwa yang tepat. Menurut al-Zarkashī, ilmu yang penting untuk dikuasai oleh seorang mujtahid atau mufti ialah ilmu uṣūl al-fiqh.¹⁹⁵ Ini kerana, melalui ilmu tersebut penyediaan hukum fatwa akan bersifat sebagai jawapan yang dapat menyelesaikan permasalahan ummah disebabkan penentuan hukumnya dibina dengan manhaj yang kukuh. Penetapan sumber-sumber hukum yang dipadankan dengan isu semasa yang telah dikaji setelah

¹⁹² Kertas fatwa zakat peraduan kuiz melalui SMS dan talian 600, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/04(ML)/01 (26 Jun 2012).

¹⁹³ al-Baghdādī, *al-‘Uddah fī Uṣūl al-Fiqh*, 1594.

¹⁹⁴ *Ibid.*, 1595.

¹⁹⁵ al-Zarkashī, *Bahr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh*, 6:204.

mengambilkira keperluan semasa yang wujud bakal menghasilkan natijah fatwa yang menepati kehendak syarak dan menterjemahkan realiti masyarakat yang berlaku.¹⁹⁶

Langkah ketiga: *al-Hukm*

Setelah isu fatwa dipadankan dengan kaedah penentuan hukum melalui pendalilan yang betul dan tepat, maka di peringkat yang ketiga ini pihak mufti akan menetapkan hukum bagi isu fatwa tersebut. *al-Hukm* ialah penentuan hukum yang diputuskan oleh mufti bertepatan dengan isu fatwa dan kaedah pendalilannya.¹⁹⁷ Maksudnya, setelah mufti memahami secara mendalam isu yang diajukan kepadanya dan mengaplikasi isu tersebut kepada sumber-sumber pendalilan syarak, maka barulah mufti memutuskan hukumnya berdasarkan lima hukum *taklīfī* iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus.

Meskipun begitu, penentuan hukum yang diberikan tidak seharusnya bersifat menentukan hukum semata-mata berdasarkan hukum *taklīfī*. Sebaliknya penentuan hukum tersebut perlu bersifat menyelesaikan masalah, memberi panduan dan bimbingan serta nasihat kepada pihak yang bertanya tanpa bersikap statik untuk memberi hukum sahaja.¹⁹⁸ Contohnya, fatwa berkenaan suntikan botox yang dikaitkan dengan rawatan kecantikan.¹⁹⁹ Dalam hal ini, suntikan botox tidak boleh dihukumkan sebagai haram secara total sebaliknya pihak mufti perlu berhemah dalam memberi jawapan fatwa dengan mengeluarkan garis panduan yang jelas mengenai suntikan botox yang diharuskan dan suntikan yang dilarang serta penggunaannya dalam keperluan perubatan pada masa kini. Oleh yang demikian, jawapan fatwa yang diberikan lebih bersifat membantu dan menyelesaikan masalah

¹⁹⁶ Noor Naemah Bt. Abd Rahman, “Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa,” *Jurnal Syariah* 10, no. 2 (2002), 24.

¹⁹⁷ Dār al-Iftā āl-Miṣrīyah, “*Marāḥil al-Fatwā*”.

¹⁹⁸ Muhammad Bin Husayn al-Jizānī, *Ma ’ālim Uṣūl al-Fiqh ‘ind ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah* (Riyāḍ: Dār Ibn al-Jūzī, 1996), 520.

¹⁹⁹ Dār al-Iftā āl-Miṣrīyah, “*Marāḥil al-Fatwā*”.

serta memberi ruang alternatif kepada pihak yang bertanya untuk menjadikan fatwa tersebut sebagai panduan.²⁰⁰ Kesannya, jawapan fatwa yang diberikan lebih dihormati dan dipatuhi daripada terus menghukum tanpa memberikan ruang penyelesaian terhadap persoalan yang berlaku.

Begitu juga, para mufti seharusnya bijak dalam memberikan jawapan fatwa bukan sahaja fatwa tersebut khusus untuk situasi yang tertentu bahkan boleh diaplifikasi untuk situasi yang lain bagi isu yang berkaitan selagi mana tidak berlaku perubahan sosial terhadap situasi tersebut. Secara tidak langsung ia mencerminkan kredibiliti dan kedudukan fatwa sebagai hukum perundangan Islam yang berautoriti dan disegani oleh masyarakat Islam. Contohnya, fatwa berkenaan penggunaan anjing dalam unit pertahanan awam. Dalam jawapan fatwa yang diberikan, pihak mufti mengharuskan penggunaan unit anjing dalam unit pertahanan awam dengan syarat yang tertentu mengikut pandangan mazhab al-Shāfi’ī.²⁰¹ Walau bagaimanapun, pihak mufti boleh mengaplikasi hukum tersebut untuk situasi yang berlainan seperti penggunaan anjing bagi tujuan keselamatan dan penjagaan dengan garis panduan yang khusus. Oleh itu, hukum tersebut boleh dikembangkan kepada isu-isu yang berkaitan tanpa perlu statik kepada satu-satu persoalan sahaja. Hal ini disentuh oleh Rahimin Affandi Abdul Rahim, et.al. bahawa antara kelemahan fatwa yang sering menjadi rungutan masyarakat awam ialah fatwa yang diberikan tidak bersifat semasa dan terlalu terikat dengan paradigma taqlid, fatwa tidak bersifat ilmiah dan fatwa yang diberikan tidak bersifat tegas.²⁰² Oleh kerana itu, kelemahan-kelemahan ini perlu diatasi oleh pihak mufti dengan memperbaiki mutu jawapan fatwa yang dikeluarkan agar dipandang serius oleh masyarakat yang berpegang dengannya.

²⁰⁰ al-Jizānī, *Ma ’ālim Uṣūl al-Fiqh*, 520. al-Nawawī, *al-Majmū’*, 1.77.

²⁰¹ Kertas kerja fatwa cadangan penubuhan unit anjing (SAR) di Jabatan Pertahanan Awam, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMI.351/03(ML)/04 (26 Jun 2012).

²⁰² Rahimin Affandi, et.al., “*Ijtihad Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia: Satu Analisis*”, *Jurnal Syariah* 17, no. 1 (2009), 202.

Langkah keempat: *al-Iftā*

Langkah terakhir dalam penyelidikan fatwa ialah *al-iftā*. *al-Iftā'* ialah jawapan mufti terhadap isu yang dikemukakan oleh *al-mustafī* berdasarkan kemampuannya dalam memahami secara menyeluruh realiti persoalan yang diajukan kepadanya.²⁰³ Langkah yang terakhir ini memerlukan kemampuan dan keupayaan mufti untuk memberi jawapan fatwa yang terbaik kepada *al-mustafī* dengan mengambilkira 'urf dan realiti mereka.²⁰⁴ Kebijaksanaan mufti dalam mengeluarkan fatwa dengan melihat realiti yang berlaku berasaskan ilmu *maqāṣid al-sharī'ah* dan prinsip-prinsip *maslahah*²⁰⁵ seperti *sadd al-dharā'i*, *maṣālih al-mursalah*, 'urf dan *al-istihsān* memberi kesan kepada kekuatan fatwa itu sendiri sebagai hukum perundangan Islam.²⁰⁶

Menurut Ibn Qayyim, fatwa yang dikeluarkan oleh seorang mufti perlu dibina berasaskan keilmuan, kemampuan untuk mengaplikasi ilmu tersebut dan kefahaman yang mendalam tentang realiti semasa masyarakat.²⁰⁷ Oleh itu, kekurangan dalam memenuhi sifat tersebut bakal mencerminkan kegagalan seorang mufti dalam memberikan hukum fatwa yang rasional.²⁰⁸ Seterusnya fatwa tersebut tidak dapat memberi kesan terhadap penyelesaian setiap persoalan semasa yang berlaku. Seorang mufti yang bijak dan cerdik tidak akan memberikan jawapan fatwa secara menghukum seperti menyatakan ia halal atau haram,²⁰⁹ bahkan mufti yang bijak mampu memberi jawapan dan penyelesaian terbaik terhadap soalan yang diajukan kepadanya tanpa bersikap statik terhadap isu-isu yang dikemukakan. Contohnya,

²⁰³ Noor Naemah, *al-Marāhil*, 122.

²⁰⁴ *Ibid.*

²⁰⁵ al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 5:178.

²⁰⁶ Mohamad Akram Laldin, *Introduction to Shari'ah & Islamic Jurisprudence* (Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd, 2011), 102-124.

²⁰⁷ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al- Muwaqqi'īn*, 6:113

²⁰⁸ al-Jizānī, *Ma'ālim Uṣūl al-Fiqh*, 518.

²⁰⁹ al-Jizānī, *Ma'ālim Uṣūl al-Fiqh*, 520. Lihat juga, Mohammad Nizam Abdul Kadir, "Fatwa perlu dinilai berdasarkan hujah dan ilmu", laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 11 September 2012, http://www.bharian.com.my/articles/Fatwa_perludinilaiber_dasarkanhujah_ilmu/Article/.

apabila diutarakan kepada seorang mufti isu berkenaan penubuhan bank susu,²¹⁰ maka tidak seharusnya mufti memutuskannya sebagai sesuatu yang haram atau tidak diharuskan. Bahkan mufti perlu mengemukakan jawapannya secara bijak dengan menjelaskan secara terperinci situasi yang diharuskan untuk melaksanakan penubuhan bank susu serta implikasinya atau situasi yang tidak mengharuskannya berdasarkan keperluan pada masa kini. Maka ia memperlihatkan kredibiliti mufti sebagai seorang yang berilmu dalam menyelesaikan permasalahan semasa. Impaknya, masyarakat tidak berasa ragu-ragu dan meyakini kedudukan institusi fatwa sebagai pusat sehenti umat Islam untuk mendapatkan penyelesaian hukum.

Kesimpulannya, empat langkah penyelidikan fatwa di atas menjadi suatu kemestian kepada para mufti untuk beramal dengannya dalam proses pengeluaran fatwa khususnya fatwa-fatwa semasa yang melibatkan penyelidikan yang lebih terperinci. Empat langkah tersebut merupakan sandaran yang terbaik untuk para mufti menghasilkan fatwa-fatwa yang lebih bersifat menyelesaikan masalah bukan bersifat menghukum. Jika para mufti berjaya untuk mengaplikasi empat langkah tersebut dalam penyelidikan fatwa semasa pada hari ini, maka fatwa yang dihasilkan dapat memberi kebaikan kepada umat Islam yang memerlukan suatu penyelesaian terhadap permasalahan yang dihadapi pada masa kini. Secara tidak langsung dapat menangkis pandangan negatif pihak tertentu yang melabelkan institusi fatwa dan mufti sebagai institusi yang kaku dan jumud.

2.4 PENYELIDIKAH DALAM AMALAN BERFATWA

2.4.1 Penyelidikan Fatwa Semasa

Penyelidikan dalam mengeluarkan sesuatu hukum telah lama dipraktikkan sejak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat lagi di mana pada ketika itu ia dikenali

²¹⁰ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Hukum penubuhan bank susu”, laman sesawang Portal Rasmi Fatwa Malaysia, dicapai 12 September 2012, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-penubuhan-bank-susu>.

sebagai *ijtihād*.²¹¹ Penyelidikan merupakan suatu bentuk kerja atau usaha yang bersungguh-sungguh di mana ia melibatkan pengumpulan data dan maklumat dari sumber-sumber yang khusus, seterusnya menjalankan penganalisaan terhadap data-data tersebut mengikut kaedah yang teratur dan sistematik.²¹² Ini kerana objektif dari penyelidikan tersebut adalah bagi mendapatkan jawapan secara ilmiah terhadap persoalan yang diselidiki. Justeru, proses penyelidikan ini sama kedudukannya dengan proses ijihad kerana kedua-duanya merupakan daya usaha yang bersungguh-sungguh untuk memperolehi jawapan bagi sesuatu permasalahan yang tidak mempunyai rujukan nas.

Noor Naemah Abd Rahman menegaskan bahawa, di antara dasar utama dalam pembinaan fatwa ialah melakukan kajian dan penyelidikan secara mendalam kerana ia merupakan amalan yang dipraktikkan oleh para sarjana silam dalam berfatwa.²¹³ Jika dilihat kepada hasil hukum dan fatwa ulama-ulama terdahulu, ia dibentuk melalui penyelidikan dan kajian yang terperinci mengenai sesuatu isu berasaskan sumber yang diperakui, seterusnya diadun dengan realiti dan faktor semasa yang berlaku di dalam masyarakat.²¹⁴ Hasilnya, hukum yang diputuskan dapat memenuhi objektif syarak bahkan mampu menyelesaikan permasalahan semasa yang berlaku. Penyelidikan fatwa semasa pada masa kini tidak boleh dilakukan secara mudah atau ringkas dengan cara mencedok hukum-hukum yang sedia ada dari kitab-kitab fiqh klasik, atau mentarjih pandangan yang menjadi perselisihan, atau membandingkan setiap pandangan yang bertentangan, lalu diputuskan sebagai keputusan fatwa. Penyelidikan fatwa harus melalui proses yang

²¹¹ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, 76. Lihat juga Md. Saleh Hj Ahmad, *Pengantar Syariat Islam* (Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 1999), 53. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Transformasi Fikah Semasa*, 69.

²¹² Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Paizah Hj Ismail, *Pengantar Syariah*, 119. Lihat juga, Mahmood Zuhdi Abd. Majid, “Kepentingan Penyelidikan Dalam Pengeluaran Fatwa”, dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al. (Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006), 178.

²¹³ Noor Naemah Bt Abd Rahman, *Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia*, 19-30.

²¹⁴ *Ibid.*

tersusun dengan merujuk kepada sumber-sumber yang disepakati²¹⁵ dan diperakui oleh jumhur ulama dari sumber primer dan sekunder²¹⁶ dengan mengaplikasi ilmu uṣūl al-fiqh sebagai metodologi penyelidikan fatwa²¹⁷ menerusi kaedah yang berasaskan penganalisaan lafaz-lafaz nas (*dilālah al-naṣṣ*)²¹⁸ dan berasaskan *maqāṣid al-shariāh*²¹⁹.

Realitinya, penyelidikan masa kini bukan sekadar menumpukan kepada penyelidikan yang bersifat kepustakaan sahaja tetapi amat memerlukan penyelidikan yang bersifat lapangan juga. Penyelidikan lapangan sangat penting bagi memperolehi data-data yang bersifat imprikal kerana perubahan masa, keadaan dan corak hidup yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa menyebabkan kajian terperinci perlu dilakukan. Rujukan yang bersifat kepustakaan semata-mata hanya boleh memberi pejelasan secara teori, tetapi penyelidikan lapangan menjelaskan lagi keadaan sebenar permasalahan yang berlaku.

Keperluan penyelidikan lapangan dalam amalan berfatwa ini ditegaskan oleh Mahmood Zuhdi Abd Majid, di mana beliau menyatakan bahawa kajian lapangan sangat penting dalam amalan berfatwa pada masa kini bertujuan bagi mendapatkan data dan maklumat yang tepat mengenai perkara yang sebenar memandangkan keadaan hidup manusia sentiasa berubah setiap masa.²²⁰ Oleh itu, hukum-hukum terdahulu tidak semestinya bersesuaian pada masa sekarang kerana zaman telah

²¹⁵ Ahmad Hidayat Buang, “Ke Arah Penyelesaian Fatwa: Masalah, Kemungkinan Dan Cara Penyelesaian”, dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al. (Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006), 34. Lihat juga Mat Saad Bin Abdul Rahman, *Istinbat: Asas Dan Metodologi*.

²¹⁶ Paizah Hj Ismail, “Ijtihad Sebagai Manhaj Istinbat Hukum Dalam Pengeluaran Fatwa”, dalam *Monograf al-Ifta'*, ed. Wan Morsita Wan Sudin, et.al. (Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010), 27.

²¹⁷ Mohd Daud Bin Bakar, “Usul al-Fiqh Sebagai Kaedah Penyelidikan Dalam Pengajaran Syariah”, dalam *Dinamisme Pengajaran Syariah*, ed. Mahmood Zuhdi Bin Ab. Majid (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1997), 37-58. Lihat juga Azman Bin Ab. Rahman dan Mohd Nasir Bin Abdul Majid (2004), “Kepentingan Usul Fiqh Dalam Ijtihad Dan Fatwa”, dalam dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004*, ed. Irwan Mohd Subri, et.al. (Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2004), 99-105.

²¹⁸ ‘Abd al-Raūf Mufdī Kharābithah, *Manhaj al-Mutakallimīn fī Ḥaḍīqat al-Āḥkām al-Syarīyah* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2005) 220.

²¹⁹ Hassan Hj Ahmad, *Maqasid Syariah: Konsep Dan Pengaruhnya*, 61.

²²⁰ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Kepentingan Penyelidikan Dalam Pengeluaran Fatwa*, 184.

mengalami banyak perubahan.²²¹ Sementara itu, Rahimin Affandi Abd Rahim menyarankan bahawa, metode penyelidikan secara lapangan perlu digunakan khususnya bagi mendapatkan maklumat tentang sesuatu perkara yang berlaku dengan lebih terperinci lagi bertujuan menjadikan sesuatu kajian itu bersifat logik empirikal.²²² Manakala Idris Awang menjelaskan bahawa, penyelidikan ilmiah atau semasa merupakan huraian terbaik bagi mengenalpasti keadaan yang sebenar kerana ia bukanlah sesuatu yang mudah sekadar melihat dan mendengar sahaja, bahkan keadaan tersebut perlu dilihat dari segenap sudut dan perspektif serta perubahan semasa yang berlaku.²²³

Oleh yang demikian, pengkaji merumuskan bahawa penyelidikan ilmiah atau semasa ini merupakan suatu keperluan yang sangat penting dalam penyelidikan fatwa pada masa kini. Ini kerana, perubahan masa, suasana dan zaman telah mengubah corak kehidupan masyarakat dari semasa ke semasa. Justeru itu, pemahaman yang jelas diperlukan bagi mengenalpasti situasi sebenar yang berlaku pada satu-satu keadaan. Maka, pemahaman ini semestinya berasaskan maklumat yang tepat dan konkret di mana ia hanya boleh diperolehi melalui penyelidikan semasa yang dijalankan.

Kesimpulannya, penyelidikan fatwa semasa pada masa kini perlu dibentuk melalui empat gabungan:

- 1) Penyelidikan dengan merujuk al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan primer. Bagi memahami sumber al-Quran dan al-Sunnah, rujukan kepada tafsir al-Quran, syarah hadis dan kaedah penafsiran nas perlu dilakukan dengan terperinci.

²²¹ *Ibid.*

²²² Rahimin Affandi Bin Abdul Rahim, *Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini*, 8.

²²³ Idris Bin Awang, “Penyelidikan Ilmiah Dan Keperluannya Dalam Penentuan Semula Hukum”, dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*, ed. Abd Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999), 47.

- 2) Penyelidikan dengan rujukan sekunder yang terdiri dari sumber-sumber hukum yang disepakati iaitu *ijmā'* dan *qiyās* dan sumber-sumber yang tidak disepakati iaitu *al-istihsān*, *maṣāliḥ mursalah*, *sad al-dharā'*, *al-istiṣḥāb*, '*amal ahl al-madīnah* dan sebagainya.
- 3) Penyelidikan dengan mengambilkira *maqāṣid al-sharī'ah* yang merangkumi pertimbangan antara *maṣlaḥah* dan *mafsadah*, *al-awlawiyāt*, *al-muwāzanat*, dan fiqh *al-wāqi'* yang berlaku.
- 4) Penyelidikan ilmiah semasa yang melibat penyelidikan lapangan, klinikal, eksperimen dan sebagainya bagi mendapatkan maklumat sebenar mengenai punca pemasalahan sesuatu hukum.

Justeru itu, keempat-empat gabungan penyelidikan di atas perlu diaplikasi dalam amalan berfatwa pada masa kini. Gabungan antara kajian kepustakaan dan kajian lapangan menjadi keperluan penting dalam pengeluaran fatwa pada hari ini. Bahkan ia juga menjadi tradisi para sarjana di masa yang lampau berasaskan kaedah atau metode yang tertentu pada waktu itu. Oleh itu, wajar sekali para mufti mengaplikasi manhaj yang digunakan oleh para ulama terdahulu dalam menentukan sesuatu hukum berasaskan pendekatan semasa pada hari ini.

2.4.2 Peruntukan Penyelidikan Fatwa Dalam Enakmen Pentadbiran Agama Negeri

Dari sudut perundangan di Malaysia, Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri telah memperuntukkan ruang yang luas dan secukupnya bagi mufti dan Jawatankuasa Fatwa menjalalankan aktiviti penyelidikan fatwa.

Dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor (2003)²²⁴, Negeri Selangor (2003)²²⁵ Negeri Perlis (2006),²²⁶ Negeri Pulau Pinang (2004),²²⁷ Negeri

²²⁴ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003, bahagian III fasal 48 (1).

²²⁵ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003, bahagian III fasal 48 (1).

Perak (2004),²²⁸ Negeri Melaka (2002),²²⁹ Negeri Sembilan (2003),²³⁰ dan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (2001),²³¹ menyebut;

“Sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan”

Manakala dalam Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1994)²³² menyebut;

“Jamaah Ulama' hendaklah menimbang tiap-tiap permintaan itu dan hendaklah, melainkan pada fikirannya masalah yang dikemukakan itu adalah tidak munasabah dan kerana sebab-sebab tertentu tidak patut diberi jawapan, menyediakan satu draf fatwa baginya, dan jika draf fatwa itu dipersetujui, sama ada dengan sebulat suara atau dengan suara yang terbanyak, maka pengerusi, bagi pihak dan dengan nama Majlis, hendaklah mengeluarkan fatwa”

Dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Pahang (1991) menyebut,²³³

“Mufti boleh atas daya usahanya sendiri atau atas permintaan daripada mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, atau atas perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat dan, tertakluk kepada subseksyen 2, menyiarkan dalam Warta fatwa atau pendapat atas sesuatu persoalan yang belum diputuskan atau persoalan yang menimbulkan pertikaian mengenai atau yang berkaitan dengan Hukum Syarak”

Dalam Enakmen Mufti Dan Fatwa Negeri Kedah (2008) menyebut²³⁴;

“Sebelum mengeluarkan sesuatu fatwa, Mufti boleh menyebabkan satu kajian atau penyelidikan dijalankan oleh Pegawai Penyelidik sebagaimana yang diarahkan olehnya dan satu kertas kerja disediakan”

²²⁶ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 2006, bahagian III fasil 48 (1).

²²⁷ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004, bahagian III fasil 48 (1).

²²⁸ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak 2004, bahagian III seksyen 37 (1).

²²⁹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002, bahagian III seksyen 36 (1).

²³⁰ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan tahun 2003, bahagian III seksyen 49 (1).

²³¹ Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 2001, bahagian III seksyen 50 (1).

²³² Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 bahagian II seksyen 36 (2).

²³³ Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Pahang 1991 bahagian II seksyen 36 (1)

²³⁴ Enakmen Mufti Dan Fatwa Negeri Kedah 2008, bahagian III seksyen 21 (1).

Dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Sabah (1992) menyebut²³⁵;

Mufti hendaklah, atas perintah Yang di-Pertua Negeri, dan atas permintaan mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang ditujukan kepada Mufti, membuat dan menerbitkan dalam Warta sesuatu fatwa atau pendapat atas apa-apa soalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian mengenai dengan Hukum Syarak.

Dalam Ordinan Majlis Islam Sarawak (2001) menyebut²³⁶;

“Sebaik sahaja menerima permintaan di bawah subseksyen (1)(b), Setiausaha hendaklah segera mengemukakan permintaan itu kepada Mufti yang, jika berpuas hati bahawa fatwa yang diminta itu adalah berkaitan dengan perkara mengenai Undang-Undang Islam atau amalan agama Islam yang menarik minat atau menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat Islam di dalam Negeri atau mana-mana bahagian daripadanya, akan menyebabkan dijalankan suatu kajian atau penyelidikan mengenai isu yang dibangkitkan dan fatwa yang dicadangkan diminta itu, untuk membolehkan Lembaga Fatwa menimbangteliti mengenainya”

Berdasarkan peruntukan yang disediakan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam setiap negeri jelas membuktikan bahawa pihak mufti, Jawatankuasa Fatwa dan institusi fatwa itu sendiri mempunyai kuasa penuh dan berautoriti untuk menjalankan aktiviti penyelidikan fatwa dengan seluas-luasnya sekiranya isu tersebut adalah isu baru atau isu yang boleh mencetuskan sentimen umat Islam. Enakmen telah memperuntukkan ruang yang seluas-luasnya kepada pihak institusi fatwa untuk melakukan aktiviti penyelidikan secara mendalam bahkan boleh melantik penyelidik untuk tujuan tersebut.

Namun, realitinya adakah peruntukan ini digunakan dengan semaksimanya oleh institusi fatwa di Malaysia dalam menyelesaikan permasalahan umat. Menurut kajian yang dilakukan oleh Ahmad Hidayat Buang mendapati bahawa, bentuk penyelidikan seperti kajian kepustakaan dan kajian lapangan kerap digunakan oleh institusi fatwa, sedangkan bentuk penyelidikan yang lain seperti penggunaan khidmat

²³⁵ Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Sabah 1992, bahagian II seksyen 35.

²³⁶ Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001, bahagian IV seksyen 37 (2a).

perunding atau kepakaran luar, penyelidikan secara usahasama dengan IPT atau panel penasihat syariah luar tidak digunakan dengan sepenuhnya.²³⁷ Kenyataan ini juga disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Rahimin Affandi Abdul Rahim, et.al. di mana sekalipun sistem perundangan membuka ruang yang luas untuk menjalankan aktiviti penyelidikan fatwa namun terdapat banyak kekangan yang berlaku di institusi fatwa itu sendiri sehingga penyelidikan fatwa itu hanya bersifat mendatar dan tidak begitu rancak. Buktinya, para mufti sendiri mengakui wujudnya kelemahan dan kekangan dalam proses pengeluaran fatwa seperti kekurangan bahan rujukan yang terkini dan semasa, kekurangan pegawai penyelidik bahkan tugas penyelidikan dibebankan kepada seorang pegawai sahaja, pegawai yang sedia ada kurang berkemahiran dalam bidang penyelidikan hukum dan dana peruntukan penyelidikan yang terhad.²³⁸

Oleh yang demikian, kekangan yang berlaku ini melemahkan aktiviti penyelidikan untuk terus berjalan dengan rancak di institusi fatwa. Ini kerana, dengan bilangan pegawai yang terhad di tambah pula dengan kecetekan mereka dalam kemahiran berpenyelidikan menyebabkan proses penyelidikan fatwa itu tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang sepatutnya. Bahkan kajian atau penyelidikan yang dijalankan itu diibaratkan “*sekadar melepaskan batuk di tangga*” tanpa adanya usaha penyelidikan yang bersungguh-sungguh disebabkan oleh kelemahan-kelemahan yang berlaku. Hasilnya fatwa yang diputuskan itu tidak bersifat ilmiah kerana asas dan sandaran hukumnya tidak kukuh,²³⁹ fatwa tersebut tidak bersifat semasa sebaliknya masih bersifat taqlid²⁴⁰ dan tidak mampu menjawab dan menyelesaikan masalah sebenar.²⁴¹

²³⁷ Ahmad Hidayat Buang, *Penyediaan dan Pengeluaran Fatwa*, 109.

²³⁸ Rahimin Affandi Abd Rahimin, *Ijtihad Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia*, 202.

²³⁹ Ahmad Hidayat Buang, *Penyediaan dan Pengeluaran Fatwa*, 114.

²⁴⁰ *Ibid.*

²⁴¹ *Ibid.*

Meskipun begitu, ruang dan peruntukan ini sudah mula digunakan oleh sebahagian institusi fatwa di Malaysia pada hari ini dengan mewujudkan unit khusus yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam menjalankan aktiviti penyelidikan secara terperinci tanpa membebankan tugas tersebut kepada unit-unit yang lain seperti buhuth dan istinbat. Contohnya, Jabatan Mufti Negeri Sembilan secara inisiatifnya telah mewujudkan sebuah unit penyelidikan tersendiri di mana pegawainya terdiri dari kalangan mereka yang berkemahiran dalam selok-belok penyelidikan ilmiah. Oleh itu, jika terdapat isu baru yang memerlukan kajian mendalam, maka unit tersebut akan menjalankan penyelidikan sehingga ke akar umbi. Hasilnya akan diserahkan kepada unit buhuth dan istinbat untuk dibincang di dalam Jawatankuasa Fatwa.²⁴²

Begitu juga di peringkat persekutuan, di mana JAKIM telah menubuhkan bahagian penyelidikan fatwa yang berfungsi sebagai unit yang bertanggungjawab menjalankan kajian-kajian berhubung dengan sesuatu isu yang tidak mempunyai sandaran hukum untuk diputuskan fatwa mengenainya.²⁴³ Di samping itu, JAKIM juga meminta pandangan dan respon dari pakar-pakar dalam bidang teknikal seperti astronomi, perubatan, ekonomi dan sebagainya bagi isu-isu yang berkenaan, contohnya hukum botox, hukum peraduan kuiz melalui SMS dan sebagainya.²⁴⁴ Justeru itu, ia membuktikan bahawa sudah terdapat usaha-usaha ke arah memperkemas dan mempertingkatkan lagi kualiti penyelidikan dalam amalan berfatwa di negara ini.

Oleh yang demikian, peranan institusi fatwa sebagai sebuah badan rasmi yang bertanggungjawab mengeluarkan dan memutuskan fatwa dilihat sebagai tempat rujukan

²⁴² Dato' Hj. Mohd Yusof Bin Hj. Ahmad (Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Jabatan Mufti Negeri Sembilan) dalam temubual pada 18 November 2011.

²⁴³ Mustafa Bin Ab. Rahman, “Manhaj Fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan” (makalah, Seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, Institut Penyelidikan Dan Pengurusan Fatwa Sedunia (INFAD), 5-6 Disember 2006).

²⁴⁴ *Ibid.*

hukum oleh masyarakat di sesebuah negeri.²⁴⁵ Oleh itu, setiap jawapan atau respon fatwa yang diputuskan seharusnya bersandarkan kepada kajian yang perlu dilakukan terlebih dahulu agar dapat dipastikan bahawa fatwa yang diberikan benar-benar boleh menyelesaikan masalah yang timbul. Perundangan telah memberikan peluang yang seluas-luasnya kepada para mufti, AJK Fatwa dan para pegawai yang terlibat untuk melakukan ijтиhad melalui ruang-ruang penyelidikan yang diperuntukkan tanpa had atau sempadan tertentu, bahkan mereka bebas melakukan ijтиhad dan menjalankan penyelidikan jika dirasakan isu tersebut menyentuh kepentingan yang besar. Sementara itu, dalam garis panduan penetapan hukum fatwa yang dikeluarkan oleh JAKIM pada tahun 2010 menjelaskan secara terperinci bahawa mufti boleh berasaskan pertimbangannya mengarahkan kajian-kajian atau penyelidikan dijalankan mengikut kaedah penetapan hukum atau fatwa yang ditetapkan melalui penyediaan kertas kajian²⁴⁶ yang dilakukan oleh pegawai-pegawai penyelidik di jabatan mufti itu sendiri.

2.4.3 Kepentingan Penyelidikan Dalam Pengeluaran Fatwa

Penyelidikan dalam pengeluaran fatwa pada masa kini boleh dikatakan sebagai keperluan yang sangat penting pada zaman moden ini.²⁴⁷ Para mufti dan pegawai yang terlibat seharusnya mengaplikasi kaedah penyelidikan ini dalam proses pengeluaran fatwa khususnya fatwa-fatwa berkaitan dengan persoalan semasa. Amalan penyelidikan ilmiah ini sudah lama dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat melalui kaedah ijтиhad²⁴⁸ di mana pada ketika itu isu-isu semasa

²⁴⁵ Zanariah Bt Mohd Don (Pegawai Hal Ehwal Islam S41 merangkap unit buhuth, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Johor) dalam temubual dengan pengkaji, 10 Februari 2012.

²⁴⁶ Lihat Garis Panduan Penetapan Hukum/Fatwa Oleh Pihak Berkuasa Fatwa Negeri 2010, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

²⁴⁷ Rahimin Affandi Abdul Rahim, *Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini*, 2.

²⁴⁸ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Transformasi Fikah Semasa*, 43.

diputuskan melalui keilmuan dan prinsip serta *manhaj* ilmiah yang tertentu.²⁴⁹

Penyelidikan ilmiah adalah gabungan dari bentuk-bentuk kajian secara teori dan praktikal di mana sesuatu isu itu tidak boleh dikenalpasti secara mudah dengan hanya melihat atau mendengar sahaja, bahkan isu tersebut perlu dilihat secara keseluruhan dan sedalam-dalamnya dari pelbagai dimensi.²⁵⁰ Menerusi cara penyelidikan yang sistematis, barulah boleh dikenalpasti punca atau masalah yang berlaku dengan jelas.²⁵¹

Hakikatnya, penyelidikan adalah satu-satu dari proses ijтиhad yang sudah diwarisi sejak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Oleh kerana itu, ijтиhad boleh diuraikan sebagai usaha menjalankan penyelidikan secara praktikal dengan bersungguh-sungguh mengenai sesuatu hukum.²⁵² Tujuan penyelidikan adalah mencari dan mengenal pasti kebenaran atau realiti bagi sesuatu situasi yang ingin diselidiki atau dikaji agar dapat menghasilkan satu keputusan daripadanya.²⁵³ Justeru itu, penyelidikan ilmiah sangat penting dalam proses pengeluaran fatwa supaya fatwa yang dihasilkan adalah tepat dan memenuhi realiti semasa di samping bertepatan dengan objektif syariah.

Oleh yang demikian, kepentingan penyelidikan dalam pengeluaran fatwa pada masa kini boleh dilihat kepada beberapa justifikasi;

Pertama: Mengenal pasti permasalahan sebenar yang berlaku tentang isu fatwa.²⁵⁴ Isu-isu semasa pada hari ini kebanyakannya terdiri dari persoalan yang tidak mempunyai rujukan hukum atau dalil yang tertentu. Sekalipun hukumnya ada, namun ia perlu dinilai semula berdasarkan kesesuaian masa dan tempat disebabkan perubahan semasa yang berlaku. Justeru itu, permasalahan ini hanya akan dapat

²⁴⁹ *Ibid.*

²⁵⁰ Idris Bin Awang, *Penyelidikan Ilmiah Dan Keperluannya*, 47.

²⁵¹ *Ibid.*

²⁵² al-Ghazālī, *al-Mustasfā* 4:342.

²⁵³ Idris Bin Awang, *Penyelidikan Ilmiah Dan Keperluannya*, 47.

²⁵⁴ Rahimin Affandi Abdul Rahim, *Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini*, 8.

dikenalpasti dan diselesaikan melalui penyelidikan ilmiah yang dijalankan secara serius.²⁵⁵ Sebelum diputuskan sesuatu hukum ke atas isu yang berlaku, wajar sekali seorang mufti atau pegawai penyelidik mengetahui dan memahami secara konkret punca atau masalah yang menimbulkan isu tersebut supaya dapat melihat gambaran yang sebenar tentang persoalan yang dikaji tanpa menentukan hukumnya secara mudah.²⁵⁶

Contohnya, fatwa mengenai cadangan perdagangan baja dari tahi kelawar (guano)²⁵⁷ kerana ia menyentuh persoalan yang berkaitan dengan najis. Justeru itu, dalam isu ini mufti atau penyelidik perlu mendapatkan maklumat secara terperinci mengenai proses pembuatan baja tersebut. Bagi tujuan itu, penyelidikan secara lapangan perlu dijalankan di lokasi pengilangan baja tersebut dan bagaimana ia dihasilkan. Oleh itu, tidak seharusnya pihak mufti melontarkan respon mengenai hukum baja tersebut secara bersahaja tanpa meneliti atau melakukan kajian terperinci mengenai status penggunaannya.

Kedua: Mendapatkan data atau maklumat secara terancang supaya dapat menjelaskan sesuatu isu atau menjawab persoalan yang berlaku.²⁵⁸ Melalui penyelidikan ilmiah, proses pengumpulan data atau maklumat dapat dilakukan dengan sistematik dan tepat. Ini kerana, data-data diperolehi terus dari subjek yang dikaji atau diselidiki tanpa sebarang andaian atau kemungkinan yang tidak pasti. Justeru itu, dalam proses pengeluaran fatwa, data-data yang berkaitan dengan isu fatwa sangat penting diperolehi dari sumber-sumber yang berautoriti dan dipercayai. Oleh itu, pelbagai kaedah penyelidikan perlu dijalankan sama ada dari aspek teori melalui kajian kepustakaan mahupun praktikal melalui kajian lapangan supaya data

²⁵⁵ Paizah Hj Ismail, *Ijtihad Sebagai Manhaj Istinbat Hukum*, 24.

²⁵⁶ *Ibid.*, 25.

²⁵⁷ Kertas kerja fatwa cadangan perdagangan baja najis kelawar (Guano), bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(ML)/32 (26 Jun 2012).

²⁵⁸ Idris Bin Awang, “Penyelidikan Ilmiah Dan Penentuan Hukum” (makalah, Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 17-18 Jun 1997).

yang didapati boleh menjadi mekanisme utama dalam membantu menghasilkan hukum fatwa.²⁵⁹

Bagi memenuhi tujuan penyelidikan dalam amalan berfatwa, maklumat atau data perlu diperolehi dari sumber semasa kerana sudah pasti ia menjelaskan realiti dan keadaan sebenar isu fatwa tersebut.²⁶⁰ Dalam beberapa isu, seorang yang pakar dalam bidang tertentu boleh dikira sebagai sumber semasa yang berautoriti kerana kepakarannya dalam bidang tersebut. Contohnya, jika para mufti atau pegawai penyelidik ingin memutuskan fatwa mengenai hukum bayi tabung uji,²⁶¹ maka data atau maklumat perlu diperolehi dari para pegawai perubatan yang menyaksikan dan menjalankan proses tabung uji tersebut. Begitu juga, jika ingin mengkaji hukum mengenai tarian poco-poco²⁶² yang menjadi salah satu daripada aktiviti beriadah di kalangan masyarakat pada hari ini, maka perlu mendapatkan penjelasan atau keterangan dari mereka yang pakar dalam bidang seni tari atau pegawai kesihatan. Konsep penyelidikan ini bertepatan dengan langkah *al-tasawwūr* di dalam proses pembinaan fatwa supaya latarbelakang dan input yang berkaitan dengan isu fatwa dapat dikenalpasti terlebih dahulu sebelum menyediakan jawapan fatwa.

Oleh itu, pencarian data dan maklumat yang tepat melalui sumber-sumber yang terkini, semasa dan berautoriti sangat membantu para mufti dan pegawai penyelidik menyediakan kertas kerja yang kukuh dan terperinci mengenai isu fatwa yang ingin diputuskan. Kelemahan dalam mencari dan mengumpul maklumat berkaitan isu fatwa yang dikaji sudah pasti akan memberi implikasi terhadap fatwa

²⁵⁹ *Ibid.*

²⁶⁰ *Ibid.*

²⁶¹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Hukum bayi tabung uji”, laman sesawang Portal Rasmi Fatwa Malaysia, dicapai 19 April 2012, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/bayi-tabung-uji>.

²⁶² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Hukum tarian poco-poco”, laman sesawang Portal Rasmi Fatwa Malaysia, dicapai 19 April 2012, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-tarian-poco-poco-dan-seumpamanya-menurut-perspektif-islam>.

yang diputuskan di mana berkemungkinan fatwa tersebut tidak berfungsi sebagai penyelesai masalah.

Ketiga: Menentukan dan menilai semula hukum ke atas sesuatu isu dengan lebih tepat dan bersifat semasa.²⁶³ Natijah dari hasil penyelidikan sudah semestinya membantu untuk menghasilkan satu kesimpulan atau keputusan yang tepat dan berautoriti. Oleh itu, penyelidikan dalam amalan berfatwa memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan keputusan fatwa atau penilaian semula hukum terdahulu dengan lebih tepat dan bersifat menjawab persoalan umat. Mahmood Zuhdi Abd. Majid menegaskan bahawa penyelidikan dalam pengeluaran fatwa merupakan suatu agenda terpenting dalam proses penghasilan fatwa pada masa kini.²⁶⁴ Penyelidikan yang hanya dijalankan secara pasang siap atau nukilan semata-mata tanpa usaha kajian yang serius sudah pasti membawa keputusan fatwa yang tidak mampu menjawab pelbagai persoalan yang sukar dengan latarbelakang perkembangan semasa dalam kehidupan manusia pada hari ini.²⁶⁵

Bertitik tolak kepada justifikasi di atas, para sarjana semasa telah menggariskan beberapa panduan penting kepada para mufti atau pegawai penyelidik dalam menjalankan aktiviti penyelidikan fatwa,²⁶⁶ iaitu;

- 1) Memahami dengan sebenarnya latarbelakang masalah dan persoalan yang dikemukakan dengan cara mengenalpasti punca atau faktor yang membangkitkan persoalan tersebut.²⁶⁷
- 2) Mengkaji dan mencari maklumat berkaitan dengan persoalan tersebut²⁶⁸ melalui kajian kepustakaan dengan cara mengkaji kitab-kitab fiqh yang

²⁶³ Idris Bin Awang, *Penyelidikan Ilmiah Dan Keperluannya*, 54.

²⁶⁴ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Transformasi Fikah Semasa*, 65.

²⁶⁵ *Ibid.*

²⁶⁶ *Ibid.*, 58.

²⁶⁷ Idris Bin Awang, *Penyelidikan Ilmiah Dan Penentuan Hukum*.

²⁶⁸ *Ibid.*

berautoriti dan sumber rujukan semasa.²⁶⁹ Ia bertujuan sebagai panduan dalam menjalankan penyelidikan bukan menggunakananya sebagai jawapan pasang siap.²⁷⁰

- 3) Persoalan tersebut juga perlu diteliti sama ada sudah berlaku *ijmā'* ulama atau tidak kerana jika sudah berlaku *ijmā'* penyelidikan tidak bermakna lagi kerana hukumnya sudah selesai.²⁷¹
- 4) Sekiranya persoalan tersebut adalah persoalan yang baru dan semasa, penyelidikan melalui sumber primer dan sekunder perlu dilakukan²⁷² dengan menggunakan aplikasi *uṣūl al-fiqh*, *maqāṣid al-sharī'ah*, *siyāsah al-sharīyah*²⁷³ dan prinsip-prinsip hukum yang lain.
- 5) Setelah itu, persoalan tersebut perlu disusuli dengan penyelidikan lapangan yang dijalankan bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat yang lebih tepat, terkini dan semasa²⁷⁴ bagi proses penganalisaan²⁷⁵ dan akhirnya menghasilkan natijah hukum atau fatwa yang menepati objektif syariah.

Oleh itu, berdasarkan teori dan asas berfatwa yang dikemukakan para fuqaha silam dan semasa jelas membuktikan bahawa fatwa bukanlah semata-mata sebagai satu respon hukum tetapi fatwa lebih bersifat menjawab dan menyelesaikan permasalahan kerana lazimnya fatwa diajukan bagi situasi yang belum mempunyai rujukan hukum. Justeru itu, prinsip dan asas dalam mengeluarkan fatwa perlu dipatuhi oleh para mufti agar tidak berlaku kegelinciran dalam berfatwa sehingga menghasilkan keputusan hukum yang tidak tepat. Selain menguasai ilmu *uṣūl al-fiqh*, seorang mufti juga perlu memahami realiti semasa yang berlaku dengan

²⁶⁹ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Transformasi Fikah Semasa*, 65

²⁷⁰ Paizah Hj Ismail, *Ijtihad Sebagai Manhaj Istinbat Hukum*, 25.

²⁷¹ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Kepentingan Penyelidikan Dalam Pengeluaran Fatwa*, 184.

²⁷² Paizah Hj Ismail, *Ijtihad Sebagai Manhaj Istinbat Hukum*, 27.

²⁷³ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Kepentingan Penyelidikan Dalam Pengeluaran Fatwa*, 182-188.

²⁷⁴ Idris Bin Awang, *Penyelidikan Ilmiah Dan Keperluannya*, 48. Lihat, Rahimin Affandi Bin Abdul Rahim, *Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini: Satu Pengenalan*, 8-9.

²⁷⁵ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Kepentingan Penyelidikan Dalam Pengeluaran Fatwa*, 184.

mengambilkira setiap perubahan dalam pelbagai aspek sebelum memutuskan sesuatu fatwa bahkan perlu melihat kepentingannya dalam *maqāṣīd al-sharī'ah*.

Penyelidikan semasa perlu dijalankan sebagai salah satu daripada manhaj berfatwa pada masa kini. Oleh itu, kesemua asas dan kaedah ini perlu diadun supaya menjadi metode yang kukuh, jelas dan berkemampuan untuk menyelesaikan permasalahan ummah pada hari ini.

BAB KETIGA

METODE FATWA

JAWATANKUASA FATWA

NEGERI JOHOR BAGI

FATWA-FATWA SEMASA

DARI TAHUN

2000 HINGGA 2010

BAB KETIGA

METODE FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI JOHOR BAGI FATWA-FATWA SEMASA DARI TAHUN 2000 HINGGA 2010

3.0 PENDAHULUAN

Pengurusan dan pengeluaran fatwa di negeri Johor terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Mufti Johor. Setiap fatwa yang dikeluarkan diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor sebagai sebuah badan yang mempunyai kelayakan sepenuhnya untuk memutuskan dan mengeluarkan fatwa-fatwa rasmi di negeri Johor. Oleh itu, pengeluaran fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa ini adalah berdasarkan kepada metode atau manhaj yang tertentu tetapi masih berdasarkan ruang lingkup mazhab al-Shafi'i dalam kebanyakan jawapan fatwa yang dikeluarkan.

Oleh itu, bab ini akan membincangkan prosedur fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor berdasarkan metode yang diaplikasi dalam menyelesaikan isu-isu yang bersifat semasa. Perbincangan juga akan meneliti pendekatan dan penyelidikan semasa yang digunakan dalam proses pengeluaran fatwa-fatwa semasa berdasarkan kepada contoh-contoh fatwa yang telah diputuskan. Di samping itu, turut dibincangkan juga elemen-elemen semasa yang diambilkira oleh Jawatankuasa Fatwa dalam proses kefatwaan sehingga melahirkan natijah fatwa yang sedemikian.

3.1 JAWATANKUASA FATWA NEGERI JOHOR

3.1.1 Sejarah Penubuhan

Penubuhan Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor bermula sejak 31 Januari 1979²⁷⁶ iaitu setelah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor dikuatkuasa pada tahun

²⁷⁶ Abdul Latif Jufri dan Jainal Sakiban, *Sejarah Perkembangan Pentadbiran Agama Islam Johor* (Johor Bahru: Majlis Agama Islam Johor Urus Sdn. Bhd., 2008), 158.

1978.²⁷⁷ Pada awal penubuhannya, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dikenali sebagai Lujnah Fatwa Negeri Johor²⁷⁸ ketika Dato' Syed Alwi Bin Abdullah al-Haddad memegang jawatan sebagai mufti Johor yang kesembilan, kemudiannya ditukar kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor setelah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor digubal pada tahun 2003.²⁷⁹

Sebelum Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri digubal, mufti merupakan individu yang mempunyai kuasa penuh untuk memutuskan dan mengeluarkan segala keputusan fatwa mengikut penilaianya berdasarkan keilmuan dan pengalamannya tanpa dirujuk kepada jawatankuasa tertentu.²⁸⁰ Ini dapat dilihat menerusi himpunan fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Johor, Dato' Syed Alwi Bin Tahir al-Haddad yang telah dibukukan oleh Jabatan Mufti Johor sebagai rujukan kepada umat Islam di negeri Johor.²⁸¹ Himpunan fatwa-fatwa ini memuatkan hasil keputusan fatwa yang diputuskan sendiri oleh mufti Johor pada ketika itu secara individu. Kemudian, setelah enakmen diperkenalkan pada tahun 1978 dan seterusnya mewujudkan Lujnah Fatwa, maka keputusan hukum diputuskan oleh Lujnah Fatwa sahaja dianggap sebagai fatwa rasmi.

Penubuhan Jawatankuasa Fatwa ini jelas disebut di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003, bahagian III fasal 46 di mana ia menyatakan bahawa²⁸²;

(1) *Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa.*

(2) *Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada –*

²⁷⁷ Abdul Jalil Bin Borham, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negeri Johor* (Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002), 172.

²⁷⁸ *Ibid.*, 173. Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 1978, bahagian II, seksyen 15.

²⁷⁹ Jabatan Mufti Johor, *Fatwa penyelesaian hukum syarak*, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor (Johor Bahru: Bahagian Sumber Maklumat, Jabatan Mufti Johor, 2012).

²⁸⁰ Abdul Latif Jufri dan Jainal Sakib, *Sejarah Perkembangan*, 158.

²⁸¹ Lihat Jabatan Agama Johor, *Fatwa Mufti Kerajaan Johor yang difatwakan oleh Allahyarham al-'Alamah Dato' Syed Alwi Bin Tahir al-Haddad, Mufti Kerajaan Johor* (Johor Bahru: Bahagian Penerbitan, Jabatan Agama Johor, t.t), jilid 1 dan 2.

²⁸² Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003, bahagian III fasal 46.

- (a) *Mufti, sebagai Pengerusi;*
- (b) *Timbalan Mufti;*
- (c) *dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis;*
- (d) *tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada lima orang yang layak dan sesuai, yang dilantik oleh Majlis; dan*
- (e) *seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis sebagai Setiausaha.*

(3) Mana-mana orang yang, sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa, menjadi anggota Jawatankuasa Lujnah Fatwa Negeri Johor yang ditubuhkan di bawah Enakmen terdahulu hendaklah tertakluk kepada subseksyen (4), disifatkan telah dinamakan atau dilantik menjadi anggota Jawatankuasa Fatwa dan hendaklah menjadi anggota Jawatankuasa Fatwa sehingga tempoh pelantikannya di bawah Enakmen yang terdahulu itu tamat.

(4) Jawatankuasa Fatwa boleh, tertakluk kepada Enakmen ini, memutuskan segala persoalan berhubungan dengan tatacara dan amalannya dan kouram mesyuarat Jawatankuasa Fatwa ialah kehadiran lima ahli termasuk Pengerusi.

Oleh itu, peruntukan di atas jelas menunjukkan bahawa, mufti tidak lagi mempunyai kebebasan secara mutlak dan kuasa sepenuhnya untuk mengeluarkan sesuatu fatwa melainkan hanya bersifat sebagai jawapan mufti secara peribadi sahaja bagi pertanyaan yang diajukan kepadanya.²⁸³ Penguatkuasaan enakmen ini juga memperlihatkan bahawa, fatwa rasmi hanyalah fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor sahaja. Fatwa rasmi inilah yang menjadi panduan dan rujukan umat Islam di negeri Johor dan bersifat mengikat jika ia diwartakan.

Tujuan utama diwujudkan Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor sebagai badan rasmi yang berkuasa penuh dalam menyelidiki dan mengeluarkan keputusan fatwa adalah bagi memantapkan dan menguatkan hujah dan dalil untuk memutuskan hukum fatwa bagi sebarang persoalan yang berlaku berdasarkan keilmuan dan

²⁸³ Abdul Latif Jufri dan Jainal Sakiban, *Sejarah Perkembangan*, 158.

pengalaman setiap ahli jawatankuasa yang mempunyai bidang kepakaran masing-masing.²⁸⁴ Justeru itu, melalui penubuhan Jawatankuasa Fatwa ini, fatwa yang diputuskan lebih bersifat menyelesaikan permasalahan yang berlaku menerusi pengalaman, pandangan dan keilmuan yang berbeza yang dimiliki oleh setiap ahli di mana mereka mempunyai peranan dan hak yang sama untuk melontarkan cadangan mahupun pandangan terhadap sesuatu isu yang diutarakan. Bahkan pendekatan ini bertepatan dengan konsep *musyawarah* yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat.

3.1.2 Keanggotaan Jawatankuasa Fatwa

Menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor, keanggotaan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor hendaklah tidak melebihi dari sepuluh orang ahli²⁸⁵ di mana selain daripada mufti dan timbalan mufti, ahli jawatankuasa yang lain dilantik sendiri oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor selaku badan eksekutif yang berkuasa penuh melantik keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor.²⁸⁶ Melihat kepada keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor sejak ia ditubuhkan sehingga ke hari ini, ahli jawatankuasa dilantik dari kalangan mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengajian Islam, khususnya bidang syariah.²⁸⁷ Ini dapat dibuktikan melalui keanggotaan ahli Jawatankuasa Fatwa yang terdiri dari kalangan ahli-ahli akademik, pegawai-pegawai kerajaan dan individu yang mempunyai latarbelakang dalam bidang syariah. Berikut adalah senarai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor tahun 2012 beserta bidang kepakaran mereka;²⁸⁸

²⁸⁴ *Ibid.*, 159.

²⁸⁵ *Ibid.*, 160.

²⁸⁶ *Ibid.*

²⁸⁷ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal S42, Jabatan Mufti Johor merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor) dalam temubual dengan pengkaji pada 26 Jun 2012.

²⁸⁸ Jabatan Mufti Johor, *Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Tahun 2012*, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor (Johor Bahru: Bahagian Sumber Maklumat, Jabatan Mufti Johor, 2012).

Ahli Jawatankuasa Fatwa	Jawatan	Kepakaran
Dato' Hj. M. Tahrir Bin Dato' Hj Samsuddin	Mufti Negeri Johor	Syariah
Hj. Yahya Bin Ahmad	Timbalan Mufti Negeri Johor	Syariah
Hj. Nooh Bin Kadri	Kadi Besar Negeri Johor	Undang-undang syariah
Prof. Selamat Bin Hasyim	Pensyarah Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia	Fiqh dan Usul Fiqh
Prof. Madya Dr Hussin Bin Salamon	Dekan Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia	Ekonomi Islam dan Muamalat
Dr. Arieff Salleh Bin Rosman	Pensyarah Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia	Jenayah Islam
Hj. Ja'afar Bin Omar	Mantan Pengetua Maahad Johor	Pendidikan Islam
Hj. Ramli Bin Jusoh	Timbalan Pengarah Operasi Jabatan Agama Johor	Undang-Undang Keluarga
Syed Ahmad Bin Syed Abdullah	Ahli Majlis Agama Islam Johor	Ahli MAIJ
Suhaimi Bin Rebu	Pegawai Hal Ehwal Islam Jabatan Mufti Johor	Fiqh dan Usul Fiqh

Senarai Ahli Jawatankuasa Fatwa di atas jelas membuktikan bahawa keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dianggotai oleh mereka yang mahir dan pakar dalam bidang syariah dengan sub kepakaran tertentu seperti jenayah Islam, fiqh dan usul fiqh, ekonomi Islam, undang-undang kekeluargaan dan syarak. Secara *mafhūmnya* juga, kepakaran mereka yang mahir dalam bidang yang berlainan seperti perubatan, sains, teknologi dan sebagainya tidak dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Fatwa, hanya berfungsi sebagai panel jemputan jika diperlukan kepakaran mereka bagi memberi taklimat berkenaan dengan isu fatwa tertentu.²⁸⁹ Alasannya, tidak semua isu fatwa yang dikemukakan melibatkan isu-isu teknikal. Oleh itu, khidmat pakar-pakar tersebut hanya diperlukan dalam keadaan tertentu sahaja. Tambahan pula, kajian atau penyelidikan secara mendalam sudah dijalankan di peringkat

²⁸⁹ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal S42, Jabatan Mufti Johor merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor) dalam temubual dengan pengkaji pada 26 Jun 2012.

JAKIM dan pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri hanya menerima keputusan yang telah diputuskan oleh pihak Majlis Fatwa Kebangsaan.²⁹⁰

Walau bagaimanapun, pengkaji melihat perlu diadakan penilaian semula terhadap keanggotaan Jawatankuasa Fatwa yang dilantik agar keahlian tersebut dapat diharmonikan melalui penglibatan antara para sarjana Islam dan pakar dalam bidang teknikal. Memang tidak dinafikan bahawa, keperluan semasa pada masa kini amat memerlukan penglibatan mereka yang pakar dalam bidang teknikal untuk turut sama menyelesaikan permasalahan yang sentiasa menjadi cabaran kepada umat Islam khususnya isu-isu berkaitan perubatan, ekonomi, sosial dan sebagainya. Seharusnya pakar-pakar teknikal ini juga diberi peluang untuk sama-sama berbincang dan mencari penyelesaian terbaik bagi setiap isu fatwa yang dikemukakan. Bahkan pengalaman dan pandangan mereka perlu diambilkira dalam metode pengeluaran fatwa semasa. Oleh itu, kewujudan mereka sebagai ahli Jawatankuasa Fatwa amat berperanan penting dalam mencorakkan keputusan fatwa yang bersifat rasional, logik dan selari dengan tuntutan semasa pada hari ini.

Sekalipun kepakaran mereka hanya di dalam bidang teknikal sahaja, namun mereka juga boleh menyumbangkan idea dan pandangan mereka melalui pengalaman yang dimiliki supaya dapat mewujudkan keseimbangan dan keserasian dalam manhaj pengeluaran fatwa semasa. Penglibatan mereka juga penting sebagai *backup* atau pemantau bagi setiap keputusan fatwa yang dikeluarkan agar tidak berlaku kesilapan atau terlepas pandang bagi isu-isu fatwa yang berkaitan, bahkan penglibatan mereka sangat diperlukan dalam isu-isu saintifik demi memastikan penyelidikan, hukum dan keputusan yang diperolehi lebih mantap dan jelas.²⁹¹

²⁹⁰ *Ibid.*

²⁹¹ Utusan Malaysia, “USIM, Jakim meterai MoA penyelidikan isu fatwa di peringkat nasional”, laman sesawang *Utusan Malaysia*, dicapai 26 Jun 2012, http://www.utusan.com.my/utusan/Selatan/20120829/ws_03/USIM-Jakim-meterai-MoA-penyalidikan-isu-fatwa-di-peringkat-nasional.

3.2 METODE FATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI JOHOR

3.2.1 Autoriti Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Dalam Penetapan Fatwa.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor mempunyai kuasa dan autoriti penuh selaku badan eksekutif yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan fatwa-fatwa rasmi yang menjadi panduan dan pegangan umat Islam di negeri Johor. Autoriti untuk mengeluarkan fatwa ini diperuntukkan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor yang memberi wewenang sepenuhnya kepada Jawatankuasa Fatwa untuk mengkaji dan membuat keputusan fatwa bagi isu yang berlaku. Peruntukan ini disebut dalam fasil 47;

“Jawatankuasa Fatwa hendaklah, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan oleh mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan ketidaktentuan berhubungan dengan Hukum Syarak.”²⁹²

Fasal 48 (1), (2), (3) pula menyebut bahawa²⁹³;

“Sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan”

“Apabila Jawatankuasa bercadang hendak membuat fatwa Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu”

“Selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti hendaklah, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, mengemukakan fatwa yang disediakan itu kepada Majlis”

Manakala fasal 50 (1) menyebut bahawa;

“Jawatankuasa Fatwa boleh meminda, mengubahsuaikan atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah disiarkan dalam Warta atau telah dimaklumkan di bawah Enakmen ini, atau di bawah Enakmen terdahulu²⁹⁴”

²⁹² Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003, Bahagian III, fasal 47.

²⁹³ Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003, Bahagian III, fasal 48.

²⁹⁴ Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003, Bahagian III, fasal 50.

Oleh yang demikian, ketiga-tiga peruntukan di atas jelas memperlihatkan kuasa dan wewenang penuh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dalam menangani persoalan yang berlaku berhubung dengan kepentingan umat Islam melalui pengeluaran fatwa-fatwa rasmi. Melalui peruntukan yang disediakan oleh Enakmen di atas dapat disimpulkan bahawa;

- 1) Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor berkuasa penuh untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan fatwa menerusi pelbagai kaedah dan metode bagi mendapatkan gambaran dan realiti sebenar isu yang dikemukakan supaya dapat memberikan jawapan fatwa yang bersifat rasional dan menyelesaikan permasalahan. Secara tidak langsung ia memberikan ruang yang secukupnya kepada mufti dan Jawatankuasa Fatwa untuk membuat penilaian dengan teliti terhadap isu yang dikemukakan.
- 2) Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor mempunyai ruang yang luas untuk melakukan pembaharuan terhadap keputusan fatwa yang telah ditetapkan melalui pemindaan, pengubahsuaian dan pembatalan fatwa-fatwa yang sudah tidak wujud lagi revelensinya dengan realiti dan suasana semasa yang berlaku disebabkan oleh desakan dan keperluan masa yang sentiasa berubah dan berkembang. Secara tidak langsung, pembaharuan dalam penetapan fatwa ini membuka semula ruang untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dengan lebih terperinci.

Oleh yang demikian, melalui peruntukan yang disediakan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri tersebut jelas menunjukkan bahawa, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor mempunyai ruang yang seluas-luasnya untuk menjalankan aktiviti dan amalan berfatwa tanpakekangan dari mana-mana pihak bahkan proses ijтиhad boleh dijalankan dengan lancar kerana Enakmen memberikan peruntukan yang

penuh kepada Jawatankuasa Fatwa untuk menguruskan dan mengeluarkan fatwa-fatwa rasmi di negeri Johor.

Hal ini juga membuktikan bahawa, aktiviti penyelidikan boleh dijalankan dengan sebaik mungkin oleh Jawatankuasa Fatwa berdasarkan ruang yang diperuntukkan cukup luas untuk menjalankan pelbagai bentuk penyelidikan yang menyumbang ke aras pengeluaran fatwa yang bersifat menyelesaikan masalah. Justeru, Jawatankuasa Fatwa sememangnya dipandang sebagai badan yang berperanan penting untuk menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam kalangan umat Islam di era yang semakin mencabar kini. Oleh yang demikian, peruntukan yang diberikan benar-benar memberi kebebasan sekalipun bukan bersifat mutlak kepada Jawatankuasa dan institusi fatwa untuk menghasilkan keputusan fatwa yang terbaik melalui ruang-ruang penyelidikan yang disediakan secara menyeluruh tanpa sebarang halangan.

3.2.2 Prosedur Pengeluaran Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor

Sebelum Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor diperkenalkan pada tahun 1978, proses pengeluaran fatwa tidak melalui prosedur yang tersusun di mana pada ketika itu mufti bertindak sebagai individu yang bebas untuk mengeluarkan sebarang fatwa mengikut keilmuan, pengetahuan dan pengalamannya.²⁹⁵ Bahkan pada ketika itu Jawatankuasa Fatwa masih belum diwujudkan lagi sehinggahalah badan tersebut diperkenalkan pada tahun 1978 setelah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor digubal. Ia memperlihatkan bahawa, sebelum tahun 1978 prosedur pengeluaran fatwa tidak berlaku dalam bentuk yang sistematik kerana pada waktu itu mufti berkuasa penuh dalam memutuskan jawapan fatwa dan segala jawapan hukum

²⁹⁵ Jabatan Mufti Johor, *Sejarah Jabatan Mufti Negeri Johor*, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor (Johor Bahru: Bahagian Sumber Maklumat, Jabatan Mufti Johor, 2012).

yang diberikannya dianggap sebagai fatwa rasmi.²⁹⁶ Tetapi setelah enakmen digubal dan dikuatkuasakan pada tahun 1978, mufti tidak lagi mempunyai kuasa perseorangan untuk mengeluarkan fatwa, bahkan fatwa mestilah dikeluarkan daripada hasil perbincangan dan persepakatan di antara ahli Lujnah Fatwa pada ketika itu dan kemudiannya ditukar kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor pada tahun 2003.²⁹⁷

Pada awal penguatkuasaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri pada tahun 1978, kuasa pengeluaran dan penetapan fatwa terletak di bawah autoriti Majlis Agama Islam Johor, manakala Lujnah Fatwa pada masa itu hanya berfungsi sebagai badan penasihat sahaja yang tidak berautoriti untuk mengeluarkan fatwa. Seksyen 16 (1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor tahun 1978 menyebut;

“Sesiapa pun boleh, dengan bersurat kepada Setiausaha meminta Majlis mengeluarkan fatwa di atas apa-apa perkara mengenai Hukum Syarak. Apabila diterima permintaan demikian maka hendaklah Setiausaha dengan serta merta menghantarkan permintaan itu kepada Pengerusi Lujnah Fatwa”²⁹⁸

“Majlis boleh pada bila-bila masa dengan kehendaknya sendiri membuat dan mengisytiharkan apa-apa fatwa atau keputusan yang demikian itu”²⁹⁹

Namun, setelah enakmen tersebut dimansuhkan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor bil. 16 yang dikuatkuasakan pada tahun 2003, autoriti untuk mengeluarkan fatwa diserahkan kepada Jawatankuasa Fatwa yang disabitkan penubuhannya oleh enakmen sehingga ke hari ini.

Prosedur pengeluaran fatwa di negeri Johor disabitkan peruntukannya oleh enakmen dalam fasal 48 yang menyebut secara jelas tentang kaedah dan tatacara pembuatan fatwa;

²⁹⁶ *Ibid.*

²⁹⁷ *Ibid.*

²⁹⁸ Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 1978, bahagian III, seksyen 16.

²⁹⁹ *Ibid.*

- (1) Sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan.
- (2) Apabila Jawatankuasa bercadang hendak membuat fatwa Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.
- (3) Selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti hendaklah, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, mengemukakan fatwa yang disediakan itu kepada Majlis.
- (4) Majlis boleh membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenannya bagi penyiaran fatwa itu dalam Warta.
- (5) Syor yang dibuat di bawah subseksyen (4) hendaklah disertakan dengan memorandum penjelasan dan ulasan daripada Majlis jika Majlis berpendapat penjelasan dan ulasan itu perlu.
- (6) Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, Majlis hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam Warta³⁰⁰.

Melalui peruntukan yang diberikan, dapat dirumuskan bahawa, prosedur pengeluaran fatwa di negeri Johor boleh dikatogerikan kepada dua kaedah³⁰¹;

Pertama: Prosedur pengeluaran fatwa yang melibatkan kajian dan penyelidikan secara terperinci dengan mengaplikasi pelbagai bentuk dan kaedah penyelidikan semasa seperti kajian lapangan, rujukan pakar dan sebagainya. Contohnya, isu fatwa berkenaan dengan status puasa bagi pesakit yang menerima rawatan dialisis di mana rujukan daripada pakar perubatan diperlukan bagi menjelaskan situasi sebenar rawatan tersebut. Prosedur pengeluaran fatwa ini berlaku dalam dua situasi sama ada sebagai jawapan hukum kepada persoalan yang diajukan atau berfungsi sebagai *irsyadi* hukum iaitu keterangan hukum bagi isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Mufti sendiri.

³⁰⁰ Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003, bahagian III, fasil 48.

³⁰¹ Zanariah Bt Mohd Don (Pegawai Hal Ehwal Islam S41 merangkap unit buhuth, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Johor) dalam temubual dengan pengkaji, 10 Februari 2012.

Kedua: Prosedur pengeluaran fatwa yang melibatkan kajian atau penyelidikan secara dalaman tanpa menjalankan aktiviti penyelidikan secara serius di mana hanya melibatkan rujukan kepustakaan dan fatwa-fatwa terdahulu. Prosedur ini lazimnya tertumpu kepada persoalan yang dikemukakan oleh individu yang bersifat peribadi atau kariah. Contohnya, hukum merobohkan masjid atau surau, hukum memindahkan kubur, status surau sebagai surau jumaat dan sebagainya.

Kesimpulannya, proses pengeluaran fatwa di negeri Johor melibatkan lima peringkat sehingga fatwa tersebut digazetkan sebagai salah satu daripada hukum yang diperundangkan. Lima peringkat tersebut ialah;

- 1) Permohonan
- 2) Penyelidikan
- 3) Perbincangan
- 4) Penetapan
- 5) Pewartaan

Pertama: Peringkat Permohonan

Dalam peringkat permohonan, sesiapa sahaja boleh mengemukakan permohonan untuk mendapatkan fatwa dari pihak Jabatan Mufti Johor. Lazimnya, permohonan dikemukakan dalam bentuk surat rasmi, emel dan telefon, manakala kunjungan terus ke Jabatan Mufti jarang berlaku.³⁰² Fasal 47 menyebut bahawa;

Jawatankuasa Fatwa hendaklah, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan oleh mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan ketidaktentuan berhubungan dengan Hukum Syarak.³⁰³

³⁰² Zanariah Bt Mohd Don (Pegawai Hal Ehwal Islam S41 merangkap unit buhuth, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Johor) dalam temubual dengan pengkaji, 10 Februari 2012.

³⁰³ Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003, bahagian III, fasal 47.

Permohonan fatwa yang dikemukakan kepada Jabatan Mufti Johor merangkumi empat permohonan yang terdiri daripada³⁰⁴;

- i) Permohonan fatwa yang diajukan oleh pihak sultan. Contohnya fatwa mengenai lilitan kain putih pada batu nisan di kawasan perkuburan orang Islam.
- ii) Permohonan fatwa yang diajukan oleh pihak kerajaan, badan berkanun, agensi atau organisasi tertentu. Contohnya, fatwa mengenai status pembedahan khunsa yang dikemukakan oleh sebuah firma guaman.
- iii) Permohonan fatwa yang dikemukakan oleh individu atau orang perseorangan. Lazimnya isu-isu yang berkaitan dengan perkahwinan, tanah wakaf, kubur dan isu-isu tempatan.
- iv) Isu yang ditimbulkan sendiri oleh pihak Jabatan Mufti bagi tujuan sebagai penjelasan hukum. Contohnya fatwa mengenai penentuan lafaz *ta'yīn* dalam niat ibadah korban.

Setelah permohonan fatwa diterima oleh pihak mufti atau ahli Jawatankuasa Fatwa, permohonan tersebut akan diserahkan kepada Bahagian Fatwa untuk tindakan penilaian dan semakan sama ada permohonan tersebut isu lama atau baru. Namun, jika pertanyaan yang diajukan itu berbentuk isu yang mudah, maka pihak mufti akan memberikan respon secara langsung kepada pihak yang bertanya.

Kedua: Peringkat Penyelidikan

Setelah permohonan fatwa tersebut diterima oleh Bahagian Fatwa, maka pegawai yang terlibat akan melakukan penilaian dan semakan bagi melihat status permohonan sama ada isu tersebut pernah diputuskan atau isu baru. Jika permohonan tersebut melibatkan isu yang pernah difatwakan, maka jawapan fatwa akan diberikan

³⁰⁴ Suhaiimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal S42, Jabatan Mufti Johor merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor) dalam temubual dengan pengkaji pada 26 Jun 2012.

berdasarkan jawapan yang terdahulu. Namun, jika permohonan fatwa yang dikemukakan itu melibatkan isu yang baru yang sukar untuk diselesaikan bahkan tiada rujukan hukum yang terdahulu atau isu yang lama tetapi tidak relevan untuk diaplikasi pada masa kini, maka penyelidikan akan dijalankan secara terperinci.

Dalam peringkat ini, pelbagai bentuk penyelidikan digunakan bagi memperolehi data-data berkenaan dengan isu fatwa seperti kajian kepustakaan, kajian lapangan, kajian observasi dan rujukan kepada pakar-pakar tertentu. Tugas penyelidikan ini dipertanggungjawabkan kepada unit Buhuth dan unit Istinbat selaku unit yang bertanggungjawab untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan kajian serta menyediakan kertas kerja hasil dari laporan penyelidikan yang dilakukan untuk dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri. Tempoh penyelidikan yang dilakukan bergantung kepada isu fatwa yang dikemukakan. Jika isu tersebut sukar dan banyak komplikasi, masa penyelidikan dijangka berpanjangan sehingga dua hingga tiga bulan dan lazimnya ia melibatkan kajian lapangan dan observasi. Contohnya isu berkenaan dengan hukum permainan kuda kepang.³⁰⁵ Jika isu-isu biasa yang hanya memerlukan kajian dalaman seperti kepustakaan, tempoh penyelidikan tidak mengambil tempoh yang lama sekitar seminggu atau dua minggu sahaja.³⁰⁶ Keperluan untuk menjalankan penyelidikan ini diperuntukkan dalam fasal 48 (1);

*Sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan.*³⁰⁷

³⁰⁵ Kertas kerja fatwa hukum permainan kuda kepang, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(AQ)/08 (26 Jun 2012).

³⁰⁶ Zanariah Bt Mohd Don (Pegawai Hal Ehwal Islam S41 merangkap unit buhuth, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Johor) dalam temubual dengan pengkaji, 10 Februari 2012.

³⁰⁷ Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor tahun 2003, Bahagian III, fasal 48.

Ketiga: Peringkat Perbincangan

Setelah aktiviti penyelidikan selesai dijalankan dan dikemukakan dalam bentuk laporan kertas kerja. Ia akan diserahkan kepada pihak Mufti untuk semakan dan jika mufti berpuas hati, laporan kertas kerja tersebut akan dibawa ke peringkat perbincangan bersama ahli Jawatankuasa Fatwa dalam mesyuarat fatwa. Dalam peringkat ini, ketua bahagian Fatwa yang juga merangkap setiausaha Jawatankuasa Fatwa akan membentangkan hasil laporan penyelidikan bagi isu fatwa yang dipohon untuk perbincangan di peringkat jawatankuasa. Seterusnya, ahli Jawatankuasa Fatwa akan bersidang dan berbincang bagi menetapkan keputusan fatwa berdasarkan laporan yang dikemukakan.

Dalam perbincangan ini, pihak Jawatankuasa Fatwa boleh menolak laporan penyelidikan yang dijalankan jika mereka mendapati laporan tersebut perlu diperbaiki atau dilakukan penambahan pada aktiviti penyelidikan sebelum ini. Setelah penyelidikan terdahulu diperbaiki atau diperbaharui, ia akan dibentangkan semula di dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa yang seterusnya. Dalam peringkat perbincangan ini juga, rujukan pakar akan dijemput untuk menjelaskan atau memberi taklimat berkenaan dengan isu-isu fatwa yang memerlukan kepakaran dalam bidang yang kritikal seperti perubatan, ekonomi, teknologi dan sebagainya. Setelah Jawatankuasa Fatwa berpuas hati dengan laporan penyelidikan dan taklimat yang dibentangkan, maka Jawatankuasa Fatwa akan bersidang untuk menetapkan keputusan fatwa berhubung dengan isu yang diminta.

Keempat: Peringkat Penetapan Fatwa

Setelah Jawatankuasa Fatwa berbincang dan meneliti setiap pandangan yang dilontarkan oleh ahli jawatankuasa berhubung dengan isu fatwa tersebut, maka Jawatankuasa Fatwa akan memutuskan hukum dan menetapkan fatwa berkenaan

dengan isu yang dikemukakan secara ijтиhad *jamā’ī* setelah mereka bersetuju dan berpuas hati dengan jawapan fatwa yang diberikan. Proses seterusnya, fatwa yang telah siap diputuskan akan dimaklumkan kepada pihak yang bertanya melalui surat rasmi dan pegawai yang terlibat akan menyediakan satu draf bagi proses pewartaan fatwa jika dilihat fatwa tersebut mempunyai kepentingan kepada masyarakat. Contohnya fatwa berkenaan ujian saringan HIV kepada bakal pengantin di Johor.

Kelima: Peringkat Pewartaan

Keputusan fatwa yang telah diputuskan dan ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri akan diwartakan jika fatwa tersebut berhubung dengan kepentingan dan kemaslahatan masyarakat Islam di negeri Johor. Proses pertama, setelah keputusan fatwa tersebut diputuskan secara rasmi oleh Jawatankuasa Fatwa, pegawai yang terlibat akan menyediakan draf fatwa. Draf tersebut akan disemak oleh Mufti dan Ahli Majlis Agama Islam Johor. Setelah draf tersebut diluluskan, peringkat seterusnya ia akan dibawa kepada pihak Penasihat Undang-Undang Negeri Johor untuk semakan. Jika diluluskan, draf fatwa tersebut akan diusulkan kepada Sultan Johor untuk diperkenankan. Setelah diperkenankan oleh Sultan, draf tersebut akan diserahkan kepada jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk proses perundangan sehingga Rang Undang-Undang Fatwa dikeluarkan dan diserah semula kepada Jabatan Mufti Johor untuk cetakan sebagai warta rasmi. Fatwa yang diwartakan adalah fatwa yang mengikat masyarakat Islam di negeri Johor agar mematuhi fatwa tersebut.

3.2.3: Kerangka Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor

Kerangka fatwa yang menjadi asas kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dalam menetapkan fatwa adalah berasaskan kepada *qawl* mazhab al-Shāfi’ī sebagai *qawl*

yang lazim diikuti dalam memutuskan setiap jawapan fatwa. Sekalipun *qawl* mazhab al-Shāfi’ī menjadi keutamaan dalam keputusan fatwa bagi setiap negeri di Malaysia tetapi pendekatannya agak berlainan di negeri Johor. Ini kerana, hasil kajian mendapati bahawa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor amat terikat dengan *qawl* mazhab al-Shāfi’ī dalam kebanyakan keputusan fatwa yang dikeluarkan.³⁰⁸ Ini bermaksud, dalam apa jua situasi hukum, jawapan fatwa mestilah berdasarkan *qawl* mazhab al-Shāfi’ī melainkan dalam keadaan yang amat mendesak, maka *qawl* dari mazhab sunni yang lain akan digunakan jika *qawl* mazhab al-Shāfi’ī benar-benar tidak dapat menyelesaikan persoalan yang diajukan. Keterikatan ini dapat dilihat kepada justifikasi berikut;

Pertama: Kepatuhan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri yang memperuntukkan proses penetapan fatwa harus mengikut *qawl* mazhab al-Shāfi’ī sebagai *qaūl* yang muktamad diikuti. Sejak awal penubuhan enakmen pada tahun 1978, *qaūl* mazhab al-Shāfi’ī menjadi kerangka bagi setiap jawapan fatwa yang diputuskan. Seksyen 142 (3) menyebut;

*“Tiap-tiap keputusan atau hukuman mengikut hukum syara’ sebagaimana yang diisyaratkan oleh enakmen ini hendaklah berdasarkan *qaūl* dan *rajih* dalam mazhab Syafie”³⁰⁹*

Seterusnya dalam fasal 54 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003 turut menyebut;

*“Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakuan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qaūl* muktamad³¹⁰ (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie”³¹¹*

³⁰⁸ Lihat fatwa zakat pengeluaran KWSP, fatwa penubuhan unit anjing SAR, fatwa mengenai pembahagian harta pusaka, fatwa status anak tidak sah taraf, fatwa hukum menjual cacing dan lintah, fatwa balutan lilitan kain putih pada batu nisan dan fatwa berkenaan dengan isu-isu ibadat seperti hukum perempuan haid memegang dan membaca al Quran, hukum fidayah ganti sembahyang, isu masjid dan surau, isu solat jemaah dan solat jumaat, isu tahlil dan kenduri arwah dan sebagainya. Suhami Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal S42, Jabatan Mufti Johor merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor) dalam temubual dengan pengkaji pada 26 Jun 2012

³⁰⁹ Abdul Jalil Bin Borham, *Op.cit.*, h. 174.

³¹⁰ *Qaūl* muktamad dalam mazhab al-Shāfi’ī ialah pandangan-pandangan yang kuat dan diterima oleh majoriti ulama-ulama al-Shāfi’ī. *Qaūl* muktamad terdiri daripada empat bentuk. Pertama: *Qaūl al-masyhur*. Kedua: *Qaūl al-Azhar*. Ketiga: *Qaūl al-Aṣāḥ*. Keempat: *Qaūl al-Ṣaḥīḥ* Kesemua

Kedua: Keanggotaan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor yang terdiri daripada mereka yang bermazhab al-Shāfi’ī sahaja. Jika diteliti kembali kepada penubuhan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 1978, dalam bahagian ketiga enakmen ini menyatakan bahawa “*hanya orang-orang yang bermazhab Syafie sahaja boleh menjadi Ahli Majlis Agama Islam Johor*³¹²,” ditambah pula pada ketika itu kuasa mengeluarkan dan memutuskan fatwa hanya terletak di bawah autoriti Majlis Agama Islam Johor sahaja. Meskipun enakmen tersebut dipinda sehingga dikuatkuasakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam yang baru pada tahun 2003, keanggotaan Jawatankuasa Fatwa yang terdiri daripada Ahli Majlis yang bermazhab al-Shāfi’ī masih terus dikekalkan dan diperuntukkan oleh enakmen. Fasal ke 11 (6) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor menyebut;

“*Hanya orang Islam dari Mazhab Shafie sahaja yang layak dilantik sebagai Ahli Majlis*”³¹³.

Bahkan jika dilihat kepada perlantikan ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, Majlis Agama Islam mempunyai autoriti untuk melantik mana-mana individu yang layak untuk menganggotai Jawatankuasa Fatwa Negeri. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa mereka yang dilantik semestinya dari kalangan individu yang bermazhab al-Shāfi’ī sahaja kerana keanggotaan Ahli Majlis sendiri dilantik dari mereka yang bermazhab al-Shāfi’ī, apatah lagi keanggotaan Jawatankuasa Fatwa yang dilantik oleh Majlis itu sendiri, sudah pasti dari mazhab yang sama. Situasi yang berlaku ini pastinya akan mempengaruhi keputusan fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor supaya menerima pakai pandangan mazhab al-Shāfi’ī dalam setiap fatwanya. Ia membuktikan bahawa, pengaruh mazhab al-Shāfi’ī sangat

pandangan ini merupakan pandangan yang mukhtar di mana ia berlawanan dengan qaūl yang lemah dari pelbagai aqwāl yang berkontradiksi. Lihat penjelasannya dalam Muḥammad Bin Radīd al-Mas’ūdī, *al-Mu’tamad min Qadīm Qawl al-Shāfi’ī ‘alā al-Jadīd* (Riyāḍ: Dār ‘Ālim al-Kutub, 1996), 82-83.

³¹¹ Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor tahun 2003, bahagian III, fasal 54.

³¹² Abdul Jalil Bin Borham, *Op.cit.*, h. 172.

³¹³ Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor 2003, bahagian III, fasal 11.

mengikat aktiviti pengeluaran fatwa di negeri Johor sehingga amalan berfatwa hanya layak dikeluarkan oleh mereka yang bermazhab al-Shāfi’ī sahaja.

Ketiga: Mufti-mufti Johor terdahulu adalah dari kalangan mereka yang kuat berpegang kepada mazhab al-Shāfi’ī. Ini dapat dilihat melalui teks jawapan fatwa yang diputuskan oleh mufti-mufti tersebut. Contoh yang jelas sebagaimana yang terkandung di dalam buku Himpunan Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Johor yang diputuskan oleh Dato’ Syed Alwi Bin Tahir al-Haddad di mana jawapan fatwa yang diberikan amat rigid dan terikat kepada mazhab al-Syāfi’ī tanpa membuka ruang untuk menerima pakai pandangan lain.³¹⁴ Jika diteliti kepada teks dan jawapan fatwa yang dikemukakan oleh mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, pandangan dari mazhab al-Shāfi’ī dilihat sebagai pandangan yang dominan dalam semua hukum fatwa yang diputuskan. Rujukan dan petikan dari kitab-kitab muktabar mazhab al-Shāfi’ī seperti *al-Majmū’*, *Mughnī āl-Muhtāj*, *I’ānah al-Tālibīn* dan sebagainya dalam setiap jawapan fatwa yang dikemukakan merupakan nukilan yang jelas berlakunya keterikatan terhadap qaūl mazhab al-Shāfi’ī dalam institusi fatwa di negeri Johor.³¹⁵

Keempat: Jawapan fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor berhubung persoalan semasa adalah berdasarkan kepada pandangan mazhab al-Shāfi’ī yang dilakukan secara nukilan. Situasi ini dapat dilihat menerusi kaedah pengambilan hukum yang berorientasikan fiqh al-Shāfi’ī dalam setiap penghujahan yang dikemukakan di mana pandangan dinukilkkan secara terus dari kitab-kitab fiqh *turāth* al-Shāfi’ī dan kitab-kitab fiqh moden dijadikan sebagai sandaran atau dalil

³¹⁴ Contoh-contoh fatwa seperti fatwa menembak burung dengan senjata api sambil niat menyembelih, fatwa solat jumat kurang 40 orang, fatwa memindahkan mayat, fatwa saksi nikah yang fasiq, fatwa menderma darah kepada orang kafir dari orang Islam, fatwa kenduri untuk mayat, fatwa makan haiwan dua alam dan sebagainya.

³¹⁵ Contohnya fatwa jual beli emas secara ansuran, fatwa cadangan perdagangan baja najis kelawar, fatwa berkenaan barang-barang masjid yang usang dan sebagainya. Lihat Jabatan Mufti Johor, *Koleksi Kertas Kerja Fatwa*, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor (Johor Bahru: Bahagian Sumber Maklumat, Jabatan Mufti Johor, 2012).

bagi menetapkan fatwa.³¹⁶ Contohnya fatwa berkenaan zakat KWSP³¹⁷, fatwa penggunaan anjing dalam unit pertahanan awam,³¹⁸ fatwa solat jumaat berkurangan daripada 40 jemaah, fatwa berhubung hukum zihar dan sebagainya.³¹⁹

Keterikatan Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor berfatwa berdasarkan *qawl* mazhab al-Shāfi’ī boleh dilihat kepada dua alasan berikut;

- 1) Patuh kepada peruntukan yang ditetapkan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam bahawa *qawlal-Syāfi’ī* merupakan pandangan yang perlu diberi keutamaan dalam apa juu situasi yang dilihat masih relevan untuk berpegang kepada mazhab tersebut.
- 2) Mewujudkan kesepakatan dan kesatuan dalam kalangan umat Islam di negeri Johor agar berpegang kepada satu mazhab sahaja sebagai langkah untuk menjauhi pepecahan dan kecelaruan dalam kalangan umat Islam dan masyarakat Melayu.

Kesimpulannya, corak berfatwa yang diamalkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor adalah berasaskan kepada pandangan aliran al-Shāfi’ī yang diterimapakai secara terikat sekalipun enakmen memperuntukkan boleh menggunakan *qawl* dari mazhab yang muktabar jika didapati isu yang berlaku bertentangan dengan kepentingan umum. Meskipun enakmen memperuntukkan, Jawatankuasa Fatwa seboleh-bolehnya akan menerimapakai *qawl* mazhab al-Shāfi’ī melainkan isu tersebut sangat mendesak sehingga memaksa Jawatankuasa Fatwa menerima pandangan dari mazhab yang lain.

³¹⁶ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal S42, Jabatan Mufti Johor merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor) dalam temubual dengan pengkaji pada 26 Jun 2012.

³¹⁷ Kertas kerja fatwa zakat KWSP, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ/06/001(26 Jun 2012).

³¹⁸ Kertas kerja fatwa cadangan penubuhan unit anjing (SAR) di Jabatan Pertahanan Awam, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/03(ML)/04 (26 Jun 2012).

³¹⁹ Kertas kerja fatwa amalan zihar dalam kalangan masyarakat melayu, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/02(MK)/06 (26 Jun 2012).

3.3 METODE BERFATWA JAWATANKUASA FATWA NEGERI JOHOR DALAM MENANGANI PERSOALAN SEMASA

Melalui hasil pengumpulan data dan observasi yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor mengaplikasi dua kaedah dalam menangani isu fatwa yang berlaku;

Pertama : Kaedah Penyelidikan Dalaman³²⁰

Kedua : Kaedah Penyelidikan Lapangan

3.3.1 Pertama: Kaedah Penyelidikan Dalaman

Kaedah penyelidikan dalaman merupakan metode penyelidikan fatwa yang bersifat kepustakaan setelah permohonan fatwa diterima oleh pihak Jabatan Mufti Johor atau Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor. Kaedah ini merupakan suatu kemestian dalam proses penyelidikan fatwa kerana ia bakal menentukan jawapan fatwa yang terhasil melalui maklumat dan dapatan yang diperolehi berdasarkan kajian kepustakaan. Kaedah ini diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa melalui kaedah kepustakaan yang melibatkan tiga kaedah pendalilan;

- 1) Aplikasi nas al-Quran dan al-Sunnah.
- 2) Aplikasi kaedah *al-qiyās*, *maṣāliḥ al-mursalah*, *sadd al-dharā'i* dan *'urf*.
- 3) Rujukan terhadap karya-karya fiqh.

3.3.1.1: Aplikasi nas al-Quran dan al-Sunnah.

Hasil kajian mendapati bahawa, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor menggunakan nas dari al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan dalam pengeluaran fatwa tetapi ianya tidak diaplikasi mengikut kaedah rujukan yang sebenar. Aplikasi

³²⁰ Kaedah penyelidikan dalaman yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa ini hanya melibatkan kajian kepustakaan sahaja.

nas al-Quran dan al-Sunnah yang dilakukan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dapat dilihat dalam bentuk berikut;

Sandaran kepada nas al-Quran dan al-Sunnah hanya dirujuk dalam bentuk petikan ayat, terjemahan dan penjelasan yang ringkas sahaja melalui nukilan dari kitab-kitab fiqh yang sedia ada tanpa kupasan yang lebih mendalam menerusi tafsir al-Quran dan syarah al-Hadis yang berautoriti bagi memperolehi perbincangan hukum yang lebih terperinci berkenaan isu fatwa. Demikian juga, kaedah pendalilan menerusi penafsiran lafaz-lafaz nas tidak dikemukakan sama sekali sebagai *manhaj istidlāl* yang penting dalam penentuan hukum syarak. Contohnya kaedah pengambilan hukum dalam kertas kerja fatwa berkenaan dengan peraduan kuiz melalui SMS dan talian 600.³²¹ Dalam penentuan hukumnya, dalil al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi sandaran pengharaman judi dalam isu tersebut dipetik secara literal tanpa dinyatakan tafsiran atau syarah yang jelas berhubung dengan dalil tersebut bahkan hanya sekadar nukilan yang dimuatkan sebagai hujah yang ringkas. Begitu juga dalam contoh fatwa berkenaan zakat gaji dan pendapatan.³²² Dalil al-Quran dan al-Sunnah yang dijadikan sebagai hujah bagi kewajipan membayar zakat gaji dinukilkan dalam bentuk petikan ayat, terjemahan dan sedikit penjelasan sahaja tanpa perincian yang mendalam menerusi tafsir al-Quran dan syarah al-Hadis yang muktabar serta kaedah penentuan hukum berdasarkan penafsiran lafaz-lafaz nas.

Kesimpulannya, aplikasi nas al-Quran dan al-Sunnah tidak dijelaskan dengan tepat dalam kaedah penyelidikan fatwa. Bahkan penggunaannya hanya bersifat literal dan nukilan dari zahir nas sahaja tanpa menyelidiki maksud sebenar nas. Realitinya, rujukan terhadap kedua-dua sumber ini sangat penting dalam proses pemfatwaan kerana ia merupakan sumber asas yang bakal menentukan ketepatan

³²¹ Kertas fatwa zakat peraduan kuiz melalui SMS dan talian 600, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/04(ML)/01 (26 Jun 2012).

³²² Kertas fatwa zakat gaji dan pendapatan, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/00(IB)/21 (26 Jun 2012).

fatwa menerusi nas dan dalil yang muktabar berdasarkan kaedah pendalilan yang tepat.

3.3.1.2: Aplikasi kaedah *al-qiyās*, *maṣāliḥ al-mursalah*, *sadd al-dharā'i* dan ‘urf.

Dalam proses penentuan hukum, Jawatankuasa Fatwa turut menggunakan kaedah *al-qiyās*, *maṣāliḥ al-mursalah*, *sadd al-dharā'i*, *al-‘urf* dan kaedah-kaedah fiqh dalam proses pengeluaran fatwanya.

Pertama, aplikasi *al-qiyās* merupakan salah satu daripada kaedah penentuan hukum yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa. Namun, operasi al-Qiyās yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor tidak berlaku mengikut proses analogi hukum yang dibangunkan oleh para fuqaha bahkan kaedah penggunaan *al-qiyās* dalam cara pengambilan hukum juga tidak jelas. Dari observasi yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa operasi *al-qiyās* yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa dalam kaedah penentuan hukum tidak berasaskan kepada doktrin *al-qiyās* yang disepakati oleh para fuqaha yang membangunkan kaedah tersebut. Penggunaan *al-qiyās* perlu didasari dengan kaedah peng’illahan yang tepat agar ia bersepadan antara hukum asal dengan hukum yang baru. Bagi menjelaskan kaedah *al-qiyās* sebagai suatu sumber hukum, aktiviti ijtihad sangat diperlukan bagi memperolehi ‘illah yang sebenar supaya relevan dengan hukum yang baru. Proses-proses pencarian ‘illah menerusi kaedah *sibr wa al taqsīm*, *tanqīh al-manāṭ*, *takhrīj al-manāṭ* perlu digali dengan mendalam kerana hasilnya akan melahirkan ketepatan ‘illah hukum yang boleh menganalogikan antara hukum asal dengan hukum semasa.

Realitinya, operasi *al-qiyās* tidak dapat dijelmakan dengan baik oleh Jawatankuasa Fatwa bahkan tidak berlaku sebagaimana yang telah digariskan oleh para fuqaha. Ini kerana, penggunaan *al-qiyās* hanya bersifat nukilan dari kitab-kitab fiqh semata-mata tanpa dinyatakan ‘illah dengan tidak menepati rukun-rukun dan

syarat al-qiyās. Contohnya, fatwa berkenaan dengan zakat gaji dan pendapatan. Dalam metode fatwa yang dikemukakan, Jawatankuasa Fatwa telah menggunakan *al-qiyās* untuk menganalogi hukum zakat gaji dengan zakat perniagaan yang dinaskan berdasarkan lafaz ayat bukan ‘*illah* hukum sedangkan di dalam operasi *al-qiyās*, ‘*illah* menjadi penentuan penting bagi memastikan wujudnya revelensi antara hukum yang baru dengan hukum yang dinaskan. Jika ‘*illah* tersebut tidak menepati syarat-syarat ‘*illah*, maka ia tidak akan terpakai untuk hukum semasa. Namun, operasi *al-qiyās* yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa sangat bersifat literal tanpa dinyatakan kaedah yang tepat bahkan *qiyāsnya* adalah berdasarkan lafaz ayat. Dalam kertas kerja fatwa tersebut, kaedah *al-qiyās* diaplikasi seperti berikut;

*“Dalil kepada kewajipan zakat perniagaan boleh diqiyaskan dengan pendapatan atau gaji berdasarkan lafaz ayat (ما كسبت) yang boleh ditafsirkan kepada sebarang bentuk harta yang diusahakan”*³²³

Berdasarkan kaedah pendalilan dalam kertas kerja di atas, jelas menunjukkan bahawa, operasi *al-qiyās* hanya dilakukan secara literal sahaja dan analogi hukum yang mewajibkan zakat pendapatan adalah berdasarkan lafaz ayat bukan ‘*illah* hukum yang tepat. Jelaslah bahawa kaedah pendalilan ini tidak menepati penggunaan *al-qiyās* yang sebenarnya.

Kedua, Jawatankuasa Fatwa juga mengambilkira keperluan *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam setiap keputusan fatwa yang diputuskan dengan melihat isu tersebut berdasarkan kaedah *maṣāliḥ al-mursalah, sadd al-dharā'i*, *al-‘urf* serta kaedah-kaedah fiqh. Pertimbangan Jawatankuasa Fatwa dalam menggunakan kaedah ini adalah berdasarkan latarbelakang pemohon fatwa, budaya setempat, sensitiviti masyarakat, kesan jika memberikan fatwa sebaliknya dan keperluan semasa.³²⁴

³²³ Kertas fatwa zakat gaji dan pendapatan, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/00(IB)/21 (26 Jun 2012).

³²⁴ Zanariah Bt Mohd Don (Pegawai Hal Ehwal Islam S41 merangkap unit buhuth, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Johor) dalam temubual dengan pengkaji, 10 Februari 2012.

Pemakaian kaedah ini dalam *manhaj* pengeluaran fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa dapat dilihat melalui standard berikut;

Pertama: Jawatankuasa Fatwa mengutamakan *maṣlahah* yang lebih besar kepentingannya daripada *mafsadah* yang sedikit kesannya berasaskan kaedah *maṣāliḥ al-mursalah* sebagai tujuan untuk menghapuskan *mafsadah* yang lebih besar. Contohnya fatwa berkenaan dengan pelaksanaan ujian saringan HIV di kalangan bakal pengantin di negeri Johor.³²⁵ Dalam menangani isu ini, Jawatankuasa Fatwa telah menggunakan pendekatan *maqāṣid al-sharī'ah* dari aspek *maṣlahah al-darūrī* iaitu penjagaan nyawa setiap pasangan pengantin dan penjagaan terhadap keturunan dan zuriat yang bakal dilahirkan oleh pasangan tersebut. Oleh itu, penetapan ujian HIV kepada setiap bakal pengantin termasuk mereka yang ingin mendaftarkan perkahwinan di negeri Johor dilihat mempunyai *maṣlahah* yang lebih besar terutama bagi menjamin kehidupan setiap pasangan dan zuriat mereka supaya bebas dari penyakit AIDS yang akhirnya membawa kepada kematian dan kehancuran rumahtangga.

Meskipun pada awalnya pelaksanaan ini dilihat akan memberi keaiban kepada setiap pasangan yang sudah merancang perkahwinan atau keaiban kepada keluarga pasangan tersebut, namun *maṣlahahnya* mengatasi *mafsadahnya* yang sedikit kerana pelaksanaan ujian HIV ini sebagai satu langkah awal untuk memaklumkan kepada pasangan mengenai status kesihatan pasangannya dan langkah pencegahan dari merebaknya wabak HIV terhadap pasangan yang sihat. Implikasinya, ia dapat mengawal penularan penyakit ini ke atas zuriat-zuriat yang bakal meneruskan kesinambungan kehidupan pasangan tersebut. Jika tidak dilaksanakan ujian ini, sudah pasti *mafsadah* yang lebih besar bakal berlaku di mana pasangan yang sihat akan dijangkiti virus HIV dari pasangannya yang mempunyai

³²⁵ Kertas kerja fatwa pelaksanaan ujian saringan HIV ke atas bakal pengantin di Johor, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/01(MK)/10 (26 Jun 2012).

virus tersebut dan seterusnya menjangkiti anak yang bakal dilahirkan. Secara tidak langsung akan meningkatkan jumlah mereka yang menjadi pembawa virus HIV dan secara pastinya kematian juga akan meningkat disebabkan penularan virus tersebut. Oleh itu, pelaksanaan ujian HIV dilihat sebagai suatu keperluan yang sangat penting sebelum setiap pasangan meneruskan perkahwinan mereka kerana *maṣlahahnya* berhubung dengan kehidupan manusia dan berfungsi sebagai langkah untuk menghapuskan *mafsadah* yang lebih besar kesannya.

Kedua: Jawatankuasa Fatwa melarang dan menegah sesuatu perbuatan atau tindakan sebagai langkah untuk mencegah *mafsadah* yang lebih besar kesannya berdasarkan doktrin *sadd al-dharā'i*'. Contohnya, fatwa berkenaan permainan kuda kepang di negeri Johor³²⁶ di mana dalam jawapan fatwa yang diberikan Jawatankuasa Fatwa memutuskan bahawa hukum permainan tersebut adalah haram kerana terdapat unsur-unsur khurafat dan mensyirikkan Allah SWT. Tegahan ini adalah bertepatan dengan konsep *maqāṣid al-shari'ah* dari aspek penjagaan terhadap agama khususnya dalam menjaga akidah dan kepercayaan umat Islam dari terpesong ke arah mempercayai sesuatu yang bertentangan dengan akidah Islam. Justeru itu, dalam menangani hukum berkaitan dengan kuda kepang ini, Jawatankuasa Fatwa mengambil langkah *sadd al-dharā'i*'atau menutup jalan dengan mengharamkan permainan ini dari terus diamalkan di negeri Johor kerana dibimbangi berlaku *mafsadah* yang lebih besar terutama dari aspek kepercayaan dan ritual yang jelas bertentangan dengan syariat Islam seperti pembakaran kemenyan, mabuk, pemujaan dan kepercayaan khurafat.

Ketiga: Jawatankuasa Fatwa mengharuskan sesuatu tegahan atau larangan berasaskan faktor darurat yang besar dan situasi yang mendesak di mana kemudaratan boleh berlaku jika bersikap jumud dengan tegahan atau larangan

³²⁶ Kertas kerja fatwa hukum permainan kuda kepang, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(AQ)/08 (26 Jun 2012).

tersebut. Contohnya, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor memfatwakan harus menggali dah memindahkan tanah perkuburan yang lama atas dasar kepentingan yang melibatkan masyarakat awam seperti pembesaran masjid atau ruang kubur yang sedia ada tidak mencukupi atau sebagainya di mana jika terus dikekalkan larangan daripada menggali dan memindahkan kubur tersebut, sudah pasti mendatangkan masalah kepada masyarakat atau kariah setempat. Begitu juga, fatwa berkenaan dengan keharusan menubuhkan unit anjing pengesan dan penyelamat dalam Jabatan Pertahanan Awam dengan tujuan yang bersifat *al-hājiyāt* seperti mengesan bukti-bukti jenayah, menjekaki mayat dan sebagainya kerana dari segi saintifik anjing mempunyai deria hidu yang sangat sensitif. Oleh itu, jika dilarang daripada menggunakan anjing sebagai unit pengesan disebabkan kenajisannya sudah pasti keskes jenayah sukar untuk diselesaikan dalam tempoh yang segera. Oleh itu, dalam situasi sedemikian Jawatankuasa Fatwa akan mengharuskan tegahan dan larangan yang pada asalnya merupakan larangan yang diharamkan oleh Allah SWT.

Keempat: Jawatankuasa Fatwa memberikan keutamaan terhadap sesuatu yang menjadi keperluan atau *hājrah* masyarakat supaya tidak mendatangkan kepayahan atau kesukaran kepada mereka dalam melaksanakan keperluan tersebut. Contohnya, fatwa berkenaan skim kutipan zakat melalui perbankan internet yang disediakan oleh Bank Islam, RHB Bank dan Maybank di mana dalam isu ini Jawatankuasa Fatwa mengharuskan kutipan atau pembayaran zakat melalui perbankan internet yang diuruskan oleh bank-bank tersebut.³²⁷ Dalam fatwanya Jawatankuasa Fatwa menjelaskan bahawa, pembayaran zakat melalui perbankan internet ini merupakan salah satu cara untuk menggalakkan umat Islam membayar zakat secara mudah tanpa tertumpu pembayaran di pusat zakat sahaja. Melalui sistem ini memudahkan umat Islam untuk membuat pembayaran zakat mana-mana sahaja kawasan yang

³²⁷ Lihat kertas kerja fatwa kutipan zakat melalui perbankan internet melalui Bank Islam Berhad, RHB Bank dan Maybank Berhad, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ/05/02/1 (26 Jun 2012).

mempunyai capaian internet. Sekalipun sistem ini bukan sesuatu yang dikira sebagai darurat tetapi ia merupakan suatu keperluan yang lebih memudahkan umat Islam untuk mengeluarkan zakat pada bila-bila masa bahkan boleh menjimatkan masa mereka.

Kelima: Jawatankuasa Fatwa mengambilkira adat, budaya dan realiti setempat dalam metode pengeluaran fatwa semasa berdasarkan konsep *al-'urf*. Contohnya, fatwa berkenaan hukum *zihār* dalam kalangan masyarakat melayu di Malaysia. Dalam fatwanya, Jawatankuasa Fatwa memutuskan bahawa, lafaz *zihār* yang biasanya dituturkan oleh suami terhadap isterinya dalam amalan masyarakat melayu tidak jatuh sebagai hukum *zihār*. Alasannya, Jawatankuasa Fatwa melihat kepada budaya dan amalan yang berlaku dalam masyarakat melayu bahawa, lafaz *zihār* yang dituturkan oleh suami terhadap isterinya merupakan kata-kata pujian atau suatu penghormatan terhadap mereka bukan semata-mata sebagai lafaz *zihār* melainkan jika berniat sebaliknya.

Walaupun begitu budaya dan amalan masyarakat melayu yang bertentangan dengan syariat dan akidah Islam atau disebut sebagai '*urf al-fasīd* tidak diterimakai sebagai metode dalam pengeluaran fatwa. Contohnya, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor memfatwakan melarang amalan meletakkan baju pengantin di atas bumbung sebagai penahan hujan yang jelas bertentangan dengan akidah Islam.³²⁸

Kesimpulannya, Jawatankuasa Fatwa menggunakan kaedah ini berdasarkan kepada standard yang tertentu dengan mengambilkira keperluan dan kepentingan *maṣlaḥah ‘ammah* dan kesannya terhadap masyarakat Islam khususnya di negeri Johor.

³²⁸ Jabatan Mufti Johor, *Fatwa-Fatwa Yang Telah Diputuskan Oleh Sahibus Samahah Dato' Hj Nooh Bin Gadut Mufti Kerajaan Negeri Johor bersama Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor* (Johor Bahru: jabatan Mufti Johor, t.t), 3:148.

3.3.1.3 Rujukan terhadap karya-karya fiqh

Rujukan terhadap karya-karya fiqh merupakan kaedah penyelidikan yang melibatkan rujukan terhadap kitab-kitab fiqh yang sedia ada sebagai sumber penetapan fatwa sama ada kitab terdahulu mahupun semasa. Rujukan ini disifatkan sebagai aktiviti menyalin atau memetik pandangan yang terdapat dalam karya terdahulu atau semasa untuk dinukilkan sebagai dalil penghujahan fatwa yang dimuatkan sebagai kaedah pengambilan hukum bagi sesuatu isu fatwa.

Melihat kepada realiti berfatwa di institusi fatwa negeri Johor, rujukan terhadap karya fiqh boleh disifatkan sebagai rujukan yang paling popular kerana menjadi kelaziman dalam proses penyelidikan fatwa dengan cara menukil dan memetik secara terus setiap pandangan atau pendapat yang dikemukakan oleh para fuqaha, seterusnya dimuatkan sebagai kaedah pendalilan atau penghujahan fatwa. Kadangkala, rujukan ini lebih digunakan dan bersifat dominan berbanding rujukan asas yang jelas berfungsi sebagai sumber yang berautoriti untuk menghasilkan keputusan fatwa yang rasional. Rujukan terhadap karya-karya fiqh ini boleh diklasifikasikan kepada tiga rujukan:

- 1) Rujukan terhadap kitab-kitab klasik.
- 2) Rujukan terhadap kitab-kitab kontemporari.
- 3) Rujukan terhadap fatwa-fatwa terdahulu.
- 4) Rujukan terhadap sumber internet.

Pertama: Rujukan terhadap kitab-kitab klasik. Apa yang dimaksudkan dengan kitab-kitab klasik di sini ialah kitab-kitab *turāth* mazhab al-Shāfi’ī. Dalam mengemukakan penghujahan atau pendalilan berkenaan dengan sesuatu isu, Jawatankuasa Fatwa akan membuat rujukan terhadap kitab-kitab *turāth* dari mazhab al-Shāfi’ī. Hal ini diakui sendiri oleh pegawai yang bertanggungjawab untuk

menyediakan kertas kajian fatwa.³²⁹ Oleh itu, antara kitab-kitab *turāth* mazhab al-Shāfi’ī yang menjadi bahan rujukan utama dalam proses penyelidikan fatwa ialah;

- i) *I’ānah al-Tālibīn* karangan Abū Bakr al-Dimyāṭī.
- ii) *al-Majmū’* karangan al-Nawawī.
- iii) *Mughnī al-Muhtāj* karangan Khaṭīb al-Sharbinī.
- iv) *al-Umm* karangan Imam al-Shāfi’ī
- v) *Hāsyāyah al-Bayjūrī* karangan Imam al-Bayjūrī
- vi) *al-Muhadhdhab* karangan al-Shīrāzī.
- vii) *al-Iqnā’* karangan Abī Ṣuyjā’.
- viii) *Hāsyāyah al-Bujayrimī ‘alā al-Khaṭīb* karangan al-Bujayramī
- ix) *Tuhfah al-Muhtāj fī Syarḥ al-Minhāj wa Hawāsyī al-Syarwānī wa al-‘Ibādī* karangan Ibn Ḥajar al-Haytamī.
- x) *Minhāj al-Tālibīn* al-Nawawī
- xi) *Kifāyah al-Akhyār* karangan al-Ḥaṣinī

Terdapat juga rujukan yang dilakukan terhadap kitab-kitab jawi klasik yang bermazhab al-Shāfi’ī seperti kitab *Sabil al-Muhtadīn*, *Maṭla’ al-Badrayn wa Majmā’ al-Bahrayn*, *al-Bahr al-Wāft wa al-Nahr al-Ṣāfi*, *Furū’ al-Masāil wa Uṣūl al-Wasāil* dan *Bahr al-Madhbī*. Dalam mengaplikasi rujukan terhadap kitab-kitab turath ini, setiap pandangan dari mazhab al-Shāfi’ī akan dipetik secara keseluruhan dan dinukilkan sebagai kaedah penetapan hukum dalam proses menghasilkan fatwa. Selain itu, rujukan juga dilakukan terhadap kitab tafsir dan kitab hadis seperti *Tafsīr Ibn Kathīr* dan *Sunan Sittah* tetapi dalam bentuk yang petikan nas sahaja.

Contohnya, fatwa berkenaan cadangan penjualan baja najis kelawar (guano) di mana isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan hukum jual beli najis. Dalam melakukan rujukan terhadap isu berkenaan, Jawatankuasa Fatwa terus memetik

³²⁹ Suhami Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal S42, Jabatan Mufti Johor merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor) dalam temubual dengan pengkaji pada 26 Jun 2012.

pandangan al-Nawawī menerusi kitab *al-Majmū'* secara keseluruhannya berkenaan dengan hukum berjual beli najis.³³⁰ Begitu juga fatwa berkenaan kedudukan anak yang tidak sah taraf di mana dalam kaedah pendalilannya, Jawatankuasa Fatwa memetik pandangan al-Bayjūrī secara nukilan untuk dimuatkan sebagai dalil bagi mensabitkan kedudukan anak yang lahir kurang daripada enam bulan pernikahan sebagai anak tidak sah taraf.³³¹

Kedua: Rujukan terhadap kitab-kitab kontemporari. Dalam melaksanakan aktiviti penyelidikan fatwa, rujukan ini digunakan secara optimum oleh Jawatankuasa Fatwa terutama kitab *muqāranah fiqh*. Situasi ini berlaku kerana kitab-kitab tersebut menyediakan perbincangan fiqh dalam bentuk yang mudah dan justifikasi hukum yang ringkas ditambah dengan gaya bahasa yang boleh difahami. Bahkan perbincangan mengenai *khilāf* dalam kalangan fuqaha juga mudah diperolehi menerusi kitab-kitab ini beserta dalil yang ringkas. Tambahan pula, kitab-kitab tersebut sudah diterjemahkan ke dalam bahasa melayu bagi memudahkan pemahaman.³³² Oleh itu, ianya memudahkan aktiviti penyelidikan fatwa kerana semua maklumat dan hujah boleh didapati di dalam satu kitab sahaja. Realitinya, rujukan perlu dilakukan terhadap sumber induk atau kitab *turāth* mazhab jika isu fatwa yang dikemukakan mempunyai *khilāf* dalam kalangan fuqaha. Contohnya, jika isu fatwa tersebut perlu melihat kepada pandangan mazhab Hanafi, maka rujukan perlu dilakukan terhadap kitab-kitab *turāth* mazhab Hanafī termasuk mazhab-mazhab yang lain. Ini kerana, melalui rujukan terhadap kitab-kitab *turāth* mazhab pelbagai input boleh diperolehi berkaitan dengan hukum fiqh dan kaedah pendalilan

³³⁰ Kertas kerja fatwa cadangan perdagangan baja najis kelawar (Guano), bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(ML)/32 (26 Jun 2012).

³³¹ Jabatan Mufti Johor, *Fatwa-Fatwa Yang Telah Diputuskan*, 3:152.

³³² Lihat contoh Wahbah al-Zuhaili, *Fiqh dan Perundungan Islam*, terj. Ahmad Shahbari et.al. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997). Abdul Rahman al-Jazairi, *Fiqh Empat Mazhab*, terj. H.M Yusuf Sinaga et.al. (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2011)

yang digunakan oleh mazhab tersebut dan berkemungkinan terdapat pandangan yang bersesuaian dengan isu fatwa yang dikemukakan.

Kitab-kitab kontemporari tidak boleh dijadikan sebagai sandaran utama dalam pendalilan atau penghujahan hukum fatwa. Tetapi boleh berperanan sebagai rujukan sampingan yang boleh membantu atau menyokong pendalilan fatwa. Kadangkala perbincangan yang dimuatkan di dalam kitab-kitab ini tidak membincangkan hukum berkenaan secara menyeluruh bahkan hanya memuatkan pandangan yang umum sahaja sedangkan jika digali atau diteliti kitab-kitab *turāth* mazhab, banyak sekali pandangan fiqh yang boleh dikaitkan dengan isu fatwa. Namun sebaliknya, Jawatankuasa Fatwa lebih gemar menyalin pandangan-pandangan yang terdapat di dalam kitab-kitab ini sebagai dalil pengambilan hukum dalam proses penyediaan fatwa. Antara kitab-kitab kontemporari yang dirujuk oleh Jawatankuasa Fatwa ialah;

1) Kitab-kitab fiqh kontemporari:

- i) *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh* karangan Dr. Wahbah al-Zuhaylī. Kitab ini merupakan rujukan yang paling popular digunakan kerana mengandungi perbincangan para fuqaha beserta justifikasi dalam bentuk yang mudah dan ringkas serta gaya bahasa yang boleh difahami.
- ii) *al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-Arba’ah* karangan Abd al-Rahman al-Jazīrī.
- iii) *al-Fiqh al-Manhajī* karangan Dr. Muṣṭafā al-Bugha dan al-Khin.

2) Kitab-kitab tafsir kontemporari:

- i) *Tafsīr al-Munīr* karangan Dr. Wahbah al-Zuhaylī.
- ii) *Tafsīr al-Sya’rāwī* karangan Syeikh al-Mutawallī al-Sya’rāwī
- iii) *Tafsīr fī Zilāl al-Quran* karangan Sayyed Quṭb.

3) Kitab-kitab hadis hukum:

- i) *Subul al-Salām* karangan al-Ṣan’ānī.
- ii) *Bulūgh al-Marām* karangan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī.

Contoh rujukan fatwa terhadap kitab-kitab kontemporari seperti fatwa berkenaan penggunaan anjing (SAR) dalam Pertahanan Awam di mana dalam sumber pengambilan hukumnya, Jawatankuasa Fatwa memetik perbincangan fuqaha berkenaan kedudukan anjing dari kitab *al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-Arba’ah* secara keseluruhannya.³³³ Begitu juga, fatwa berkenaan hukum menjual dan menternak cacing dan lintah untuk tujuan penghasilan kosmetik, di mana Jawatankuasa Fatwa telah menukil keseluruhan perbincangan mazhab mengenai kedudukan cacing dan lintah sebagai haiwan darat atau akuatik melalui kitab *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh* untuk dijadikan sumber hukum.³³⁴ Selain itu, Jawatankuasa Fatwa turut memuatkan pelbagai pandangan para fuqaha dari mazhab berlainan berkenaan sesuatu isu tetapi diambil secara terus dari kitab kontemporari sebagai sandaran dalil. Contohnya, Jawatankuasa Fatwa mengambil pandangan Imam al-Sarakhsī, Imam al-Qarāfī, Ibn Ḥazm, al-Asnawī dan Ibn Taymīyah dalam isu *gharar* sebagai hujah untuk menetapkan fatwa berkenaan skim cepat kaya yang dipetik secara langsung dari kitab *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*.³³⁵

Ketiga: Rujukan terhadap fatwa-fatwa terdahulu dan semasa. Dalam menyokong dan mengukuhkan lagi jawapan fatwa, Jawatankuasa Fatwa turut merujuk fatwa-fatwa terdahulu dan semasa sebagai dalil penghujahan dalam proses pengeluaran fatwa supaya boleh berlaku persepakatan antara fatwa-fatwa yang sedia ada dengan isu yang dikemukakan jika dirasakan fatwa tersebut rasional untuk digunakan. Antara fatwa-fatwa terdahulu yang menjadi rujukan Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor ialah;

A) Fatwa-fatwa tempatan:

³³³ Kertas kerja fatwa cadangan penubuhan unit anjing (SAR) di Jabatan Pertahanan Awam, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/03(ML)/04 (26 Jun 2012).

³³⁴ Kertas kerja fatwa hukum menjual cacing dan lintah untuk tujuan kosmetik dan perubatan, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(ML)/21 (26 Jun 2012).

³³⁵ Jabatan Mufti Johor, *Fatwa-Fatwa Yang Telah Diputuskan*, 3:158.

- 1) Fatwa-fatwa terdahulu yang telah diputuskan oleh mufti-mufti Negeri Johor sebelum ini.
- 2) Fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia.
- 3) Fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri di Malaysia.

B) Fatwa-fatwa antarabangsa:

- 1) Fatwa-fatwa *Lajnah al-Dāimah li al-Buhūth al-‘Ilmīyah wa al-Iftā*, Arab Saudi.
- 2) Fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Brunei Darussalam.
- 3) Fatwa-fatwa Majlis Ugama Islam Singapura.
- 4) Fatwa-fatwa semasa Dr Yusuf al-Qaradawi.

Antara contoh-contoh fatwa yang diputuskan berdasarkan rujukan terhadap fatwa-fatwa terdahulu ialah fatwa berkenaan pengeluaran zakat KWSP di mana Jawatankuasa Fatwa telah merujuk keputusan Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 1982 yang telah memfatwakan bahawa wang simpanan KWSP wajib dikeluarkan zakat sekiranya cukup haul setelah memperolehi wang tersebut.³³⁶ Seterusnya, fatwa berkenaan status puasa bagi pesakit yang menerima rawatan dialisis di mana Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor di dalam dalil penghujahannya telah merujuk fatwa yang diputuskan oleh Jabatan Mufti Brunei Darussalam dan fatwa *Lajnah al-Dāimah li al-Buhūth al-‘Ilmīyah wa al-Iftā* mengenai hukum rawatan hemodialisis.³³⁷ Begitu juga, fatwa berkenaan hukum menjual dan menternak lintah dan cacing untuk tujuan perubatan dan kosmetik di mana

³³⁶ Kertas kerja fatwa zakat KWSP, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ/06/001(26 Jun 2012).

³³⁷ Kertas fatwa status puasa pesakit yang menerima rawatan dialisis peritoneal, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(1B)/37 (26 Jun 2012).

Jawatankuasa Fatwa telah merujuk keputusan fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah pada tahun 2008 mengenai isu penggunaan lintah. Termasuk juga, fatwa berkenaan cadangan perdagangan baja dari najis kelawar (guano) di mana Jawatankuasa Fatwa telah merujuk fatwa berkaitan dengan penggunaan baja dari najis yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan fatwa yang diputuskan oleh Mufti Johor terdahulu mengenai hukum jual beli najis.³³⁸

Keempat: Rujukan terhadap sumber internet. Dalam menjalankan aktiviti penyelidikan fatwa, Jawatankuasa Fatwa juga turut merujuk sumber internet sebagai rujukan tambahan dalam proses pengeluaran fatwa. Kebiasaannya rujukan internet dilakukan bagi memperolehi maklumat atau pengenalan awal berkenaan isu fatwa yang dikemukakan supaya dapat diketahui latarbelakang dan keadaan sebenar isu tersebut sebelum melakukan proses penyelidikan hukum. Contohnya, Jawatankuasa Fatwa telah merujuk beberapa laman sesawang berkenaan isu penglibatan orang Islam dalam aktiviti “Candlelight Vigil” pada sesuatu perhimpunan atau acara. Dalam isu ini, rujukan telah dilakukan terhadap laman-laman sesawang berkenaan dengan latarbelakang aktiviti “candlelight vigil” dan sejarah aktiviti tersebut di dalam upacara agama.³³⁹ Begitu juga, fatwa berkenaan jual beli emas secara ansuran di mana Jawatankuasa Fatwa telah merujuk laman sesawang ustaz Zaharuddin.net dan portal Jakim untuk mendapatkan maklumat awal mengenai hukum jual beli emas di dalam Islam.³⁴⁰ Termasuk juga, fatwa yang berkaitan dengan status puasa bagi pesakit yang menerima rawatan dialisis di mana Jawatankuasa Fatwa telah merujuk laman sesawang portal Kementerian Kesihatan Malaysia, Fiqh Medic dan portal

³³⁸ Kertas kerja fatwa cadangan perdagangan baja najis kelawar (Guano), bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(ML)/32 (26 Jun 2012).

³³⁹ Kerja fatwa penglibatan umat Islam dalam upacara Candlelight vigil pada sesuatu perhimpunan atau acara, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(AQ)/32 (26 Jun 2012).

³⁴⁰ Kertas kerja fatwa hukum jual beli emas secara ansuran atau hutang, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(ML)/35 (26 Jun 2012).

JAKIM untuk mendapatkan maklumat asas mengenai kaedah rawatan hemodialisis.³⁴¹

3.3.2 Kedua: Kaedah Penyelidikan Lapangan

Kaedah penyelidikan lapangan merupakan kaedah penyelidikan fatwa yang melibatkan kajian atau aktiviti lapangan di mana melalui metode ini Jawatankuasa Fatwa dan pegawai-pegawai yang terlibat akan turun ke lokasi kajian untuk melihat dan menyaksikan sendiri realiti atau gambaran sebenar latarbelakang isu yang dikemukakan. Di negeri Johor, Jawatankuasa Fatwa lazimnya akan menggunakan kaedah lapangan untuk mengenal pasti dan mendapatkan gambaran yang sahih berkenaan isu fatwa yang ingin diputuskan. Terdapat dua kaedah lapangan yang lazim digunakan iaitu:

- 1) Kajian lapangan yang melibatkan penyelidikan di lokasi bagi sesuatu isu yang diajukan.
- 2) Rujukan kepada pakar-pakar yang berkaitan dengan isu fatwa bagi mendapatkan penjelasan yang lengkap.

3.3.2.1: Kajian lapangan

Dalam merealisir aktiviti penyelidikan fatwa, Jawatankuasa Fatwa turut melakukan melakukan kajian lapangan dengan hadir ke lokasi kajian untuk menyaksikan keadaan sebenar isu yang berlaku supaya dapat menyediakan laporan yang tepat dan seterusnya menentukan hukum yang rasional bagi isu tersebut. Bagi memahami kondisi yang sebenar mengenai persoalan yang diajukan kepada pihak Jawatankuasa Fatwa, penglibatan ahli Jawatankuasa dan pegawai yang terlibat untuk hadir ke kawasan atau lokasi isu sangat diperlukan khususnya dalam menangani

³⁴¹ Kertas fatwa status puasa pesakit yang menerima rawatan dialisis peritoneal, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(1B)/37 (26 Jun 2012).

persoalan-persoalan yang bersifat semasa. Kegagalan pihak jawatankuasa fatwa untuk meninjau lokasi di mana persoalan tersebut berlaku boleh menyebabkan berlakunya kegelinciran dalam mengeluarkan fatwa mengenainya. Melalui kajian lapangan ini, gambaran dan latarbelakang persoalan yang dikemukakan boleh difahami dengan jelas dan tepat, sekaligus memudahkan proses penyelesaian hukum fatwa. Bahkan di dalam peringkat penyelidikan fatwa, kajian lapangan termasuk dalam peringkat *al-taṣawwūr* iaitu memahami secara jelas dan tepat realiti persoalan yang diajukan sebelum membuat keputusan fatwa.

Antara contoh fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa berdasarkan kajian lapangan ialah fatwa berkenaan hukum permainan kuda kepang. Dalam proses penyelidikan fatwa mengenai permainan ini, pegawai dan beberapa ahli Jawatankuasa Fatwa telah hadir ke lokasi permainan kuda kepang tersebut diadakan untuk melihat sendiri upacara dan persembahan kuda kepang dijalankan.³⁴² Begitu juga, fatwa berkenaan status kesucian bekas sembelihan ayam yang diajukan oleh syarikat Ayamas Food Corporation Sdn. Bhd. Syarikat tersebut telah mengajukan permohonan fatwa untuk mendapatkan penjelasan hukum mengenai kaedah penyembelihan menggunakan bekas penggantungan yang berbentuk kon bagi memudahkan proses penyembelihan sebagai ganti kepada kaedah stunner yang digunakan sebelum ini. Dalam kajian fatwanya, pihak mufti dan ahli Jawatankuasa Fatwa telah melakukan tinjauan di lokasi kajian, mendengar taklimat dari pihak berkenaan serta melihat sendiri bagaimana proses penyembelihan tersebut dijalankan menggunakan bekas-bekas kon tersebut. Setelah itu, mesyuarat Jawatankuasa Fatwa diadakan untuk menetapkan hukum penyembelihan menggunakan kaedah tersebut

³⁴² Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal S42, Jabatan Mufti Johor merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor) dalam temubual dengan pengkaji pada 26 Jun 2012.

berdasarkan realiti sembelihan yang dijalankan di gudang penyembelihan syarikat berkenaan.³⁴³

Selain itu, dalam melaksanakan kaedah lapangan ini, pihak penyelidik yang terdiri daripada pegawai-pegawai *buhuth* turut melakukan kaedah soal selidik dan temubual untuk mendapatkan respon atau pandangan daripada responden berkenaan isu fatwa yang berlaku.³⁴⁴ Kaedah soal selidik ini berlaku dalam dua bentuk, pertama: edaran soalan soal selidik kepada responden untuk dijawab. Kedua: temubual secara rawak terhadap responden. Contohnya, para penyelidik di Jabatan Mufti Johor pernah melakukan soal selidik terhadap responden yang terdiri daripada masyarakat awam untuk mendapatkan respon mereka berhubung dengan isu penetapan kadar mahar yang baru di negeri Johor.³⁴⁵ Bagi kaedah temubual pula, ia lebih dilihat sebagai rujukan kepada pakar dalam isu yang berkenaan dengan persoalan fatwa, namun jika isu fatwa tersebut menyentuh persoalan yang berkaitan dengan organisasi atau pihak tertentu, maka para penyelidik akan mengadakan temubual bersama pihak tersebut untuk mendapatkan penjelasan. Contohnya, penyelidik dari Jabatan Mufti Johor meminta penjelasan dari pihak syarikat Ayamas Sdn. Bhd. untuk mendapatkan gambaran sebenar mengenai proses penyembelihan ayam yang dilakukan di pusat penyembelihan syarikat tersebut melalui sesi temubual bersama pegawainya.³⁴⁶ Begitu juga, isu fatwa yang berkaitan dengan sistem pembayaran zakat melalui perbankan internet yang disediakan oleh Bank Islam Berhad, Maybank dan RHB Bank di mana para penyelidik telah mengadakan sesi temubual dan mendengar taklimat yang disampaikan oleh pegawai dari bank berkenaan untuk mendapatkan

³⁴³ Lihat kertas kerja fatwa berkenaan dengan bekas sembelihan ayam, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(ML)/31 (26 Jun 2012).

³⁴⁴ Zanariah Bt Mohd Don (Pegawai Hal Ehwal Islam S41 merangkap unit buhuth, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Johor) dalam temubual dengan pengkaji, 10 Februari 2012.

³⁴⁵ *Ibid.*

³⁴⁶ *Ibid.*

maklumat sebenar bagaimana proses pembayaran zakat dilakukan menerusi aplikasi atas talian.³⁴⁷

3.3.2.2: Rujukan kepada pakar

Rujukan kepada pakar berlaku bagi persoalan yang memerlukan kepakaran mereka dalam isu fatwa yang bersifat kritikal. Bagi memperkuuhkan lagi penyelidikan fatwa, Jawatankuasa Fatwa turut meminta penjelasan atau merujuk khidmat kepakaran tertentu dalam bidang-bidang kritikal sebagai salah satu daripada kaedah untuk mendapatkan maklumat terperinci dan latarbelakang yang jelas mengenai persoalan fatwa yang dikemukakan jika persoalan tersebut diluar pengetahuan ahli Jawatankuasa Fatwa. Memang tidak dinafikan bahawa, rujukan kepada pakar sangat penting dalam amalan berfatwa pada masa kini, lebih-lebih lagi urusan kehidupan manusia pada zaman ini telah didominasi dengan teknologi dan penemuan-penemuan yang canggih dan moden sehingga urusan secara manual telah diganti dengan urusan secara alam maya atau elektronik. Hasil dapatan yang diperolehi mendapati bahawa, Jawatankuasa Fatwa menggunakan khidmat kepakaran dari pakar-pakar luar dalam bidang seperti ekonomi, perbankan, sosio-ekonomi, perundangan dan perubatan untuk mendapatkan pandangan dan penjelasan mereka secara mendalam berkenaan dengan isu fatwa.

Lazimnya dalam mendapatkan khidmat dari pakar-pakar luar ini, pihak Jawatankuasa Fatwa akan menjemput mereka yang pakar dalam bidang tertentu untuk hadir bersama-sama di dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa yang diadakan pada tarikh tertentu. Dalam perjumpaan itu, pakar tersebut akan memberikan taklimat dan penjelasan secara terperinci mengenai isu yang dikemukakan dalam bentuk soal jawab sehingga Jawatankuasa Fatwa berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan

³⁴⁷ *Ibid.*

dalam mengenal pasti secara mendalam persoalan tersebut agar keputusan fatwa boleh ditentukan. Contohnya fatwa mengenai pembayaran zakat melalui perbankan internet di mana Jawatankuasa Fatwa telah mengundang pegawai dari bank-bank yang menyediakan kemudahan tersebut untuk memberi taklimat berkenaan operasi pembayaran zakat menerusi talian internet.³⁴⁸

Meskipun begitu, kebanyakan proses penyelidikan fatwa yang dijalankan oleh Jawatankuasa Fatwa lebih tertumpu kepada penyelidikan kepustakaan berbanding penyelidikan secara terperinci, ditambah pula dengan kekangan yang lahir dari pegawai yang sedia ada seperti kekurangan tenaga penyelidik, kemahiran penyelidikan yang terbatas dan kelemahan dalam menguasai ilmu *istinbāt* dan syariah.³⁴⁹ Tambahan pula, isu-isu fatwa yang bersifat kritikal³⁵⁰ lazimnya akan dirujuk dan dibincangkan dalam Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan. Bahkan penyelidikan fatwa bagi isu-isu tersebut akan dijalankan oleh panel kajian syariah yang dilantik oleh pihak JAKIM sendiri dengan usahasama badan-badan seperti IKIM, Institusi Pengajian Tinggi dan lain-lainya.³⁵¹ Manakala di peringkat negeri pula, Jawatankuasa Fatwa hanya menerima pakai keputusan fatwa yang telah diputuskan di peringkat kebangsaan dan diputuskan semula sebagai sebuah fatwa negeri dalam bentuk fatwa biasa atau diwartakan.³⁵²

3.4 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor menggunakan metode dan kaedah penyelidikan yang tersusun tetapi

³⁴⁸ Zanariah Bt Mohd Don (Pegawai Hal Ehwal Islam S41 merangkap unit buhuth, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Johor) dalam temubual dengan pengkaji, 10 Februari 2012.

³⁴⁹ *Ibid.*

³⁵⁰ Contohnya fatwa berkaitan dengan pinggan dan mangkuk berasaskan serbuk tulang (bone ash), fatwa etil alkohol dalam makanan, fatwa senaman yoga, fatwa suntikan botox, fatwa penggunaan nama Allah oleh orang bukan Islam, fatwa suntikan ubat Heparin dan Fraxiparine dan sebagainya.

³⁵¹ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal S42, Jabatan Mufti Johor merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor) dalam temubual dengan pengkaji pada 26 Jun 2012.

³⁵² *Ibid.*

kelihatannya mempunyai masalah dari beberapa aspek terutama penggunaan kaedah nukilan yang dilakukan secara tipikal tanpa analisis yang jelas, pemakaian kaedah *uṣūl al-fiqh* yang agak samar dan kabur dan kaedah pendalilan yang tidak dilakukan dengan tepat. Meskipun begitu, dari aspek penyelidikan kelihatannya Jawatankuasa mengaplikasi bentuk penyelidikan yang terancang dan menepati kaedah kajian semasa. Antaranya penggunaan pakar-pakar luar untuk menyelesaikan isu-isu tertentu yang memerlukan kepakaran mereka, hadir ke lokasi tertentu untuk melihat gambaran sebenar situasi yang berlaku dan temubual bersama mereka yang terlibat dalam isu fatwa. Kesemua bentuk penyelidikan ini menggambarkan kajian yang terancang terhadap sesuatu isu supaya dapat memberikan input yang jelas bagi proses pendalilan dan penetapan fatwa. Namun, kelihatannya proses penentuan fatwa kurang mengaplikasi metode asas yang diuraikan oleh para sarjana Islam dalam menetapkan hukum.

BAB KEEMPAT

ANALISIS FATWA-FATWA

SEMASA NEGERI JOHOR

DARI TAHUN

2000 HINGGA 2010

BAB KEEMPAT

ANALISIS FATWA-FATWA SEMASA NEGERI JOHOR DARI TAHUN 2000 HINGGA 2010

4.0 PENDAHULUAN

Fatwa-fatwa semasa merupakan fatwa yang diputuskan berdasarkan situasi yang belum pernah berlaku sebelum ini dan ia berlaku pada ketika itu atau fatwa yang tidak mempunyai rujukan hukum terdahulu di mana ia memerlukan penyelidikan lanjut mengenainya atau fatwa yang sudah mempunyai rujukan hukum tetapi perlu mengambilkira realiti yang berlaku. Setiap persoalan semasa memerlukan penjelasan yang jelas dan tepat mengenainya agar dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam kalangan umat Islam masa kini.

Dalam bab ini, fokus akan diberikan terhadap penilaian fatwa-fatwa semasa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor bermula dari tahun 2000 hingga 2010 dengan mengambil enam fatwa sebagai sampel kajian dari setiap bidang fatwa. Penilaian akan dilakukan secara kritis berdasarkan metode komparatif untuk melihat perbandingan antara metode fatwa yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dengan teori penyelidikan fatwa yang dikemukakan dalam bab yang kedua. Seterusnya, bab ini juga akan menjelaskan input-input semasa yang diambilkira oleh Jawatankuasa Fatwa sebagai asas penetapan fatwa dalam tempoh sepuluh tahun tersebut.

4.1 FATWA-FATWA SEMASA DARI TAHUN 2000 HINGGA 2010

Dapatkan kajian menemui bahawa sepanjang tahun 2000 hingga 2010, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor telah mengeluarkan sebanyak 798 fatwa yang merangkumi

pelbagai bidang seperti akidah, ibadat, muamalat, munakahat, masjid dan surau, wakaf dan harta pusaka dan kepenggunaan. Daripada jumlah tersebut, terdapat 36 fatwa yang boleh disifatkan sebagai fatwa-fatwa semasa berasaskan justifikasi berikut:

Pertama: Isu yang membawa kepada pengeluaran fatwa-fatwa tersebut tidak pernah berlaku sebelum ini. Ia berlaku disebabkan perubahan masa dan situasi semasa. Contohnya, fatwa berkenaan pengambilan ujian saringan HIV sebagai syarat baru kepada bakal pengantin. Syarat tersebut tidak pernah ditetapkan sebelum ini tetapi diwajibkan atas dasar menjaga kepentingan institusi perkahwinan.

Kedua: Isu yang diputuskan menerusi fatwa-fatwa tersebut berkaitan dengan keperluan masyarakat yang sentiasa berubah sehingga mewujudkan kontradiksi dengan hukum terdahulu. Contohnya, fatwa berkenaan dengan keharusan menjual baja organik yang dihasilkan dari tahu kelawar. Sedangkan para fuqaha tidak mengharuskan jual beli pada benda najis.

Ketiga: Isu-isu semasa yang telah diputuskan fatwanya merupakan isu yang telah dibincangkan oleh para fuqaha sebelum ini tetapi perlu dinilai semula hukumnya agar relevan dengan realiti semasa pada hari ini. Contohnya, fatwa berkenaan keharusan menggunakan anjing sebagai alat pengesan dan penyelamat di Jabatan Pertahanan Awam sedangkan para fuqaha silam hanya membincangkan penggunaan anjing sebagai alat perburuan dan penjagaan harta sahaja.

Keempat: Fatwa-fatwa tersebut diputuskan seiring dengan perkembangan sains dan teknologi. Kewujudan pelbagai penemuan baru dalam bidang sains dan teknologi telah mempengaruhi sistem kehidupan masyarakat agar lebih bergerak maju ke hadapan. Secara tidak langsung ia turut memberi kesan terhadap perkembangan hukum Islam. Contohnya, fatwa dalam bidang muamalat seperti

pembayaran zakat melalui atas talian dan fatwa dalam bidang kepenggunaan seperti penggunaan alkohol dalam makanan.

Daripada 36 fatwa tersebut, 12 fatwa merupakan fatwa yang diputuskan oleh muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia yang kemudiannya diputuskan semula sebagai fatwa negeri oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor. Manakala, bakinya sebanyak 24 fatwa merupakan fatwa yang diputuskan sendiri oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor kerana isu yang dikemukakan dalam fatwa tersebut diajukan sendiri oleh masyarakat setempat dan pihak tertentu dalam negeri Johor. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan penilaian terhadap fatwa-fatwa semasa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor sahaja kerana masalah yang berlaku di dalam proses penyediaan hukum fatwa seperti kaedah nukilan yang digunakan secara tipikal, penggunaan kaedah *uṣūl al-fiqh* yang tidak jelas dan penentuan hukum yang tidak mengikut keutamaan sumber syarak berlaku dalam kaedah pengambilan hukum yang digunapakai oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor. Masalah tersebut tidak timbul di dalam fatwa-fatwa yang diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan disebabkan penyelidikan fatwanya dilakukan dengan mendalam oleh mereka yang pakar dalam bidang penyelidikan hukum.

Di samping itu, kajian ini dibentuk untuk memfokuskan penilaian terhadap kaedah penyelidikan fatwa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dan para penyelidiknya sahaja bertepatan dengan objektif kajian ini. Sedangkan fatwa-fatwa semasa yang diputuskan di peringkat Majlis Fatwa Kebangsaan merupakan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh para penyelidik yang dilantik oleh JAKIM sepenuhnya tanpa melibatkan penyelidik dari peringkat negeri.

4.1.1 Statistik Fatwa-Fatwa Semasa

Sepanjang tahun 2000 hingga 2010, Jawatankuasa Fatwa telah memutuskan fatwa sebanyak 24 fatwa yang dikira sebagai fatwa-fatwa semasa di negeri Johor. Kesemua fatwa tersebut diputuskan oleh pihak Jawatankuasa Fatwa berdasarkan hasil penyelidikan dan kajian yang dilakukan sendiri oleh para penyelidik di Jabatan Mufti Johor. 24 fatwa yang diputuskan tersebut merangkumi pelbagai bidang yang berlainan. Berikut adalah statistik fatwa-fatwa semasa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa berdasarkan bidang yang telah diberi pengelasan oleh Jabatan Mufti Johor sendiri³⁵³;

Jadual 4.1: Statistik Fatwa-Fatwa Semasa Negeri Johor

Tahun	Akidah	Ibadat	Muamalat/ Ekonomi	Munakahat	Faraid / Wakaf	Masjid/ Kubur	Kepenggunaan
2000			1				
2001			1	1			
2002			2	1			1
2003			1				2
2004			1				
2005	1						
2006			1	1			
2007	1						1
2008			1			2	
2009	1	1					
2010		1	1				1
Jumlah	3	2	9	3		2	6

Jadual di atas memaparkan statistik pengeluaran fatwa-fatwa semasa di negeri Johor sepanjang sepuluh tahun bermula dari tahun 2000 hingga 2010. Fatwa-fatwa tersebut merupakan fatwa-fatwa yang diputuskan sendiri oleh pihak Jawatankuasa Fatwa berdasarkan penyelidikan yang dijalankan. Berdasarkan statistik di atas, fatwa

³⁵³ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal Islam Jabatan Mufti Johor merangkap Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor), dalam temubual dengan pengkaji, 29 Januari 2013.

dalam bidang ekonomi dan muamalat merupakan fatwa yang kerap dikeluarkan sepanjang sepuluh tahun tersebut dengan jumlah kekerapan sebanyak 9 fatwa. Memang tidak dapat disangkal bahawa, isu muamalat dan ekonomi merupakan isu yang sering mengalami pembaharuan di dalam sistem operasinya seiring dengan perubahan semasa dan perkembangan sains dan teknologi. Penemuan dan pembaharuan dalam sistem muamalat manusia seperti aplikasi atas talian (*e-online*), penggunaan kad kredit, perbankan internet, transaksi melalui telefon bimbit (*e-mobile*) dan sebagainya memerlukan penyelesaian hukum yang lebih terperinci dan rasional agar dapat memenuhi keperluan pengguna Islam pada hari ini.

Oleh yang demikian, kekerapan tersebut berdasarkan kepada justifikasi bahawa isu-isu ekonomi dan muamalat sentiasa mengalami pembaharuan dan penemuan baru di dalam sistem aplikasinya seiring dengan keperluan masyarakat pada masa kini. Oleh itu, ia memerlukan penyelesaian hukum mengenai pelaksanaannya dalam urusan kehidupan manusia masa kini. Ab. Mumin Ab Ghani menegaskan bahawa, perubahan yang berlaku dalam sistem urusniaga dan muamalat pada hari ini amat memerlukan penjelasan secara ijтиhad dari kalangan ulama³⁵⁴ bagi menyelesaikan kes-kes transaksi dan kontrak supaya kehendak-kehendak syarak dapat tercapai melalui penyelesaian tersebut³⁵⁵.

Contoh yang jelas seperti penggunaan kad kredit dalam urusan transaksi³⁵⁶, transaksi atas talian (*e-online*) dalam urusan pembayaran, pembelian, pemindahan wang dan sebagainya³⁵⁷, instrumen kewangan berdasarkan syariah³⁵⁸ seperti konsep

³⁵⁴ Ab. Mumin Ab. Ghani dan Ahmad Sufyan Che Abdullah, “Urf dan Justifikasinya Dalam Analisis Hukum Fiqh al-Mu’āmalāt”, *Jurnal Syariah*, 16, 2, (2008), 393-428.

³⁵⁵ *Ibid.*

³⁵⁶ Sanep Ahmad dan Surtahman Kastin Hasan, “Kad Kredit: Satu Ulasan Dari Perspektif Syariah”, *Jurnal ‘Ulum Islamiyyah*, 1, no. 1, (2002), 51-72.

³⁵⁷ Martin Harnevie, “Internet Banking and Commerce”, *Bankers Journal Malaysia*, 99, (1997), 8-10. Lihat juga, Noor Shuhada Mohammad Yusof, “Perbankan Internet”, *Dewan Ekonomi*, 16, 2, (2009), 49-51. Lihat juga Mahadevan Supramaniam dan Balachandran Shanmugam, *E-Banking in a Knowledge Economy* (Subang Jaya: Taylor’s University, 2011), 55-67.

³⁵⁸ Mohd Daud Bakar, “Kedinamikan Syari’ah Dalam Memenuhi Tuntutan Mu’amalah Perbankan Moden”, *Jurnal Syariah*, 6, (1998) 59-72. Lihat juga Ahmad Sufyan Che Abdullah, “Instrumen

BBA (*Bay' bithaman ajil*)³⁵⁹, *Bay' al-'Inah*³⁶⁰, *sukūk*³⁶¹, dan sebagainya. Kesemua bentuk aplikasi muamalat dan ekonomi ini perlu diperjelaskan hukumnya supaya pelaksanaannya bersifat “patuh syariah”.

Sebaliknya fatwa-fatwa semasa dalam bidang ibadat dan persoalan mengenai masjid atau kubur menunjukkan jumlah kekerapan yang rendah iaitu sebanyak 2 fatwa sepanjang sepuluh tahun tersebut. Justifikasinya bahawa pertanyaan yang dikemukakan oleh *mustaftī* adalah bersifat isu-isu rutin dalam masalah ibadat, masjid atau kubur seperti isu bersuci, solat, puasa, kebenaran untuk membina masjid atau surau dan sebagainya. Isu-isu ini akan diberikan respon oleh pihak mufti atau pegawai yang berkenaan sama ada secara spontan atau dalam beberapa tempoh jika isu tersebut memerlukan rujukan hukum dari sumber-sumber yang ada. Oleh itu, isu-isu ini tidak melibatkan sebarang bentuk kajian lanjut kerana jawapannya terus diperolehi dari rujukan yang sedia ada walaupun persoalan tersebut diajukan pada waktu itu. Fatwa-fatwa dalam isu ibadat ini pernah dibincangkan oleh Mohamad Nabil Mohamad Syukri³⁶² dan Noor Naemah Abd Rahman³⁶³ di dalam kajiannya.

Selain itu, fatwa-fatwa semasa dalam bidang kepenggunaan juga memaparkan jumlah fatwa yang kerap diputuskan iaitu sebanyak 6 fatwa. Ini kerana, isu-isu kepenggunaan merupakan isu yang melibatkan pelbagai perubahan, penemuan dan pembaharuan dalam urusan kehidupan manusia sebagai pengguna khususnya dalam konteks semasa. Isu-isu kepenggunaan seperti penggunaan alkohol

Pasaran Kewangan Islam di Malaysia: Perspektif Semasa”, dalam *Dinasmisme Kewangan Islam di Malaysia*, e.d. Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006) 147-170.

³⁵⁹ Lihat penjelasan lanjut mengenai konsep BBA dalam Zaharuddin Bin Abd. Rahman, *Contracts & The Products of Islamic Banking*, (Kuala Lumpur: CERT Publications, 2010) 95-107.

³⁶⁰ *Ibid.*, 87-93.

³⁶¹ Lihat penjelasan lanjut mengenai sukuk dalam Hailani Muji Tahir dan Sanep Ahmad, *Aplikasi Fiqh Muamalat Dalam Sistem Kewangan Islam*, (Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UiTM, 2001) 341.

³⁶² Mohamad Nabil Mohamad Syukri, “Fatwa Negeri Kelantan Dalam Ibadat: Satu Analisis” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006).

³⁶³ Noor Naemah Abd Rahman Budaya, “Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab: Penelitian Terhadap Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Kelantan Mengenai Ibadat Solat”, *Jurnal Syariah*, 1, no. 1, (2007) 1-17.

dalam makanan dan minuman, penggunaan bahan-bahan najis dalam perubatan, penyembelihan menggunakan alatan moden, rawatan-rawatan kecantikan dan kesihatan dalam bentuk yang terkini dan sebagainya boleh disifatkan sebagai isu-isu semasa kerana kewujudannya dipengaruhi oleh perkembangan masa, sains dan teknologi. Walaupun begitu, isu-isu kepenggunaan yang bersifat kritikal lazimnya akan dibincangkan di peringkat kebangsaan kerana pihak JAKIM mempunyai para penyelidik yang mahir dan terlatih dalam bidang penyelidikan. Bahkan, terdapat usahasama yang dijalankan antara pihak JAKIM dengan badan-badan penyelidikan, institusi pengajian tinggi tempatan dan sebagainya.³⁶⁴ Oleh itu, di peringkat negeri Johor, isu-isu kepenggunaan yang diajukan lazimnya melibatkan isu yang mudah untuk dikaji dan bersifat individu seperti hukum bertatoo, penggunaan fabrikasi logam yang berunsur Islam dan penggunaan bekas bagi proses penyembelihan ayam.

Seterusnya, isu-isu semasa dalam bidang wakaf dan harta pusaka tidak ditemui sebarang fatwa mengenainya kerana persoalan yang diajukan adalah bersifat peribadi yang dikemukakan secara individu oleh masyarakat setempat. Contohnya pertanyaan fatwa tentang pembahagian harta pusaka oleh seorang ahli waris, pertanyaan tentang status wakaf bagi tanah dan bangunan dan sebagainya. Tambahan pula, isu-isu wakaf dan harta pusaka lazimnya akan diajukan terus kepada pihak mahkamah untuk mendapatkan penyelesaian dalam bentuk undang-undang³⁶⁵. Sedangkan keputusan yang diberikan oleh Jawatankuasa Fatwa hanya bersifat jawapan hukum semata-mata. Oleh kerana itu, persoalan dalam bidang wakaf dan harta pusaka tidak menimbulkan sebarang isu semasa.

³⁶⁴ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal Islam Jabatan Mufti Johor merangkap Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor), dalam temubual dengan pengkaji, 29 Januari 2013.

³⁶⁵ *Ibid.*

4.2 ANALISIS FATWA-FATWA SEMASA NEGERI JOHOR DARI TAHUN 2000 HINGGA 2010

4.2.1 Pemilihan Fatwa-Fatwa Semasa

Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan penganalisaan terhadap 6 fatwa semasa negeri Johor dari pelbagai bidang. Pemilihan 6 fatwa-fatwa semasa ini berasaskan justifikasi berikut;

- 1) Fatwa-fatwa semasa yang dipilih disifatkan sebagai fatwa yang mempunyai kaitan dengan kepentingan dan keperluan semasa di dalam masyarakat. Contohnya, fatwa berkenaan dengan penetapan ujian saringan HIV ke atas setiap bakal pengantin di negeri Johor. Fatwa ini diputuskan berdasarkan kepada kepentingan untuk menjaga masyarakat daripada berlakunya penularan penyakit HIV melalui hubungan perkahwinan.
- 2) Fatwa-fatwa semasa yang dipilih memadai untuk mewakili persoalan semasa yang berlaku dalam setiap bidang. Bahkan fatwa tersebut sudah cukup untuk menggambarkan isu semasa yang wujud sewaktu kajian fatwa dilakukan. Tambahan pula, fatwa-fatwa yang dipilih memaparkan isu-isu penting dan terkini dalam setiap bidang yang berkaitan.
- 3) Fatwa-fatwa semasa yang dipilih mempunyai sandaran metode berfatwa yang boleh dianalisis secara kritis dan membina. Di samping mempunyai penghujahan yang boleh dikaitkan dengan metode asas dalam pengeluaran fatwa berasaskan langkah-langkah utama dalam penyelidikan fatwa. Contohnya fatwa berkenaan kewajipan zakat pendapatan atau penggajian, di mana sandaran fatwa adalah berdasarkan metode *al-Qiyās*.
- 4) Fatwa-fatwa semasa yang dipilih mempunyai implikasi positif dan negatif dalam setiap jawapan hukum yang diputuskan, di mana ia mempunyai hubungkait dengan budaya penyelidikan yang dijalankan. Revelensi hukum

bagi setiap keputusan fatwa tersebut adalah berdasarkan kepada aktiviti penyelidikan yang dilakukan. Oleh sebab itu, fatwa-fatwa tersebut dipilih sebagai sampel untuk dianalisis kerana mempunyai bentuk-bentuk penyelidikan yang tersendiri.

4.2.2 Pengambilkiraan Input-Input Semasa

Berdasarkan analisis terhadap fatwa-fatwa semasa negeri Johor dari tahun 2000 hingga 2010. Pengkaji mendapati bahawa terdapat input semasa yang diambilkira oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor di dalam proses pengeluaran fatwa pada tahun-tahun tersebut. Pengambilkiraan input semasa dapat dilihat melalui pengeluaran fatwa bagi isu yang belum pernah berlaku atau dibincangkan oleh para fuqaha sebelum ini. Isu-isu baharu yang tidak pernah timbul sebelum ini dan hanya berlaku pada ketika itu akan melahirkan fatwa-fatwa semasa. Ini kerana, realiti dan suasana yang wujud pada waktu itu akan diambilkira dalam menyelesaikan persoalan baharu tersebut. Contohnya, fatwa berkenaan ujian saringan HIV yang diwajibkan ke atas setiap bakal pengantin di negeri Johor. Pelaksanaan ujian tersebut tidak pernah berlaku sebelum ini tetapi disebabkan penularan jangkitan HIV yang semakin serius dalam kalangan masyarakat Melayu, maka Jawatankuasa Fatwa bertindak untuk mewajibkan ujian tersebut sebagai salah satu syarat untuk berkahwin.³⁶⁶

Input semasa juga diambilkira dalam isu yang mempunyai rujukan yang sedia ada tetapi perlu diberi penilaian berdasarkan realiti masa kini. Isu-isu tersebut pernah dibincangkan oleh para fuqaha dalam penulisan mereka tetapi tidak bersifat relevan untuk diaplikasi pada masa kini. Oleh itu, penyelidikan lanjut dan mendalam perlu dijalankan bagi menilai semula revelensi hukum tersebut dengan suasana semasa

³⁶⁶ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal Islam S42 Jabatan Mufti Johor merangkap Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor), dalam temubual dengan pengkaji, 29 Januari 2013. Lihat kertas kerja fatwa pelaksanaan ujian saringan HIV ke atas bakal pengantin di Johor, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/01(MK)/10 (26 Jun 2012).

pada ketika itu. Contohnya, fatwa berkenaan status puasa bagi pesakit yang menjalani rawatan dialisis yang difatwakan sebagai perkara yang membatalkan puasa disebabkan wujudnya kemasukan sesuatu ke dalam rongga (al-jaūf) sebagaimana yang dibincangkan oleh para fuqaha terdahulu.³⁶⁷

Selain itu, perkembangan sains dan teknologi juga turut mengambilkira oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor sebagai input penetapan fatwa. Dalam hal ini, Jawatankuasa Fatwa turut mengambilkira perubahan dan penemuan terkini yang berlaku dalam bidang sains dan teknologi sebagai salah satu manhaj untuk melengkapi langkah al-tasawwūr dalam penyelidikan fatwa. Ia penting bagi memastikan bahawa jawapan fatwa diputuskan adalah berdasarkan realiti yang berlaku supaya dapat mengelakkan berlakunya kesilapan dalam memberi fatwa. Perkembangan sains dan teknologi ini dapat ditemui dalam pelbagai bidang seperti bidang perbankan contohnya sistem perbankan internet yang turut diaplikasi bagi tujuan pembayaran zakat.³⁶⁸ Perkembangan yang sama juga turut berlaku dalam bidang kepenggunaan kerana ia sering menimbulkan pelbagai penemuan baru dalam konteks yang berkaitan dengan halal dan haram. Seiring dengan perubahan sains dan teknologi, isu-isu kepenggunaan juga dipengaruhi dengan perubahan tersebut. Contohnya, fatwa berkenaan bekas sembelihan ayam yang diusahakan oleh Ayamas Food Sdn. Bhd. dalam bentuk kon yang difatwakan harus. Begitu juga, fatwa keharusan menjual dan membekal baja organik yang dihasilkan melalui tahi kelawar disebabkan kualiti dan bersifat mesra alam yang telah dibuktikan secara saintifik.

³⁶⁷ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal Islam S42 Jabatan Mufti Johor merangkap Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor), dalam temubual dengan pengkaji, 29 Januari 2013. Lihat Kertas fatwa status puasa pesakit yang menerima rawatan dialisis peritoneal, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(IB)/37 (26 Jun 2012).

³⁶⁸ *Ibid.* Lihat kertas kerja fatwa kutipan zakat melalui perbankan internet melalui Bank Islam Berhad, RHB Bank dan Maybank Berhad, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ/05/02/1. 26 Jun 2012.

4.2.3 Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Dari Tahun 2000 Hingga 2010

Dalam sub tajuk ini, perbincangan akan memfokuskan kepada penilaian terhadap 6 fatwa semasa negeri Johor yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor berdasarkan metode fatwa dan aktiviti penyelidikan yang dijalankan. Keenam-enam fatwa ini akan disusun mengikut pengelasan dalam perbincangan fiqh bermula fatwa mengenai ibadah, zakat, kubur atau masjid, munakahat, muamalah dan kepenggunaan.

4.2.3.1 Fatwa ibadah: Status puasa pesakit yang menerima rawatan dialisis

Fatwa ini telah diputuskan pada tahun 2009 di mana Jawatankuasa Fatwa telah memfatwakan bahawa rawatan dialisis yang dilakukan pada siang hari berpuasa akan membatalkan puasa pesakitnya. Justifikasinya kerana terdapat unsur kemasukan sesuatu ke dalam rongga dan darah yang dimasukkan semula ke dalam badan pesakit mengandungi campuran bahan berzat.³⁶⁹ Penetapan fatwa ini adalah dari pertanyaan masyarakat awam yang masih musykil dengan situasi berkenaan.

(I) Metode Fatwa

Dalam menyelesaikan isu ini, Jawatankuasa Fatwa menggunakan kaedah penyelidikan dalaman dalam bentuk rujukan kepustakaan. Rujukan dilakukan dengan menukil perbincangan fiqh berkenaan perkara-perkara yang membatalkan puasa. Dalam kaedah pengambilan hukum, Jawatankuasa Fatwa menyifatkan rawatan dialisis ini bertepatan dengan perbuatan memasukkan sesuatu ke dalam rongga yang terbuka.³⁷⁰ Oleh sebab itu, ia difatwakan sebagai rawatan yang membatalkan puasa. Selain itu, rujukan juga dilakukan dengan mengambil fatwa yang telah diputuskan

³⁶⁹ Kertas fatwa status puasa pesakit yang menerima rawatan dialisis peritoneal, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(IB)/37 (26 Jun 2012).

³⁷⁰ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal Islam S42 Jabatan Mufti Johor merangkap Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor), dalam temubual dengan pengkaji, 29 Januari 2013.

oleh institusi fatwa yang lain sebagai sumber sokongan. Antaranya, resolusi yang dikemukakan oleh Islamic Organization for Medical Sciences berkenaan rawatan-rawatan yang tidak membatalkan puasa, fatwa Jabatan Mufti Negara Brunei dan fatwa Ibn Bāz.³⁷¹

(II) Analisis Metode Fatwa

Pada dasarnya, Jawatankuasa Fatwa telah mengemukakan kaedah berfatwa berhubung pemfatwaan ini namun justifikasi fatwa yang diberikan bersifat ringkas. Langkah *al-Takyīf* tidak dinyatakan secara terperinci dalam penentuan fatwa berkenaan. Pengkaji melihat bahawa walaupun terdapat aktiviti penyelidikan yang dilakukan tetapi masih terdapat kekurangan dalam peringkat *al-tasawwūr* iaitu gambaran sebenar rawatan dialisis berlaku. Situasi ini akan menyebabkan kesilapan dalam memfatwakan hukum puasa bagi pesakit yang menjalaninya. Oleh itu, penyelidikan harus memberi penekanan terhadap proses *al-tasawwūr* bagi rawatan ini. Adakah ia dianggap seperti memasukkan sesuatu ke dalam rongga terbuka atau tidak?, adakah bahan yang dicampurkan di dalam darah pesakit disifatkan sebagai berzat atau tidak?. Analisis terhadap kaedah penyelidikan yang digunakan dapat dijelaskan seperti berikut;

Pertama: Rujukan terhadap nas al-Quran menunjukkan bahawa terdapat larangan makan dan minum yang diharamkan oleh Allah SWT sewaktu berpuasa. Menurut Ibn Kathīr, tempoh untuk makan dan minum hanya dibenarkan sehingga masuknya waktu subuh sahaja.³⁷² Secara *mafḥūm mukhālafah* dapat difahami bahawa tempoh dari waktu subuh hingga maghrib merupakan tempoh larangan untuk makan dan minum dan ia adalah sebab yang boleh membatalkan puasa. Oleh itu,

³⁷¹ Kertas fatwa status puasa pesakit yang menerima rawatan dialisis peritoneal, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(IB)/37 (26 Jun 2012).

³⁷² Ismā'il Bin Kathīr al-Damsyiqī, *Tafsīr al-Qurān al-'Aẓīm* (Kaherah: Muassasah al-Qurṭubah, 2000), 2:197.

setiap benda yang dimasukkan ke dalam anggota terbuka diqiyaskan kepada makanan dan minuman berdasarkan persamaan ‘illah’ iaitu kemasukan sesuatu ke dalam rongga melalui anggota yang terbuka.³⁷³ Ini kerana, makanan dan minuman merupakan benda yang dimasukkan ke dalam rongga sehingga melalui mulut yang menyebabkan pembatalan puasa. Maka, setiap benda yang bukan bersifat demikian akan membatakan puasa jika dimasukkan ke dalam rongga melalui anggota yang terbuka kerana ‘illahnya adalah sama.

Dalam penjelasan di atas, anggota yang terbuka bukan sahaja melalui mulut tetapi terdapat juga anggota-anggota lain seperti hidung, telinga, qubul dan dubur. Rasulullah SAW pernah mengingatkan agar orang yang berpuasa tidak berlebih-lebihan dalam melakukan *istinsyāq*.³⁷⁴ Ini kerana, dibimbangi air tersebut akan tersedut ke dalam hidung dan sampai ke rongga otak.³⁷⁵ Oleh itu, hidung juga merupakan salah satu daripada anggota yang terbuka berdasarkan keterangan hadis tersebut. Secara tidak langsung dapat difahami bahawa, saluran perut dan otak merupakan rongga yang terbuka³⁷⁶ kerana makanan dan minuman akan sampai ke dalam rongga perut³⁷⁷, manakala air yang disedut akan sampai ke dalam otak.³⁷⁸

Dalam hal ini, Rasulullah SAW bersabda;

وَإِنَّمَا الْفِطْرُ مِمَّا دَخَلَ وَلَيْسَ مِمَّا خَرَجَ

Terjemahan: Hanya sesuatu yang membatalkan puasa adalah dari apa yang masuk bukan dari apa yang keluar.³⁷⁹

³⁷³ Ahmad Bin ‘Abd al-‘Azīz al-Ḥaddād, *Fiqh al-Šiyām ‘alā Ḏaw’ al-Kitāb wa al-Sunnah wa al-Ijtihād al-A’immah* (Dubai: Dā’irah al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Islāmīyah, 1998), 101.

³⁷⁴ Hadis riwayat al-Nasā’ī, Kitab al-Ṭahārah, Bab al-Mubālaghah fī al-Istinsyāq, no. hadis: 87. Lihat ‘Abd al-Rahmān Ahmad Bin Syu’āib al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, (Riyadh: Maktabah al-Ma’arif, t.t), 22.

³⁷⁵ Muḥammad Bin Ismā’il al-Ṣan’ānī, *Subul al-Salām Syarḥ Bulūgh al-Marām* (cet. ke-11, Beirut: Dār al-Ma’rifah, 2011), 73.

³⁷⁶ al-Ḥaddād, *Fiqh al-Šiyām ‘alā Ḏaw’ al-Kitāb wa al-Sunnah wa al-Ijtihād al-A’immah*, 102.

³⁷⁷ *Ibid.*

³⁷⁸ al-Nawawī, *al-Majmū’*, 6:334.

³⁷⁹ Hadis riwayat al-Bayhaqī, Kitab al-Ṭahārah, Bab Abwāb al-Ḥadath, no. hadis: 567. Lihat Abī Bakr Bin al-Ḥusayn Bin ‘Alī al-Bayhaqī, *Sunan al-Kubrā* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 2003), 1:187.

Menurut jumhur fuqaha, hadis tersebut menjelaskan bahawa puasa akan terbatal dengan sebab masuknya sesuatu ke dalam rongga tetapi tidak terbatal jika keluar sesuatu darinya³⁸⁰. Perkataan دَخْلٌ ditafsirkan dengan maksud sesuatu yang masuk ke dalam saluran rongga badan.³⁸¹ Oleh itu, apabila disebut “دَخْلٌ” ia mesti masuk melalui bahagian yang terbuka supaya dapat sampai ke dalam rongga. Ini kerana, perkataan دَخْلٌ adalah kesinambungan dari perkataan حَجَرٌ dalam kes pembatalan wuduk di mana ia merujuk kepada sesuatu yang keluar dari dubur atau qubul seperti najis.³⁸² Sedangkan qubul dan dubur adalah anggota yang terbuka. Dalam kes puasa, jika sesuatu itu masuk melalui dubur atau qubul, maka batal puasanya kerana kedua-duanya bersifat sebagai anggota terbuka. Justeru, sifat yang sama juga wujud pada mulut, hidung dan telinga. Kesimpulannya, memasukkan sesuatu yang boleh menyampaikannya ke dalam rongga perut atau otak hanya dikira membatalkan puasa jika ia melalui anggota yang terbuka sahaja.

Dalam isu dialisis, rawatan tidak dilakukan melalui anggota yang terbuka. Ini kerana fakta perubatan menunjukkan bahawa, pesakit hanya akan disuntik dengan tiub pada mana-mana urat yang membawa aliran darah ke jantung di anggota sementara seperti leher, bahu, betis dan anggota tetap di bahagian lengan tangan³⁸³ dan bukan anggota yang terbuka. Rawatan ini hanya melibatkan suntikan tiub pada urat darah sahaja bagi tujuan mengeluarkan darah pesakit untuk dicuci menggunakan mesin dializer sedangkan urat darah bukanlah anggota yang terbuka. Justeru itu, alasan yang menyatakan rawatan ini menepati konsep memasukkan sesuatu ke dalam

³⁸⁰ Sulaymān Bin Khalaf al-Bājī, *al-Muntaqā Syarh al-Muwaṭṭā'* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 1999), 3:44.

³⁸¹ Aḥmad Bin Muḥammad al-Qaṣṭalānī, *Irsyād al-Sārī li Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Mesir: al-Matba’ah al-Kubrā al-Amīriyah, 1323H), 3:381.

³⁸² *Ibid.*, 1:258

³⁸³ T.S. Singam, *The Handbook on Hemodialysis* (Selangor: Renal Management Services, 2003) 71-79.

rongga adalah tidak tepat. Justifikasinya, rawatan dialisis hanya melibatkan urat saluran darah sahaja bagi tujuan untuk mencuci darah tanpa melibatkan anggota terbuka. Manakala, darah yang dimasukkan kembali ke dalam badan pesakit selepas dicuci hanya melibatkan kemasukan melalui urat darah sahaja tanpa melalui rongga badan dari anggota yang terbuka.

Kedua: Alasan mengatakan darah pesakit bercampur dengan bahan berzat perlu dikaji dengan teliti melalui kajian saintifik bagi membuktikan kebenarannya. Oleh itu, pembuktian ini sangat penting untuk dikenalpasti sewaktu proses *al-tasawwūr* supaya dapat menghasilkan gambaran yang sebenar tentang dialisis. Dalam kaedah perubatan, dialisis berfungsi sebagai pengganti kepada buah pinggang yang sudah rosak.³⁸⁴ Ini kerana, di dalam buah pinggang seorang manusia terdapat penapis-penapis kecil yang dikenali sebagai nefron di mana ia berfungsi untuk menapis sisa-sisa kotoran yang dialirkan melalui darah.³⁸⁵ Melalui penyaringan ini, bahan kotoran tersebut akan disalurkan keluar menerusi air kencing.³⁸⁶ Namun, apabila penapis-penapis nefron rosak, ia akan mengurangkan keupayaan untuk menapis sisa-sisa buangan tersebut.³⁸⁷ Oleh kerana itu, apabila buah pinggang gagal berfungsi dengan baik, ia memerlukan bantuan untuk menggantikan tugas nefron di dalam badan pesakit.³⁸⁸

Oleh itu, pesakit buah pinggang akan diberi dua pilihan sama ada melakukan pembedahan untuk pemindahan buah pinggang yang baru atau menjalani rawatan dialisis. Memandangkan pemindahan buah pinggang melibatkan kos pembedahan

³⁸⁴ Chris Mulryan, “Supporting Patient with Kidney Disease”, *British Journal of Healthcare Assistants*, 4, 5 (2011), 183.

³⁸⁵ Usāmah Bin Alḥmad Bin Yūsuf al-Khilāwī, *al-Nawāzil al-Fiqhīyah al-Mu’āṣirah al-Muta’alliqah bi al-Tadāwī bi al-Ṣiyām* (Riyaḍ: Dār Kunūz Ishbiliyā, 1431H), 240.

³⁸⁶ *Ibid.*, 241.

³⁸⁷ Georgina Casey, “Kidney Care and Renal Disease”, *Kai Tiaki Nursing New Zealand*, 18, no.4 (2012), 22.

³⁸⁸ Aoife Moran, Anne Scott dan Philip Darbyshire, “Waiting for a kidney transplant: patients’ experiences of haemodialysis therapy”, *Journal of Advanced Nursing*, 67, no.3 (2011), 501.

yang agak tinggi ditambah pula dengan kesulitan untuk mencari penderma-penderma yang layak.³⁸⁹ Maka, rawatan dialisis merupakan pilihan terbaik.

Memandangkan rawatan dialisis bukan bersifat organ asli kepada pesakit, sudah tentu terdapat campuran yang digunakan untuk mencuci darah pesakit. Persoalannya adakah campuran ini bersifat sebagai makanan yang boleh membatalkan puasa pesakit. Dalam proses hemodialisis, darah pesakit akan dicuci menggunakan mesin dializer yang mengandungi adunan cecair dan air bersih.³⁹⁰ Ia berfungsi sebagai buah pinggang tiruan untuk menapis sisa-sisa kotoran dan lebihan air yang dialirkan oleh darah ke dalam mesin tersebut. Setelah disaring dan dibersihkan, darah akan dimasukkan semula ke dalam badan pesakit.³⁹¹ Sementara itu, dialisis peritonial pula melibatkan pembedahan kecil yang dilakukan di kawasan abdomen pesakit untuk memasukkan sejenis tiub khas.³⁹² Tiub khas tersebut bersifat kekal di dalam abdomen pesakit. Setelah itu, sejenis cecair dialisis yang mengandungi campuran pelbagai jenis garam dan glukosa akan dimasukkan ke dalam rongga abdomen melalui tiub khas tersebut. Cecair tersebut akan berfungsi sebagai penapis yang akan menyaring sisa-sisa kotoran yang terdapat di dalam badan pesakit. Kemudian dikeluarkan dari badan pesakit melalui tiub khas tersebut bersama tapisan kotoran.³⁹³

Melalui kedua-dua proses di atas, didapati bahawa cecair dialisis yang berfungsi sebagai penapis sisa kotoran yang dikeluarkan dari badan pesakit bukanlah bersifat sebagai bahan berzat yang memberi tenaga kepada pesakit. Tetapi cecair tersebut berfungsi sebagai ubat yang digunakan untuk mencuci darah pesakit dan membuang sisa kotorannya. Oleh itu, sifatnya tidak boleh dianggap sebagai makanan

³⁸⁹ Yusliza Yakimir Abd Talib, “Ramai beli organ di pasaran gelap”, laman sesawang *Harian Metro* dicapai 6 Mac 2013, <http://w1.hmetro.com.my/articles/Ramaibeliorgandipasaranggelap/Article>.

³⁹⁰ Usāmah Bin Aḥmad Bin Yūsuf al-Khilāwī, *al-Nawāzil al-Fiqhīyah al-Mu’āṣirah al-Muta’alliqah bi al-Tadāwī bi al-Šiyām*, 257.

³⁹¹ *Ibid.*

³⁹² *Ibid.*, 248-249.

³⁹³ *Ibid.*

tetapi sebagai ubat. Pesakit yang menjalani rawatan dialisis boleh menikmati makanan secara normal cuma mereka perlu bergantung kepada rawatan tersebut untuk meneruskan hayat mereka. Justeru itu, alasan yang menganggap bahan berzat yang dicampurkan ke dalam darah pesakit sebagai justifikasi yang boleh membatalkan puasa adalah tidak tepat. Sebaliknya, campuran tersebut hanya menggantikan tugas nefron untuk menyaring bahan-bahan kotoran dari badan pesakit. Realitinya, cecair tersebut tidak kekal berada di dalam abdomen pesakit bahkan ia akan dikeluarkan semula setelah semua sisa kotoran dibersihkan. Jelas sekali sifatnya bukan sebagai makanan tetapi sebagai bahan penapis. Sekalipun cecair tersebut mempunyai kandungan zat seperti glukosa, namun fungsinya hanya sebagai bahan penyaring sahaja bukan bahan yang mengenyangkan atau memberi tenaga kepada pesakit.

Ketiga: Justifikasi yang menyatakan bahawa puasa akan terbatal disebabkan darah dimasukkan semula ke dalam badan pesakit perlu dikaji sama ada ia melalui urat darah atau rongga. al-Bujaīrimī menjelaskan bahawa pembatalan puasa berlaku apabila sesuatu benda dimasukkan sehingga sampai dalam rongga melalui anggota yang terbuka³⁹⁴ dan “benda yang dimasukkan” adalah sesuatu dari luar anggota seperti makanan, ubat atau sebagainya.³⁹⁵ Manakala rongga yang dimaksudkan ialah rongga yang sampai ke dalam perut dan anggota yang terbuka pula ialah anggota yang menjadi tempat keluar dan tempat masuk seperti qubul, dubur, mulut dan sebagainya.³⁹⁶ Menurut Ibn Juzay pula, puasa seseorang hanya terbatal apabila masuknya sesuatu benda ke dalam rongga badan melalui bahagian yang terbuka luas seperti mulut, hidung dan telinga.³⁹⁷ Ia juga turut disepakati oleh al-Kāsānī³⁹⁸ dan Ibn

³⁹⁴ Sulaīmān Bin Muḥammad al-Bujaīrimī al-Shāfi’ī, *al-Bujaīrimī ‘alā al-Khatīb* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 1996), 3:109.

³⁹⁵ *Ibid.*

³⁹⁶ *Ibid.*

³⁹⁷ Abu al-Qāsim Muḥammad Bin Aḥmad Juzay al-Kalbī, *Qawānīn al-Fiqhīyah fī Talkhīṣ Mazhab al-Malikīyah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 1998), 225.

Qudāmah³⁹⁹. Ringkasnya, puasa seseorang hanya dikira batal apabila terdapat benda yang dimasukkan ke dalam rongga badannya melalui anggota yang terbuka sahaja. Secara *mafhum mukhalafah* kemasukan sesuatu ke dalam rongga badan bukan melalui anggota yang terbuka tidak membantalkan puasa.

Oleh itu, dalam rawatan dialisis darah pesakit akan dikeluarkan melalui arteri untuk ditapis di dalam mesin dialisis melalui pembedahan fistula⁴⁰⁰ yang berfungsi sebagai penyambung antara urat arteri dan venus.⁴⁰¹ Tujuannya untuk mengalirkan darah ke dalam tiub yang disambungkan pada mesin dializer. Kemudian dimasukkan semula ke dalam badan pesakit melalui urat darah juga. Fakta perubatan tersebut jelas menunjukkan bahawa rawatan hemodialisis ini tidak melibatkan kemasukan darah ke dalam rongga perut sebaliknya darah hanya dialirkan semula ke dalam urat darah pesakit tanpa melibatkan rongganya. Begitu juga dalam kaedah dialisis peritoneal, tiub khas yang dimasukkan ke dalam badan pesakit langsung kepada abdomen pesakit di bahagian buah pinggang.⁴⁰² Oleh itu, tidak berlaku kemasukan melalui rongga pesakit kerana cecair dialisis terus dimasukkan ke dalam abdomen untuk menapis sisa kotoran dan dialirkan keluar melalui tiub khas tersebut. Jelas sekali bahawa rawatan dialisis ini sama ada berbentuk hemodialisis atau peritoneal dialisis tidak membantalkan puasa pesakitnya kerana tidak menepati maksud kemasukan sesuatu dari luar anggota melalui bahagian yang terbuka dan ia tidak melibatkan saluran rongga sama sekali.

Kesimpulannya, justifikasi yang diberikan oleh pihak Jawatankuasa Fatwa dalam menjawab isu fatwa ini kelihatannya tidak berdasarkan kepada hasil kajian

³⁹⁸ ‘Alā’ al-Dīn Bin Abū Bakr al-Ḥanafī al-Kāṣānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’ fī Tartīb al-Syarā’i’* (Beirut: Dār al-Fikr, 1996), 2:618.

³⁹⁹ ‘Abd Allah Bin Qudāmah, *al-Mughnī* (Riyadh: Dār ‘Alim al-Kutub, 1997), 4:352.

⁴⁰⁰ Penulis tidak diketahui, “AV Fistula Sugery”, laman sesawang Hospital PRK MUIP, dicapai 7 Mac 2013, <http://www.prkmuip.com/pk-avfistula.html>.

⁴⁰¹ Constantinos T. Sofocleous, “Dialysis Fistulas”, laman sesawang *Medscape* Reference, dicapai 7 Mac 2013, <http://emedicine.medscape.com/article/419393-overview>.

⁴⁰² Howard J. Alfred, “What is Peritoneal Dialysis?”, laman sesawang Frank Field’s Homepage, dicapai 7 Mac 2013, <http://msl1.mit.edu/ESD10/kidneys/HndbkHTML/ch4.htm>.

yang kukuh. Pihak jawatankuasa dalam hal ini perlu mengenal pasti bagaimana kaedah rawatan dialisis ini berfungsi sewaktu di peringkat pengenalpastian masalah dialisis dengan meminta penjelasan dari pegawai perubatan yang berkelayakan untuk menjelaskannya secara terperinci. Walaupun terdapat penyelidikan yang dibuat namun perlu mengambilkira penemuan terkini berkenaan rawatan dialisis ini. Hasil daripada ketidaktepatan gambaran masalah telah mengakibatkan keputusan fatwa yang tidak menepati masalah sebenar. Hal ini boleh dielakkan jika penyelidikan secara tepat digunakan.

4.2.3.2 Fatwa zakat: Fatwa zakat gaji dan pendapatan

Pada tahun 2000, Jawatankuasa Fatwa telah memutuskan bahawa zakat gaji dan pendapatan wajib dikeluarkan zakatnya setelah memenuhi syarat-syarat wajib zakat. Keputusan ini dikemukakan sebagai maklum balas kepada permohonan yang diajukan oleh pihak Majlis Agama Islam Johor berhubung penentuan zakat bagi isu gaji dan pendapatan ini.

(I) Metode Fatwa

Keputusan fatwa berkenaan diputuskan melalui kaedah kepustakaan dengan melakukan rujukan terhadap nas-nas yang menyebut tentang kewajipan mengeluarkan zakat pertanian dan harta-harta zakat yang lain. Penentuan hukumnya adalah berdasarkan kaedah *al-Qiyās* dengan cara menganalogi penentuan hukum zakat gaji kepada zakat perniagaan berdasarkan lafaz **ما كسبت** dari ayat 267 surah al-

Baqarah. Alasannya, lafaz tersebut ditafsirkan dengan maksud sebarang bentuk harta yang diusahaikan. Oleh itu, gaji dan pendapatan yang perolehi dari hasil usaha seseorang menepati maksud yang dikehendaki dari lafaz tersebut. Maka, ia wajib

dikeluarkan zakat.⁴⁰³ Selain itu, pandangan Yusūf al-Qardāwī berkenaan kewajipan mengeluarkan zakat gaji dipetik sebagai sokongan kepada justifikasi tersebut di samping menjadikannya sebagai salah satu daripada *maṣlaḥah ‘ammah* bagi umat Islam dalam usaha untuk meningkatkan ekonomi mereka melalui saluran zakat bagi harta-harta zakat yang baru.⁴⁰⁴

(II) Analisis Metode Fatwa

Gaji dan pendapatan diistilahkan oleh para fuqaha sebagai *māl al-mustafād*⁴⁰⁵ kerana berbentuk perolehan baru yang memberi keuntungan kepada penerimanya menerusi bentuk penerimaan yang disyariatkan oleh Allah SWT⁴⁰⁶. Perbincangan mengenai zakat ini dikemukakan secara jelas oleh Yusūf al-Qardāwī sebagai salah satu bentuk *māl al-mustafād* yang wajib dikeluarkan zakat berasaskan sifat *al-namā’* yang terdapat di dalam gaji dan pendapatan tersebut.⁴⁰⁷ Fatwa di atas dilihat sebagai keputusan yang rasional kerana keputusan tersebut didahului dengan aktiviti penyelidikan yang jelas. Meskipun begitu, proses *al-takyīf* yang digunakan dalam menentukan fatwa tersebut perlu dinilai semula agar justifikasi fatwa dapat dikemukakan secara tepat. Analisis proses *al-takyīf* yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa dapat dikemukakan seperti berikut;

Pertama: Penafsiran lafaz مَا كَسْبٌ di dalam ayat 267 dari surah al-Baqarah yang menjadi sandaran bagi penetapan zakat gaji perlu ditafsirkan secara tepat. Pelbagaiuraian telah dikemukakan oleh *al-mufassirūn* berkenaan lafaz tersebut dan kaitannya dengan gaji dan pendapatan. Menurut al-Qurtubī, lafaz الکسب yang

⁴⁰³ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal Islam S42 Jabatan Mufti Johor merangkap Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor), dalam temubual dengan pengkaji, 29 Januari 2013

⁴⁰⁴ Kertas fatwa zakat gaji dan pendapatan, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/00(IB)/21 (26 Jun 2012).

⁴⁰⁵ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (cet. ke-10, Damsyiq: Dār al-Fikr, 2007), 3: 1948.

⁴⁰⁶ *Ibid.*

⁴⁰⁷ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāh* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2007), 332.

dimaksudkan ialah setiap usaha yang dilakukan sehingga terasa kepenatan seperti menjalankan aktiviti perniagaan.⁴⁰⁸ Sementara itu, Ibn Kathīr memetik pandangan Ibn ‘Abbās yang menafsirkannya dengan maksud setiap hasil yang diperolehi melalui usaha yang telah dilakukan dengan cara yang baik.⁴⁰⁹ al-Alūsī turut menafsirkannya dengan maksud hasil yang diperolehi dari usaha seseorang sama ada perolehan tersebut dalam bentuk wang, perniagaan atau ternakan⁴¹⁰. Begitu juga, terdapat beberapa tafsiran yang memberi penjelasan yang sama berkenaan lafaz tersebut⁴¹¹.

Kesimpulannya, lafaz *al-kasb* dirujuk sebagai hasil atau habuan yang diperolehi oleh seseorang dari usahanya yang baik lagi halal. Oleh itu, gaji termasuk juga di dalam tafsiran *al-kasb* kerana ia merupakan hasil yang diperolehi oleh seseorang sebagai ganjaran dari usaha yang dilakukannya melalui sumber yang halal. Maka, ia wajib dikenakan zakat.

Dalam rujukan terhadap al-Sunnah pula, terdapat hadis yang lebih spesifik untuk dikaitkan dengan gaji dan pendapatan tetapi tidak dinyatakan di dalam kaedah al-takyīf iaitu hadis berkenaan *māl al-mustafād* sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar r.a, di mana Rasulullah SAW bersabda;

مَنْ اسْتَفَادَ مَالًا فَلَا زَكَةً عَلَيْهِ حَتَّىٰ يَحْوُلَ عَلَيْهِ الْحُولُّ عِنْدَ رَبِّهِ

Maksudnya: Sesiapa yang memperolehi harta, maka wajib zakat padanya sehingga ia cukup haul di tangan pemiliknya.⁴¹²

⁴⁰⁸ ‘Abd Allah Bin Muḥammad al-Anṣārī al-Qurtubī, *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Quran* (Beirut: Dār al-Fikr, 1995), 3:292.

⁴⁰⁹ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Quran al-‘Aẓīm*, 2: 466.

⁴¹⁰ Syihāb al-Dīn Maḥmūd al-Baghdādī al-Alūsī, *Rūh al-Ma’ānī fī Tafsīr al-Quran al-‘Aẓīm wa Sab’ a al-Mathānī* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 3:39.

⁴¹¹ Lihat tafsiran mengenai lafaz *الكسب* dalam Abū al-Barākāt ‘Abd Allah Bin Aḥmad al-Nasafī *Tafsīr al-Nasafī* (Beirut: Dār al-Kalim al-Tayyīb, 1998), 1:220. Abu al-Fidā’, Ismāīl Bin Muṣṭafā al-Istanbūlī al-Ḥanafī, *Rūh al-Bayān* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t), 1:429. Muḥammad Bin ‘Alī al-Syawkānī, *Fath al-Qadīr* (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1414H), 1:331. Muḥammad ‘Alī al-Šābūnī, *Ṣafwah al-Tafāsīr* (Kaherah: Dār al-Šābūnī li al-Ṭabā’ah wa al-Nasyr, 1997), 1:153.

⁴¹² Hadis riwayat al-Tirmidhī, Kitab al-Zakāh, Bab Mā Jāa Lā Zakāh ‘alā al-Māl al-Mustafād Ḥattā Yaḥūl ‘alaīh al-Ḥaūl, no. hadis 631. Lihat Muḥammad Bin ‘Isā, *Sunan al-Tirmidhī*, (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī’, t.t), 160.

Menurut al-Kasymīrī, *māl al-mustafād* terbahagi kepada tiga jenis di mana salah satunya ialah harta yang diperolehi dari pendapatan yang lain seperti pertambahan aset lain dalam aktiviti perniagaan, wang simpanan atau pertambahan haiwan ternakan yang berbeza jenisnya.⁴¹³ Ianya bertepatan dengan maksud gaji ditakrifkan sebagai hasil yang diperolehi dalam bentuk harta daripada kerja atau khidmat yang dilakukan oleh seseorang.⁴¹⁴ Berasaskan maksud tersebut, ianya termasuk di dalam katogeri *māl al-mustafād* kerana mempunyai sifat perolehan harta dari harta yang lain. Oleh itu, ia wajib dikenakan zakat.

Kedua: Kaedah *al-takyīf* berdasarkan *al-Qiyās* diaplikasi sebagai kaedah penentuan hukum tetapi analoginya tidak dilakukan secara tepat. Mengikut kaedah usul, terdapat empat rukun yang menjadi asas penetapan hukum berdasarkan *al-Qiyās*.⁴¹⁵ Jika salah satu daripada rukun ini tidak dipenuhi, maka kaedah *al-Qiyās* tidak akan berlaku. Rukun pertama ialah *al-aṣl* iaitu nas-nas dari al-Quran atau al-Sunnah yang menjelaskan hukum⁴¹⁶. Kedua, *al-far'* iaitu isu atau persoalan yang tidak mempunyai sandaran nas.⁴¹⁷ Ketiga, *al-hukm* iaitu hukum *aṣl* yang akan diqiyaskan kepada hukum *far'*.⁴¹⁸ Keempat ialah *al-'illah* iaitu sifat yang mempunyai ciri-ciri yang tertentu yang wujud di dalam *al-aṣl* dan *al-far'*.⁴¹⁹ Dalam operasi *al-Qiyās*, *al-far'* akan diqiyaskan kepada *al-aṣl* berdasarkan persamaan *'illah* yang wujud antara kedua-duanya⁴²⁰. Setelah itu, hukum bagi isu yang tidak mempunyai rujukan nas akan menjadi jelas. Dalam hal ini, *'illah* memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan ketepatan hukum *al-far'*. Realitinya,

⁴¹³ Muḥammad Anwār Syāh Bin Mu'azzam Syāh al-Kasymīrī al-Hindī, *al-'Urf al-Syadhī Syarh Sunan al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Turāth al-'Arabī, 2004), 111.

⁴¹⁴ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2003), 333.

⁴¹⁵ al-Zarkashī, *Bahr al-Muḥīṭ*, 5:74. Abū Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh*, 202.

⁴¹⁶ Abū Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh*, 202

⁴¹⁷ *Ibid.*

⁴¹⁸ *Ibid.*

⁴¹⁹ *Ibid.*

⁴²⁰ Muḥammad Muṣṭafā Syalabī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Beirut: al-Dār al-Jāmi'īyah, t.t), 1:203.

proses pencarian ‘illah tidak berlaku secara mudah bahkan ia memerlukan proses ijtihad untuk mengenal pasti ‘illah tersebut jika ianya tidak dinyatakan secara jelas di dalam nas. Bermula dari kaedah *al-sibr wa al-taqṣīm* atau *tanqīḥ al-manāṭ*, *takhrīj al-manāṭ* sehingga *taḥqīq al-manāṭ*⁴²¹ diaplikasi untuk mencari ‘illah yang mempunyai sifat yang *zāhir*⁴²², *mundabit*⁴²³, *munāsib*⁴²⁴, *muta’addi*⁴²⁵ supaya dapat menghasilkan ketepatan hukum bagi isu yang tidak mempunyai rujukan nas.

Namun, operasi *al-Qiyās* yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa berlaku sebaliknya di mana *qiyās* tidak dilakukan secara tepat berdasarkan persamaan ‘illah tetapi menanaloginya kepada lafaz مَا كَسْبَتْ. Operasi ini tidak menepati kaedah *al-qiyās* kerana lafaz nas tidak boleh dianggap sebagai ‘illah. Oleh itu, *qiyās* tersebut disifatkan sebagai *al-qiyās ma’ a al-fāriq* kerana tidak menepati rukun *al-Qiyās* dan tidak dilakukan berdasarkan kaedah yang tepat. Dalam mengaplikasi kaedah ini, nas tersebut boleh dijadikan sebagai *al-aṣl* iaitu kewajipan mengeluarkan zakat perniagaan dan zakat pertanian⁴²⁶. Manakala, gaji pula dikelaskan sebagai *al-far’* kerana ianya tidak mempunyai rujukan nas yang jelas mengenai zakatnya. ‘Illah yang tepat bagi kewajipan zakat dalam nas tersebut ialah kesuburan⁴²⁷. Ini kerana, aktiviti perniagaan disuburkan melalui keuntungan⁴²⁸, manakala pertanian pula melalui hasil-hasil tanaman yang diperolehi.⁴²⁹ Berdasarkan penilaian yang dibuat, gaji berpotensi sebagai harta yang subur melalui pendapatan dan keuntungan yang diperolehi pada setiap bulan atau setiap kali memberi perkhidmatan dalam tempoh

⁴²¹ ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *Ilm Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: Dār al-Qalam, 1978), 77. Muḥammad al-Khuḍrī, *Uṣūl al-Fiqh* (Kaherah: Dār al-Ḥāfiẓ, t.t), 374. Abū Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh*, 217. ‘Abd al-Karīm Zaidān, *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2004), 214-218.

⁴²² al-Zarkashī, *Baḥr al-Muḥīṭ*, 5:134.

⁴²³ *Ibid.*, 133.

⁴²⁴ *Ibid.*, 132.

⁴²⁵ Abū Zahrah, *Uṣūl al-Fiqh*, 213.

⁴²⁶ al-Alūsī, *Rūḥ al-Ma’ānī fī Tafsīr al-Qurān al-‘Aẓīm wa Sab’ a al-Mathānī*, 39.

⁴²⁷ Ḥanafī al-Kāsānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’* 2:30&81. Lihat juga, Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, 320.

⁴²⁸ *Ibid.*, 81.

⁴²⁹ *Ibid.*, 30.

ḥaūl. Oleh itu, gaji boleh dikenakan zakat berdasarkan persamaan ‘illah yang wujud di dalam hukum *al-asl* dan *al-far*’ iaitu kesuburan, bukan berdasarkan lafaz nas. Justeru itu, aplikasi *al-Qiyās* berdasarkan lafaz nas tidak menepati operasi *al-qiyās* bahkan aplikasi tersebut tidak boleh diterima sebagai kaedah penentuan hukum.

Ketiga: Lebihan daripada keperluan asasi boleh dijadikan asas bagi menetapkan kewajipan zakat gaji tetapi ianya tidak diambilkira oleh Jawatankuasa Fatwa di dalam proses kajiannya disebabkan pegangannya kepada mazhab al-Shāfi’ī. Asas ini telah disyaratkan oleh mazhab Ḥanafī sebagai penentuan dalam mewajibkan zakat harta.⁴³⁰ Ini kerana, lebihan harta yang dimiliki oleh seseorang merupakan asas perbezaan antara golongan fakir miskin dengan golongan kaya.⁴³¹ Golongan fakir miskin hanya mempunyai sejumlah harta yang kadangkala tidak mencapai keperluan asasi mereka sedangkan golongan kaya memiliki harta yang melebihi keperluan mereka. Keperluan asasi ditafsirkan sebagai keperluan untuk menjaga hidup seseorang seperti makan, minum, rumah, pakaian, peralatan dan sebagainya.⁴³² Maka, wajar sekali zakat diwajibkan ke atas lebihan harta yang dimiliki sebagai satu kewajipan membantu golongan fakir miskin.⁴³³ Menurut al-Kāsānī, harta yang melebihi daripada keperluan asasi merupakan bentuk maṣlahah *al-hājīyāt* yang hampir kepada *al-darūrī* kerana ia amat diperlukan oleh golongan fakir miskin untuk meneruskan kehidupan mereka.⁴³⁴ Oleh itu, lebihan harta tersebut wajib disalurkan kepada golongan berkenaan dalam bentuk zakat. Tambah al-Kāsānī, harta yang melebihi keperluan asasi tergolong dari jenis harta yang bersifat subur⁴³⁵ kerana harta tersebut sudah mencukupi keperluan harian yang diperlukan oleh seseorang. Maka, lebihannya dianggap sebagai sesuatu yang subur. Oleh kerana lebihan tersebut

⁴³⁰ Muḥammad Amīn Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Muḥṭar ‘alā al-Darr al-Mukhtār* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 2003), 3:178.

⁴³¹ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengurusan Zakat*, 109

⁴³² Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Muḥṭar ‘alā al-Darr al-Mukhtār*, 3:178.

⁴³³ *Ibid.*, 108.

⁴³⁴ al-Kāsānī, *Badā’i al-Ṣanā’i’ fī Tartīb al-Syarā’i’*, 16.

⁴³⁵ *Ibid.*

bersifat subur, maka ia perlu dikenakan zakat. Justeru itu, gaji yang melebihi keperluan asasi wajib dikeluarkan zakatnya.

Meskipun begitu, zakat gaji masih tertakluk dengan syarat niṣāb dan ḥaūl. Ini kerana, kadar niṣāb yang ditentukan pada harta zakat menepati maksud kekayaan yang wujud di dalam harta tersebut di mana ianya hanya berlaku pada harta yang melebihi keperluan asasi sahaja⁴³⁶ sedangkan harta yang hanya mencukupi atau kurangan dari keperluan asasi tidak menepati maksud kekayaan tersebut. Oleh itu, gaji yang hanya mencukupi untuk keperluannya sahaja tidak wajib dikeluarkan zakat tetapi jika sebaliknya wajar dikenakan zakat. Manakala tempoh ḥaūl merupakan tempoh maksima untuk melihat proses kesuburan yang berlaku pada harta zakat⁴³⁷. Oleh kerana gaji mempunyai sifat kesuburan, maka ia tertakluk kepada tempoh ḥaūl untuk melihat sama ada ia mempunyai lebihan setelah ditolak keperluan asasi atau sebaliknya.

Kesimpulannya, gaji berpotensi untuk menjadi harta yang tergolong di dalam harta zakat. Namun, kaedah penentuan zakatnya haruslah berdasarkan kepada kaedah *al-takyīf* yang sesuai dan tepat. Para fuqaha telah mengemukakan asas-asas penting dalam penentuan zakat harta. Sewajarnya ianya dapat diinterpretasi sebagai kaedah dalam menentukan kewajipan zakat gaji dan pendapatan. Dalam hal ini, penyelidikan fatwa berdasarkan aplikasi *uṣūl al-fiqh* perlu diberi penekanan yang serius kerana kegagalan memahami aplikasi tersebut mengakibatkan ketidaktepatan dalam proses penghasilan fatwa.

⁴³⁶ *Ibid.*, 23.

⁴³⁷ *Ibid.*, 20.

4.2.3.3 Fatwa kubur dan masjid: Pemindahan kubur-kubur lama untuk tujuan pembesaran masjid

Fatwa ini dikeluarkan pada tahun 2006 di mana Jawatankuasa Fatwa memutuskan bahawa pemindahan kubur-kubur lama bagi tujuan pembesaran masjid dan perluasan ruangan parkir kereta adalah diharuskan. Justifikasinya adalah berdasarkan kepada kepentingan masyarakat setempat yang semakin bertambah dan sebagai tanda penghormatan kepada kubur yang akan dipindahkan ke kawasan yang lebih baik. Permohonan fatwa ini telah dikemukakan oleh Pejabat Agama Daerah Kota Tinggi bagi mendapatkan keputusan Jawatankuasa Fatwa mengenainya agar kerja-kerja pemindahan dapat dilakukan dengan lancar.

(I) Metode Fatwa

Dalam menangani situasi ini, Jawatankuasa Fatwa menggunakan kajian kepustakaan untuk mendapatkan pandangan-pandangan fuqaha mengenainya. Dalam kajiannya rujukan telah dilakukan terhadap nas-nas dari hadis Rasulullah SAW berkenaan larangan membongkar perkuburan dan menghormati kubur dan rujukan terhadap kitab *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh* mengenai perbincangan ulama berkaitan hukum pemindahan kubur dan kitab *Buhūth wa Fatwā Islāmīyah fī Qadāyā Mu'āṣirah* berkenaan keharusan pemindahan kubur bagi tujuan pembangunan.⁴³⁸

(II) Analisis Metode Fatwa

Secara dasarnya, pengkaji bersetuju dengan jawapan fatwa yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Fatwa kerana ianya diputuskan berdasarkan kepentingan masyarakat dan realiti semasa yang berlaku. Walaupun proses penyelidikan fatwa telah

⁴³⁸ Zanariah Bt Mohd Don (Pegawai Hal Ehwal Islam S41 merangkap unit buhuth, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Johor) dalam temubual dengan pengkaji, 10 Februari 2012.

dilakukan bagi menyelesaikan isu ini namun terdapat kekurangan dalam proses penentuan hukumnya yang perlu ditambah dengan kaedah hukum yang lain. Para fuqaha silam memfatwakan haram menggali semula tanah perkuburan setelah dikebumikan mayatnya.⁴³⁹ Tetapi, pengharaman tersebut tidak bersifat mutlak kerana penggalian dibenarkan jika terdapat keperluan yang mendesak.⁴⁴⁰ Analisis kaedah *al-takyīf* yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa dapat dikemukakan seperti berikut;

Pertama: Rujukan hadis yang menjadi sandaran Jawatankuasa Fatwa dalam proses kajiannya dilihat tidak begitu tepat kerana terdapat hadis yang lebih spesifik menyebut tentang keharusan menggali perkuburan atas tujuan tertentu. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Jābir Bin ‘Abd Allah r.a, katanya;

أَتَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ أَبِي بَعْدَ مَا أَذْخَلَ حُفْرَتَهُ فَأَمَرَ بِهِ،
فَأَخْرَجَ، فَوَضَعَهُ عَلَى زُكْبَتِيهِ وَنَقَّثَ عَلَيْهِ مِنْ رِيقِهِ، وَأَلْبَسَهُ قَمِيصَهُ

Terjemahan: Rasulullah SAW mendatangi (kubur) ‘Abd Allah Bin Ubay selepas dia dikebumikan. Lalu baginda menyuruh agar digali semula kuburnya. Setelah itu, baginda meletakkan mayat tersebut di atas kedua-dua lututnya, lalu baginda meniupkannya dengan ludahnya dan memakainya dengan pakaianya.⁴⁴¹

Menurut al-‘Aīnī, tujuan menggali perkuburan dalam hadis tersebut adalah bagi menjaga kepentingan mayat tersebut yang tidak dipakaikan pakaian.⁴⁴² Menurutnya lagi, ianya menjadi dalil bahawa diharuskan menggali tanah perkuburan dengan tujuan yang tertentu seperti mayat dikebumikan tanpa dimandikan atau tanah perkuburan tersebut merupakan kawasan saliran air atau tanah yang tidak sesuai.⁴⁴³ Berdasarkan tujuan tersebut jelas menunjukkan bahawa penggalian tanah perkuburan hanya diharuskan jika wujud keperluan yang tertentu sahaja. Apatah lagi jika

⁴³⁹ al-Māwardī, Abī al-Ḥasan ‘Alī Bin Muḥammad al-Ḥabīb, *al-Ḥāwī al-Kabīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 1994), 3:62.

⁴⁴⁰ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 3:499.

⁴⁴¹ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Janāiz, Bab Hal Yakhruju al-Mayt min al-Qabr wa al-Laḥad li’illah, no. hadis: 1350. Lihat ‘Abd Allah Muḥammad Bin Ismāil al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Kaherah: Maṭba’ah al-Salafiyah, 1400H), 1:414.

⁴⁴² *Ibid.*

⁴⁴³ *Ibid.*, 238.

keperluan tersebut menyentuh kepentingan masyarakat supaya tidak menimbulkan kesulitan kepada mereka, maka pemindahan kubur-kubur lama tersebut wajar dilakukan.

Kedua: Penentuan fatwa ini juga boleh diaplikasi melalui kaedah *dilālah al-naṣṣ* namun ianya tidak diaplikasi dalam kajian fatwa yang dilakukan. Pengkaji melihat bahawa penggunaan kaedah ini dapat menghasilkan keputusan fatwa yang kukuh bagi isu tersebut. Berdasarkan hadis di atas, ‘illah keharusan menggali tanah perkuburan adalah keperluan yang mempunyai sebab-sebab yang tertentu.⁴⁴⁴ Maka, dalam isu tersebut keperluannya sangat jelas iaitu pembesaran kawasan masjid untuk menampung jumlah jemaah yang meningkat dan menyediakan parkir yang luas untuk mereka yang berkenderaan. Justeru, terdapat persamaan ‘illah antara situasi nas dan isu fatwa yang boleh dipadankan iaitu keperluan yang tertentu untuk menggali perkuburan tersebut. Maka, hukum menggali perkuburan lama juga diharuskan bagi tujuan pembesaran kawasan masjid berdasarkan ‘illah yang sama.

Ketiga: Isu fatwa jelas berkaitan dengan *maṣlaḥah al-hājīyāt* kerana menyentuh keselesaan para jemaah untuk melakukan ibadat supaya tidak timbul sebarang kesulitan disebabkan kawasan masjid yang sempit. Termasuk juga pembinaan parkir untuk jemaah yang berkenderaan supaya tidak menimbulkan kesesakan sewaktu meletakkan kenderaan masing-masing. Dalam *maṣlaḥah al-hājīyāt* keperluan yang melibatkan kesulitan kepada masyarakat awam perlu diatasi selagi mana ia tidak bertentangan dengan kehendak syarak sebagaimana Firman Allah SWT;

رِيْدَ اللَّهُ بِكُمْ أَيْسَرُ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Surah al-Baqarah 2:185

Terjemahan: Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu.

⁴⁴⁴ *Ibid.*, 236.

Menurut al-Zamakhsyārī, ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT memudahkan sesuatu ke atas hamba-hamba-Nya dan tidak mentaklifkan mereka dengan sesuatu yang tidak mampu dilakukan.⁴⁴⁵ Menurutnya lagi, kesulitan perlu diatasi supaya dapat mengelakkan pelbagai masalah yang timbul kepada manusia.⁴⁴⁶ Oleh itu, pemindahan kubur-kubur lama harus dilaksanakan supaya pembesaran kawasan masjid dan parkir dapat dilakukan agar tidak memberi pelbagai masalah kepada jemaah yang hadir ke masjid seperti terpaksa bersesak-sesak atau berhimpit-himpit. Namun, penentuan maṣlaḥah ini tidak dinyatakan secara terperinci dalam kaedah al-takyīf hanya dalam bentuk justifikasi yang ringkas. Realitinya, terdapat pandangan pro dan kontra fuqaha berkenaan isu pembongkaran dan pemindahan kubur ini. Ibn Bāz memfatwakan haram untuk membina masjid atau kubah di atas tanah perkuburan.⁴⁴⁷ Maka, seharusnya kubur-kubur tersebut dipindahkan ke tempat yang lebih terjamin agar pembesaran kawasan masjid dapat diteruskan bagi mengelakkan pembinaan di atasnya. Namun, Ibn al-Taymīyah berpandangan rigid dalam isu ini, di mana beliau tidak membenarkan sama sekali penggalian tanah perkuburan meskipun untuk tujuan yang tertentu⁴⁴⁸ dan ianya disokong oleh al-Ramlī.⁴⁴⁹ Sementara itu dalam *Fath al-Ghaffār* disebutkan, harus memindahkan mayat atau menggali semula tanah perkuburan bagi tujuan yang jelas⁴⁵⁰ yakni tujuan yang menyentuh kepentingan umum. Ibn al-Humām pula mengharuskan pembongkaran tanah perkuburan atas sebab keperluan sama ada perkuburan tersebut

⁴⁴⁵ Abū al-Qāsim Maḥmūd Bin ‘Amrū al-Zamakhsyārī, *Tafsīr al-Kasyāf* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1998), 1:383.

⁴⁴⁶ *Ibid.*

⁴⁴⁷ ‘Abd al-‘Azīz Bin ‘Abd Allah Bin Bāz., *Fatāwā Nūr ‘alā al-Darb* (Arab Saudi: Muassasah ‘Abd al-‘Aziz Bin Bāz, t.t), 2:1140.

⁴⁴⁸ ‘Āmir al-Jazzār, et.al, *Majmū’ah al-Fatāwā Ibn al-Taymīyah* (cet. ke-3, Mansurah: Dār al-Wafā’, t.t), 24:169.

⁴⁴⁹ Shiāb al-Dīn Bin Hamzah al-Ramlī, *Fatwā al-Ramlī* (t.tp: al-Maktabah al-Islamiyah, t.t), 2:39.

⁴⁵⁰ al-Qadī al-Ḥasan Bin Alḥamad al-Rūbā’ī, *Fatḥ al-Ghaffār al-Jāmi’ li Aḥkām Sunnah Nabīyanā al-Mukhtār* (Mekah: Dār ‘Ālim al-Fawāid, 1427H), 1:786.

baru atau lama.⁴⁵¹ Pandangan ini disokong oleh al-Nawawi⁴⁵² dan al-Uthaymīn.⁴⁵³

Ringkasnya, pandangan yang bersifat pro terhadap isu ini bertepatan dengan maksud hadis di atas dan konsep *maṣlaḥah al-hājīyāt*. Memandangkan isu ini adalah realiti yang berlaku pada waktu itu, maka nilai semasa perlu diambilkira demi kebaikan kepada masyarakat. Tambahan pula, tujuan penggalian tersebut bukan bersifat individu tetapi melibatkan kepentingan orang ramai. Maka, ianya perlu diutamakan dari kepentingan individu.

Kesimpulannya, jawapan fatwa yang dikemukakan adalah bersifat rasional dan bertepatan dengan kepentingan semasa. Walaupun terdapat kajian yang dijalankan bagi menyelesaikan isu ini namun ianya perlu ditambah dengan kaedah penentuan hukum yang lebih berasas dan tepat supaya menepati kewajaran fatwa yang diputuskan.

4.2.3.4 Fatwa munakahat: Perlaksanaan ujian HIV di kalangan bakal pengantin di Johor

Pada tahun 2001, Jawatankuasa Fatwa telah memfatwakan bahawa setiap pasangan yang bakal berkahwin atau mendaftarkan perkahwinan di negeri Johor diwajibkan menjalani ujian saringan HIV. Fatwa ini merupakan salah satu daripada langkah positif yang diambil oleh pihak Jawatankuasa Fatwa untuk menangani penularan virus ini setelah menerima laporan mengenai peningkatan jumlah pembawa HIV yang majoritinya terdiri dari kalangan golongan bujang. Ini kerana, pihak Jawatankuasa Fatwa melihat situasi ini sebagai satu ancaman kepada kesucian institusi kekeluargaan.

⁴⁵¹ Kamāl al-Dīn Muḥammad Bin al-Hūmām, *Syarḥ Fath al-Qadīr* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 2003), 2:149.

⁴⁵² Muḥammad Bin Ṣalīḥ al-Uthaīmīn, *Majmū’ al-Fatāwā Muḥammad Bin Ṣalīḥ al-Uthaīmīn* (Riyadh: Dār al-Waqān, 1413H), 17:203.

⁴⁵³ Abū Zakariyā Muhyī al-Dīn Bin Sharf al-Nawawī, *Fatāwā al-Imām al-Nawawī* (Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmīyah, 1996), 81.

(I) Metode Fatwa

Dalam mengemukakan keputusan fatwa di atas, pihak Jawatankuasa Fatwa menjalankan kajian dalam bentuk kepustakaan.⁴⁵⁴ Dalam kajiannya, beberapa rujukan dari nas al-Quran dan al-Sunnah dipetik sebagai sandaran fatwa. Antaranya nas berkenaan tegahan daripada melakukan kemudaratan, gesaan menjaga kehormatan diri, suruhan agar mencegah kemungkaran dan gesaan memilih pasangan yang baik. Rujukan ini juga diperkuatkan dengan beberapa kaedah fiqh yang menyebut tentang penolakan terhadap sesuatu kemudaratan dan keutamaan menjaga kepentingan umum. Selain itu, kaedah *maqāṣid al-syarīyah* diambilkira sebagai asas penting dalam penentuan fatwa tersebut kerana menyentuh tentang penjagaan *al-darūriyāt* khususnya dalam aspek menjaga nyawa dan keturunan. Kajian fatwa juga turut menukilkan pandangan fiqh yang berkaitan dengan hukum fasakh bagi kecacatan yang berlaku kepada salah seorang pasangan sebagai asas penentuan fatwa.⁴⁵⁵

(II) Analisis Metode Fatwa

Pada dasarnya, pengkaji bersetuju dengan keputusan fatwa di atas berhubung dengan penambahan syarat dalam proses perkahwinan iaitu keperluan untuk menjalani ujian saringan HIV ke atas semua bakal pengantin yang ingin berkahwin datau mendaftarkan perkahwinan di negeri Johor. Jawapan fatwa yang diberikan bersifat rasional seiring dengan realiti semasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat. HIV atau *Human Immunodeficiency Virus* merupakan sejenis virus yang boleh melumpuhkan dan memusnahkan sistem ketahanan badan seseorang yang akhirnya mengakibatkan penyakit AIDS iaitu “Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan

⁴⁵⁴ Zanariah Bt Mohd Don (Pegawai Hal Ehwal Islam S41 merangkap unit buhuth, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Johor) dalam temubual dengan pengkaji, 17 Mei 2013.

⁴⁵⁵ Kerja fatwa pelaksanaan ujian saringan HIV ke atas bakal pengantin di Johor, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/01(MK)/10 (26 Jun 2012).

Penyakit”.⁴⁵⁶ Mereka yang menghidapi penyakit AIDS akan menjadi lemah disebabkan oleh badan mereka telah hilang keupayaan untuk melawan pelbagai jenis penyakit dan akhirnya mereka akan menemui maut.

Salah satu cara penularan penyakit HIV/AIDS adalah melalui hubungan seks⁴⁵⁷ sama ada seks bebas atau perkahwinan. Dalam konteks perkahwinan, pembawa HIV sama ada suami atau isteri berisiko menularkan virus ini kepada pasangannya. Ianya mengakibatkan lebih ramai lagi individu menjadi mangsa jangkitan virus ini. Bahkan, zuriat yang bakal dilahirkan bersiko besar mendapat jangkitan yang sama. Maka, pemeriksaan ujian HIV merupakan salah satu langkah yang wajar dilaksanakan sebagai kaedah pencegahan daripada perebakan virus ini kepada individu melalui hubungan perkahwinan.

Dalam kajian fatwa yang dijalankan, proses *al-takyif* yang diaplikasi bagi menentukan hukum dilakukan secara ringkas dan mudah tanpa melihat kaedah hukum yang lain. Analisis kaedah fatwa yang digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa dapat dikemukakan seperti berikut;

Pertama: Rujukan nas al-Quran yang dikaji dalam fatwa ini adalah bersifat umum agar tidak melakukan sebarang bentuk kemudaratan. Rujukan ini secara asasnya relevan untuk dijadikan dalil fatwa tetapi terdapat nas yang lebih spesifik menyebut ketenangan dalam perkahwinan sebagaimana Firman Allah SWT;

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً

al-Rūm 30:21

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih dan sayang.

⁴⁵⁶ Pejabat Kesihatan Daerah Kinta, “HIV dan AIDS”, laman sesawang Pejabat Kesihatan Daerah Kinta dicapai 17 Februari 2013, http://pkdkinta.moh.gov.my/v3/index.php?Option=com_content&view=article&id=106%3Ahiv-dan-aids&catid=45%3Ainfo-kesihatan&lang=en.

⁴⁵⁷ The United Nations Children’s Fund, “10 Fakta Asas Tentang HIV dan AIDS”, laman sesawang The United Nations Children’s Fund, dicapai 17 Februari 2013, http://www.unicef.org/malaysia/msl/my_fakta_AIDS.pdf.

Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.

al-Qurtūbī menafsirkan *mawaddah* dan *rahmah* dengan maksud hubungan dan kecintaan seorang suami terhadap isterinya.⁴⁵⁸ Manakala, *rahmah* pula dimaksudkan belas kasihan yang diberikan oleh suami kepada isterinya.⁴⁵⁹ Ia juga ditafsirkan dengan maksud seorang isteri diciptakan untuk memberi ketenangan kepada suaminya⁴⁶⁰. Ibn Kathīr menafsirkannya sebagai pergaulan baik yang diberikan oleh suami terhadap isterinya sama ada dengan sifat kecintaan atau belas kasihan terhadapnya sehingga dapat melahirkan zuriat yang baik, pemberian nafkah dan kebahagiaan kepada mereka⁴⁶¹.

Tafsiran tersebut membuktikan bahawa institusi perkahwinan perlu didirikan atas dasar kasih sayang dan belas kasihan kerana ketenangan dan kebahagiaan dalam perkahwinan merupakan hak setiap pasangan. Ketenangan dan kebahagiaan rumahtangga hanya dapat dikecapi jika seawal perkahwinannya dimulai dengan suasana yang baik. Namun, jika sebaliknya ia bakal melahirkan suasana rumahtangga yang tidak tenang dan membantutkan perasaan kasih sayang antara pasangan. Justeru itu, jangkitan virus HIV/AIDS merupakan salah satu daripada elemen negatif yang boleh menghancurkan keharmonian perkahwinan. Penularannya turut memberi kesan terhadap anak-anak di dalam kandungan jika ibunya disahkan menghidapi virus ini. Implikasinya, institusi keluarga menjadi porak-peranda dan saling menyalahkan antara pihak keluarga disebabkan jangkitan tersebut. Malahan setiap pasangan yang meninggal dunia akibat virus ini turut meninggalkan anak-anak yang berpenyakit AIDS di mana masa depan mereka amat tipis.⁴⁶² Oleh itu, situasi

⁴⁵⁸ al-Qurtūbī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Quran*, 17.

⁴⁵⁹ *Ibid.*

⁴⁶⁰ *Ibid.*

⁴⁶¹ Ibn Kathīr al-Damsyiqī, *Tafsīr al-Quran al-'Aẓīm*, 20.

⁴⁶² Penulis tidak diketahui, “Kesan AIDS Terhadap Kanak-Kanak”, laman sesawang *The United Nations Children's Fund UNICEF*, dicapai 3 Februari 2013, http://www.unicef.org/malaysia/msl/hiv_aids_5845.html.

ini sama sekali tidak menepati tujuan perkahwinan yang disyariatkan oleh Allah SWT.

Bagi menepati tujuan tersebut penetapan untuk menjalani ujian HIV sebelum perkahwinan adalah langkah yang amat rasional. Ini kerana, ketidakpastian mengenai status kesihatan setiap pasangan bakal memberi kesan terhadap keruntuhan perkahwinan jika didapati pasangannya adalah pembawa virus tersebut. Justeru itu, pelaksanaan ujian ini mampu menghindarkan kesan buruk yang boleh menghancurkan keharmonian institusi kekeluargaan yang dijamin oleh Allah SWT melalui ikatan perkahwinan.

Kedua: Hadis “*Janganlah membuat kemudaratan dan memudaratkan*”⁴⁶³ yang menjadi rujukan pihak Jawatankuasa Fatwa bertepatan dengan tujuan isu ini namun aplikasinya bersifat ringkas sehingga tidak kelihatan kepentingannya dengan isu fatwa. Menurut al-Nawawī, kemudaratan dalam hadis tersebut ialah kemudaratan yang berlaku tanpa hak yang mengharuskannya.⁴⁶⁴ Larangan menimbulkan kemudaratan bukan sahaja ditegah kepada diri sendiri tetapi kepada orang lain juga.⁴⁶⁵ Menurut al-Nawawī lagi, kemudaratan turut berlaku dalam institusi perkahwinan antaranya sumpah ‘*ilāk*.⁴⁶⁶ yakni dengan cara membiarkan keinginan isteri sehingga menimbulkan ganguan emosi terhadap dirinya. Larangan ini membuktikan bahawa kemudaratan yang diberikan kepada isteri dalam bentuk emosi adalah ditegah apatah lagi kemudaratan pada fizikalnya, maka berlebih lagi diharamkan. Justeru itu, penularan virus HIV kepada pasangan merupakan salah satu daripada bentuk kemudaratan fizikal yang amat tragis kerana pastinya tahap

⁴⁶³ Hadis riwayat Ibn Mājjah, Kitab al-Ālkām, Bab Man Banā fī Ḥaqiqihi mā Yaḍurr bijārihi, no. hadis: 2340. Lihat Abī ‘Abd Allah Bin Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Majah* (Riyāq: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī’, t.t), 400.

⁴⁶⁴ Muṣṭafā al-Bughā dan Muḥyī al-Dīn Mistū, *al-Wāfi fī Syarḥ al-Arba’īn al-Nawawīyah* (cet. ke- 15, Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2006), 240.

⁴⁶⁵ *Ibid.* Taqī al-Dīn Bin ‘Alī Ibn Daqīq al-‘Ayd al-Qusyayrī, *Syarḥ al-Arba’īn al-Nawawīyah fī al-Ahādīṣ al-Ṣaḥīḥah al-Nabawīyah* (t.t.p: Muassasah al-Rayyān, 2003), 107.

⁴⁶⁶ al-Nawawī, *al-Majmū’*, 11:24.

kehidupan mereka akan terjejas dan akhirnya membawa kematian. Ianya menepati tujuan hadis tersebut yang melarang agar menimbulkan kemudaratannya kepada orang lain. Maka, pelaksanaan ujian HIV merupakan langkah terbaik untuk mengelakkan kemudaratannya terhadap suami atau isteri setelah mereka mengetahui status kesihatan pasangannya sebelum berkahwin.

Ketiga: Realiti pelaksanaan ujian ini menepati lima prinsip asas *maqāṣid al-shari‘ah* yang bersifat *al-darūrī*⁴⁶⁷ sebagaimana yang diambilkira oleh Jawatankuasa Fatwa sebagai kaedah pemfatwaan. Menurut al-Shāṭibī, prinsip tersebut merupakan dasar kepada maṣlaḥah⁴⁶⁸ di mana ianya perlu diberi keutamaan dan sangat berautoriti.⁴⁶⁹ Isu ujian HIV bukan sahaja melibatkan nyawa setiap pasangan tetapi nyawa kepada bakal zuriat. Penjagaannya perlu diberi keutamaan kerana ianya merupakan asas kepada maṣlaḥah yang sangat perlu dijaga. Menurut al-Ghazālī, *maṣlaḥah al-darūrīyāt* yang merangkumi penjagaan nyawa dan keturunan merupakan maṣlaḥah yang kuat kedudukannya.⁴⁷⁰ Justeru itu, penjagaan nyawa perlu diberi perhatian agar tidak terlibat dalam sebarang bentuk kemudaratannya.⁴⁷¹ Salah satunya adalah menjauhi diri atau orang lain daripada terkena penyakit HIV. Pelaksanaan ujian HIV realitinya merupakan langkah yang bersifat *darūrī* di mana ia perlu dilaksanakan bagi menghalang perebakan virus ini melalui perkahwinan yang akhirnya boleh mengancam nyawa pasangan dan zuriat mereka.

Keempat: Penggunaan *sadd al-dharā’i* sebagai kaedah berfatwa merupakan aplikasi yang tepat namun ianya tidak dinyatakan dalam kajian fatwa yang dilakukan oleh Jawatankuasa Fatwa.⁴⁷² *al-Dharā’i* merupakan kaedah yang berkaitan dengan

⁴⁶⁷ al-Syāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 2: 20.

⁴⁶⁸ *Ibid.*, 25.

⁴⁶⁹ *Ibid.*, 38.

⁴⁷⁰ Wahbah al-Zuḥaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, 2:50.

⁴⁷¹ Nur al-Dīn Bin Mukhtār al-Khādām, *Ilm al-Maqāṣid al-Syarīyah* (Riyāḍ: Maktabah al-‘Abīkān, 2001), 81.

⁴⁷² Kertas kerja fatwa pelaksanaan ujian saringan HIV ke atas bakal pengantin di Johor, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/01(MK)/10 (26 Jun 2012).

maṣlaḥah dan *mafṣadah* kerana ditakrifkan sebagai cara yang membawa kepada kebaikan atau kemudaratan.⁴⁷³ Muṣṭafā al-Bughā menjelaskan, *al-dharā'i* yang membawa kepada kerosakan adalah dilarang dan wajib untuk dihalang.⁴⁷⁴ Dalam isu ini, penularan virus HIV adalah tindakan yang membawa kemudaratan kerana implikasinya adalah kematian. Justeru itu, sebelum berlakunya jangkitan terhadap pasangan dan anak-anak, maka wajar ianya disekat. *al-Dharā'i* dalam peringkat yang teratas adalah *al-dharā'i* yang membawa kerosakan secara pasti di mana kesannya akan menyebabkan kemudaratan.⁴⁷⁵ Maka, ianya dilarang secara keras kerana tujuannya adalah kemudaratan.⁴⁷⁶ Realitinya, pelaksanaan ujian HIV menepati doktrin *al-dharā'i* agar menyekat setiap tindakan yang boleh membawa kemudaratan secara pasti.

Kelima: Jawatankuasa Fatwa turut mengaplikasi kaedah-kaedah fiqh sebagai dalil dalam mewajibkan ujian HIV. Pemakaian kaedah ini bertepatan dengan tujuan ujian tersebut dilaksanakan memandangkan isu ini tidak mempunyai sandaran dalil yang jelas. Namun, kaedah tersebut dinyatakan secara ringkas tanpa justifikasi yang jelas terhadap isu fatwa.⁴⁷⁷ Pengkaji melihat bahawa kaedah يزال الصرر iaitu “*kemudaratan hendaklah dihilangkan*”⁴⁷⁸ disifatkan sebagai kaedah yang tepat untuk menangani isu ini. Menurut Ibn Nujaym, kaedah ini digunakan dalam beberapa hukum perkahwinan antaranya keharusan memfasakhkan pernikahan dengan sebab kecacatan yang berlaku pada pasangan⁴⁷⁹ kerana terdapat unsur kemudaratan. Keharusan ini membuktikan bahawa jika kecacatan boleh menjadi

⁴⁷³ Abū Islām, Muṣṭafā Bin Ahmad, *al-Ta'sīs fī Uṣūl al-Fiqh Dāw al-Kitāb wa al-Sunnah* (Makkah: Maktabah al-Haramayn li al-'Ulūm al-Nāfi'ah, 2008), 450.

⁴⁷⁴ Muṣṭafā Dīb al-Bughā, *Athar al-Adillah al-Mukhtalif fīhā fī al-fiqh al-Islāmī* (cet. ke-4, Damsyiq: Dār al-Qalam, 2007), 568. Ibn Qayyīm, *I'lām al-Muwaqqi'īn*, 4:554.

⁴⁷⁵ Muṣṭafā Bin Ahmad, *Athar al-Adillah al-Mukhtalif fīhā fī al-fiqh al-Islāmī*, 570.

⁴⁷⁶ *Ibid.*, 571.

⁴⁷⁷ Kertas kerja fatwa pelaksanaan ujian saringan HIV ke atas bakal pengantin di Johor, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/01(MK)/10 (26 Jun 2012).

⁴⁷⁸ Jalāl al-Dīn Bin 'Abd al-Rahmān al-Suyūṭī, *al-Asybāh wa al-Naẓā'ir fī Qawā'id wa Furū' Fiqh al-Syāfi'īyah* (cet. ke-2, Makkah: Maktabah al-Sa'ūdīyah, 1997), 1:140.

⁴⁷⁹ *Ibid.*

alasan untuk memfasakhkan pernikahan atas sebab kemudaratan apatah lagi jika kemudaratan tersebut berlaku dalam bentuk kematian. Maka, berlebih lagi ia perlu dielakkan. Justeru itu, pelaksanaan ujian HIV merupakan langkah yang tepat untuk mengelakkan kemudaratan tersebut.

Dalam institusi perkahwinan, suami dipertanggungjawabkan untuk melindungi isteri dan ahli keluarganya sebagaimana yang disebut oleh Allah SWT yang mempertanggungjawabkan kepada lelaki untuk memberi perlindungan kepada isterinya.⁴⁸⁰ Bahkan seorang suami dilarang sama sekali mengabaikan tanggungjawab tersebut kerana ia adalah hak yang telah dipertanggungkan oleh syarak ke atas mereka bagi menjaga kepentingan pihak isteri.⁴⁸¹ ‘Abd al-Karīm Zaidān menegaskan bahawa, tanggungjawab bersifat *darūrī* dan perlu dipenuhi dalam kehidupan sesebuah perkahwinan secara konsisten dan tetap.⁴⁸² Antara tuntutan tanggungjawab ini adalah tidak memberi kemudaratan kepada isteri dalam apa jua bentuk kerana perbuatan tersebut merupakan tindakan yang zalim dan diharamkan.⁴⁸³ Menurut Muḥammad Uqlah, antara bentuk kemudaratan yang ditegah terhadap isteri seperti memberi layanan yang buruk dengan melakukan penderaan dan menyakitnya, memulaukannya tanpa sebarang alasan yang diharuskan atau apa jua tindakan yang dianggap sebagai kemudaratan kepadanya.⁴⁸⁴ Kesemua bentuk kemudaratan ini adalah diharamkan oleh syarak secara jelas sama ada kemudaratan emosi atau fizikal. Melalui kaedah *dilālah al-naṣṣ*⁴⁸⁵ penularan HIV kepada pasangan termasuk dalam bentuk kemudaratan fizikal yang diharamkan

⁴⁸⁰ Abū Bakar al-Rāzī al-Jaṣāṣ, *Aḥkām al-Quran li al-Jaṣāṣ* (Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī, 1405H), 3:148.

⁴⁸¹ ‘Abd al-Karīm Zaidān, *al-Mufaṣṣal fī Akhām al-Mar’ah wa Bayt al-Muslim* (cet. ke-3, Beirut: Muassasah al-Risālah, 2000), 3:278.

⁴⁸² *Ibid.*

⁴⁸³ Muḥammad Uqlah, *Niẓām al-Usrah fī al-Islām* (cet. ke-3, Jordan: Maktabah al-Risālah al-Hādīyah, 2002), 2:18. Abd al-Karīm Zaidān, *al-Mufaṣṣal*, 234.

⁴⁸⁴ Muḥammad Uqlah, *Niẓām al-Usrah fī al-Islām*, 3:219.

⁴⁸⁵ Aḥmad al-Ḥaṣarī, *Istinbāṭ al-Aḥkām Min al-Nuṣūṣ* (cet. ke-2, Beirut: Dār al-Jīl, 1997), 359.

berdasarkan persamaan ‘illah yang wujud dalam perlakuan di atas iaitu kemudaratan kepada isteri.

Justeru itu, sebelum kemudaratan tersebut berlaku pencegahan perlu dilakukan agar agar jangkitannya dapat dielakkan. Pelaksanaan ujian HIV merupakan medium yang paling berkesan untuk mengetahui tahap kesihatan setiap pasangan sebelum meneruskan perkahwinan. Jika ternyata salah seorang daripada mereka adalah pembawa virus HIV, maka tindakan untuk membatalkan pekahwinan boleh diambil bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan yang serius. Islam amat mementingkan keharmonian dalam institusi perkahwinan. Oleh kerana itu, syarak mengharuskan agar perkahwinan dibubarkan jika berlaku bentuk-bentuk penganiayaan dan kemudaratan terhadap isteri atau sebaliknya atas dasar untuk menjaga maṣlaḥah setiap pasangan.⁴⁸⁶ Lebih-lebih lagi jika kemudaratan tersebut menyebabkan kematian, maka ianya lebih berhak untuk dijauhi menerusi ujian tersebut.

Kesimpulannya, kaedah *al-takyīf* dalam isu fatwa ini perlu dilakukan dengan teliti agar dapat dikenalpasti kaedah yang tepat untuk menyelesaikannya meskipun Jawatankuasa Fatwa mengemukakan dalil dan justifikasi yang rasional. Namun, penelitian secara mendalam perlu dilakukan terutama dalam menjelaskan justifikasi bagi penggunaan kaedah hukum. Walaupun begitu, keputusan fatwa yang diputuskan menepati kepentingan semasa pada hari ini yang menyaksikan pelbagai kerosakan yang berlaku di kalangan masyarakat.

⁴⁸⁶ *Ibid.*, 222.

4.2.3.5 Fatwa muamalat: Hukum perdagangan baja najis kelawar (GUANO)

Fatwa ini dikeluarkan pada tahun 2010 di mana Jawatankuasa Fatwa memfatwakan bahawa pemprosesan dan penjualan baja organik yang diperbuat dari najis kelawar (Guano) adalah diharuskan. Keputusan ini adalah jawapan fatwa kepada permohonan yang diajukan oleh PIJ Manufacturing Sdn. Bhd. bagi mendapatkan pandangan hukum mengenai aktiviti perniagaan baja organik dari najis kelawar.

(I) Metode Fatwa

Dalam kajian fatwa yang dilakukan, pihak Jawatankuasa Fatwa menjalankan kajian secara dalaman yang berbentuk kajian kepustakaan.⁴⁸⁷ Kajian fatwa dilakukan dengan menukikan perbincangan para fuqaha berkenaan hukum jual beli najis. Perbincangan tersebut dipetik secara terus dari kitab-kitab fiqh seperti *al-Majmū'*, *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh* dan *al-Fiqh 'alā Madhāhib al-Arba'ah* serta rujukan terhadap fatwa-fatwa berkenaan hukum penggunaan baja dari najis yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri yang lain.⁴⁸⁸

(II) Analisis Metode Fatwa

Jawapan fatwa tersebut adalah rasional dan menepati keperluan semasa pada hari ini terutama keperluan dalam bidang agrotek atau pertanian. Walaupun terdapat aktiviti penyelidikan yang dijalankan namun masih terdapat kekurangan dalam proses *al-tasawwūr* dan *al-takyīf* yang perlu diberi penekanan. Dalam proses *al-tasawwūr*, kaedah temubual tidak diaplikasi untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan baja organik ini dari pakar-pakarnya⁴⁸⁹ sedangkan kaedah tersebut penting

⁴⁸⁷ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal S42, Jabatan Mufti Johor merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor) dalam temubual dengan pengkaji pada 20 Mei 2013.

⁴⁸⁸ Kertas kerja fatwa cadangan perdagangan baja najis kelawar (Guano), bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(ML)/32 (26 Jun 2012).

⁴⁸⁹ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal S42, Jabatan Mufti Johor merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor) dalam temubual dengan pengkaji pada 18 Mei 2013.

dalam kajian isu ini. Begitu dalam proses al-takyīf, walaupun nukilan dari perbincangan fuqaha mengenai hukum jual beli najis adalah jelas tetapi justifikasi yang kemukakan dalam kajian fatwa bersifat ringkas. Dalam isu ini, produk jualan (*mafqud ‘alaīh*) yang bersifat bernajis menimbulkan persoalan hukum adakah ia boleh dijual atau tidak. Maka, persoalan ini menjadi fokus utama dalam kaedah *al-takyīf* yang sepatutnya diberi penekanan dalam kajian fatwa. Sebaliknya nukilan yang dikemukakan tidak membincangkan secara terperinci berkenaan sifat *mafqud ‘alaīh* tersebut.⁴⁹⁰ Analisis kaedah berfatwa yang diaplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa dalam menangani isu baja organik ini dapat kemukakan seperti berikut;

Pertama: Rujukan terhadap nas al-Quran dan al-Sunnah tidak dinyatakan dalam kajian fatwa yang dilakukan⁴⁹¹ sedangkan terdapat nas yang menjelaskan tentang jual beli dan produk jualan yang diharuskan. Keharusan jual beli disyariatkan oleh Allah SWT menerusi surah al-Baqarah ayat 257 secara zahir. Kemudian ditakhsiskan oleh hadis Rasulullah SAW yang mengharamkan beberapa jenis benda sebagai bahan perniagaan sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Jābir bin ‘Abd Allah r.a;

إِنَّ اللَّهَ وَرَسُولُهُ حَرَمَ بَيْعَ الْحَمْرِ، وَالْمِيَّتِ وَالْخِنْزِيرِ وَالْأَصْنَامِ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah dan RasulNya mengharamkan jual beli arak, bangkai, babi dan berhala⁴⁹²

Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud “diharamkan melakukan jual beli pada arak”.⁴⁹³ Menurut Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, ‘illah diharamkan arak, bangkai dan babi sebagai bahan jualan adalah kerana sifat

⁴⁹⁰ Kertas kerja fatwa cadangan perdagangan baja najis kelawar (Guano), bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(ML)/32 (26 Jun 2012).

⁴⁹¹ *Ibid.*

⁴⁹² Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Buyū’, Bab Bay’ al-Maytah wa al-Asnām, no hadis: 2236. Lihat Muḥammad Bin Ismā’il al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Kaherah: Maktabah al-Salfiyah, 1400H), 2:123.

⁴⁹³ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Buyū’, Bab Bay’ al-Maytah wa al-Asnām, no hadis: 2226. Lihat Muḥammad Bin Ismā’il al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 2:120.

kenajisan yang terdapat padanya, manakala bagi berhala pula ‘illahnya sebagai sesuatu yang tidak bermanfaat.⁴⁹⁴ Ini kerana, apabila Allah SWT mengharamkan untuk menjamunya maka diharamkan juga berjual beli dengannya.⁴⁹⁵ Menurut al-Khitābī, hadis ini menjadi dalil bahawa setiap najis ‘ainī diharamkan untuk berjual beli.⁴⁹⁶ Menurut Ibn Baṭṭāl pula, tidak diharuskan menjual sesuatu yang tidak bermanfaat seperti bangkai dan berhala.⁴⁹⁷ Ini bermaksud, jual beli najis yang tidak bermanfaat adalah dilarang. Maka secara *mafhum mukhālafah*, najis yang boleh dimanfaatkan harus dijual beli jika jelas keperluannya dan tidak sabit pengharamannya. Dalam isu ini, tahi kelawar adalah najis yang bermanfaat terhadap penghasilan tanaman, maka penjualannya adalah diharuskan.

Kedua: Perbincangan berkenaan jual beli najis merupakan perkara khilaf dalam kalangan fuqaha silam. Dalam isu ini, mazhab sunni mengharamkan jual beli yang jelas kenajisannya seperti arak, babi, bangkai dan sebagainya⁴⁹⁸ kerana produk jualan disyaratkan dari jenis harta⁴⁹⁹ yang bermanfaat⁵⁰⁰ dan bernilai.⁵⁰¹ Oleh kerana sifat tersebut tidak wujud pada najis maka jual belinya adalah batal. Meskipun begitu, terdapat beberapa pengecualian yang dirumuskan oleh para fuqaha dalam pengharaman jual beli najis ini. Mazhab al-Ḥanafī membenarkan jual beli najis atau sesuatu yang bercampur najis jika ia boleh dimanfaatkan seperti tahi yang dijadikan baja⁵⁰² kecuali arak dan babi kerana keseluruhannya adalah najis.⁵⁰³ Sebaliknya jumhur fuqaha tidak mengharuskan jual beli najis sekalipun mempunyai manfaat

⁴⁹⁴ Ahmad Bin ‘Alī Bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Waṭanīyah, 2001), 4:497.

⁴⁹⁵ *Ibid.*

⁴⁹⁶ Muḥammad Syams al-Haq ‘Abādī, ‘Aīn al-Ma’būd Syarḥ Sunan Abī Daūd (Madinah: Maktabah al-Salfīyah, 1969), 9:377.

⁴⁹⁷ Husayn ‘Alī Bin Khalf Ibn Baṭṭāl, *Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl* (Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 2001), 6:360.

⁴⁹⁸ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 6:385.

⁴⁹⁹ al-Kāsānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’ fī Tartīb al-Syarā’i’* (2003), 6:549.

⁵⁰⁰ Wahbah al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 5:3321.

⁵⁰¹ *Ibid.*

⁵⁰² al-Kāsānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’ fī Tartīb al-Syarā’i’* (2003), 6:559.

⁵⁰³ *Ibid.*, 6:554.

yang tertentu⁵⁰⁴ melainkan mazhab al-Ḥanbalī dan al-Mālikī sahaja yang mengharuskan jual beli najis dari haiwan yang halal dimakan sebagai keperluan untuk pembajaan.⁵⁰⁵ Dalam situasi ini, pandangan mazhab al-Ḥanafī dilihat sebagai pandangan yang menepati tujuan penghasilan baja organik dari najis kelawar berdasarkan alasan berikut;

- i. Antara takrifan harta yang ditafsirkan ialah sesuatu yang bermanfaat menurut syarak.⁵⁰⁶ Maka, setiap yang dinamakan sebagai harta harus dijual beli termasuk tahi kelawar. Meskipun ianya merupakan benda najis namun terdapat manfaat sebagai bahan untuk menghasilkan baja yang sangat berkesan bagi keperluan pertanian. Manfaat yang dimaksudkan ialah manfaat yang bukan bersifat makanan⁵⁰⁷ tetapi kegunaan luaran seperti keharusan menjual kulit bangkai setelah disamak⁵⁰⁸ atau menjual cuka yang telah menjadi najis.⁵⁰⁹
- ii. Menepati maksud maṣlahah kerana berjual beli pada najis yang bermanfaat boleh disifatkan sebagai *maṣlahah al-ḥājiyāt* atau *al-taḥsinīyāt*. Jika manfaat tersebut merupakan keperluan yang boleh menghilangkan kesulitan, maka dianggap sebagai *maṣlahah al-ḥājiyāt*⁵¹⁰ sebagaimana dalam isu baja organik ini. Tetapi, jika manfaat tersebut hanya bersifat sebagai pelengkap kepada keperluan, maka dianggap sebagai *maṣlahah al-taḥsinīyāt*⁵¹¹ contohnya penggunaan kulit bangkai setelah disamak. Oleh kerana manfaat dari najis

⁵⁰⁴ al-Nawawī, *al-Majmū'*, 9:275.

⁵⁰⁵ Muḥammad Bin Aḥmad Ibn Rusyd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid* (Kaherah: Dār al-Ḥāfiẓ, 2004), 3:146.

⁵⁰⁶ Ibn ‘Ābidīn, *Radd al-Muḥṭar ‘alā al-Darr al-Mukhtār*, 7:10.

⁵⁰⁷ Abū Bakr ‘Alā al-Dīn al-Samarqandī, *Tuhfah al-Fuqahā* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 1994), 1:81.

⁵⁰⁸ *Ibid.*, 80.

⁵⁰⁹ *Ibid.*

⁵¹⁰ Yūsuf Aḥmad Bin Muḥammad al-Badwī, *Maqāṣid al-Syarī'ah ‘inda Ibn Taymīyah* (Jordan: Dār al-Nafāeṣ, 2000), 127-128.

⁵¹¹ *Ibid.*, 128-129.

dikira sebagai maṣlaḥah kepada manusia, maka diharuskan berjual beli dengannya.

Ketiga: Penghasilan baja organik yang diproses dari najis haiwan merupakan keperluan dalam sektor pertanian pada masa kini. Ini kerana, secara saintifiknya baja organik lebih praktikal digunakan pada tanah pertanian dan lebih bersifat mesra alam. Penggunaan baja organik dari najis haiwan bukan sahaja dapat menambahkan kesuburan tanah, malahan mengandungi pelbagai nutrien yang diperlukan oleh tanaman.⁵¹² Selain itu, baja organik berfungsi untuk meningkatkan pengudaraan tanah tanpa menjelaskan komposisi tanah di samping dapat membantu organisma di dalam tanah untuk bergerak bagi menyuburkan tanah.⁵¹³ Pembuktian kajian saintifik menunjukkan bahawa baja organik yang terhasil dari tahi kelawar (guano) merupakan baja organik yang terbaik di dunia. Berbanding najis haiwan yang lain, tahi kelawar ia mempunyai nutrien yang sangat tinggi kerana unsur nitrogen yang terdapat tahi kelawar dapat menggalakkan pertumbuhan manakala unsur fosfat dapat menggalakkan pendebugaan.⁵¹⁴

Berdasarkan kepada kajian dalam bidang pertanian, terbukti bahawa penggunaan baja sintetik boleh meningkatkan kandungan kimia yang merbahayakan kesuburan tanah disebabkan organisma-organisma yang hidup di dalam tanah akan mati. Kesannya boleh menyebabkan kesuburan tanah terbantut dan mengurangkan penghasilan tanaman.⁵¹⁵ Namun, baja organik dari tahi kelawar terbukti mempunyai khasiat untuk meningkatkan kesuburan tanah dan menggalakkan penghasilan

⁵¹² Allan Suman Pillai, “Pembangunan Pertanian Yang Mesra Alam”, laman sesawang *Blog Rasmi Jabatan Peguam Negara*, dicapai 26 Februari 2013, <http://agc-blog.agc.gov.my/agc-blog/?p=74>.

⁵¹³ Steele, D. Bernie, “Bats, Bacteria and Biotechnology”, laman sesawang *Bat Conservation International*, dicapai 26 Februari 2013, <http://www.batcon.org/index.php/media-and-info/bats-archives.html?task=viewArticle&magArticleID=377>.

⁵¹⁴ W. Roder1, S. Schurmann, Chittanavanh, K. Sipaseuth, dan M. Fernandez, “Soil fertility management for organic rice production in the Lao PDR”, *Renewable Agriculture and Food Systems*, 21, no. 4 (2006), 256.

⁵¹⁵ Mulvaney RL, Khan SA dan Ellsworth TR, “Synthetic nitrogen fertilizers deplete soil nitrogen: a global dilemma for sustainable cereal production”, *Journal of Environmental Quality*, 38, no. 6 (2009), 2301.

tanaman serta bersifat mesra alam. Penggunaannya lebih memberi kepentingan kepada petani supaya memperolehi hasil tanaman yang bermutu di samping dapat menjaga alam sekitar. Sedangkan penggunaan baja sintetik akan merugikan petani disebabkan tanaman akan menjadi rosak dan menjelaskan kesuburan tanah serta mencemarkan alam sekitar.⁵¹⁶ Situasi ini pastinya mendatangkan masalah kepada para petani serta menimbulkan pencemaran alam sekitar jika penggunaan baja guano ini tidak dibenarkan.

Oleh itu, keharusan untuk menjual dan membekalkan baja guano kepada para petani dapat meningkatkan kualiti tanaman mereka dan sekaligus memelihara alam sekitar. Secara tidak langsung keharusan ini menepati keperluan yang bersifat *al-hājīyāt* kerana penggunaannya menjadi keperluan dalam sektor pertanian. Malahan baja tersebut mempunyai kepentingan untuk menghasilkan tanaman yang berkualiti, meningkatkan kesuburan tanah dan menjaga alam sekitar. Namun, penemuan saintifik ini tidak dinyatakan dalam kajian fatwa yang dijalankan sedangkan ianya sangat penting dalam proses *al-tasawwūr* bagi mengenalpasti keperluan dan kepentingan baja tersebut dalam aktiviti pertanian. Ini kerana, penemuan terkini yang bersifat saintifik memperlihatkan realiti semasa yang berlaku pada hari ini. Maka pengambilkiraannya merupakan keperluan dalam amalan berfatwa.

Kesimpulannya, meskipun Jawatankuasa Fatwa memberikan hukum yang rasional terhadap isu ini namun terdapat kekurangan dalam proses pengenalpastian masalah sebenar. Penemuan terkini berkenaan fungsi baja organik dari najis kelawar ini memudahkan proses penentuan hukum dilakukan. Nukilan dari hukum fiqh perlu disertai dengan pembuktian dari hasil kajian semasa supaya jawapan fatwa menepati realiti yang berlaku. Justeru itu, keharusan menjual baja guano ini bertepatan dengan keperluan semasa dalam sektor pertanian melalui pembuktian dari kajian saintifik.

⁵¹⁶ *Ibid.*

4.2.3.6 Fatwa kepenggunaan: Penubuhan unit anjing (SAR) dalam Jabatan Pertahanan Awam

Fatwa ini dikeluarkan pada tahun 2003 di mana Jawatankuasa Fatwa memutuskan bahawa penubuhan unit anjing (SAR) adalah diharuskan bagi keperluan seperti mengesan penjenayah, mengesan mayat dan sebagainya. Justifikasinya berdasarkan keperluan untuk mengesan dan menyelamat bagi kes-kes yang melibatkan jenayah dan bencana. Keputusan ini merupakan respon terhadap permohonan fatwa yang dikemukakan oleh Jabatan Pertahanan Awam Malaysia mengenai cadangan untuk menubuhkan unit anjing dalam jabatan tersebut.

(I) Metode Fatwa

Fatwa ini diputuskan berdasarkan penyelidikan dalaman yang berbentuk kajian kepustakaan.⁵¹⁷ Dalam kajiannya, perbincangan fiqh berkenaan status anjing dan cara penyuciannya dipetik secara terus dari dari kitab *al-Fiqh ‘ala Madhāhib al-Arba’ah* dan kitab *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* edisi terjemahan.⁵¹⁸

(II) Analisis Metode Fatwa

Isu fatwa di atas merupakan isu yang bersifat semasa kerana menyentuh keperluan dalam proses mengesan dan menyelamat. Pengkaji menyokong keputusan fatwa yang telah diputuskan kerana pihak Jawatankuasa Fatwa mengambil kira keperluan semasa untuk mengharuskan penubuhan unit anjing tersebut. Meskipun begitu, keputusan fatwa di atas dikeluarkan melalui kajian yang bersifat ringkas dan mudah di mana terdapat kekurangan dalam proses *al-takyīf* yang perlu diberi penekanan. Proses *al-takyīf* yang bersifat nukilan dari perbincangan fiqh adalah wajar sebagai

⁵¹⁷ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal S42, Jabatan Mufti Johor merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor) dalam temubual dengan pengkaji pada 18 Mei 2013.

⁵¹⁸ Kertas kerja fatwa cadangan penubuhan unit anjing (SAR) di Jabatan Pertahanan Awam, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/03(ML)/04 (26 Jun 2012).

rujukan sekunder dalam kajian fatwa tetapi nukilan tersebut mestilah dari sumber yang berautoriti dan perlu disertai rumusan yang kritis. Karya-karya terjemahan tidak seharusnya dirujuk sebagai sumber dalam pengambilan hukum kerana sifatnya yang tidak berautoriti bahkan perlu merujuk sumber asal hukum tersebut. Kaedah *al-takyīf* yang diaplikasi dalam kajian fatwa ini perlu diberi penambahan dan penekanan melalui kaedah yang lebih tepat untuk menangani isu di atas sebagaimana hasil analisis berikut;

Pertama: Isu penggunaan anjing dijelaskan oleh Allah SWT sebagai alat perburuan sebagaimana firman-Nya;

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أَحِلَّ لَهُمْ قُلْ أَحِلَّ لَكُمُ الظَّبَابُ وَمَا عَلِمْتُمْ مِنَ الْجَوَارِ
مُكَلِّبِينَ تَعْلَمُونَهُنَّ مِمَّا أَمْسَكْتُ عَلَيْكُمْ وَأَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ
عَلَيْهِ

Surah al-Maidah 5:4

Terjemahan: Mereka menanyakan kepadamu: "Apakah yang Dihalalkan bagi mereka?". Katakanlah: "Dihalalkan bagimu yang baik-baik dan (buruan yang ditangkap) oleh binatang buas yang telah kamu ajar dengan melatihnya untuk berburu; kamu mengajarnya menurut apa yang telah diajarkan Allah kepadamu. Maka makanlah dari apa yang ditangkapnya untukmu dan sebutlah nama Allah atas binatang buas itu (waktu melepaskannya).

Menurut al-Zamakhsyarī, hasil buruan yang ditangkap oleh haiwan-haiwan buas adalah halal dimakan setelah diberikan latihan.⁵¹⁹ Majoriti fuqaha menafsirkan haiwan perburuan dalam nas tersebut sebagai anjing yang terlatih⁵²⁰ sebagaimana pandangan Ibn Kathīr ketika menafsirkan kalimah *al-jawāriḥ* dengan maksud yang sama.⁵²¹ Oleh itu, keharusan menggunakan anjing sebagai haiwan perburuan

⁵¹⁹ al-Zamakhsyarī, *Tafsīr al-Kasyāf*, 2:197.

⁵²⁰ al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Quran*, 3:35.

⁵²¹ Ibn Kathīr al-Damsyiq, *Tafsīr al-Quran al-'Aẓīm*, 5:61.

tertakluk kepada syarat latihan agar ia mematuhi arahan tuannya.⁵²² Keharusan ini berasaskan kepada “al-ta’līm” iaitu latihan yang diberikan kepada anjing tersebut.⁵²³

Tafsiran ini juga disokong oleh hadis Rasulullah SAW yang mengharuskan penggunaan anjing sebagai alat perburuan. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh ‘Adī Bin Ḥātim r.a bahwasanya Rasulullah SAW bersabda;

إِذَا أَرْسَلْتَ كِلَابَكَ الْمَعْلُمَةَ، وَذَكَرْتَ اسْمَ اللَّهِ، فَكُلُّنَا مُمْسِكُنٌ عَلَيْكُمْ

Terjemahan: Jika kamu melepaskan anjing perburuan yang terlatih dan kamu menyebut nama Allah padanya, maka makanlah dari apa yang dibawa kepada kamu⁵²⁴

Begitu juga, hadis yang lain Rasullah SAW bersabda;

مَا أَصَبْتَ بِقَوْسِكَ، فَادْكُرْ اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَكُلْنَا، وَمَا أَصَبْتَ بِكَلْبِكَ الْمُعْلَمِ،
فَادْكُرْ اسْمَ اللَّهِ وَكُلْنَا، وَمَا أَصَبْتَ بِكَلْبِكَ الَّذِي لَنْسَ بِمُعْلَمٍ، فَأَدْرُكْتَ ذَكَانَهُ
فَكُلْنَا

Terjemahan: Apa yang telah kamu lemparkan dengan panah kamu maka sebutlah nama Allah ke atasnya dan makanlah, apa yang telah kamu lepaskan dengan anjing kamu yang dilatih maka sebutlah nama Allah dan makanlah, dan apa yang kamu lepaskan dengan anjing kamu yang tidak dilatih maka hendaklah kamu sembelih dan makan.⁵²⁵

Kedua-dua hadis di atas mengharuskan penggunaan anjing dalam aktiviti perburuan dengan syarat hendaklah ia dilatih dan dididik.⁵²⁶ Kalimah *al-kalb* dalam hadis tersebut membuktikan bahawa anjing merupakan haiwan yang lazimnya digunakan dalam perburuan berdasarkan sifat deria dan ketangkasannya menerkam mangsa. Bahkan keharusan penggunaannya tidak melihat kedudukannya sebagai haiwan bernajis atau tidak. *Illah* diharuskan penggunaannya kerana ia terlatih untuk mendengar arahan sebagaimana menurut oleh *ijmā’* para ulama.⁵²⁷

⁵²² al-Qurṭubī, *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Quran*, 3:34.

⁵²³ *Ibid.*

⁵²⁴ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Dhabāḥ wa al-Šayd, Bab Idhā akala al-kalb, no hadis: 5483. Lihat Muḥammad Bin Ismā’il al-Bukhārī, *Šaḥīḥ al-Bukhārī*, 2:453.

⁵²⁵ Hadis riwayat al-Nasā’ī, Kitab al-Šayd wa al-Dhabāḥ, Bab Ṣayd al-Kalb al-ladhī Layṣa al-Mu’allam, no. hadis: 4266. Lihat ‘Abd al-Rahmān Aḥmad Bin Syu’āib al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, 657.

⁵²⁶ Mūsā Sāḥīn Lāsyīn, *Fath al-Mun’im Syarḥ Šaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Dār al-Syurūq, 2002) 7:613.

⁵²⁷ al-Qurṭubī, *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Quran*, 3:34.

Maka dalam isu fatwa ini, fungsi anjing (SAR) menyamai fungsi haiwan perburuan di mana haiwan perburuan akan diarahkan mencari dan menangkap haiwan-haiwan buruan untuk diberikan kepada tuannya. Manakala anjing SAR pula akan diarahkan mencari dan mengesan mangsa atau penjenayah untuk ditunjukkan kepada pegawai yang membawanya. Oleh kerana itu, penggunaan anjing sebagai unit SAR wajar diberi keharusan berdasarkan fungsi yang sama dengan anjing perburuan namun keharusannya turut tertakluk kepada syarat latihan. Dalam kajian fatwa yang dijalankan, pihak Jawatankuasa Fatwa tidak menyatakan rujukan dari nas al-Quran ataupun al-Sunnah yang boleh dikaitkan dengan isu anjing SAR ini sedangkan ianya boleh dikaitkan dengan hukum anjing perburuan.

Kedua: Penentuan *al-takyif* dalam isu ini boleh diaplikasi melalui *dilālah al-naṣṣ* namun ianya tidak diambilkira oleh Jawatankuasa Fatwa dalam kajian fatwanya.⁵²⁸ Penggunaan anjing sebagai unit SAR boleh diqiyaskan kepada anjing perburuan berdasarkan persamaan ‘illah iaitu al-ta’līm yakni terlatih dan terdidik.⁵²⁹ Oleh itu, penggunaannya sebagai haiwan pengesan dan penyelamat adalah diharuskan kerana ianya telah terlatih untuk tujuan tersebut. Sementara itu, keharusan menggunakan anjing sebagai unit SAR lebih bersifat ringan berbanding anjing perburuan. Ini kerana dalam perburuan, penggunaannya tertakluk kepada peraturan syarak disebabkan ianya berkaitan kehalalan hasil yang ditangkap.⁵³⁰ Namun dalam kes menyelamat, ianya hanya melibatkan pengesanan untuk menyelamatkan mangsa atau mengesan penjenayah tanpa terikat dengan persoalan yang lain.

⁵²⁸ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal S42, Jabatan Mufti Johor merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor) dalam temubual dengan pengkaji pada 18 Mei 2013.

⁵²⁹ al-Qurṭubī, *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Quran*, 3:36.

⁵³⁰ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 13:258&263.

Ketiga: Realitinya, penggunaan anjing dalam unit SAR merealisasikan masalah yang bersifat *al-hājīyāt*.⁵³¹ Kadangkala dalam proses mengesan dan menyelamat, keupayaan manusia agak terbatas sehingga mereka memerlukan alat untuk membantu proses tersebut. Salah satu daripada alat pengesan dan pencarian yang berkesan ialah menggunakan khidmat anjing. Pembuktian saintifik menunjukkan bahawa sifat deria bau anjing seribu kali lebih peka dari deria bau manusia. Ini kerana, hidung seekor anjing terdapat lebih dari 220 juta reseptor bau berbanding manusia yang hanya mempunyai 5 juta reseptor bau sahaja.⁵³² Oleh kerana itu, anjing amat sesuai ditempatkan sebagai unit pengesan dan penyelamat khususnya bagi kes forensik, mangsa bencana, jenayah dan sebagainya.⁵³³ Penubuhan unit anjing SAR bertujuan memenuhi keperluan sosial bagi mengesan dan menyelamat mangsa yang hilang atau terkorban dalam bencana supaya bantuan dapat diberikan dengan segera atau berpeluang untuk menyelamatkan mangsa yang masih hidup.⁵³⁴ Tujuan tersebut merupakan keperluan yang diharuskan oleh syarak kerana terdapat manfaat dari penggunaannya sebagaimana diharuskan penggunaan anjing bagi menjaga kawasan pertanian dan penternakan. Jika penggunaan anjing ini tidak diharuskan, dibimbangi proses pengesan dan pencarian terpaksa dilakukan dalam tempoh yang lama dan akhirnya mangsa yang terlibat gagal diselamatkan. Meskipun penggunaan unit anjing SAR tidak bersifat *darūrī* tetapi penubuhannya merupakan kepentingan yang bersifat *hājīyāt* kerana memudahkan proses pencarian dan pengesan mangsa bencana atau penjenayah bagi mengelakkan timbulnya

⁵³¹ al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt*, 2:21.

⁵³² Julia E. Correa, “The Dog’s Sense of Smell”, laman sesawang *Alabama Cooperative Extension System Alabama A&M Auburn Universities*, dicapai 10 Februari 2013, <http://www.aces.edu/pubs/docs/U/UNP-0066/UNP-0066.pdf>

⁵³³ *Ibid.*

⁵³⁴ Katherine Ramsland, “Forensic Detection Dogs”, laman sesawang *Crime Library*, dicapai 10 Februari, http://www.trutv.com/library/crime/criminal_mind/forensics/k9/2.html.

pelbagai kesulitan yang lain.⁵³⁵ Kepentingan *al-hājīyāt* diambilkira oleh Jawatankuasa Fatwa sebagai kaedah penetapan hukum bagi isu fatwa ini.⁵³⁶

Keempat: Isu utama yang dibincangkan dalam kajian fatwa di atas menyentuh status fizikal anjing sebagai haiwan yang bernajis. Dalam kajiannya, Jawatankuasa Fatwa mengambilkira pandangan mazhab al-Shāfi’ī dalam membentuk jawapan fatwa. Meskipun penggunaan anjing diharuskan tetapi kedudukannya sebagai najis *al-mughallazah* tetap diambilkira termasuk juga cara penyuciannya. Status anjing telah dibincangkan oleh para fuqaha dengan jelas walaupun mereka berbeza pandangan mengenai kenajisannya. Rumusannya, hanya mazhab al-Shāfi’ī dan al-Hanbalī sahaja yang bersepakat dalam memperakui kenajisan anjing sebagai najis yang berat⁵³⁷ sekalipun anjing tersebut terlatih⁵³⁸ untuk tujuan yang diharuskan. Alasannya mulut anjing dikira bernajis, maka keseluruhan fizikalnya juga dianggap bernajis.⁵³⁹ Namun, mazhab al-Hanafī dan al-Mālikī memperakui bahawa, anjing tidak dianggap sebagai najis⁵⁴⁰ melainkan air liurnya sahaja menurut fuqaha al-Hanafī.⁵⁴¹ Alasannya anjing harus dimanfaatkan untuk tujuan tertentu.⁵⁴² Maka, kedudukannya sama seperti haiwan-haiwan yang lain.

Berdasarkan penilaian pengkaji, pandangan dari mazhab al-Hanafī dan al-Mālikī lebih rasional dalam menangani isu fatwa serta mengambilkira suasana semasa. Justifikasinya;

⁵³⁵ al-Shāfi’ī, *al-Muwāfaqāt*, 2:21.

⁵³⁶ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal S42, Jabatan Mufti Johor merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor) dalam temubual dengan pengkaji pada 18 Mei 2013.

⁵³⁷ Syams al-Dīn Muḥammad Bin al-Khatib al-Syarbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma’rifat Ma’ānī Alfāz al-Minhāj* (Kaherah: Dār al-Ḥādīth, 2006), 1:213. Muḥammad Sulāmān al-Asyqar, *al-Mujalla fi al-fiqh al-Hanbalī* (Damsyiq: Dār al-Qalam, 1998), 1:72.

⁵³⁸ *Ibid.*

⁵³⁹ *Ibid.*

⁵⁴⁰ al-Kāsānī, *Badā’i’ al-Ṣanā’i’ fī Tartīb al-Syarā’i’*, 1:96. al-Samarqandī, *Tuhfah al-Fuqahā*, 1:51.

⁵⁴¹ *Ibid.*, 69.

⁵⁴² Badr al-Dīn al-Ghaytābī al-‘Aīnī al-Hanafī, *al-Banāyah Syarḥ al-Hidāyah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 2000), 1:416.

- i. Nas dari al-Quran dan al-Sunnah secara jelas mengharuskan penggunaan anjing sebagai alat perburuan. Oleh itu, jika anjing dihukumkan sebagai najis sudah pasti syarak tidak mengharuskan penggunaannya dalam apa juar keperluan. Jika diperhatikan, wujudnya pergaulan antara anjing dengan pembawanya kerana semestinya ianya akan dipegang oleh pemburu sebelum dilepaskan. Begitu juga, sewaktu anjing tersebut kembali kepadanya dengan hasil buruan, sudah pasti anjing tersebut akan dipegang untuk melepaskan buruan yang ditangkap. Maka, sentuhan antara pemburu dengan anjing latihannya tidak dapat dielakkan. Oleh sebab itu, anjing dianggap seperti haiwan-haiwan lain juga.
- ii. Mengelakkan daripada berlakunya kesulitan sewaktu menjalankan proses pencarian atau pengesanan jika terikat dengan kenajisan anjing. Melalui jawapan fatwa tersebut dapat difahami bahawa pelatih atau pegawai yang terlibat dalam membawa anjing SAR wajib membasuh anggota badan dan pakaianya dengan cara basuhan najis al-mughallazah. Situasi ini sudah pasti menimbulkan kesulitan kepada pegawai terbabit jika mereka perlu bersuci setiap kali tersentuh anjing tersebut atau perlu menukar dan membasuh pakaian setiap kali berlaku sentuhan. Sedangkan terdapat pergaulan atau sentuhan yang berlaku antara pegawai dengan anjing tersebut sebagaimana dalam situasi perburuan. Justeru itu, perlu diberi sedikit kelonggaran dalam isu ini sebagai meraikan realiti yang berlaku.
- iii. Isu tentang kenajisan anjing merupakan perkara khilāf dalam kalangan fuqaha di mana hukumnya tidak bersifat qaṭ'ī. Oleh itu, terdapat ruang untuk menerima pandangan dari mazhab berlainan jika pandangan tersebut lebih bersifat semasa dan meringankan segala kesulitan. Dalam situasi ini, pandangan mazhab Ḥanafī dan Mālikī lebih bersifat semasa kerana

penggunaan anjing sebagai unit SAR merupakan suatu keperluan pada masa kini.

Kesimpulannya, Jawatankuasa Fatwa perlu mengemukakan kajian yang lebih terperinci dalam menangani isu seperti ini. Walaupun berlakunya penyelidikan bagi menyelesaikan isu ini namun terdapat banyak kekurangan yang perlu diperbaiki terutama dalam proses *al-takyīf* bagi menentukan kaedah yang tepat untuk menyelesaikan isu anjing SAR tersebut. Kekurangan dalam melakukan kajian fatwa secara terperinci boleh menyebabkan penghasilan keputusan fatwa yang tidak rasional. Proses penentuan hukum memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan ketepatan fatwa yang diputuskan.

4.3 KESIMPULAN

Berdasarkan hasil daripada analisis fatwa-fatwa semasa di atas, dapat disimpulkan bahawa aktiviti penyelidikan fatwa di institusi fatwa di negeri Johor masih belum berjalan dengan begitu rancak. Ini kerana, kaedah berfatwa masih menggunakan kaedah nukilan dengan memuatkan perbincangan para fuqaha dari kitab-kitab fiqh sebagai sumber hukum tanpa sebarang penilaian tertentu. Rumusan dari analisis yang dijalankan juga mendapati bahawa, tidak berlaku sebarang perubahan dalam bentuk penyelidikan fatwa yang diaplikasi meskipun terdapat pelbagai kaedah penyelidikan pada hari ini yang bersifat semasa. Malahan, penyelidikan fatwa dijalankan oleh pihak Jabatan Mufti Johor adalah bersifat dalaman yang dilakukan secara sendiri tanpa bantuan dari pihak luar. Sedangkan penyelidikan secara usahasama boleh diwujudkan di antara pihak Jabatan Mufti dengan institusi-institusi yang mempunyai kemahiran dalam bidang penyelidikan hukum terutamanya institusi pengajian tinggi atau institusi profesional dalam bidang tertentu. Di samping itu, pemakaian *qawl* mazhab al-Shāfi’ī juga diragui kesahihannya sama ada *qawl*

tersebut bersifat muktamad atau sebaliknya sebagaimana yang diperuntukkan oleh enakmen. Ini kerana, tidak berlaku sebarang penilaian ke atas *qawl* tersebut sewaktu ia dinukilkan sebagai dalil fatwa. Malahan, apa jua *qawl* mazhab al-Shāfi’ī dianggap sebagai *qawl* yang diterimapakai dalam rujukan fatwa.

Kesimpulannya, penyelidikan dan kaedah berfatwa yang diamalkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor masih belum menggambarkan konsep penyelidikan hukum Islam yang serius. Apa yang jelas ialah penyelidikan fatwa masih lagi mengamalkan pendekatan yang agak mudah dan ringkas walhal pendekatan tersebut tidak bertepatan dengan perkembangan semasa pada hari ini.

BAB KELIMA

RUMUSAN,

CADANGAN

DAN PENUTUP

BAB KELIMA

RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.0 PENGENALAN

Dalam bab keempat telah dibincangkan analisis fatwa-fatwa semasa negeri Johor berdasarkan metode fatwa yang aplikasi oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor. Bab yang kelima ini merupakan rumusan hasil dapatan yang diperolehi daripada bab-bab yang dibincangkan dalam kajian ini. Rumusan yang jelas berkenaan metode fatwa di institusi fatwa negeri Johor akan dibuat. Faktor-faktor yang menyebabkan berlaku beberapa kelemahan dalam proses berfatwa di institusi fatwa berkenaan turut dirumuskan.

Di samping itu, bab ini juga akan mengemukakan cadangan-cadangan yang boleh memperkasakan aktiviti penyelidikan fatwa di institusi fatwa negeri Johor. Cadangan akan menyentuh penamaan terhadap metode berfatwa dan cadangan berkaitan dengan pemilihan pegawai. Cadangan yang diutarakan akan menyumbang kepada pemantapan amalan pemfatwaan menerusi proses penyelidikan yang diaplikasi dalam menangani permasalahan semasa yang kian mencabar.

5.1 RUMUSAN

Rumusan hasil dapatan kajian adalah seperti berikut;

Pertama: Metode fatwa yang diamalkan oleh institusi fatwa di negeri Johor masih mengekalkan kaedah nukilan terus dari karya-karya fiqh yang sedia ada. Nukilan yang dibuat tidak disertakan alasan dan justifikasinya. Kadangkala nukilan tersebut tidak bertepatan dengan isu fatwa. Hampir kesemua jawapan fatwa yang diputuskan adalah berdasarkan kaedah nukilan tanpa disertakan penilaian yang jelas.

Kaedah nukilan yang berlaku dalam proses pengeluaran fatwa di institusi fatwa negeri Johor sudah menjadi budaya dalam amalan pemfatwaan. Tambahan pula, nukilan yang dimuatkan sebagai sandaran fatwa tidak dirujuk kepada sumber yang lebih berautoriti tetapi dinukil dari sumber penulisan moden yang lebih ringkas dan mudah.

Contohnya, isu fatwa berkenaan penubuhan unit anjing (SAR) di Jabatan Pertahanan Awam. Dalam proses penyelidikannya, nukilan secara terus diambil dari kitab *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* karangan Wahbah al-Zuhaylī berkaitan dengan status kenajisan anjing menurut mazhab sunni. Seterusnya nukilan dari terjemahan kitab tersebut iaitu *Fiqh dan Perundangan Islam* berkenaan kaedah penyucian najis anjing menurut mazhab. Nukilan tersebut dimuatkan secara terus tanpa kesimpulan yang jelas. Nukilan yang dilakukan tidak menggambarkan situasi sebenar bagi menjawab isu fatwa tersebut. Manakala, sumber rujukan yang dinukilkhan tidak dianggap sebagai bahan berautoriti dalam proses penyelidikan hukum. Sewajarnya rujukan perlu dilakukan terhadap sumber asal bagi isu tersebut seperti kitab turath mazhab yang lebih berautoriti. Melalui sumber asal, penyelidikan akan menjadi lebih jelas disebabkan pandangan yang dikemukakan lebih berautoriti dan terperinci. Ini kerana, rujukan dari bahan yang tidak berautoriti bakal mengundang ketidakstetapan dalam menyelesaikan sesuatu persoalan.

Kedua: Pihak Jawatankuasa Fatwa turut mengaplikasi kaedah *uṣūl al-fiqh* dalam proses pendalilan fatwa. Namun, terdapat beberapa kelemahan yang kelihatan berlaku dalam proses pendalilan tersebut. Antaranya, petikan nas al-Quran atau al-Sunnah dimuat secara zahir tanpa disertakan justifikasi yang jelas sama ada dalam bentuk penafsiran nas ataupun aplikasi ‘illahnya. Contohnya, penggunaan *al-qiyās* dalam isu zakat gaji dan pendapatan kelihatan tidak dilakukan secara tepat di mana analoginya bukan berdasarkan persamaan ‘illah tetapi maksud lafaz nas. Ringkasnya,

penggunaan *uṣūl al-fiqh* yang diaplikasi secara mudah dalam peroses pendalilan fatwa menggambarkan kelemahan yang berlaku dalam amalan pemfatwaan. Sedangkan dalam disiplin penyelidikan hukum Islam, penggunaan kaedah *uṣūl al-fiqh* yang tepat akan melahirkan keputusan hukum yang rasional. Kaedah *uṣūl al-fiqh* yang melibatkan penafsiran nas, persamaan ‘illah, pengambilkiraan *mashlahah* dan *mafsadah* perlu dikuasai secara mendalam sebelum menentukan sesuatu hukum. Realiti yang berlaku di institusi fatwa negeri Johor memperlihatkan proses pendalilan fatwa berlaku dalam kondisi yang kurang tepat disebabkan pemakaianya yang diambil secara mudah dan ringkas.

Ketiga: Penyelidikan fatwa yang diaplikasi di institusi fatwa negeri Johor berlaku dalam kondisi yang kurang rancak. Malahan, penyelidikan fatwa tersebut boleh disifatkan sebagai penyelidikan yang mendatar tanpa penemuan-penemuan terkini yang diambilkira dalam aktiviti penyelidikannya. Dalam penyelidikan yang dilakukan, kajian kepustakaan digunakan sepenuhnya untuk menyelesaikan persoalan fatwa yang dikemukakan. Sedangkan dalam menyelesaikan persoalan semasa, fokus kajian tidak seharusnya tertumpu kepada kajian kepustakaan sahaja, malahan perlu menggunakan kajian lapangan, temubual, observasi, soal selidik dan sebagainya. Hasilnya akan melahirkan fatwa yang rasional dalam menyelesaikan permasalahan semasa.

Contohnya isu fatwa berkenaan status puasa pesakit yang menjalani rawatan dialisis. Dalam menyelesaikan isu ini, Jawatankuasa Fatwa hanya melakukan kajian kepustakaan sahaja untuk mencari jawapan fatwa. Sedangkan isu ini memerlukan kajian lapangan untuk mendapatkan gambaran sebenar bagaimana rawatan dialisis berfungsi. Adalah lebih berkesan jika kajian dilakukan dengan menemuramah pegawai-pegawai perubatan yang pakar mengenai rawatan tersebut bagi mendapatkan maklumat yang jelas berkenaan rawatan dialisis, kandungan dan

prosesnya. Termasuk juga melakukan kajian observasi dengan bertanya dan melihat sendiri keadaan pesakit yang menjalani rawatan tersebut. Hasilnya akan memberikan maklumat yang tepat berkenaan rawatan tersebut supaya pihak Jawatankuasa Fatwa dapat menetapkan fatwa yang rasional mengenainya. Justeru itu, penggunaan kajian kepustakaan dalam penyelidikan hukum semasa tidak dapat menyelesaikan persoalan yang berlaku secara efektif. Ini kerana dalam langkah penyelidikan fatwa, ia harus dimulai dengan peringkat *al-taṣawwūr* iaitu memahami secara jelas isu yang berlaku dari pelbagai sumber supaya jawapan fatwa yang diputuskan bertepatan dengan persoalan tersebut.

Keempat: Dalam menangani persoalan-persoalan yang bersifat semasa dan kritikal, penyelidikan fatwa hendaklah mengambilkira pelbagai bentuk kajian dan pendekatan semasa tanpa memfokuskan sepenuhnya terhadap kaedah penyelidikan dalaman. Kajian berbentuk lapangan, klinikal dan eksperimen sangat penting diaplikasi bagi memastikan ketepatan fatwa yang bakal diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa. Realitinya, kesemua bentuk penyelidikan ini merealisasikan peranan *al-taṣawwūr* dalam proses penentuan hukum. Dalam peringkat *al-taṣawwūr*, seorang penyelidik perlu memahami secara mendalam berkenaan isu fatwa yang ingin diselesaikan. Segala maklumat dan input berkaitan dengan isu tersebut mestilah diperolehi dalam apa juu bentuk supaya proses pendalilannya menjadi kukuh dan tepat.

Oleh itu, adunan sumber maklumat dari pelbagai bentuk kajian ini bakal memberi impak positif kepada penentuan hukum bagi isu fatwa tersebut. Ini kerana, fatwa-fatwa yang diputuskan itu adalah hasil dari pengumpulan maklumat dan input dari sumber semasa yang berautoriti. Kesannya, jawapan-jawapan fatwa yang diputuskan juga lebih bersifat semasa dan rasional dengan persoalan yang berlaku. Contohnya, isu penjualan baja dari tahi kelawar (guano) di mana para penyelidik

perlu membuat tinjauan ke kawasan pertanian untuk melihat sendiri bagaimana baja guano ini berfungsi dalam membantu para petani. Para penyelidik juga perlu mendapatkan kepastian dari mereka yang pakar dalam bidang pertanian bagi mengenal pasti kualiti dan mutu baja ini terhadap tanaman dan tumbuhan. Oleh itu, menukilkan perbincangan fuqaha silam berkenaan jual beli najis tidak seharusnya dijadikan asas dalam menentukan status penjualan baja guano ini tanpa mengambilkira sumber semasa berkenaan fungsi penggunaan baja tersebut sebagai bahan penggalakkan tanaman pada masa kini. Oleh itu, penggunaan pelbagai bentuk kajian dalam proses penyelidikan fatwa semasa sangat perlu diberi perhatian oleh para penyelidik supaya jawapan hukum yang dikeluarkan dapat menyelesaikan persoalan yang berlaku..

5.2 FAKTOR-FAKTOR PENYELIDIKAN YANG MENDATAR DI INSTITUSI FATWA NEGERI JOHOR

Hasil dapatan menemui bahawa, faktor-faktor yang menyebabkan penyelidikan fatwa berlaku dalam kondisi yang mendatar dapat dirumuskan seperti berikut;

Pertama: Pegawai fatwa yang sedia ada kurang menguasai ilmu bahasa arab terutama dalam melakukan rujukan terhadap kitab-kitab turath bahasa arab. Disebabkan kekurangan tersebut mereka lebih gemar merujuk kitab-kitab fiqh moden seperti *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, *al-Fiqh ‘alā Madhāhib al-Arba’ah* dan sebagainya kerana gaya bahasa yang mudah difahami, ringkas serta perbincangan fiqh yang tidak terlalu mendalam. Tambahan pula, ada di antara kitab-kitab tersebut sudah diterjemahkan ke dalam bahasa melayu. Maka, situasi memberi kemudahan kepada pegawai-pegawai tersebut untuk menukilkan apa yang telah dibincangkan di dalam kitab-kitab tersebut sebagai justifikasi fatwa. Namun situasi sebegini tidak seharusnya berlaku di sebuah institusi fatwa yang menjadi tumpuan masyarakat yang

ingin mendapatkan penjelasan hukum. Para pegawai yang bertanggungjawab dalam menyediakan kertas kerja dan penyelidikan fatwa semestinya berkemahiran untuk menguasai bahasa arab. Kelemahan tersebut sudat pasti akan menjelaskan proses penyelidikan hukum kerana sumber pendalilan diperolehi dari bahan yang kurang berautoriti. Begitu juga, kelemahan di dalam bahasa arab mendorong ke arah penafsiran yang kurang tepat khususnya dalam memahami lafaz-lafaz nas yang menggunakan kaedah bahasa.

Kedua: Pegawai-pegawai fatwa berlaku kekurangan dalam mengusai ilmu *uṣūl al-fiqh* terutama kaedah *istidlāl* dan *istinbāt* hukum. Pemerhatian yang dilakukan mendapati bahawa, kaedah-kaedah *uṣūl al-fiqh* tidak diaplifikasi dengan tepat oleh pegawai yang terbabit. Malahan, adakalanya kaedah-kaedah tersebut kelihatan kurang jelas sebagai kaedah penetapan hukum yang digunapakai. Begitu juga, kaedah-kaedah *uṣūl al-fiqh* seperti kaedah penafsiran nas, *ta’ārud* dan *tarjīh*, lafaz-lafaz *mafhūm* dan *manṭūq* dan sebagainya kurang diaplifikasi sebagai kaedah pengeluaran hukum fatwa. Contohnya, fatwa berkenaan pelaksanaan ujian saringan HIV di kalangan bakal pengantin. Dalam kaedah pendalilannya, doktrin *maṣāliḥ al-mursalah* dan *sadd al-dharā‘i* kurang dijelaskan secara terperinci bagaimana kaedah tersebut digunapakai untuk menjelaskan isu fatwa.

Ketiga: Pegawai-pegawai fatwa yang terlibat dalam proses pemfatwaan mempunyai kelulusan dari pelbagai bidang yang berbeza tanpa pengkhususan terhadap bidang penyelidikan hukum Islam. Hasil dapatan menujukkan bahawa, para pegawai yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti penyelidikan fatwa terdiri dari mereka yang berkelulusan dalam bidang syariah, qiraat dan usuluddin. Manakala, bilangan pegawai yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan terdiri daripada lapan

orang pegawai berdasarkan statistik yang diperolehi dari Jabatan Mufti Johor seperti berikut;⁵⁴³

Jadual 5.1: Statistik Bidang Pegawai Fatwa di Jabatan Mufti Johor

Jawatan	Pegawai Hal Ehwal Islam S41/S42	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S27	Pembantu Hal Ehwal Islam S17
Bidang			
Fiqh dan Usul (Syariah)	1		
Undang-Undang (Syariah)	1		
al-Quran dan al-Hadith (Usuluddin)	1		
Qiraat/Pengajian Islam (Diploma)		2	
Sijil Tinggi Agama			3

Jadual di atas menunjukkan statistik jawatan dan bidang kelayakan para pegawai yang bertugas di bahagian penyelidikan fatwa di mana bahagian ini bertanggungjawab untuk membuat kajian dan penyelidikan tentang isu fatwa dan seterusnya menyediakan kertas kerja fatwa untuk dibincangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa. Berdasarkan statistik di atas, hanya seorang pegawai sahaja yang mempunyai kelayakan khusus dalam bidang penyelidikan hukum yang berkaitan dengan *uṣūl al-fiqh*, manakala pegawai yang lain tidak mempunyai kemahiran yang spesifik dalam bidang *uṣūl al-fiqh* yang menjadi asas penyelidikan hukum Islam. Oleh itu, kekangan tenaga pakar yang sedikit (1:8) akan menyebabkan penyelidikan fatwa dijalankan tidak berdasarkan kepada kaedah *uṣūl al-fiqh* yang tepat disebabkan sebahagian besar daripada pegawainya kurang mahir untuk menguasai kaedah *uṣūl al-fiqh*. Implikasinya menyebabkan penyelidikan fatwa dilakukan secara kaedah nukilan beserta justifikasi yang kurang jelas. Justeru itu, sewajarnya aktiviti penyelidikan fatwa ini diterajui oleh mereka yang mempunyai

⁵⁴³ Jabatan Mufti Johor, *Senarai Pegawai Jabatan Mufti Johor*, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor (Johor Bahru: Bahagian Sumber Maklumat, Jabatan Mufti Johor, 2012)

kemahiran dan penguasaan yang mendalam bidang *uṣūl al-fiqh* agar proses penetapan hukum dapat dilakukan mengikut disiplin penyelidikan hukum Islam yang tersusun. Ini kerana, melalui penguasaan ilmu *uṣūl al-fiqh* yang mendalam, proses penetapan hukum dapat ditentukan mengikut kaedah yang betul, terperinci dan jelas justifikasinya.

Keempat: Kekurangan tenaga penyelidik dari kalangan pegawai-pegawai fatwa. Melihat kepada statistik di atas, pegawai dan pembantu yang terlibat dalam proses penyelidikan fatwa di institusi fatwa negeri Johor hanya terdiri daripada 8 orang kakitangan sahaja di mana 3 orang daripadanya bertaraf pegawai, 2 orang bertaraf penolong pegawai dan 3 orang lagi bertaraf pembantu. Kesemua kakitangan ini sudah dibebankan dengan tugas-tugas hakiki yang bersifat dalaman. Ruang waktu untuk mereka melakukan kajian lapangan bagi mendapatkan maklumat berkenaan sesuatu persoalan fatwa agak terbatas dan masa yang diberikan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan juga agak terhad. Oleh sebab itu, terdapat juga beberapa isu semasa yang memerlukan kajian lapangan tetapi tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan olehkekangan bilangan pegawai yang terhad dan masa yang tidak mencukupi.⁵⁴⁴

Kekurangan para pegawai yang terlibat di dalam aktiviti penyelidikan fatwa boleh menjelaskan hasil keputusan fatwa. Ini kerana, kaedah berfatwa yang diaplikasi dalam menentukan hukum fatwa mestilah berdasarkan maklumat sebenar yang diperolehi dari pelbagai bentuk kajian supaya jawapan fatwa yang dikeluarkan bertepatan dengan persoalan yang diajukan. Justeru itu, kekurangan para pegawai akan menyebabkan proses penyelidikan fatwa menjadi lembab dan tidak rancak. Akhirnya penyelidikan fatwa dilakukan secara mudah, ringkas dan tersasar dari

⁵⁴⁴ Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal S42, Jabatan Mufti Johor merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor) dalam temubual dengan pengkaji pada 18 Mei 2013.

persoalan yang dikehendaki disebabkan maklumat sebenar yang berkaitan dengan persoalan fatwa tidak diperolehi secara terperinci.

Justeru itu, faktor-faktor di atas bukanlah sesuatu yang baharu tetapi ianya sudah berlaku sebelum ini. Namun, faktor yang sama masih berterusan sehingga ke hari ini tanpa pembaharuan untuk meningkatkan kualiti penyelidikan fatwa. Ia dibuktikan dengan kajian yang dilakukan oleh Ahmad Hidayat Buang di mana beliau menjelaskan bahawa antara masalah yang berlaku dalam proses penyelidikan dan penyediaan fatwa ialah pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pengeluaran fatwa tidak mempunyai kelayakan dalam bidang hukum syarak sehingga mereka perlu berijtihad untuk mencari penyelesaian bagi masalah yang tidak mempunyai rujukan hukum sedangkan mereka kurang menguasai kaedah tersebut.⁵⁴⁵ Oleh itu, kelemahan yang berlaku boleh menjelaskan ketepatan dalam melakukan penyelidikan fatwa bagi menyediakan jawapan yang rasional terhadap persoalan-persoalan semasa yang diajukan.

5.3 CADANGAN DAN SARANAN

Bagi memperkasakan kredibiliti institusi fatwa sebagai intitusi penyelidikan hukum yang menjalankan kajian-kajian hukum Islam yang bersifat semasa, terdapat beberapa cadangan dan saranan yang ingin dikemukakan oleh pengkaji terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam proses pengeluaran fatwa di institusi fatwa negeri Johor. Cadangan dan saranan ini diharap dapat membantu dalam meningkatkan dan memantapkan kualiti penyelidikan fatwa di institusi fatwa negeri Johor menerusi metode dan kaedah berfatwa yang lebih serius dan tepat.

⁵⁴⁵ Ahmad Hidayat Buang, “Penyediaan Dan Pengeluaran Fatwa”, 103.

5.3.1 Cadangan Terhadap Jabatan Mufti Johor

Jabatan Mufti Johor merupakan institusi fatwa rasmi yang menjadi pusat rujukan dan maklumat masyarakat Islam untuk mendapatkan penjelasan tentang sesuatu kemosykilan hukum yang berkaitan dalam apa jua persoalan. Antara cadangan dan saranan yang boleh dilontarkan terhadap Jabatan Mufti Johor selaku institusi penyelidikan hukum Islam ialah;

Pertama: Mewujudkan jawatan pegawai penyelidik fatwa yang bertanggungjawab untuk melakukan aktiviti penyelidikan secara khusus. Realiti yang berlaku di institusi fatwa negeri Johor memperlihatkan bahawa tugas-tugas penyelidikan fatwa yang merangkumi kajian lapangan dan sebagainya dibebankan ke atas pegawai fatwa yang sudah terbeban dengan tugas-tugas hakiki. Memandangkan bilangan pegawai yang agak terhad, penyelidikan fatwa tidak dapat dilakukan secara serius dan terperinci. Akhirnya para pegawai hanya melakukan penyelidikan fatwa dalam bentuk yang terhad dan memberikan tumpuan yang lebih terhadap penyelidikan dalaman. Oleh itu, melalui kewujudan jawatan penyelidik ini tugas-tugas yang berkaitan dengan penyelidikan fatwa bagi tujuan mendapatkan maklumat tepat berkenaan isu fatwa akan dilaksanakan sepenuhnya oleh penyelidik ini. Sementara itu, pegawai-pegawai fatwa yang sedia ada hanya perlu ditugaskan untuk meneliti dan menentukan kaedah pendalilan yang tepat bagi menetapkan hukumnya. Impaknya akan melicinkan proses penyediaan dan pengeluaran fatwa kerana maklumat mengenai isu fatwa tersebut diperolehi secara terperinci dari sumber yang jelas.

Kajian di Jabatan Mufti Negeri Sembilan mendapati bahawa, Jabatan Mufti tersebut dengan inisiatifnya sendiri telah mewujudkan jawatan pegawai penyelidik yang ditubuhkan secara khusus untuk melaksanakan kerja-kerja penyelidikan fatwa yang melibatkan kajian lapangan, observasi, soal selidik dan sebagainya bagi

memperolehi maklumat yang tepat mengenai isu fatwa. Kemudian maklumat yang diperolehi diserahkan kepada bahagian fatwa dan istinbat untuk proses penentuan hukum berdasarkan kaedah syarak. Oleh itu, pegawai-pegawai fatwa di Jabatan Mufti tersebut tidak dibebankan dengan tugas-tugas penyelidikan luaran, bahkan mereka hanya perlu memfokuskan terhadap kaedah bagaimana untuk menentukan hukum bagi isu yang diajukan berdasarkan maklumat yang diperolehi dari bahagian penyelidikan. Oleh yang demikian, inisiatif yang sama boleh dilaksanakan oleh Jabatan Mufti Johor dengan mewujudkan bahagian penyelidikan yang secara khusus bertanggungjawab dalam melakukan aktiviti-aktiviti penyelidikan fatwa terutama isu-isu yang melibatkan kajian lapangan atau luaran. Secara tidak langsung kewujudan bahagian ini dalam institusi fatwa akan menjadikan institusi tersebut sebagai pusat penyelidikan hukum yang dipandang oleh masyarakat.

Kedua: Mengadakan latihan atau bengkel yang berkaitan dengan kaedah dan penyelidikan fatwa melalui metode yang tepat dan jelas. Memandangkan pegawai fatwa yang sedia ada kurang menguasai kaedah penyelidikan fatwa yang tepat, maka Jabatan Mufti Johor perlu mengadakan latihan atau bengkel penyelidikan fatwa supaya para pegawai yang terlibat memperolehi maklumat berkenaan proses penyelidikan fatwa secara terperinci. Bagi melaksanakan bengkel atau kursus ini, pihak Jabatan Mufti boleh menjemput mereka yang pakar dalam bidang penyelidikan hukum untuk memberikan input mengenainya lazimnya terdiri daripada pakar-pakar akademik atau pensyarah universiti.

Langkah untuk mengadakan latihan kepada para pegawai fatwa ini merupakan langkah yang bersifat positif. Ini kerana, jika dilihat kepada statistik bidang kelayakan para pegawai yang ada, hanya seorang pegawai sahaja yang mempunyai kelayakan dalam bidang penyelidikan hukum Islam. Manakala selebihnya tidak didedahkan dengan kaedah penyelidikan tersebut. Oleh itu, melalui

latihan atau bengkel kefatwaan ini pegawai-pegawai tersebut akan memperolehi input yang jelas bagaimana melakukan penyelidikan fatwa dengan cara yang tepat. Latihan tersebut boleh diadakan secara berkala supaya para pegawai yang sedia ada mampu untuk memahami dan menguasai sedikit demi sedikit teknik untuk menjalankan penyelidikan fatwa. Hasil kajian yang diperolehi mendapati bahawa, pihak Jabatan Mufti Johor belum pernah mengadakan latihan atau bengkel seumpama itu untuk para pegawai yang terlibat dalam proses pemfatwaan. Sebaliknya pihak Jabatan hanya menghantar seorang wakil dari pegawainya sahaja untuk menghadiri bengkel yang dianjurkan oleh pihak JAKIM. Seharusnya pihak Jabatan Mufti sendiri perlu mengambil inisiatif dan langkah yang proaktif untuk mengadakan latihan dan bengkel fatwa bagi memberikan input penting kepada para pegawainya berkenaan dengan kaedah melakukan kajian fatwa.

Ketiga: Memastikan pegawai-pegawai yang akan menempati bahagian fatwa dan istinbat terdiri dari mereka yang mempunyai kelayakan dalam bidang perundangan Islam. Maksudnya, pegawai-pegawai tersebut mestilah mempunyai kelayakan dalam bidang syariah khususnya fiqh dan usul al-fiqh. Ini kerana, pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang berkenaan mempunyai pengalaman dan pengetahuan tentang kaedah pembuatan hukum melalui dalil-dalil syarak. Malahan mereka juga berpengetahuan mengenai aktiviti kefatwaan menerusi subjek yang khusus. Berbanding dengan pegawai yang mempunyai kelayakan dalam bidang yang berlainan, pengetahuan mereka tentang kaedah penyelidikan hukum agak terhad disebabkan mereka tidak mempelajari kaedah-kaedah tersebut secara terperinci. Sedangkan kaedah dalam menentukan hukum-hukum syarak hanya dipelajari dalam bidang syariah sahaja khususnya fiqh dan usul al-fiqh

Oleh itu, Jabatan Mufti Johor harus memastikan bahawa bahagian fatwa dan istinbat mestilah dianggotai oleh pegawai-pegawai yang mempunyai kefahaman

yang mendalam dalam kaedah penentuan hukum syarak. Ia amat penting bagi memastikan penyelidikan fatwa berjalan dalam kondisi yang jelas dan teratur mengikut disiplin penyelidikan hukum Islam. Tambahan pula, jika penyelidikan fatwa dijalankan oleh mereka yang tidak mempunyai pengetahuan dalam bidang perundangan Islam, sudah tentu hasil penyelidikan yang diperolehi tidak mencapai objektif sebenar isu fatwa yang diajukan. Malahan, kaedah nukilan terus digunakan sebagai kaedah asasi dalam berfatwa. Dalam hal ini, Ahmad Hidayat Buang pernah mengutarakan beberapa cadangan untuk memperbaiki proses penyediaan fatwa antaranya ialah pegawai-pegawai yang terlibat dalam proses pemfatwaan mestilah mempunyai kefahaman yang mendalam tentang kaedah perundangan hukum Islam.⁵⁴⁶ Justeru itu, kelayakan para pegawai dalam bidang penyelidikan hukum memainkan peranan yang penting bagi memastikan ketepatan dalam menjalankan kajian fatwa dan penyediaaan jawapan fatwa.

Keempat: Jabatan Mufti Johor juga disarankan agar menambah dan membekalkan kitab-kitab rujukan dan buku-buku yang berkaitan dengan penyelidikan hukum serta kemudahan komputer yang dilengkapi dengan perisian yang moden. Hasil dari pemerhatian pengkaji mendapati bahawa, kitab-kitab rujukan yang terdapat di Jabatan Mufti Johor hampir keseluruhannya terdiri dari kitab-kitab bermazhab Shāfi’ī. Sedangkan kitab-kitab utama dalam mazhab yang lain kurang kelihatan. Begitu juga dengan kitab-kitab tafsir dan syarah hadis yang agak kurang dibekalkan di Jabatan Mufti Johor. Dalam situasi ini seharusnya pihak Jabatan Mufti perlu menambah koleksi kitab dari mazhab sunni yang lain supaya penyelidikan fatwa dapat dilihat secara menyeluruh dengan mengambil kira pandangan dari mazhab-mazhab tersebut tanpa memberikan tumpuan yang lebih kepada pandangan *al-Shāfi’īyah* semata-mata. Begitu juga, buku-buku yang berkaitan dengan kaedah

⁵⁴⁶ Ahmad Hidayat Buang, “Penyediaan Dan Pengeluaran Fatwa”, 104.

penyelidikan terutama penyelidikan hukum Islam harus dibekalkan kepada setiap para pegawai supaya mereka memperolehi sedikit pengetahuan tentang kaedah melakukan kajian fatwa.

Selain itu, pihak Jabatan Mufti juga perlu menyediakan bahan-bahan rujukan yang bersifat semasa seperti koleksi jurnal syariah, fiqh, fatwa dan sebagainya yang memuatkan pelbagai artikel yang membincangkan teori dan praktikal dalam sesuatu bidang hukum, koleksi kertas-kertas kerja atau prosiding dari seminar-seminar yang bertemakan tentang hukum Islam, usul al-fiqh ataupun fatwa atau koleksi buku yang membincangkan masalah hukum syarak dari pelbagai bidang seperti muamalat, ekonomi, perubatan dan sebagainya. Kesemua bahan-bahan yang bersifat semasa ini secara tidak langsung akan membantu proses penyelidikan fatwa melalui pengenalan awal tentang sesuatu isu. Begitu juga, pihak Jabatan Mufti perlu memastikan perisian komputer setiap pegawai fatwa dilengkapi dengan perisian yang moden terutama perisian yang melibatkan pencarian hadis, koleksi kitab turath dan kontemporari dan sebagainya supaya dapat memudahkan para pegawai untuk menjalankan kajian kepustakaan. Oleh itu, penambahan bahan-bahan rujukan sama ada dalam bentuk naskhah atau elektronik sangat diperlukan dalam proses pembuatan fatwa di institusi fatwa negeri Johor supaya penyelidikan fatwa dapat dilakukan secara menyeluruh dari pelbagai sumber rujukan.

5.3.2 Cadangan Terhadap Para Pegawai Bahagian Fatwa

Selain mengutarakan cadangan dan saranan terhadap Jabatan Mufti Johor. Pengkaji juga ingin melontarkan beberapa cadangan dan saranan terhadap para pegawai yang terlibat dalam proses penyediaan fatwa. Antaranya;

Pertama: Pegawai-pegawai fatwa seharusnya meningkat prestasi dirinya dengan menguasai bahasa arab melalui inisiatifnya sendiri. Memandangkan para

pegawai fatwa mempunyai kelemahan untuk menguasai bahasa arab khususnya dalam melakukan rujukan terhadap kitab-kitab turath dan mengaplikasi kaedah *uṣūl al-fiqh*. Maka mereka perlu memperbaiki kelemahan tersebut dengan menghadiri dan mendaftar untuk mengikuti kursus-kursus bahasa arab yang disediakan oleh pusat akademik tertentu. Melalui kursus tersebut mereka dapat meningkatkan kemahiran untuk memahami bahasa arab dengan baik. Dalam penyelidikan hukum Islam, penguasaan di dalam bahasa arab sangat perlu diberi penekanan sehingga para ulama meletakkan penguasaan bahasa arab sebagai syarat seorang mujtahid atau mufti.

Memahami dan menguasai bahasa arab dengan baik dapat membantu para pegawai fatwa membuat penentuan hukum berdasarkan dalil-dalil syarak. Ini kerana, dalil-dalil syarak dijelaskan kaedahnya melalui bahasa arab yang dimuatkan di dalam kitab-kitab *uṣūlī*. Oleh itu, kelemahan untuk menguasai bahasa tersebut akan memungkinkan berlakunya kesilapan dalam memahami kaedah-kaedah syarak disebabkan mereka tidak dapat mengenal pasti cara untuk mengaplifikasi kaedah-kaedah tersebut. Oleh itu, bagi mengatasi kelemahan tersebut pegawai-pegawai fatwa disarankan agar mengikuti kursus bahasa arab untuk memantapkan kemahiran bahasa tersebut dalam proses penyelidikan fatwa.

Kedua: Para pegawai fatwa juga disarankan agar menyertai seminar atau bengkel fatwa yang dianjurkan oleh organisasi atau institusi tertentu. Melalui penyertaan dalam seminar atau bengkel fatwa tersebut, para pegawai akan memperolehi input dan maklumat yang sangat berguna terutama input-input semasa yang perlu diambilkira dalam proses berfatwa. Ini kerana, menerusi seminar tersebut para pegawai akan didedahkan dengan pelbagai pendekatan semasa yang boleh diaplikasi dalam proses kefatwaan. Tambahan pula, penyertaan di dalam seminar tersebut bakal memberikan maklumat terkini berkaitan dengan perkembangan semasa dalam metode berfatwa. Oleh itu, penyertaan para pegawai fatwa dalam

seminar yang bersifat ilmiah ini merupakan salah satu langkah yang positif untuk meningkatkan pengetahuan mereka berkenaan isu-isu semasa dan perkembangan terbaru dalam penyelidikan fatwa.

Antara seminar atau bengkel yang boleh disertai oleh pegawai-pegawai fatwa adalah seperti seminar Hukum Islam Semasa yang dianjurkan oleh Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya secara berkala, bengkel Metodologi Penyelidikan dan Penyediaan Kertas Kajian Fatwa yang dianjurkan oleh JAKIM, seminar Fiqh Kontemporari yang dianjurkan oleh Universiti Islam Antarabangsa dan sebagainya sama ada yang bersifat tempatan atau antarabangsa. Justeru itu, pengisian yang terdapat di dalam seminar dan bengkel seumpama ini dapat menyumbang pelbagai input dan maklumat yang bernilai kepada para pegawai fatwa sebagai persediaan mereka dalam membuat penyelidikan fatwa.

Ketiga: Para pegawai fatwa haruslah sentiasa peka dengan perkembangan semasa yang berlaku supaya dapat membantu mereka untuk menyediakan kertas kerja fatwa yang berkualiti. Perkembangan semasa boleh diperolehi melalui pembacaan dan pemerhatian terhadap situasi yang berlaku di sekeliling masyarakat. Melalui kepekaan terhadap perkembangan semasa, para pegawai fatwa dapat mengenalpasti secara ringkas latarbelakang isu fatwa yang diajukan bahkan mereka mempunyai pengetahuan awal mengenainya berbanding dengan pegawai yang tidak mengetahui langsung isu semasa yang yang berlaku. Pengenalan awal tentang sesuatu isu fatwa sangat penting dalam proses penyelidikan fatwa supaya penentuan hukum dilakukan bertepatan dengan isu yang dikemukakan. Oleh itu, pengenalan awal ini hanya boleh didapati melalui usaha pegawai fatwa itu sendiri yang peka terhadap perkembangan semasa sama ada melalui pembacaan dari sumber cetakan, elektronik atau observasi yang dilakukan secara tidak langsung terhadap perubahan sekeliling. Oleh yang demikian, selain daripada latihan dan penyertaan dalam

seminar, pegawai fatwa itu sendiri perlu peka dan berusaha untuk memahami setiap persoalan semasa yang berlaku sebagai pengetahuan awal bagi menyelesaikan isu fatwa yang diajukan.

5.3.3 Cadangan Terhadap Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor

Selain itu, pengkaji juga ingin mengutarakan beberapa cadangan dan saranan terhadap ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor selaku badan yang bertanggungjawab untuk menyediakan jawapan-jawapan fatwa yang bersifat rasmi kepada masyarakat Islam di negeri Johor. Antara cadangan dan saranan tersebut ialah;

Pertama: Mewujudkan jaringan usahasama antara Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dengan institusi-institusi penyelidikan seperti institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negeri, pusat penyelidikan halal, pusat perubatan, institusi perbankan dan kewangan dan sebagainya. Jaringan usahasama ini sudah pasti membawa hasil penyelidikan yang cukup matang dan menepati perkembangan semasa yang berlaku pada hari ini. Ini kerana, institusi-institusi penyelidikan tersebut mempunyai tenaga yang cukup terlatih dalam kerja-kerja penyelidikan yang merangkumi bidang-bidang tertentu. Oleh itu, melalui usahasama yang dimetrai, pihak Jawatankuasa Fatwa dan Jabatan Mufti bakal memperolehi pelbagai maklumat dan keterangan yang sangat jelas dan berautoriti mengenai sesuatu isu. Seterusnya maklumat tersebut boleh dibincangkan untuk penentuan hukumnya.

Memang tidak dinafikan bahawa pihak Jawatankuasa Fatwa mempunyai kemampuan yang terhad untuk menentukan hukum dari pelbagai isu semasa. Ini kerana kelayakan mereka hanya tertumpu di dalam bidang pengajian Islam sahaja. Oleh itu, memandangkan perubahan masa dan suasana menyebabkan pelbagai penemuan baru berlaku dalam bidang-bidang yang tertentu, maka ia perlu diberi

penjelasan secara terperinci melalui kajian-kajian yang serius. Justeru itu, kajian-kajian seperti itu hanya dapat dilakukan oleh mereka yang pakar dalam bidang berkenaan kerana mereka lebih mengetahui dan berpengalaman. Oleh kerana itu, pihak Jawatankuasa Fatwa perlu menjalankan usahasama dengan tenaga penyelidik dari institusi-institusi berkenaan untuk mendapatkan input dan gambaran yang jelas mengenai isu dalam bidang tersebut.

Kedua: Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor disarankan agar melantik pakar-pakar dalam bidang tertentu sebagai panel khas Jawatankuasa Fatwa dalam isu fatwa yang tertentu. Panel-panel khas ini akan bersidang bersama-sama Jawatankuasa Fatwa jika isu fatwa yang akan diputuskan itu berkaitan dengan bidang kepakaran mereka. Meskipun mereka tidak dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Fatwa, khidmat dan kepakaran mereka boleh membantu Jawatankuasa Fatwa untuk menyelesaikan isu-isu semasa yang bersifat kritikal. Melalui panel-panel khas yang dilantik ini, pihak Jawatankuasa Fatwa boleh mendapatkan khidmat mereka pada bila-bila masa jika diperlukan dalam menangani persoalan fatwa yang berlaku. Panel-panel khas ini boleh dilantik dari kalangan pegawai perubatan Islam yang pakar dalam bidang kedoktoran, pegawai ekonomi yang pakar dalam bidang perbankan, muamalat dan kewangan, pegawai sains yang pakar dalam bidang kajian makmal dan eksperimen, pegawai teknologi yang pakar dalam bidang sains dan teknologi maklumat dan sebagainya.

Menerusi panel-panel khas ini penyelidikan fatwa akan menjadi lebih kukuh dan tepat disebabkan maklumat yang diperolehi merupakan gambaran sebenar bagi persoalan fatwa yang berlaku. Kesannya akan memudahkan proses penyediaan dan pengeluaran fatwa kerana isu-isu fatwa yang rumit dapat diselesaikan dengan segera hasil dari maklum balas dan respon yang diberikan oleh panel-panel tersebut. Panel-panel khas ini juga boleh bertindak sebagai ahli jawatankuasa fatwa bersekutu di

mana khidmat mereka akan diperlukan bagi isu yang terlibat di dalam bidang kepakaran mereka. Oleh itu, langkah mewujudkan panel-panel khas ini perlu dipandang sebagai sesuatu yang positif demi meningkat kualiti penyelidikan di institusi fatwa di negeri Johor sebagai pusat penyelidikan hukum.

Ketiga: Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor juga disarankan agar mengadakan pertemuan dan perbincangan bersama-sama Jawatankuasa Fatwa dari negeri-negeri yang lain melalui lawatan atau ziarah yang diadakan. Menerusi pertemuan tersebut, kedua-dua pihak Jawatankuasa Fatwa boleh bertukar-tukar idea dan pandangan berkenaan metode berfatwa yang diamalkan supaya mana-mana kekurangan dalam metode tersebut dapat diperbaiki dan dipertingkatkan. Bahkan melalui pertemuan tersebut juga membolehkan pegawai dan ahli Jawatankuasa Fatwa mempelajari sesuatu yang baharu dalam proses pembuatan fatwa secara tepat. Malahan dapat mewujudkan jaringan kerjasama dan saling membantu di antara kedua-dua Jawatankuasa Fatwa dalam menangani sesuatu persoalan fatwa. Melalui kerjasama itu juga kedua-dua Jawatankuasa Fatwa boleh menyalurkan maklumat dan informasi terbaru berkenaan isu fatwa di antara satu sama lain.

Langkah ini juga dilihat sebagai usaha yang positif untuk meningkatkan perkembangan dalam penyelidikan fatwa menerusi kerjasama yang erat di antara Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri. Oleh itu, pertemuan seumpama ini harus dilakukan secara berterusan supaya input-input terbaru yang berkaitan dengan proses penyelidikan fatwa dapat disalurkan dengan tepat. Secara tidak langsung langkah ini akan merancakkan aktiviti penyelidikan fatwa dalam proses pemfatwaan di institusi fatwa di negara ini. Justeru itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor harus mewujudkan kerjasama dengan Jawatankuasa Fatwa di negeri-negeri yang lain sebagai salah satu cara untuk memperbaiki kelemahan yang terdapat di dalam sistem pengeluaran fatwa di institusi fatwa negeri Johor.

Bagi kajian lanjutan pada masa akan datang, pengkaji mencadangkan agar dilakukan kajian secara mendalam berkenaan aktiviti penyelidikan fatwa yang berlaku di institusi fatwa khususnya di Malaysia. Hal ini kerana memandangkan penyelidikan fatwa yang berlaku di institusi fatwa terutamanya negeri Johor disifatkan sebagai penyelidikan yang mendatar, maka kajian perbandingan boleh dilakukan bagi mengenal pasti tahap penyelidikan fatwa yang dijalankan oleh sesebuah institusi fatwa yang lain.

5.4 PENUTUP

Signifikan fatwa sebagai respon atau jawapan hukum kepada masyarakat merupakan sesuatu yang mempunyai nilai terpenting di dalam sistem perundangan Islam pada era ini. Masyarakat Islam memandang institusi fatwa sebagai pusat maklumat yang berkaitan dengan hukum-hukum syarak di mana mereka boleh mendapatkan respon berkenaan kemosykilan hukum yang dihadapi. Secara tidak langsung ia memperlihatkan kredibiliti institusi fatwa sebagai institusi penyelidikan hukum yang berkuasa untuk mengeluarkan fatwa-fatwa rasmi kepada masyarakat Islam keseluruhannya. Oleh itu, penentuan hukum syarak tersebut mestilah disandari dengan penyelidikan atau kajian yang kukuh berkenaan dengan sesuatu persoalan supaya jawapan fatwa yang disediakan mampu untuk menyelesaikan permasalahan ummah. Penekanan terhadap metode dan penyelidikan fatwa ini sudah lama dipraktikkan oleh para sarjana silam menerusi karya-karya mereka. Justeru itu, kekurangan dan kelemahan untuk mengaplikasi kaedah berfatwa dengan metode yang tepat bakal melahirkan fatwa-fatwa yang tidak rasional dan bersifat menghukum. Oleh yang demikian, fatwa yang berjaya menyelesaikan segala kemelut dan persoalan yang berlaku di sekeliling masyarakat adalah fatwa yang dibina berdasarkan kaedah berfatwa dan metode penyelidikannya yang jelas, tepat dan

kukuh bertepatan dengan langkah-langkah penyelidikan fatwa yang telah dirumuskan oleh para fuqaha. Sebagai penutup kajian ini, pengkaji menyarankan agar pihak institusi fatwa negeri Johor berusaha untuk meningkatkan prestasi dan kualiti penyelidikan fatwa dan kaedah berfatwa dengan memperbaiki kelemahan dan meningkatkan kekurangan yang sedia ada. Ia amat penting bagi memastikan institusi fatwa terus dihormati dan tidak dipertikaikan kredibilitinya sebagai pusat penyelidikan hukum Islam. Harapan pengkaji semoga kajian ini dapat memberi sumbangan yang besar dalam memantapkan penyelidikan hukum Islam secara umumnya dan meningkatkan perkembangan dalam penyelidikan fatwa secara khususnya.

BIBLIOGRAFI

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN KITAB BAHASA ARAB

- ‘Abādī, Muhammad Syams al-Haq. *‘Aūn al-Ma’būd Syarḥ Sunan Abī Daūd*. Jilis ke-9, Madinah: Maktabah al-Salfiyah, 1969.
- Abū al-Qāsim al-Ḥusayn Bin Muḥammad. *al-Mufrādāt fī Ḥarīb al-Qurān*. Beirut: Dar al-Qalam, 1412H.
- Abū Islām, Muṣṭafā Bin Ahmad. *al-Ta’sīs fī Uṣūl al-Fiqh Dāw al-Kitāb wa al-Sunnah*. Makkah: Maktabah al-Haramayn li al-‘Ulūm al-Nāfi’ah, 2008.
- Āḥmad Bū’ud. *Fiqh al-Wāqi’ Uṣūl wa Ḏawābiṭ*. Kaherah: Dār al-Salām, 2006.
- al-‘Aīnī, Badr al-Dīn al-Ghaytābī al-Ḥanafī. *al-Banāyah Syarḥ al-Hidāyah*. Jilid pertama, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 2000.
- al-‘Aīnī, Badr al-Dīn Bin Āḥmad. *‘Umdah al-Qārī fī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jilid ke-8, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 2001.
- al-‘Asqalānī, Āḥmad Bin ‘Alī Bin Ḥajar. *Fatḥ al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jilid ke-4, Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Waṭanīyah, 2001.
- al-Alūsī, Shihāb al-Dīn Maḥmūd al-Baghdādī. *Rūḥ al-Ma’ānī fī Tafsīr al-Qurān al-‘Aẓīm wa Sab’ā al-Mathānī*. Jilid ke-3, Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.
- al-Amidī, ‘Ali Bin Muḥammad. *al-Āḥkām fī Uṣūl al-Āḥkām*. Jilid ke- 4, cet. pertama, Riyaḍ: Dār al-Ṣamī’ī li al-Nasyr wa al-Tawzī’, 2000.
- al-Asyqar, Muḥammad Sulaīmān. *al-Mujalla fī al-fiqh al-Ḥanbalī*. Jilid pertama, Damsyiq: Dār al-Qalam, 1998.
- al-Asyqar, Usāmah ‘Umar Sulaymān. *Manhaj al-Iftā’ ‘inda al-Imām Ibn Qayyīm al-Jawzīyah*. Jordan: Dār al-Nafāes, 2004.
- al-Badwī, Yūsuf Āḥmad Bin Muḥammad. *Maqāṣid al-Shari‘ah ‘inda Ibn Taymīyah*. Jordan: Dār al-Nafāes, 2000.
- al-Baghdādī, Abī Ya’lā Muḥammad Bin al-Ḥusayn al-Farrā’. *al-‘Uddah fī Uṣūl al-Fiqh*. Jilid ke-5, cet. ke-2, Riyāḍ: al-Mamlakah al-‘Arabīyah al-Sa’ūdīyah, 1990.
- al-Barakatī, Muḥammad ‘Amīn al-İhsān al-Majdadī. *Qawā‘id al-Fiqh*. Karachi: al-Şadaf Publisher, 1986.
- al-Bayhaqī, Abī Bakr Bin al-Ḥusayn Bin ‘Alī. *Sunan al-Kubrā*. Jilid pertama, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 2003.
- al-Bughā, Muṣṭafā Dīb. *Athar al-Adillah al-Mukhtalif fīhā fī al-fiqh al-Islāmī*. Cet. ke-4, Damsyiq: Dār al-Qalam, 2007.
- al-Bujayrimī, Sulaīmān Bin Muḥammad al-Shāfi’ī. *al-Bujayrimī ‘alā al-Khatīb*. Jilid ke-3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 1996.
- al-Bukhārī, Muḥammad Bin Ismā’īl. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jilid ke-2, Kaherah: Maktabah al-Salfiyah, 1400H.

- al-Damsyiqī, Abū Muḥammad ‘Izz al-Dīn Bin ‘Abd al-Salam. *Qawa‘id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-Anām*. Jilid pertama, Kaherah: Maktabah al-Kullīyāt al-Azharīyah, 1991.
- al-Fāsī, Muḥammad Bin al-Ḥasan al-Ja’farī. *al-Fikr al-Sāmī fī Tārikh al-Fiqh al-Islāmī*. Jilid ke-2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1995.
- al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Bin Muḥammad. *al-Mankhūl min Ta‘liqāt al-Uṣūl*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu’āşir, 1998.
- al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Bin Muḥammad. *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*. Madinah: t.p, t.t.
- al-Ḥaddād, Aḥmad Bin ‘Abd al-‘Azīz. *Fiqh al-Ṣiyām ‘alā Daū’ al-Kitāb wa al-Sunnah wa al-Ijtihād al-A’imma*. Dubai: Dā’irah al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Islāmīyah, 1998.
- al-Ḥakamī, ‘Alī Bin ‘Abbās. *Uṣūl al-Fatwā wa Taṭbīq al-Aḥkam al-Syarīyyah fī Bilād Ghayr al-Muslimīn*. Jilid ke-5, Beirut: Muassasah al-Rayyān, 1999.
- al-Ḥamawī, Usāmah. *Naẓarīyah al-Istīhsān*. Beirut: Dār al-Khayr, 1996.
- al-Ḥarrānī, Aḥmad Bin Ḥamdān. *Ṣifah al-Fatwā wa al-Muftī wa al-Mustaftī*. Cet. ke-4, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1984.
- al-Haṣarī, Aḥmad. *Istibāt al-Aḥkām Min al-Nuṣūṣ*. Cet. ke-2, Beirut: Dār al-Jīl, 1997.
- Alī Juma’ah Muḥammad. *al-Madkhāl ilā Dirāsaḥ al-Madhāhib al-Fiqhīyah*. Cet. ke-2, Kaherah: Dār al-Salām, 2007.
- al-Istanbūlī, Abu al-Fidā’ Ismā’īl Bin Muṣṭafā al-Ḥanafī. *Rūḥ al-Bayān*. Jilid pertama, Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- al-Jaṣāṣ, Abū Bakar al-Rāzī. *Aḥkām al-Qurān li al-Jaṣāṣ*. Jilid ke-3, Beirut: Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabī, 1405H.
- al-Jazzār, ‘Āmir, et.al. *Majmū‘ah al-Fatāwā Ibn al-Taymīyah*. Jilid ke-14, Cet. ke-3, Mansurah: Dār al-Wafā’, t.t.
- al-Jizānī, Muḥammad Bin Ḥusayn. *Ma‘ālim Uṣūl al-Fiqh ‘ind ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* (Riyāḍ: Dār Ibn al-Jūzī, 1996).
- al-Jurjānī, ‘Alī Bin Muḥammad, *al-Ta‘rifāt*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1983.
- al-Jūwaynī al-Ḥaramayn, Abī al-Ma’āli ‘Abd al-Malik Bin ‘Abd Allah. *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*. Jilid ke-2, Kaherah: Dār al-Anṣār, 1400H.
- al-Kalūdhānī, Maḥfūz Bin Aḥmad al-Ḥanbalī. *al-Tamhīd fī Uṣūl al-Fiqh*. Jilid ke-4, Jeddah: Dār al-Medīnah, 1985.
- al-Kāsānī, Alā’ al-Dīn Bin Abū Bakr al-Ḥanafī. *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘ fī Tartīb al-Syarā’i‘*. Jilid ke-2, Beirut: Dār al-Fikr, 1996.
- al-Kasymīrī, Muḥammad Anwār Syāh Bin Mu’azzam Syāh al-Hindī. *al-‘Urf al-Syadīh Syarh Sunan al-Tirmidī*. Beirut: Dār al-Turāth al-‘Arabī, 2004.
- al-Khādām, Nur al-Dīn Bin Mukhtār. *Ilm al-Maqāṣid al-Syarīyyah*. Riyāḍ: Maktabah al-‘Abīkān, 2001.

al-Kharṣyi, Abī ‘Abd Allah Muḥammad. *Syarḥ Mukhtaṣar Khalīl*. Jilid ke-3, Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

al-Khaṭīb al-Baghdadī, Abū Bakr Aḥmad Bin ‘Alī. *al-Faqīḥ wa al-Muttafaqīh*. Jilid ke-2, cet. ke-2, Arab Saudi: Dār Ibn al-Jūzī, 1412H.

al-Māwardī, Abī al-Ḥasan ‘Alī Bin Muḥammad al-Ḥabīb. *al-Hāwī al-Kabīr*. Jilid ke-3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 1994.

al-Najār, ‘Abd al-Majīd. *Fī Fiqh al-Tadyin Fahman wa Tanzīlan, Kitāb al-Ummah*. t.tp: Dār Akhbār al-Yaum, 1989.

al-Nasā’ī, ‘Abd al-Raḥman Aḥmad Bin Syu’āib. *Sunan al-Nasā’ī*. Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif, t.t.

al-Nasafī, Abū al-Barākāt ‘Abd Allah Bin Aḥmad. *Tafsīr al-Nasafī*. Jilid pertama, Beirut: Dār al-Kalim al-Tayyīb, 1998.

al-Nawawī, Abū Zakariyā Muḥyī al-Dīn Bin Sharf. *Fatāwā al-Imām al-Nawawī*. Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmīyah, 1991.

_____. *al-Majmū’*. Jilid pertama, Jeddah: Maktabah al-Irsyād, t.t.

al-Qaraḍāwī, Yūsuf, *al-Fatwā Bayna al-Indibāṭ wa al-Tasayyub*. Kaherah: Dār al-Şahwah, 1998.

_____. *Fī Fiqh al-Awlawīyāt Dirāsaḥ Jadīdaḥ Fī Daw’ al-Qurān wa al-Sunnah*. Cet. ke-2, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1996.

_____. *Fiqh al-Zakāh*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2007.

al-Qarāfi, Abī al-‘Abbās Aḥmad Bin Idrīs. *al-Furūq anwār al-Burūq fī anwa’ al-Furūq*. Jilid ke-4, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 1998.

al-Qāsimī, Muhammad Jamāl al-Dīn. *al-Fatāwā fī al-Islām*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 1986.

al-Qaṣṭalānī, Aḥmad Bin Muḥammad. *Irshād al-Sārī li Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jilid le-3, Mesir: al-Maṭba’ah al-Kubrā al-Amīriyah, 1323H.

al-Qazwīnī, Abī ‘Abd Allah Bin Yazīd. *Sunan Ibn Majah*. Riyaḍ: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī’, t.t.

al-Qūnuwī, Qāsim Bin ‘Abd Allah Bin Amīr. *Anīs al-Fuqahā fī Ta’rīfāt al-Alfāz al-Mutadāwilah Bayna al-Fuqahā*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 2004.

al-Qurṭubī, ‘Abd Allah Bin Muḥammad al-Anṣārī. *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qurān*. Jilid ke-3, Beirut: Dār al-Fikr, 1995.

al-Qusyayrī, Taqī al-Dīn Bin ‘Alī Ibn Daqīq al-‘Ayd. *Syarḥ al-Arba’īn al-Nawawīyah fī al-Āḥādīṣ al-Ṣaḥīḥah al-Nabawīyah*. t.tp: Muassasah al-Rayyān, 2003.

al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Bin ‘Umar al-Husayn. *al-Mahsul fī ‘Ilm Usul al-Fiqh*. Jilid ke-6, Beirut: Muassasah al-Risalah, t.t.

al-Rūbā’ī, al-Qadī al-Ḥasan Bin Aḥmad. *Fath al-Ghaffār al-Jāmi’ li Aḥkām Sunnah Nabīyanā al-Mukhtār*. Jilid pertama, Mekah: Dār ‘Ālim al-Fawāid, 1427H.

al-Sajastānī, Abī Daūd Sulaymān, *Sunan Abī Daūd*. Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif, t.t.

al-Sam'ānī, Manṣūr Bin Aḥmad Bin ‘Abd al-Jabbār. *Qawāṭī‘ al-Adillah fī Uṣūl al-Fiqh*. Jilid ke-5, Riyad: Maktabah al-Taubah, 1998.

al-Samarqandī, Abū Bakr ‘Alā al-Dīn. *Tuhfah al-Fuqahā*. Jilid pertama, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 1994.

al-Şan'ānī, Muḥammad Bin Ismā‘il. *Subul al-Salām Syarḥ Bulūgh al-Marām*. Cet. ke-11, Beirut: Dār al-Ma'rīfah, 2011.

al-Sharbīnī, Syams al-Dīn Muḥammad Bin al-Khatīb. *Mughnī al-Muhtāj ilā Ma'rīfath Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*. Jilid pertama, Kaherah: Dār al-Hādīth, 2006.

al-Shāṭibī, Abī Ishaq Ibrāhīm Bin Mūsā. *Fatāwā al-Imām al-Shāṭibī*. Cet. ke-2, Tunis: t.p, 1985.

_____. *al-Muwāfaqāt*. Jilid ke-5, ‘Arab Sa’udi: Dār Ibn ‘Affān, 1997.

al-Subkī, Tāj al-Dīn ’Abd al-Wahhāb. *Jawāmi‘ fī Uṣūl al-Fiqh*. Cet. ke-2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 2003.

al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Bin ‘Abd al-Raḥman. *al-Asybāh wa al-Naẓāir fī Qawā‘id wa Furū‘ Fiqh al-Shāfi‘iyah*. Jilid pertama, cet. ke-2, Makkah: Maktabah al-Sa'ūdīyah, 1997.

al-Syawkānī, Muḥammad Bin ‘Alī. *Fath al-Qadīr*. Jilid pertama, Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1414H.

_____. *Irshād al-Fuhūl ila Tahqīq al-Haqqa min Ḥilm al-Uṣūl*. Jilid ke-2, Riyad: Dār al-Faḍīlah, 2000.

al-Syinqīṭī, Muḥammad al-Amīn Bin Muḥammad al-Mukhtār. *Muzakkirah fī Uṣūl al-Fiqh*. Cet. ke-5, t.p: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam, 2001.

al-Tayyīb, Abī al-Ḥusayn Muḥammad Bin ‘Alī al-Baṣrī. *al-Mu’tamad fī Uṣūl al-Fiqh*. Jilid ke-2, Damsyiq: Ma’had al-‘Alamī al-Faransī li al-Dirāsah al-‘Arabīyah, 1965.

al-Uthaymīn, Muḥammad Bin Ṣalīḥ. *Majmū‘ al-Fatāwā Muḥammad Bin Ṣalīḥ al-Uthaīmīn*. Jilid ke-17, Riyad: Dār al-Waṭān, 1413H.

al-Yūbī, Sa’ad Bin Aḥmad. *Maqāṣid al-Shari‘ah al-Islāmiyah wa ‘alāqatuhā bi al-Adillah al-Syar‘iyah*. Riyad: Dār al-Hijrah, 1998.

al-Zaibārī, ʻĀmir Sa’īd. *Mabāḥith fī Aḥkām al-Fatwā*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1995.

al-Zamakhsyārī, Abū al-Qāsim Maḥmūd Bin ‘Amrū. *Tafsīr al-Kashāf*. Jilid pertama, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1998.

al-Zarkashī, Badr al-Dīn Muḥammad Bin Bahādur. *Bahr al-Muhiṭ fī Uṣūl al-Fiqh*. Jilid ke-6, cet. ke-2, Kuwait: Dār al-Ṣafwah, 1992.

al-Zarqā, Aḥmad Bin Muḥammad. *Syarḥ al-Qawā‘id al-Fiqhīyah*. Cet. ke-2, Damsyiq: Dār al-Qalam, 1989.

al-Zuḥaylī, Wahbah. *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Jilid pertama, cet ke-10, Damsyiq: Dār al-Fikr, 2007.

_____. *Nażarīyah al-Darūrah al-Shar‘iyah*. cet. ke-3, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1982.

- _____. *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Jilid ke-2, Damsyiq: Dār al-Fikr, 2006.
- Bin Bāz, ‘Abd al-‘Azīz Bin ‘Abd Allah. *Fatāwā Nūr ‘alā al-Darb*. Jilid kedua, Arab Saudi: Muassasah ‘Abd al-‘Aziz Bin Bāz, t.t.
- Husayn Muḥammad al-Mallāḥ. *al-Fatwā*. Beirut: al-Maktabah al-’Aṣrīyah, 2006.
- Ibn ‘Abidīn, Muḥammad Amīn Bin ‘Umar. *Majmū‘ah Rasā'il Ibn ‘Abidīn*. t.tp: t.p, t.t.
- _____. *Radd al-Muhtār ‘alā al-Darr al-Mukhtār*. Jilid ke-3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 2003.
- Ibn ‘Aqīl, Abī al-Wafā’ ‘Alī. *al-Wāḍih fī Uṣūl al-Fiqh*. Jilid ke-5, Beirut: Muassasah al-Risālah, 1999.
- Ibn al-Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad Bin Mukram. *Lisān al-‘Arab*. Jilid ke 15, Beirut: Dār Ṣādir, 1990.
- Ibn Baṭṭāl, Husayn ‘Alī Bin Khalf. *Syarḥ Ṣahīh al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*. Jilid ke-6, Riyadh: Maktabah al-Rusyd, 2001.
- Ibn Juzay, Abu al-Qāsim Muḥammad Bin Aḥmad al-Kalbī. *Qawānīn al-Fiqhīyah fī Talkhīṣ Mazhab al-Malikīyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 1998.
- Ibn Qayyīm al-Jawziyyah, Abī ‘Abd Allah Muḥammad Bin Abī Bakr. *I'lām al-Muwaqqi'iñ 'an Rabb al-Ālamīn*. Jilid ke-6, Jeddah: Dār Ibn Qayyim al-Jawzī, 1423H.
- Ibn Qudāmah, ‘Abd Allah Bin Aḥmad . *al-Mughnī*. Jilid ke-4, Riyād: Dār ‘Alīm al-Kutub, 1997.
- Ibn Rusyd, Muḥammad Bin Aḥmad. *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*. Jilid ke-3, Kaherah: Dār al-Hāfiẓh, 2004.
- Iḥsān Mīr ‘Alī. *al-Maqāṣid al-‘Ammah li al-Sharī‘ah al-Islāmīyah Bayn al-Asālah wa al-Mu'āṣirah*. Syiria: Dār al-Thaqāfah li al-Jamī’, 2009.
- Ismā'il Bin Kathīr al-Damsyiqī. *Tafsīr al-Qurān al-‘Aẓīm*. Jilid ke-2, Kaherah: Muassasah al-Qurṭubah, 2000.
- Iyād Bin Nāmī al-Salamī. *Uṣūl al-Fiqh al-Ladhī lā Yasa‘ū ʻal-Faqīh Jahalahu*. Riyad: Dār al-Tadmīrīyah, 2005.
- Kamāl al-Dīn Muḥammad Bin al-Humām, *Syarḥ Fath al-Qadīr*. Jilid ke-2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 2003.
- Khallāf, ‘Abd al-Wahhāb. *Ilm Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Qalam, 1978.
- Maḥmūd Syaltūt. *al-Fatāwa*. Kaherah: Dār al-Syūruq, 2000.
- Mufdī, ‘Abd al-Raūf Kharābithah. *Manhaj al-Mutakallimīn fī Iṣlīnbāṭ al-Aḥkām al-Syarīyah*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2005.
- Muḥammad ‘Alī al-Şābūnī. *Şafwah al-Tafāsīr*. Jilid pertama, Kaherah: Dār al-Şābūnī li al-Ṭabā'ah wa al-Nasyr, 1997.
- Muḥammad Abū Zahrah. *Tārikh al-Madhbāh al-Islāmīyah*. Jilid ke-2, t.tp: Dār al-Fikr al-‘Arabī, t.t.
- _____. *Uṣūl al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1997.

Muhammad al-Khuḍrī. *Uṣūl al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Ḥādīth, t.t.

Muhammad Bin ‘Alī al-Makkī al-Mālikī. *Dawābiṭ al-Fatwā*. Iskandariyah: Dār al-Furqān, 1418H.

Muhammad Bin ‘Isā. *Sunan al-Tirmidhī*. Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nasyr wa al-Tawzī’, t.t.

Muhammad Bin Radīd al-Mas‘ūdī. *al-Mu’tamad min Qadīm Qawl al-Shāfi‘ī ‘alā al-Jadīd*. Riyāḍ: Dār ‘Ālim al-Kutub, 1996.

Muhammad Muṣṭafā Syalabī. *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Jilid pertama, Beirut: al-Dār al-Jāmi‘iyah, t.t.

Muhammad Uqlah. *Nizām al-Usrah fī al-Islām*. Jilid ke-2, cet. ke-3, Jordan: Maktabah al-Risālah al-Ḥādīyah, 2002.

Mūsā Sāhīn Lāsyīn. *Fath al-Mun‘im Syarḥ Ṣahīḥ Muslim*. Jilid ke-7, Kaherah :Dār al-Syurūq, 2002.

Muṣṭafā al-Bughā dan Muhyī al-Dīn Mistū. *al-Wāfi fī Syarḥ al-Arba‘īn al-Nawawīyah*. Cet. ke- 15, Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2006.

Nādiah Syarīf al-‘Amrī, *al-Ijtihād fī al-Islām*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2004.

Ṣalīḥ Bin Ghānim al-Sadlān. *al-Qawā‘id al-Fiqhīyah al-Kubrā wa mā tafarra‘a ‘anhā*. Riyāḍ: Maktabah Bilansīyah, 1417H.

Shihāb al-Dīn Bin Hamzah al-Ramlī. *Fatwā al-Ramlī*. Jilid ke-2, t.tp: al-Maktabah al-Islamiyah, t.t.

Sulaymān Bin Khalaf al-Bājī. *al-Muntaqā Syarḥ al-Muwatṭā*. Jilid ke-3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 1999.

Usāmah Bin Aḥmad Bin Yūsuf al-Khilāwī. *al-Nawāzil al-Fiqhīyah al-Mu‘āṣirah al-Muta‘alliqah bi al-Tadāwī bi al-Šiyām*. Riyāḍ: Dār Kunūz Ishbīlīyah, 1431H.

Zaidān, ‘Abd al-Karīm. *al-Mufaṣṣal fī Ahkām al-Mar‘ah wa Bayt al-Muslim*. Jilid ke-3, cet. ke-3, Beirut: Muassasah al-Risālah, 2000.

_____. *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2004.

Ziyād Muḥammad Aḥmīdān. *Maqāṣid al-Sharī‘ah al-Islāmiyah Dirāsah Uṣūlīyah wa Taṭbīqāt Fiqhīyah*. Beirut: Risālah Publishers, 2008.

RUJUKAN BUKU BAHASA MELAYU

Abdul Jalil Bin Borham. *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negeri Johor*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2002.

Abdul Karim Bin Ali. “Faktor-Faktor Semasa dan Setempat di Malaysia Yang Boleh Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak Dalam Menentukan Hukum”. Dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Hj Ismail dan Ridzwan Ahmad. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000.

_____. “Pengambilkiraan Nilai Semasa Dan Setempat Dalam Menentukan Hukum: Konsep, Pendekatan Dan Batas”. Dalam *Hukum Islam*

Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun, ed. Abd Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999.

Abdul Latif Jufri dan Jainal Sakiban. *Sejarah Perkembangan Pentadbiran Agama Islam Johor*. Johor Bahru: Majlis Agama Islam Johor Urus Sdn. Bhd., 2008.

Abdul Monir Bin Yaacob. “Maqasid Shariah: Konsep dan Hubungannya dengan Nilai-Nilai Semasa di Malaysia Dalam Menentukan Hukum”. Dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Hj Ismail dan Ridzwan Ahmad. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000.

Abdullah@Alwi Bin Hj. Hassan. “Penyelidikan Sebagai Asas Kemantapan Pengajian Syariah”. Dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, ed. Mahmood Zuhdi Bin Abdul Majid. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1997.

Ahmad Hidayat Buang, “Ke Arah Penyelarasan Fatwa: Masalah, Kemungkinan Dan Cara Penyelesaian”. Dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al. Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006.

_____. “Penyediaan dan Pengeluaran Fatwa”. Dalam *Fatwa di Malaysia*, ed. Ahmad Hidayat Buang. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.

Ahmad Sufyan Che Abdullah. “Instrumen Pasaran Kewangan Islam di Malaysia: Perspektif Semasa”. Dalam *Dinasmisme Kewangan Islam di Malaysia*, e.d. Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.

Azman Bin Ab. Rahman dan Mohd Nasir Bin Abdul Majid. “Kepentingan Usul Fiqh Dalam Ijtihad Dan Fatwa”. Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004*, ed. Irwan Mohd Subri, et.al. Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2004.

al-Šādiq ‘Abd al-Rahmān al-Ghārīyānī. “Nāzārīyah al-Ijtihād wa ‘Alāqatuhā bi al-Fatwā”. Dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al. Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006.

Basri Bin Ibrahim. *Metode Fatwa al-Qardawi Dalam Menangani Isu-Isu Semasa* (Batu Caves: al Hidayah Publisher, 2011).

Hailani Muji Tahir dan Sanep Ahmad. *Aplikasi Fiqh Muamalat Dalam Sistem Kewangan Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti UiTM, 2001.

Harmy Mohd Yusoff et.al. *Fikah Perubatan*. Batu Caves: PTS Millennnia Sdn. Bhd., 2011.

Hasnan Kasan. *Institusi Fatwa di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.

Hassan Hj Ahmad. “Maqasid Syariah: Konsep Dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum”. Dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*, ed. Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999.

- Hj. Japar Bin Hj Mat Dain @ Maidin. “Pengurusan Fatwa di Negara Brunei Darussalam”. Dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al. Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006.
- Hj. Mohd Murat Bin Md Aris. “Pengurusan Fatwa di Singapura”. Dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al. Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006.
- Idris Bin Awang. “Penyelidikan Ilmiah Dan Keperluannya Dalam Penentuan Semula Hukum”. Dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*, ed. Abd Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999).
- Irwan Mohd Subri dan Mohd Hafiz Muhyidin. “Ahammīyah Murā’āḥ al-Aḥwāl fī āl-Iftā: Dirārah Taḥlīlīyah Taqbīqīyah fī Ḏaw Wāqi’ al-Iftā āl-Mu’āṣir”. Dalam *Muktamar ‘Ālamī ‘an al-Ijtihād wa al-Iftā fī āl-Qurn al-Hādī wa al-‘Isrān*. Jilid ke-3, Gombak: Jabatan Fiqh Dan Usul al-Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2008.
- _____, “Fiqh al-Waqi’ Dalam Ijtihad”. Dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004*, ed. Irwan Mohd Subri, et.al. Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2004.
- Jabatan Agama Johor. *Fatwa Mufti Kerajaan Johor yang difatwakan oleh Allāhyarham al-‘Alamah Dato’ Syed Alwi Bin Tahir al-Haddad, Mufti Kerajaan Johor*. Johor Bahru: Bahagian Penerbitan, Jabatan Agama Johor, t.t.
- Ma'ruf Amin. “Pengurusan Fatwa di Indonesia”. Dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al. Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. “Pengaruh Timbal Balik Antara Hukum Dan Budaya Dalam Syariat Islam”. Dalam *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*, ed. Md. Saleh Hj Ahmad, et.al. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.
- _____. “Kepentingan Penyelidikan Dalam Pengeluaran Fatwa”. Dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al. Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006.
- _____. *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2003.
- _____. *Transformasi Fikah Semasa*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2010.
- _____. “Kepentingan Penyelidikan Dalam Pengeluaran Fatwa”. Dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al. Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006.
- _____. dan Paizah Bt. Hj Ismail. *Pengantar Pengajian Syariah*. Cet. ke-2. Kuala Lumpur: al-Baian Corporation Sdn. Bhd, 2006.

_____. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Cet. ke-2, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, 1992.

Md. Saleh Hj Ahmad. *Pengantar Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 1999.

_____. “Urf Dan Adat Semasa Di Malaysia Sebagai Asas Penentuan Hukum Yang Tidak Dinaskan”. Dalam dalam *Fiqh Malaysia*, ed. Paizah Hj Ismail dan Ridzwan Ahmad. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2000.

Mohd Daud Bin Bakar. “Usul al-Fiqh Sebagai Kaedah Penyelidikan Dalam Pengajian Syariah”. Dalam *Dinamisme Pengajian Syariah*, ed. Mahmood Zuhdi Bin Ab. Majid. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., 1997.

Muhammad Sayyid Tantawi. *Konsep Ijtihad Dalam Hukum Syarak*, terj. Safri Mahayedin. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan negara Malaysia Berhad, 2008.

Mustafa Abdul Rahman. *Ringkasan Sejarah Khulafa’al Rasyidin*. Cet. ke-5, Pulau Pinang: Maktabah al-Haj Abdulllah Bin Muhammad Nuruddin al-Rawi, 1975.

Noor Naemah Abd. Rahman dan Taufik Abd. Rahman, “Taghaiyir al-Ijtihād wa Atharihi fī Taysīr al-Fatwā: Dirāsah Takṣilīyah Taṭbīqīyah”. Dalam *Muktamar ‘Ālamī ‘an al-Ijtihād wa al-Iftā fī āl-Qurn al-Hādī wa al-‘Isyrīn*. Jilid ke-3, Gombak: Jabatan Fiqh Dan Usul al-Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2008.

Othman Bin Hj Ishak. *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1981.

Paizah Hj Ismail, “Fiqh al-Awlaiyyat: Konsep Dan Hubungannya Dengan Fiqh al-Muwazanat, Fiqh al-Syar’ dan Fiqh al-Waqi’ Dalam Pelaksanaan Hukum Islam”. Dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*, ed. Abdul Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999.

_____. “Ijtihad Sebagai Manhaj Istinbat Hukum Dalam Pengeluaran Fatwa”. Dalam *Monograf al-Ifta’*, ed. Wan Morsita Wan Sudin, et.al. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010.

Rahimin Affandi Bin Abdul Rahim. “Kebudayaan Melayu Dan Islam Di Nusantara: Suatu Analisis Pengkaedahan” Dalam *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*, ed. Md. Saleh Hj Ahmad, et.al. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.

Raihanah Abdullah. “Personel Jabatan Mufti”, dalam *Fatwa di Malaysia*, ed. Ahmad Hidayat Buang. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.

Uthman El-Muhammadi. “Kaerah-Kaedah Dan Adab-Adab Mengeluarkan Fatwa”. Dalam *Prinsip Dan Pengurusan Fatwa Di Negara-Negara ASEAN*, ed. Abdul Samat Bin Musa, et.al. Nilai: Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), 2006.

Zulkifli Bin Mohammad al Bakri. *Fatwa Dan Mufti: Hukum, Etika dan Sejarah*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2008.

Zulkiple Abd. Ghani. "Teknologi Maklumat: Hubungannya Dengan Perkembangan Hukum Islam Semasa." Dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Islam Yang Membangun*, ed. Abd Karim Ali dan Raihanah Hj Azahari. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999.

RUJUKAN BUKU BAHASA INGGERIS

Imran Ahsan Khan Nyazee. *Islamic Jurisprudence*. New Delhi: Adam Publishers, 2006.

Louay M. Safi. *The Foundation of Knowledge: A Comparative Study in Islamic and Western Methods of Inquiry*. Petaling Jaya: International Islamic University Malaysia Press, 1996.

Mahadevan Supramaniam dan Balachandran Shanmugam. *E-Banking in a Knowledge Economy*. Subang Jaya: Taylor's University, 2011.

Mohamad Akram Laldin. *Introduction to Shari'ah & Islamic Jurisprudence*. Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd, 2011.

Muhammad Hashim Kamali. *Principles of Islamic Jusrisprudence*. Petaling Jaya: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd. 1999.

Muhammad Khalid Masud. *Shatibi's Philosophy of Islamic Law*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust, 1995.

Saim Kayadibi. *Doctrine of Istihsan (Juristic Preference) In Islamic Law*. Konya: Tablet Kitabevi, 2007.

Saiyad Nizamuddin Ahmad. *Fatwas of Condemnation: Islam and The Limits of Dissent*. Kuala Lumpur: The International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 2006.

T.S. Singam. *The Handbook on Hemodialysis*. Selangor: Renal Management Services, 2003.

Zaharuddin Bin Abd. Rahman. *Contracts & The Products of Islamic Banking*. Kuala Lumpur: CERT Publications, 2010.

RUJUKAN ARTIKEL JURNAL

Ab. Mumin Ab. Ghani dan Ahmad Sufyan Che Abdullah, "Urf dan Justifikasinya Dalam Analisis Hukum Fiqh al-Mu'amalāt", *Jurnal Syariah*, 16, no.2, (2008): 393-428.

Abdul Karim Bin Ali, et.al. "Faktor Perubahan Pendapat Imām al-Shāfi'ī Dari Qawl Qadīm Kepada Qawl Jadīd", *Jurnal Syariah* 16, no. 2 (2008), 305-320.

Alexandre Caeiro, "The Shifting Moral Universes of The Islamic Tradition of Ifta': A diachronic Study of Four Adab al-Fatwa Manuals," *The Muslim World Journal* 96, (2006): 661-685.

- Aoife Moran, Anne Scott dan Philip Darbyshire, "Waiting for a kidney transplant: patients' experiences of haemodialysis therapy", *Journal of Advanced Nursing*, 67, no.3 (2011): 501-509.
- Chris Mulryan, "Supporting Patient with Kidney Disease", *British Journal of Healthcare Assistants*, 4, no. 5 (2011): 179-184.
- Georgina Casey, "Kidney Care and Renal Disease", *Kai Tiaki Nursing New Zealand*, 18, no.4 (2012): 22.
- Hasnan Kasan dan Jasri Jamal, "Fatwa Dalam Perundangan Islam dan Fungsinya Menangani Keperluan Hukum Semasa Menurut Siasah Syar'iyyah", *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* 7, (2003): 89-111.
- Mahmood Zuhdi Bin Abdul Majid, Fatwa dan Isu Semasa: Masalah dan Cabaran di Malaysia", *Jurnal Syariah* 12, no. 2 (2004), 91.
- Martin Harnevie, "Internet Banking and Commerce", *Bankers Journal Malaysia*, 99, (1997): 8-10.
- Mohd Daud Bakar, "Kedinamikan Syari'ah Dalam Memenuhi Tuntutan Mu'amalah Perbankan Moden", *Jurnal Syariah*, 6, (1998): 59-72.
- Mulvaney RL, Khan SA dan Ellsworth TR, "Synthetic nitrogen fertilizers deplete soil nitrogen: a global dilemma for sustainable cereal production", *Journal of Environmental Quality* 38, no. 6 (2009): 2295-2314.
- Nadirsyah Hosen, "Behind The Scenes; Fatwas of Majelis Ulama' Indonesia (1975-1998)," *Journal of Islamic Studies* 15, no. 2, (2004): 147-179.
- Noor Naemah Abd Rahman Budaya, "Keterikatan Fatwa Kepada Mazhab: Penelitian Terhadap Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Kelantan Mengenai Ibadat Solat", *Jurnal Syariah*, 1, no. 1, (2007) 1-17.
- Noor Naemah Abdul Rahman, "al-Marāhil allatī Tamurr bihā al-Fatwā," *Al-Risalah Jurnal Kajian Hukum dan Sosial Kemasyarakatan* 7, edisi 15, no. 2 (2009): 100-132.
- Noor Naemah Bt Abd Rahman, "Ruang Ijtihad Dalam Amalan Fatwa Di Malaysia: Sorotan Dari Sudut Pentadbiran Fatwa," *Jurnal Syariah* 10, no. 2 (2002): 19-30.
- Noor Naemah Bt. Abdul Rahman, "Garis Panduan Mengemukakan Persoalan dan Mengeluarkan Fatwa Menurut al Quran", *Jurnal Syariah* 10, no. 1, (2002): 25-37.
- Rahimin Affandi Bin Abdul Rahim, "Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini: Satu Pengenalan", *Jurnal Syariah* 10, no. 1 (2002): 1-24.
- Rahimin Affandi, et.al., "Ijtihad Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia: Satu Analisis", *Jurnal Syariah* 17, no. 1 (2009): 195-222.
- Ridzwan Ahmad, "Metode Pentarjihan Maslahah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa", *Jurnal Syariah* 16, no. 1 (2008): 107-143.
- Sanep Ahmad dan Surtahman Kastin Hasan, "Kad Kredit: Satu Ulasan Dari Perspektif Syariah", *Jurnal 'Ulum Islamiyyah*, 1, no. 1, (2002): 51-72.

W. Roder, S. Schurmann, Chittanavanh, K. Sipaseuth, dan M. Fernandez, “Soil fertility management for organic rice production in the Lao PDR”, *Renewable Agriculture and Food Systems* 21, no. 4 (2006): 253-260.

RUJUKAN KERTAS PERSIDANGAN

Idris Bin Awang, “Penyelidikan Ilmiah Dan Penentuan Hukum”. Makalah, Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 17-18 Jun 1997.

Mahmud Saedon Bin Awang Othman, “Etika Mufti: Tugas dan Peranan dalam Menghadapi Alaf Baru”. Makalah, Seminar Serantau: Mufti Dan Fatwa, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 23-24 September 1997.

Mat Saad Bin Abdul Rahman, “*Istinbat: Asas Dan Metodologi*”. Makalah, Seminar Serantau: Mufti Dan Fatwa, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 23-24 September 1997.

Mustafa Bin Ab. Rahman, “Manhaj Fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan”. Makalah, Seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, Institut Penyelidikan Dan Pengurusan Fatwa Sedunia (INFAD), 5-6 Disember 2006.

Mustafa Shamsudin, “Kepentingan Penguasaan Ilmu Usul Fiqh: Satu Analisis Umum”. Makalah, Seminar Usul Fiqh, Kolej Universiti Islam Malaysia, Disember 2005.

Nooh Bin Gadot, “Peranan Fatwa Dalam Perpaduan Ummah”. Makalah, Konvensyen Islam 2002 Peringkat Kebangsaan, Golden Legacy Hotel Melaka, 14-15 Jun 2002.

Uthman El-Muhammadi, “Manhaj Fatwa Dalam Islam”. Makalah, Seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia, 5-6 Disember 2006.

Zulkifli Bin Mohammad al-Bakri, “*Syarat-Syarat Ijtihad Dalam Fiqh Semasa Mengikut Perkembangan Teknologi*”. Makalah, Seminar Manhaj Pengeluaran Fatwa Peringkat Kebangsaan, Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia INFAD, 5-6 Disember 2006.

RUJUKAN TESIS DAN DISERTASI

Abdul Hamid@Yusoff Bin Yunus. “Ijtihad dan Amalannya Dalam Pembinaan Fatwa di Malaysia”. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1992.

Ahmad Zaharuddin Bin Mohd Alias. “Fatwa Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Negeri Pahang Dari Tahun 1980 hingga 1997: Satu Analisis”. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.

- Alias Bin Azhar. "Metodologi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Dalam Mengeluarkan Fatwa-Fatwa: Kajian Dari Tahun 1985-1995". Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002.
- Faisal Bin Hj Muhammad Ali Nurdin. "Sadd al-Dhara'i: Pemakaianya Dalam Fatwa Majelis Ulama Indonesia". Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1998.
- Hudaeny Deni Ahmad. "Aplikasi Ijtihad Intiqaiy Dan Insyaiy Dalam Kehidupan Modern: Studi Tentang Fatwa Komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia Dalam Penerapan Konsep Ijtihad Intiqaiy Dan Insyaiy Dalam Tahun 1998-2003". Tesis kedoktoran, Fakultas Pascasarjana, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2005.
- Irwan Bin Mohd Subri. "al-Fatāwā al-Syar'īyyah wa Isykālīyah al-Thabāt wa al-Taghayyur: Dirāsah Taṭbīqīyah fī al-Wāqi' al-Mālīzī". Tesis kedoktoran, Kuliyyah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2011.
- M. Hasbi Umar. "Pembaharuan Hukum Islam di Indonesia: Analisis terhadap 'illat al-Hukm Dalam Fatwa-Fatwa Majelis Ulama Indonesia Propvinsi Jambi". Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.
- Mohamad Nabil Mohamad Syukri. "Fatwa Negeri Kelantan Dalam Ibadat: Satu Analisis". Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006.
- Mohd Akram Bin Dahaman. "Pengaruh Perubahan Sosial Dalam Penetapan Fatwa di Malaysia dan Singapura: Kajian Terhadap Fatwa-Fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)". Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.
- Mohd Akram Bin Dahaman@Dahlan. "Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000". Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005.
- Mohd Hafiz Bin Jamaludin. "Realiti Pengamalan Istihsan di dalam Perundangan Islam dan Fatwa di Malaysia". Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012.
- Mohd Marbawi Bin Taha. "Pendekatan Ijtihad Dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu". Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006.
- Mohd Nazri Bin Asiabu. "Penggunaan Maslahah Dalam Fatwa: Kajian Kes Bagi Fatwa-Fatwa Yang Dikeluarkan Oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia". Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004.
- Mohd Nor Hashri Bin Junoh. "Analisis Pendekatan Ijtihad Dalam Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan". Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003.
- Norizan Masrion. "Penentuan Hukum Berasaskan Ijmak Oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia". Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005.

Raihanah Halid. "The Fatawa Issued By The Fatwa Committee of Singapore: An Evaluative Analytical Study". Tesis kedoktoran, Kuliyyah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2008.

Saipul Anuar Bin Haji Mohd. Yusop. "Sadd al-Dhara'i Sebagai Sumber Fatwa: Satu Kajian Tentang Pemakaianya Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Selangor. Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999.

Sihabuddin Muhaemin. "Pandangan al-Syafi'i Dalam Qaul Qadim Dan Qaul Jadid: Satu Analisis". Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2005.

Zamri Bin Hashim. "Kaedah Pendalilan Berasaskan al-Quran: Kajian Tentang Penggunaannya Dalam fatwa-Fatwa Negeri Perak 1994-2010. Disertasi sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011.

RUJUKAN MANUSKRIP

Jabatan Mufti Johor. *Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor Tahun 2012*, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor. Johor Bahru: Bahagian Sumber Maklumat, Jabatan Mufti Johor, 2012.

Jabatan Mufti Johor. *Fatwa penyelesaian hukum syarak*, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor. Johor Bahru: Bahagian Sumber Maklumat, Jabatan Mufti Johor, 2012.

Jabatan Mufti Johor. *Sejarah Jabatan Mufti Negeri Johor*, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor. Johor Bahru: Bahagian Sumber Maklumat, Jabatan Mufti Johor, 2012.

Jabatan Mufti Negeri Johor. *Fail Fatwa-Fatwa Negeri Johor*. Johor Bahru: Jabatan Mufti Johor, 15 September 2011.

Kertas fatwa status puasa pesakit yang menerima rawatan dialisis peritoneal, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(IB)/37. 26 Jun 2012.

Kertas fatwa zakat gaji dan pendapatan, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/00(IB)/21. 26 Jun 2012.

Kertas fatwa zakat gaji dan pendapatan, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/00(IB)/21. 26 Jun 2012.

Kertas fatwa zakat peraduan kuiz melalui SMS dan talian 600, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/04(ML)/01. 26 Jun 2012.

Kertas kerja fatwa amalan zihar dalam kalangan masyarakat melayu, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/02(MK)/06. 26 Jun 2012.

Kertas kerja fatwa cadangan penubuhan unit anjing (SAR) di Jabatan Pertahanan Awam, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/03(ML)/04. 26 Jun 2012.

Kertas kerja fatwa cadangan perdagangan baja najis kelawar (Guano), bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(ML)/32. 26 Jun 2012.

Kertas kerja fatwa hukum jual beli emas secara ansuran atau hutang, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(ML)/35. 26 Jun 2012.

Kertas kerja fatwa hukum menjual cacing dan lintah untuk tujuan kosmetik dan perubatan, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(ML)/21. 26 Jun 2012.

Kertas kerja fatwa hukum permainan kuda kepang, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/05(AQ)/08. 26 Jun 2012.

Kertas kerja fatwa kutipan zakat melalui perbankan internet melalui Bank Islam Berhad, RHB Bank dan Maybank Berhad, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ/05/02/1. 26 Jun 2012.

Kertas kerja fatwa pelaksanaan ujian saringan HIV ke atas bakal pengantin di Johor, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ.351/01(MK)/10. 26 Jun 2012.

Kertas kerja fatwa zakat KWSP, bahagian dokumentasi Jabatan Mufti Johor, JMJ/06/00. 26 Jun 2012.

RUJUKAN TEMUBUAL

Dato' Hj. Mohd Yusof Bin Hj. Ahmad (Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Jabatan Mufti Negeri Sembilan) dalam temubual dengan pengkaji, 18 November 2011.

Mohd Fadzil Bin Abu Samah (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam S 27 merangkap unit istinbat, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Johor) dalam temubual dengan pengkaji, 14 September 2011.

Suhaimi Bin Rebu (Pegawai Hal Ehwal S42, Jabatan Mufti Johor merangkap Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor) dalam temubual dengan pengkaji pada 26 Jun 2012.

Zanariah Bt Mohd Don (Pegawai Hal Ehwal Islam S41 merangkap unit buhuth, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Johor) dalam temubual dengan pengkaji, 10 Februari 2012.

RUJUKAN MAJALAH DAN SURAT KHABAR

Noor Shuhada Mohammad Yusof. "Perbankan Internet", *Dewan Ekonomi*, 16, 2, (2009): 49-51.

RUJUKAN LAMAN SESAWANG

Allan Suman Pillai, "Pembangunan Pertanian Yang Mesra Alam", laman sesawang *Blog Rasmi Jabatan Peguam Negara*, dicapai 26 Februari 2013, <http://agc-blog.agc.gov.my/agc-blog/?p=74>.

Constantinos T. Sofocleous, “Dialysis Fistulas”, laman sesawang *Medscape Reference*, dicapai 7 Mac 2013, <http://emedicine.medscape.com/article/419393-overview>.

Dār al-Iftā āl-Miṣrīyah, “Marāḥil al-Fatwā”, laman sesawang *Dār al-Iftā āl-Miṣrīyah*, dicapai 7 September, <http://www.dar-alifta.org/ViewFatawaConcept.aspx?LangID=1&ID=73>.

Howard J. Alfred, “What is Peritoneal Dialysis?”, laman sesawang Frank Field’s Homepage, dicapai 7 Mac 2013, <http://msl.mit.edu/ESD10/kidneys/HndbkHTML/ch4.htm>.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Hukum bayi tabung uji”, laman sesawang Portal Rasmi Fatwa Malaysia, dicapai 19 April 2012, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/bayi-tabung-uji>.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Hukum penubuhan bank susu”, laman sesawang Portal Rasmi Fatwa Malaysia, dicapai 12 September 2012, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-penubuhan-bank-susu>.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, “Hukum tarian poco-poco”, laman sesawang Portal Rasmi Fatwa Malaysia, dicapai 19 April 2012, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-tarian-poco-poco-dan-seumpamanya-menurut-perspektif-islam>.

Jabatan Mufti Negeri Johor, “Bahagian Fatwa”, laman sesawang *Jabatan Mufti Negeri Johor*, dicapai 18 September 2011, <http://www.johordt.gov.my/mufti/index.php/en/joomla-home>.

Julia E. Correa, “The Dog’s Sense of Smell”, laman sesawang *Alabama Cooperative Extension System Alabama A&M Auburn Universities*, dicapai 10 Februari 2013, <http://www.aces.edu/pubs/docs/U/UNP-0066/UNP-0066.pdf>.

Katherine Ramsland, “Forensic Detection Dogs”, laman sesawang *Crime Library*, dicapai 10 Februari, http://www.trutv.com/library/crime/criminal_mind/forensics/k9/2.html.

Mohammad Nizam Abdul Kadir, “Fatwa perlu dinilai berdasarkan hujah dan ilmu”, laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 11 September 2012, <http://www.bhariani.com.my/articles/Fatwaperludinilaiber/dasarkanhujahilmu/Article/>.

Pejabat Kesihatan Daerah Kinta, “HIV dan AIDS”, laman sesawang Pejabat Kesihatan Daerah Kinta dicapai 17 Februari 2013, http://pkdkinta.moh.gov.my/v3/index.php?Option=com_content&view=article&id=106%3Ahiv-dan-aids&catid=45%3Ainfo-kesihatan&lang=en.

Penulis tidak diketahui, “AV Fistula Sugery”, laman sesawang *Hospital PRK MUIP*, dicapai 7 Mac 2013, <http://www.prkmuiip.com/pk-avfistula.html>.

Penulis tidak diketahui, “Kesan AIDS Terhadap Kanak-Kanak”, laman sesawang *The United Nations Children’s Fund UNICEF*, dicapai 3 Februari 2013, http://www.unicef.org/malaysia/msl/hiv_aids_5845.html.

Steele, D. Bernie, “Bats, Bacteria and Biotechnology”, laman sesawang *Bat Conservation International*, dicapai 26 Februari 2013,

[http://www.batcon.org/index.php/media-and-info/bats-archives.html?task=viewArticle&magArticleID=377.](http://www.batcon.org/index.php/media-and-info/bats-archives.html?task=viewArticle&magArticleID=377)

The United Nations Children's Fund, “10 Fakta Asas Tentang HIV dan AIDS”, laman sesawang The United Nations Children’s Fund, dicapai 17 Februari 2013, http://www.unicef.Org/malaysia/msl/my_fakta_AIDS.pdf.

Utusan Malaysia, “USIM, Jakim meterai MoA penyelidikan isu fatwa di peringkat nasional”, laman sesawang *Utusan Malaysia*, dicapai 26 Jun 2012, http://www.utusan.com.my/utusan/Selatan/20120829_ws_03/USIM-Jakim-meterai-MoA-penyeleidikan-isu-fatwa-di-peringkat-nasional.

Yusliza Yakimir Abd Talib, “Ramai beli organ di pasaran gelap”, laman sesawang *Harian Metro* dicapai 6 Mac 2013, <http://w1.hmetro.com.my/articles/Ramaibeliorgandipasaran gelap/Article>.

LAMPIRAN



Cadangan Perdagangan Baja Najis Kelawar (Guano)

Haiwan

Tarikh Keputusan: 8 Jun, 2010

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor yang bersidang pada 25 Jamadil Akhir 1431 bersamaan 8 Jun 2010 telah membincangkan mengenai Cadangan Perdagangan Baja Najis Kelawar (Guano).

Alhamdulillah fatwanya :

" Memproses dan membekalkan baja organik yang terdiri daripada najis kelawar (Guano) adalah harus mengikut hukum syara' ".

والله أعلم بالصواب

Keputusan (English):

Status Penwartaan: Tidak Diwartakan

Keputusan Fatwa Kebangsaan lain berkaitan:

Bil	Tajuk	Bil. JKF	Tarikh Keputusan
1	Baja Daripada Tahi Babi	Muzakarah Kali Ke-2	12 May, 1981

Negeri/Group: Johor

924 reads

[Like](#) [Send](#) [Sign Up](#) to see what your friends like.

Title Keyword(s)

Kategori

<Any>

Status Pewartaan

<Any>

Negeri

<Any>

TAPIS



Wilayah Persekutuan



Johor



Kelantan



Perlis



Perak



Melaka



Pulau Pinang



Sabah



Sarawak



Terengganu



N. Sembilan



Selangor



Kedah



Pahang

[Print This Page](#)

Kemaskini Terakhir: 2 October 2013 - 10:28am



Status Puasa Bagi Pesakit Yang Menerima Rawatan Dialisis Peritoneal

Ibadah

Tarikh Keputusan: 18 Aug, 2009

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor yang bersidang pada **27 Syaaban 1430 bersamaan 18 Ogos 2009** telah membincangkan mengenai Status Puasa Bagi Pesakit Yang Menerima Rawatan Dialisis Peritoneal.

Alhamdulillah fatwanya :

Sekiranya rawatan dialisis peritoneal dilakukan pada siang hari ramadhan (bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari) maka ia membatalkan puasa kerana darah yang dimasukkan semula ke dalam badan pesakit ada dicampurkan unsur kimia dan unsur berzat iaitu larutan gula dan asid amino.

Oleh itu, orang yang berpenyakit buah pinggang yang mana kehidupan harianya sepanjang hayat bergantung pada penggunaan dialisis peritoneal (tidak boleh tidak) maka gugurlah kewajipan berpuasa ke atas dirinya dan ia hanya diwajibkan membayar fidyah iaitu secupak beras untuk setiap hari yang ditinggalkan.

Walaubagaimanapun jika sekiranya penggunaan dialisis peritoneal hanya pada waktu tertentu sahaja (pada keadaan kritis) dan kebetulan semasa itu ia berpuasa maka batal puasa tersebut dan ia wajib qada' semula puasa tersebut pada hari yang lain ".

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ.

Status Penwartaan: Tidak Diwartakan

Keputusan Fatwa Kebangsaan lain berkaitan:

Bil Tajuk	Bil. JKF	Tarikh Keputusan
1 Hukum Menunaikan Haji Bagi Pesakit Yang Menjalani Rawatan Hemodialisis	Muzakarah Kali Ke-84	15 Dec, 2008
2 Penggunaan Ubat Penyakit Jantung Bagi Pesakit-Pesakit Yang Sedang Berpuasa	Muzakarah Kali Ke-7	11 Apr, 1984

Negeri/Group: **Johor**


1563 reads



[Sign Up](#) to see what your friends like.

Title Keyword(s)


Kategori



Status Pewartaan



Negeri



TAPIS



[Print This Page](#)

Kemaskini Terakhir: 2 October 2013 - 10:28am

ii. قاعده 2 :-

بنتوان دبري بروناسركن كرف ديفيسية يبغ برلاكواتس فندافتن دان فريلانجان.
سباكي چونتوه: فندافتن RM500.00 مناكلال حد كفایه RM1,005.00 بنتوان
دبريken اياله RM505.00.

iii. قاعده 3 :-

ديفيسيه درقد حد كفایه	جوبله RM دبri
RM150.00 هيفكا	RM100.00
RM200.00 هيفكا	RM150.00
RM250.00 هيفكا	RM200.00
RM300.00 هيفكا	RM250.00
RM350.00 هيفكا	RM300.00
RM400.00 كاتس	RM350.00
RM401.00	RM400.00

زکة کاجی دان فندافتن

فرسوان

اداكه سووه سمثاي ماسن کاجی دان فندافتن واجب دکلوارکن زکاه؟

لاتريلاكع

ساتو فرمومهونن درقد جابتن اكام جوهر ملالئي مجلس اكام اسلام نکري جوهر
ممومهون اکر جوانتكواس فتوى برسيدع اوتنوق ممبينچغکن سماد کاجی دان فندافتن
واجب دکلوارکن زکله باکي ممبوليهکن لباکا حاصليل دالم نکري (LHDN) دافه
مپلارسکن سيستم ئوغۇتن زکاه کاجی دسلۇرۇھ نكارا.

چار ئىقمبىلن حکوم

1. تعريف کاجی / فندافتن :

کاجی اياله بايران يبغ دبوانت اتاو دترىما اولىه بسماوغ سباكتىي اوھە كرجا اتاو
فرخدمتن يبغ دلاكوكن مغىكوت ماس ترتنتو ترماسوق جو دايلون دان ايپوهن درقد
اۋ-اۋ فكرجان دان فرخدمتن تراوتام فرخدمتن فروقىسىبول.

2. حجه درقد القرآن:

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ : آية 267 سوره البقرة (2)

والله اعلم بالصواب

مقصودن: "اميلله (سيهاكن) ناري هرتا مريك منجادي صدقه (زكاة) سوفي دشن
اغكاو ميرسيه肯ن مريك (داري دوسا) دان منسوجي肯 مريك (داري أخلاق بع بسعق)
دان دعاكتنه اوتنوق مريك كزان سسوشكوهن دعاموايت كنترامن باكي مريك. دان
(ايقوله) الله مها مندغرا لاكى مها مغتهوى."

iii- فرمان الله دالم سورة الذاريات (51) آية 19:

وَفِي أُمُّوَالِهِمْ حَقٌّ لِلْسَّائِلِ وَالْخَرْوَرِ ﴿١٩﴾

مقصودن: "دان فد هرتا-هرتا مريك (ادا فولا بهاكيان بع مريك تنتوكن منجادي) حق
اوتنوق اورغ مسکين بع مينتنا دان حق اورغ مسکين بع مناهن ديري (درقد منيتنا)".

آية داتس منونجوoken بهوا كلمة "أموالهم" برأرتى هرتا-هرتا مريك سچارا عموم.
فنداقتن درقد فگلاجين ترماسوقة دالم اصطلاح "أموال". أوليه بع دمكين فنداقتن
داري فگلاجين اداله دواجبكэн زكاة.

3 حجة درقد حديث رسول الله صلى الله عليه وسلم:

- سماس رسول الله صلى الله عليه وسلم مغوتوسكен معاذ بن جبل كنكري بىن اوتنوق
موغوت زكاة، بكتىدا برسيدا:

"أعلمهم أنَّ اللَّهَ قَدْ أَنْتَرَضَ عَلَيْهِمْ حَدَّقَةً فِي أُمُّوَالِهِمْ ثُرُخَدَ مِنْ أَغْنِيَاهُمْ قَرَدَ إِلَى
فُقَرَاءِهِمْ" - (متفق عليه)

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا نَكَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجَنَا^٤
لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَيْمِمُوا الْخَيْثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِعَاجِذِيهِ
إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْحَمْدِ ﴿٢٠﴾

مقصودن : "واهاي اورغ بع برايمان، بلنجاكتنه (فد جان الله) سبيهاكن ناري
حاصليل اوستها كامي بع بايق-بايق دان سبيهاكن درقد اف بع كامي كلواركن ناري
بومي اتنوق كامو، دان جاغتلە كامو سعاج ميليله بع بوروون درقدان (لا لو كامو درماكن
اتاو كامو جادىكىن فميريان زكاة) سدغىن كامو سندىرىي تيدق مغىليل بع بوروون ايت
(كالو ديرىكىن كند كامو) كچوالى دعن مجم مات فنان، سسوشكوهن الله مها تركاي
لاكى مها ترفوجى".

دليل ابن دكوناكن باكي كواجيقىن زكاة قرقىراكان تنافي اي بولىيە دقياسكىن جوك دشن
فنداقتن اتاو فگلاجين برياسركن كند لفظ (ما كسبتىم) بع بولىيە دتفسيزكىن كند سبارغ
بنتوڭ هرتا بع داؤسهاكن.

ii- فرمان الله دالم سورة التوبه (9) آية 103:

**خُذْ مِنْ أُمُّوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُرْكِمُ بِهَا وَصَلَّ عَلَيْهِمْ إِنَّ
صَلَوَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ** ﴿١٧﴾

5. زکاة کاجی منفاتی شرط-شرط واجب زکاة:

و- چوکوف نصاب

نیلای جومله يع دفراونتوقنکن اوتنوق کاجی سساویغ ایت تله سعفای نصاب يع
دکیرا آتس نصاب مات واخ يع دی تله تریما بهاکیان تراخیر درند فراونتوقنکن
کاجی تاهونن.

ii- چوکوف حول

فرمولان حول کاجی دان فنداختن دکیرا قد هاری اتاوبولن فکرج بفکیل ملافورکن
دیری اوتنوق ممولانکن توکس جاواتن کران هاری اتاوبولن ایت دکیرا سباکای
ماس فرمولان دی برحق منزیما بهاکیان-بهاکیان فراونتوقنکن کاجی تاهونن.

iii- میلیک سمفورنا

فنداختن يع دتریما اداله میلیک يع سمفورنا کف ایندیزیدو قمبلیک دان دی بیبس
براروسن کائنس هرتا ترسبوت.

6. کواجیلن مقلوارکن زکة کاجی مغمبل کیرا دان براسمیکن کند فرکارا-فرکارا
برايكوت :

۷. مصلحة باکی اومة اسلام (مصلحة عامة)

ii. فرمولان حول کاجی دان فنداختن دکیرا قد @ بولن ای بفکیل ملافورکن دیری
اوتنوق ممولانکن توکس جاواتن کران هاری @ بولن ایت دکیرا سباکای ماں

مقصودن: "هندقله کامو بربتا هو کفڈ مریک بھوا اللہ سبحانہ و تعالیٰ تله مواجبکن
داری سپهاکیان هرتا-ہرتا مریک اوتنوق نصدقوکن (زکۃ). دامبیل داری اونی کای
دکالفن مریک اوتنوق دبریکن کند يع فقیر دکالفن مریک".

iii. سیدا رسول اللہ صلی اللہ علیہ وسلم:

ادُوا زَكَّةَ أَمْوَالِكُمْ طَيْبَةً بِهَا أَفْسُكُمْ " (رواه أحمد)

مقصودن: "تونیکنکه زکۃ هرتا-ہرتا کامو يع دغدن کامو مقرابویه کمنگن".

4. حجۃ درند فندافة علماء:

دکتور یوسف القرضاوی، ساؤغ علماء برکنل دمص، برقدادۃ بھاوا واجب زکۃ دش
چوکوف نصاب تنقا مقرهیتوغکن چوکوف حول حجۃ-حجۃ یوسف القرضاوی ایاله:
آ- ابن عباس رضی اللہ عنہما فرنہ مبڑی فتوی دائم کیس ساؤغ يع مقرابویه
ہرتا (بروٹا کاجی) سوھی مقلوارکن زکۃ.

ii- عبداللہ بن مسعود رضی اللہ عنہما فرنہ مبڑی سومباغن دان فرنہ مغمبل
زکۃ داری سومباغن.

iii- معاویة بن سفیان رضی اللہ عنہ فرنہ مغلانکن زکۃ کائنس سومباغن-
سومباغن يع دبریکن، فارا صحابة تدقق فرنہ منتظر معاویة دائم حال این

iv- خلیفة عمر بن عبد العزیز رضی اللہ عنہ جو ک فرنہ مغلانکن زکۃ کائنس
کاجی يع بفراوابیه اولیہ سساویغ قد زمان فمریتھن.

چونتوه : کاجی کاسر ستاهون $2.5 \times RM\ 24,000.00$ = زکة RM 600.00
 ستاهون. 100

قاعدہ 2: قاعده فنڈافتن برسیہ (دغن تولقکن)

مغکوناکن قاعده فنڈافتن برسیہ دغن فنولقکن دبوات درقد جومله فنڈافتن کاسر ستاهون برداسرکن کفڈ فنولقکن يغ دینرکن. سکیران سلفس فنولقکن جومله فنڈافتن ماسیہ منچوکوفی اتاو ملیبھی نصاب مک باقین دکالیکن دغن جومله زکۃ. 2.5%

کفوتوسن فتوی

ستله دتلیقی داری ستیاف سودوت دان اسقیک، مک جواننکواں فتوی نکری جوهري برجسیدغ فد 12 محرم 1421 برسمان 17 اپریل 2000 تله ممبوات کفوتوسن سفرتی برایکوت:

الحمد لله فتوان،

کاجی دان فنڈافتن واجب دکلوارکن زکۃ بیلا مان چوکوف شرط-شرطن

فرمولان اي برحق منږیما بھاکیان-بھاکیان فراونتوقکن کاجی تاھونند سببکن فراونتوقکن کاجی تله ترسیبا اد دالم بلنجاون کراجان اتاو سیکتور سواستا (12 بولن دالم تاھون ترسیبوت).

iii. فنادفے سبھاکیان درقد صحابۃ دان تابعین سفرتی این عباس، این مسعود، معاوية الصادق، البقیر، الناصر، داؤد، عمر عبد العزیز، الحسن دان ماشه احمد ابن حنبل دالم مسئلۃ فنڈافتن داری سبوان مریک تبدیق منشرطکن حول

7. قدر فغلوارن زکۃ فنڈافتن اتاو فنکاجین
 قدر فغلوارن زکۃ فنکاجین اتاو فنڈافتن ایالہ 2.5% اتاو 1/40 درقد نیلای يغ دکناکن زکۃ.

8. قاعده فیران زکۃ فنکاجین اتاو فنڈافتن
 تردافتہ 2 قاعده فیران يغ دعملکن دملیسیا کتبک این. کبایکن نکری يغ تله ملقساتاکن زکۃ فنکاجیان اتاو فنڈافتن مبڑی فیلیہن کفڈ فعبایر ممبوات فیلیہن انتوق مغکوناکن سالہ ساتو درقد قاعده-قاعده این دالم فیران زکۃ مریک.

برایکوت اداله قاعده-قاعده يغ دعملکن :

قاعده 1: قاعده فنڈافتن کاسر (تنفا تولقکن)

مغکوناکن قاعده فنڈافتن کاسر تنفا سبائغ تولقکن درقد کاجی يغ دتریما سفنجخ تاھون دغن شرط قدرن تله سمفای نصاب اتاو لبیه.

وانيتا مسافر تنغا محرم او بتووق تجوان زياره

قاعدە فغىران زكاة فغكاجيان اتاو فنداافتەن بىنكىي جوهرا دالە سفرتى برايكوت :

فررسالن

افاکە حکوم ساۋىغ وانيتا بىرمسافرتىنغا سوامى اتاو محرم او بتووق تجوان زيارە؟

لاتريلاكۇ

1. جابىن مفتىي جوهرتىلە منرىما سوت درىد ساۋىغ وانيتا يېخ بىرتاپكەن تتنخ فتوى مغنانىي فرکارا ترسىبۈت داتىسى.
2. فەمەنەن مندىز ساۋىغ فەچرامە مقاتاكن عمالىن وانيتا بىرمسافرتىنغا سوامى اتاو محرم او بتووق تجوان زيارە دالە حرام دان بىرىوسا، سرتا تىدىق بولىيە ملاكۆكۈن صلاة جمع دان قصر كىران فەرجالىنىڭ دالە معصىيە.
3. فرکارا اين تىلە منجادىي شاتوكىرساھەن كەد مشاراكە اسلام تراوەتام دكالغان فەندىغىر - فەندىغىر چرامە ترسىبۈت.

چارا قىممىيەن حکوم

1. دالىم كادان وجودىن سوامى اتاو محرم، ساۋىغ وانيتا يېخ آيىغىن مسافرا او بتووق تجوان زيارە، بىرىنياڭدا دان سېباڭاين، مك دىشىرتكەن اد سوامى اتاو محرىم منوروت حدېت رسول الله صلى الله عليه وسلم : عن أبي هريرة رضي الله عنه عن التبىيَّ صلى الله عليه وسلم قال: لَا يحلُّ لِامْرَأَةٍ تُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمَ الْآخِرِ أَنْ تُسَافِرْ يَوْمًا وَلَيْلَةً لَيْسَ مَعَهَا ذُو حُرْنَةٍ . (رواه البخاري ومسلم)

يائىت فنداافتەن كاسىر ستاهون سمايس دتولق دەن كەرلوان اسالىن سېنر قەد تاھون سمايس. سكىران سام اتاو ملىبىھىي نصاب، مك زكاثىن 2.5% 2.5% اتاو 1/40.

يېخ دەمىصۇكىن كەرلوان اسالىن سېنر قەد تاھون سمايس دالە سفرتى برايكوت :

i. ساران-سازان ھىدوغ يېخ دەرلۈكىن باكى :

a. سارا دىرىي RM 8,000.00 -

b. استىپى RM 3,000.00 - x بىلاغان استىپى

c. انق RM 1,000.00 - x بىلاغان انق

d. مىرىك يېخ دىباوه تەكۈگەن (قدىرسىنر دان يېخ مناسبە)

ii. قراوبىت (قدىرسىنر دان يېخ مناسبە)

iii. فەندىدېقىن (قدىرسىنر دان يېخ مناسبە)

والله اعلم بالصواب

فراقستان اوچيان HIV دکالاغن باکل فغنتين نجوهر،

فرسوآن

اداکه ساريغىن اوچين HIV فرلو بواجىكىن ؟

لاتربلاكىغ

1. انچامن HIV/AIDS كفدى مانسى سجاكات سچارا خصوص تله سەقايى كسان تو فريغىكت يې بولىيە مەنكوكات كلەسۋەن ذرىيە كتۇرونۇن مانسى.
2. انتوق موجودىكىن اينستيتوسي كلواركى يېغىتىن دان هرمونى، مك عنصر كصىحاتىن باکل فغنتىن واجرى دەتكەھكىن دالىم ئىملىھەن چالۇن.
3. انچامن HIV/AIDS دىنگىزى جوهى سباڭاپىمان لافوران جابىن كصىحاتىن نىڭىزى جوهى تله سەقايى كفرىغىكت يې مەبىيەتىن دان فرلو بىتاغىنى اولىيە كراجان دان مشاركة دېن سىكرا.
4. دىنگىزى جوهى تىداۋە 8,000 اورۇغ تله دەجىكىتى HIV نارى تاهۇن 1989 ھېشكى بولۇن اوکوس 2001.
5. درېد 8,000 اورۇغ يې دەجىكىتى HIV دىنگىزى جوهى 70% درېدان ادارىلە اورۇغ ملايىو يې براڭام اسلام.
6. نارى جومله 6,409 اورۇغ يې دەجىكىتى HIV/AIDS ايت، 60% درېدان ادارىلە نارى كالىن اورۇغ بوجۇغ دان 735 اورۇغ ادارىلە فساكىت بارو يې دىكىن انتارا جانوارى ھېشكى اوکوس 2001:

اولیه يغ دمکیان اداله واجر حال-حال يغ بولیه ممباوا کفڈ کمپرتن دان کلماهن
 فرکارا-فرکارا دائس هالغ ناري برلاکو. اداله فرلو باکي کیت مغعملکن چارا هيدوف
 صيحة نشن منداونکن فرکارا-فرکارا يغ بایق دالم کهيدوفن. اين اداله کران فلسيفة
 "منچکه اداله لبيه اوئنم ناري مغوباتي" مروفاكن اویة يغ تربأيق باکي مغهالغ ديري
 داري فرکارا-فرکارا يغ مروسقکن.

7. قدر جغكىن باکي ستياف 100,000 فندوق ملايونتكى جوهرباكى تاهون :	
48.2 اورغ	1989
52.7 اورغ	1999
61.6 اورغ	2000

اوچىكتىف

سەھبۈغۇن ايت، اداله واجر اکر فەرىقىسان اين دجالىكىن باکي مەبىي ۋلاغ کفڈ
 مشاركة انتوق مغتھوي ستاتوس كصيحاتن ديري دان ستروسەن منجالىكىن عمالن-
 عمالن يغ بولىه مېنىدۇغ ديري داري فېاكتىت يغ بىرىھاي خصوصىن HIV يغ بلوم دەمۇي
 اوپتىن.

2. نص-نص القرآن.

دان تارا نص-نص القرآن يغ بىركائىن دەن هالفن ملاكۆكىن کمپرتن ترھادىف ديري

سندىرى دان كىتروونن اپالە:

و . كسان الله سبحانه وتعالى سوقاي مائسىي تاكوت دان خواطير اکن كمۇشكىن
 منىغىللىكىن ذريه يغ لمە (يەتىم) يغ اکن منىمبولىكىن مىسالە كەد ديري، كلواركا، مشاركة
 دان تكارا سباڭايمان فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورە النساء (4) آية 9 :

1. باکي مەستىكىن سموا باكل قىقىتىن بىبىس درىد HIV
2. اوتنوق مېبىتىق سبواھ كلواركا يغ صيحة دان بەهاكىما.
3. باکي مەستىكىن مشاركة صيحة دان چىرلەخ.
4. اوتنوق مغىلىق برلاکون كىتىدق عادىلەن كفڈ فاسقەن.
5. دەمى كاؤتوھن اومە اسلام يغ قوات.
6. مغىلىق درىد توپتۇن فسخ.

چارا قىمبىلەن حکوم

1. بەهايا HIV/AIDS كىن بولىھە مەنچىم فەرىنسىف-فەرىنسىف اسپاس شىع
 (المقادىد الشرعية) يائىت :

- i. فنجاكائان دان مەفراتاھنکن اكام.
- ii. فنجاكائان دان مەفراتاھنکن پاوا.
- iii. فنجاكائان دان مەفراتاھنکن عقل.
- iv. فنجاكائان دان مەفراتاھنکن هرتا.
- v. فنجاكائان دان مەفراتاھنکن مۇھە كىتروونن دان ذريه.

وَأَنْفَقُوا فِي سَبِيلِ اللهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْهَلْكَهِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ

اللهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦﴾

مقصودن : " دان بلنجاكلنه (اف يغ افاد كامو) كران (منكفن) اكام الله، دان جاڭلنه كامو سچاج منچمۇقىن دىرىي كدام بەهايا كېيىنسان (دەن بىرىشكەپ بخىل)؛ دان بايىكىلە (دەن سپايدىق-بایقىن سکالا اوسها دان) فريواتن كامو، كران سسوغىكوهن الله مغاسىبىي اورغ يغ براوسها مەقىرىيەتكى عمالدىن".

ii. تىدق سواجرن اورغ يغ تىدق ملاكىكىن كجاھتن دان دوسا مەزىما رىسىكۈۋاقيتة دارى كىسلاھن اورغ لائىن، فرمان الله سبحانه وتعالى دالىم سورە الأنعام (6) آية 164 :

قُلْ أَغَيْرُ اللَّهِ أَيْنِي رَبًا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ وَلَا تَنْكِسْ بُكْلُ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا وَلَا تَرُرُّ وَازِرَةٌ وَزَرَّ أُخْرَىٰ ثُمَّ إِلَى رَبِّكُمْ مَرْجِعُكُمْ فَيَنْتَهُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٧﴾

مقصودن : " كتاكلنه : (سسويد اکو مەتوھىدىكىن الله دان بىرسە دىرىي كفدا) فاتوتىكە اکو منچاري توھن سلاين الله، قىد حال دىالە توھن باكى تىاپ-تىاپ سسوات؟ دان تىادالە (كجاھتن) يغ داوسهاكىن اوولىي تىاپ-تىاپ سساۇرۇڭ ملائىكەن اورغ ايتولە سچاج يغ منغۇڭ دوسان؟ دان سساۇرۇڭ يغ بولىي مېيكول، تىدق اكن مېيكول دوسا فريواتن اورغ لائىن (بەكىن دوسا اوسھان سچاج)؛ كەمدىن كىد توھن كامولە تەفت كامو كىمبالى، لالواي منغۇڭن كىد كامواكىن اف يغ كامو بىرسلىسيھەن قىدان".

ولَيَخْشَىَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا مِنْ حَلَفِهِمْ ذُرَيْهَ ضَعَلْفًا حَافُوا عَلَيْهِمْ

فَلَيَتَقُولُوا اللَّهُ وَلَيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٨﴾

مقصودن : " دان هندقلە تاكوت (كىد الله درىد ملاكىكىن انىيان كىد انىق-انق يتىيم اوولىي) اورغ (فنجاكا-فنجاكايان ايت)، يغ جىك دىتقىدىرىكىن مەرىك قولا منىغىكەن انق-انق يغ ضعيف (يتىيم) دېلاڭىز مەرىك، (تىتولە) مەرىك اكىن مەراس يېمبىغ ترەدەف (ماس دەن دان كىسلامتىن) انق-انق مەرىك؛ اوولىي ايت هندقلە مەرىك بىرتقۇي كىد الله، دان هندقلە مەرىك مقاتاڭن فىركتەن يغ بىتول (منفاتى كىنارىن)".

iii. كسان الله سبحانه وتعالى سوقاي مائىسى منجاكا كحرمىن دىرىي دارى ملاكىكىن زىنا دان عمالن لواط (هوموسىكسوال) دان السَّحَاق (لىسىيان) سباڭايان فرمانى دالىم سورە المؤمنون (23) آية 5 دان 6 :

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَفِظُونَ ﴿٩﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿١٠﴾

مقصودن : " دان مەرىك يغ منجاكا كحرمىن، كچوالى كىد استرىن اتتاو هىبا سەبيان مەك سسوغىكوهن مەرىك تىدق ترچلا".

iv. كسان الله سبحانه وتعالى سوقاي جاڭن منچمۇقىن دىرىي كدام بەهايا كېيىنسان، فرمان الله سبحانه وتعالى دالىم سورە البقرة (2) آية 195 :

مقصودن : " دان سدياكلنه انتوق متنقغ مزيلك (موسوه يغ منچرويوه) سکالا جنس
کقواتن يغ دافة کامو سدياکن. دان داري فاسوکن-فاسوکن برکودا يغ لشفک سديا،
اکن برلاکو حاصلل نرقد فريواتن مانسي سندپري. فرمان الله سبحانه وتعالي دالم
اوتنوق مغکرونکن دغۇن فرسديائان ايت موسود الله دان موسوه کامو سرت موسوه-
موسوه يغ لايىن داري مزيلك يغ کامو تيدىق مغتھئىن؛ سيداغ الله مغتھئىن. دان اف
سهاج يغ کامو بلنجاکن ۋە جالىن الله اکن دسمفورناکن بالاسىن كىد کامو، دان کامو
تىدىق اکن دانىيان" .

vii . ايغانن الله سبحانه وتعالي اکن برلاکون کروسقىن دان بالا بىنچان يغ پىلوروه
كىد مشاركة، بىغسا دان نكارا سرت اومە ئاقبە ئىدابان ساراغ تىنىدقىن دان
قۇواتكواسان ترهادىف كەمنىكراڭ يغ برلاکو دالم سىسىواه نكارا. دالم سورە الانفال (8)
آية 25، الله سبحانه وتعالي برفمان :

**وَاتَّقُواْ فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنْكُمْ خَاصَّةً وَاعْلَمُواْ أَنَّ اللَّهَ
شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٨﴾**

مقصودن : " دان جاكاله دىرىي کامو درفـ(برلاکون) دوسا (يغ مىباوا بالا بىنچان) يغ
بىرکن سهاج اکن منىمغا اوئى يغ ئاظالم دانتارا کامو سچارا خصوص (تتافي اکن منىمغا
کامو سچارا عموم). دان كتهولىلە بىهوا الله مەها برات عذاب سىقسان" .

٧ . ايغانن دان اماران الله سبحانه وتعالي بىهوا سنتىاف کروسقىن دان كموسناهن
اکن برلاکو حاصلل نرقد فريواتن مانسي سندپري. فرمان الله سبحانه وتعالي دالم
سورە الروم (30) آية 41 :

**ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيَ النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ
بَعْضَ الَّذِي عَيْلُواْ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾**

مقصودن : " تله تىمبول بىراكاي-باكاي کروسقىن دان بالا بىنچان ددارت دان دلاوت
دغۇن سېب اف يغ تله دلاکوکن اولىه تاغىن مانسى؛ (تىمبول يغ دەكىيان) كران الله
ھندق مراساكن مزىك سېهاكىان داري بالاسىن فريواتن-فريواتن بىرۇق يغ مزىك تله
لاکوکن، سوقاي مزىك كەمىالى (انصاف دان بىرتوۋە)" .

٨ . كىسان الله سبحانه وتعالي اكرامە اسلام سنتىباس قوات سرت صىحة حىمىانى
دان روحانى، متىل دان ايموسي سباڭاپىان فرمان الله سبحانه وتعالي دالم
سورە الانفال (8) آية 60 :

**وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا أَسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْحَيْلِ تُرْهِبُونَ
يَهُمْ عَبْدُ اللَّهِ وَعَدْوُكُمْ وَءَاخْرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ
يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنِفِّقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا
تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾**

ii. الضررُ يُؤلَّ

مقصودن : "كمضرتن واجبله بهافوسكن."

iii. مَا لَا يَعْتِمُ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ

مقصودن : "سسووات يغ مېبىكىن تىدق سەقۇرناد كواجىفەن كچوالى دىغىن، مك ايدا
واجب."

iv. إِذَا اجْتَمَعَ الضررُ فَعَلَيْكُمْ بِأَحْفَضِ الضررَيْنِ

مقصودن : "ساندابىن بىركومقول انتارا دوا بىهايا مك واجبله مغىبىل بىهايا يغ لىبە
رىغىن."

v. لَا ضَرَرٌ وَلَا ضَرَارٌ

مقصودن : "دلارغ نارىي ملاكوكىن كمضرتن دىرىي دان اوئغ لائىن."

vi. الْمَصْنَاعَةُ الْعَامَةُ مُقَدَّمٌ مِنَ الْمَصْنَاعَةِ الْخَاصَّةِ

مقصودن : "كفتىقىن عموم هندقلە دەھولوکىن دان دىرىي كاوتامان درىد كفتىقىن
فرىبادى."

مقصودن : "دكھوبىنى فرمۇوان اىيت كران امىقت فرکارا: كران ھرتان، كران
كتورونش، كران كچتىقىكىن بان كران اكامىن. مك هندقلە كامومىلىيە كران
اكامىن نىسجاي اڭكلاؤاكىن سلامت دان بىهاكىا."

vi. رسول الله صلى الله عليه وسلم جوڭ مغايىقىكىن اومنىن اكى سنتىپاس بىرسىدا باكى
منچكە كمنكaran سام اد دىغىن كواس اتاو نصيحة اتاو مراس تىدق رىضا دىغىن
كمنكaran ترسىبۈت سىباڭاپىان سېدان:

"مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيَعْرِفْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَلْيَسْأَلْهُ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ
فِي قَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ" (رواه مسلم)

مقصودن : "بارغىسىاف يغ ملىھت يرلاكون كمنكaran هندقلە اي منچكەن دىغىن
كواسن (جيڭ اد)، اتاو جيڭ تىاد كواس دىغىن نصيحة، دان جيڭ تىدق قۇن
دىغىن هاتىي (تىدق رىضا)، دان يغ دمكىيان اىيت مروفاكىن سىزىنە-رىنە ايمان."

4. قاعدة فقهية

دانتاران اىالە :

ا. ذَلْعُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَىِ جَلْبِ الْمَصَالِحِ

مقصودن : "منولق سكالا يغ مىباوا كروسقىكىن هندقلە دەھولوکىن دان دىرىي كاوتامان
دارى مىداڭىشكىن كېيىقىكىن."

vii. تَصْرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوَطٌ بِالْمَصْنَعَةِ

مقودن : " تبندقن اولى الأمر (فقوس) ترهادن رعية سلالون بركتنوج كند
فرتيمباڭن كمصلحتن رعية ".

5. كعاشيلن سوشيال.

دالم ملقسانكن كونسيف كعاديلن سوشيال دالم مشاركة، الله تله منسكن يهوا اورغ
يغ بايق سواجرن دجووهكن دغون اورغ يغ بايق جو ك، دان بكتوسباليقن. فرمان الله
سبحانه وتعالى دالم سورة النور (24) آية 26 :

أَخْيَثَتُ لِلْخَيْثِينَ وَالْخَيْثُورَ لِلْخَيْثَتِ وَالْطَّيْبَتُ لِلْطَّيْبِينَ
وَالْطَّيْبُونَ لِلْطَّيْبَتِ أُولَئِكَ مُبَرَّوْنَ مِمَّا يَقُولُونَ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ
وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٢٦﴾

مقودن : " (لازمن) فرمقوان-فرمقوان يغ جاهت اداله اونتوق للاكي-للاكي يغ
جاهت، دان للاكي-للاكي يغ جاهت اونتوق فرمقوان-فرمقوان يغ جاهت؛ دان
(سباليقن) فرمقوان-فرمقوان يغ بايق اوتنوق للاكي-للاكي يغ بايق، دان للاكي-
للاكي يغ بايق اوتنوق فرمقوان-فرمقوان يغ بايق؛ مريك (يغ بايق) ايت اداله برسبه
داري (تودوهن بوروق) يغ دكاتاڭن اوليه اورغ (يغ جاهت)؛ مريك (يغ بايق) ايت
اكن براوليه فقامقون (داري الله) دان فغورنيان يغ موليا ".

7. کات-کات فوجغا (حکمة)

ا. قمودا هاري اين اداله قمييقين ماس هاداچن.

ii. تامادون دان كچرلاچن سسبواه نكارا دان اومه اداله بركتوغ کف سجاوه مان
کلوهوران اخلاق اومن. روسقىن اخلاق نان بونايا هيدوف مك لېفله تامادون سرت
كچرلاچن سسبواه نكارا دان اومه.

کفوتوسن فتوى

برداسرکن کف لافوران درند جابن کصیحاتن جوهر ناتس سریوسن HIV/AIDS يع
معنجم اومه اسلام، پاوا، ديري، عقل دان کتروون، سرت براساسکن کف حجه-حجه
شرعيه يع برسومبرکن درند القرآن، الحديث، القواعد الفقهية، الاحكام الفقهية دان
اقوال الحكماء، مك جواتنكواس فتوى تكري جوهر يع برسيدع قد 15 شعبان 1422
برسمان 1 نوزیمبر 2001 معبوات کفوتوسن سفرقى برايکوت :

سما اوغ اسلام يع هندق موهون كبناران برىکاح ان او ملسوچكىن فرىکاحن ان او
مندقىركن فرىکاحن تكري جوهر اداله دواجىكىن منجالنى فميرقسان
کصیحاتن (HIV).^١

والله اعلم بالصواب

ترنسفلن اوركان دان ماتى اوتي

فرسوآن

اداكه قمینداهن اوركان دېنرکن اوليه اسلام؟

لاتريلاكتش

1. دالم ماس بيراف دېك ك بلاكتن اين ترناقة بيراف كماجوان دالم قېلىدىقىن فراوين.
كىايقىكىن داري كماجوان اين تله داھە نجاديكن راواتن يع مېرى منقۇھە کف فساكىت.
دان تارا حاصلبىل درند كفساقين علمو فراوين اىاله راواتن قمینداهن اوركان.

2. قاعده راواتن قمینداهن اوركان بركمېغ بىكتو فست حاصلبىل داري قنموان-قنموان
بارو دىالم كاجيان مغنانى تىسو بان جن (GEN). قدماس كېنى، اوركان-اوركان تزتنتو
سفرتى كورنىما مات، هاتى (كسلوروھن اتاۋۇن سبهاكىان درفاد)، كېنجل اتاوبواه
فيشكىخ، فنكراس دان جىتوغ بولىه دېندهكىن اقبىلا كادان مەرلىكىن اتتۇق مېلامتكىن.
پاوا، سماڭ سىمام ايندۇيىدو يع ماسىيە هيدوف اتاۋۇن انتارا يع تله ماتى دەن يع
ماسىيە هيدوف.

3. کف حقيقىن، مسئلة قمینداهن اوركان اداله ساتوايسوبارو يع تىدق بىلاکوقد ماس
دەھولو، يەكىن موڭكىن تىدق ترکىمېر کف قىنداغن علماء-علماء تۈدھولو بەھوا اي اكىن
منجادى سوات يع رىاليتى ماس كېنى، اوليه يع دەمكىان، مسئلة اين مروۋاڭن مسئلة
اجتهادىيە يع ماسىيە بولىه دېرىيىنچىكىن.

فندووهن یونیت انجیخ (SAR) فرتاهن عوام

فرسوآلن

افاکه حکوم فندووهن یونیت انجیخ (SAR) فرتاهن عوام دمان اغکوتا فرتاهن عوام
برکاول دان بکرجا دغۇن انجیخ قىلامت يغ مېبىتكىن سەتووهن دان سباڭاين؟

لۇزپلاڭ

1. جابىن مەقىي جوھر تىلە مەزىيما سۈرت قىزموھن درىد جابىن فرتاهن عوام ملىسيما.
2. یونیت انجیخ منچاري دان مېلامت (SAR) اغکاتن فرتاهن عوام ملىسيما يغ دالىم
قىرغىكە فاسا اخىر فندووهن.
3. فندووهن ترسپۇت مېبىتكىن سجومله كچىل اغکوتا فرتاهن عوام يغ براڭام اسلام
دغۇن سكالا 10:1 يايىت بىندىقىن 10 اوغۇز بوکن اسلام دغۇن ساتواوغۇ اسلام
(چاداڭىن).
4. انجیخ اداله سايىكۈر حیوان يغ منجادىي قىبىتتى يغ امت بىرکوئى كەد قىلامت دالىم
بىداڭ توکس منچاري دان مېلامت مەسا.

5. ترىداشت بىراف مىسالى يغ تىمبول مېبىتكىن اغکوتا فرتاهن عوام دان مەسا يغ
دسلامنلىك يغ براڭام اسلام يايىت:

6. اغکوتا فرتاهن عوام براڭام اسلام اداله ماجورىتى تىرسىر مەڭاشكوتاي
اغکاتن فرتاهن عوام ملىسيما دغۇن 95% اتاولىبىه ئىكاواي قىرغىكە اتس
يغ بىرطىرف تىف اداله براڭام اسلام.
7. كورۇغۇنىڭ ئەللىكىسى ئەللىكىسى بىرگەن ئەللىكىسى بىرگەن ئەللىكىسى
جوڭ دالىم قىتۇيوهن بىرىۋىنېقۇم لائىن سەفترىي عسکر وطنىيە.
8. كەپلىوان مندىق برايىكتۇن بىرلاڭو بنچانى يغ تىدقى دەوك سەفترىي
كىجادىن تانە روتتە يغ مېبىتكىن رومە بىكس ساۋىغۇ ئىكاواي كانى تىنرا
ترەھادف انجیخ اولىيە اغکوتا دان ئىكاواي يغ براڭام اسلام.

iii. مەسا بىنچانى تىدقى دەفت دەقىتىكىن اکامان دان اد کالان دىكالغان اوغۇ

اسلام.

6. فرسوآلن-فرسوآلن يغ تىمبول مېبىتكىن شرطا:

i. اغکوتا فرتاهن عوام بىرتوکىن سباڭاىي قلاتىيە انجیخ اكىن بېرى ئاكايان

يغ بىرسىواين سماس لاتىهن اتاو بىنچانى تىقانى مەرىك ماسىيە تىدە
سچارا لەسۈچ دغۇن انجیخ دالىم مەراتتىكىن هوپۇغۇن داتتارا قلاتىيە دغۇن
انجىيەن تراووتام سماس مەبىرى ماڭىن دان فوجىجان. اولىيە ايت اداكە اي
دېنرکن شرع؟

ii. سماس بىرلاڭو بنچانى كەمۈگىكىن مەسا بىراڭام اسلام دان انجیخ
مەكوناڭان دىريا باۋدان مۆگىكىن تىركىنا كەد قىتۇيوه مەسا، مەك اداكە اي
ملەغىر شرع دان اف يغ فەرلۇدلاكۇن كەد قىتۇيوه مەسا يغ تىركىنا سەتووهن
انجىخ ترسپۇت سەماد مەسا تىلە ماتىي اتاو ماشىيە ھىدوف.

7. جىستىفيكاسى ئەللىكىسى ئەللىكىسى بىرگەن ئەللىكىسى بىرگەن ئەللىكىسى
ادالە سەفترىي برايىكتۇن:

i. كورۇغۇنىڭ ئەللىكىسى بىرگەن اسلام دالىم فرتاهن عوام سباڭايان بىرلاڭو
جوڭ دالىم قىتۇيوهن بىرىۋىنېقۇم لائىن سەفترىي عسکر وطنىيە.

ii. كەپلىوان مندىق برايىكتۇن بىرلاڭو بنچانى يغ تىدقى دەوك سەفترىي
كىجادىن تانە روتتە يغ مېبىتكىن رومە بىكس ساۋىغۇ ئىكاواي كانى تىنرا

مقصودن: "... ملأينك كلاو بنتا ايت بعكبي، اتاو داره بع مقالين، اتاو داكبيغ باي-
كران سسوغوكوهن اي اداله كوتوز-اتاو سسووات دلاكون سچارا فاسق، يايit بيتانغ
بع دسمبليه اتس نام بع لأين داري الله ..."

اوليه ايت مولوت، اير ليور دان تأييق انجيغ سهاج دمحكمون نجيس، والاركيمانقون
كسموا بهاكنين بدانن بع لأين تيدقله دقیاسکن کفڈ مولوتون، مك اوليه سبب ايت
سسووات بكس بع دجيلىنى مستىله دباسوه سباپق 7 کالي. كران نىي صلى الله عليه
وسلم برسيدا:

"إِذَا شَرِبَ الْكَلْبُ فِي إِنْسَاءِ أَخْدِكُمْ فَلَيَسْلِمْهُ سَبَّا" (رواه البخاري)

مقصودن: "افبلا سایکىر انجيغ مېنوم قىد بكس (بجانا) ساله ساۋىغ درىد كامو مك
ھندقلە دباسوه بكس ايت سباپق 7 کالي".

رسيدا نىي صلى الله عليه وسلم لاكي سباكيمان دروايتكن اوليه احمد دان مسلم:

"طَهُورٌ إِنَّاءِ أَخْدِكُمْ إِذَا وَلَغَ فِيهِ الْكَلْبُ أَنْ يَقْسِلَهُ سَبَّعَ مَرَّاتٍ أَوْ لَا هُنْ بِالثَّرَابِ"

مقصودن: "بجانا ساله ساۋىغ درىد كامو بع دجيلىت انجيغ منجادى برسىيە جىك
دباسوهن سباپق 7 کالي دان باسوھن بع فرتمان بىن تانە."

موسنه دان مېبىكىن كماتىن سرتا كجادىن بىنچىرلۇم قور دكونۇغ فولاي بع
مېبىكىن كماتىن.

iii. باكى مغابىمىشى كومفوسيسى قوم دان اوكتوق منجادىكىن سسوواتو بىدۇغ
تىدق دمونو قولى اولىيە سسوواتو قوم سهاج.

vii. سباكاي سوات علموفۇتھوان بع موڭكىن دكانتىرىكىن سباكاي فرض
كفاية.

چاراڭىزىمىلەن حکوم

1) فارا فقهاء تله بىرسلىسيه فنداقت تىنچ حکوم نجيس انجيغ

2) فنداقت بع اصح دارى كالغان علماء مذهب حنفى:

- انجيغ بوكىلە نجيس عين كران دى برگونا اوكتوق كاولىن دان بوروان تىدق
سەرقىي بايىي دمان اي اداله نجيس عين كران حروف "الهاء" بع تردافت دالىم
ايات القرءان سورة الأنعام(6) آية (145) دى توجوکن کفڈ (بايى) كران
كۈدووچىن بع لىبىه هەمغىرىدىن حروف "الهاء". الله سىحانە وتعالى بىرفرمان:

... إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمٌ خَتَرِيرٌ فَإِنَّهُ
رِجَسٌ أَوْ فِسْقًا أَهِلٌ لِغَنِيَّةِ اللَّهِ بِمِئَةٍ ...

ii) علماء مذهب مالكي بركات:

- سام اد انجيچ دهاروسکن فگونانش سباکاي انجيچ کاولن بوروان اتاوون
تيدق، هان جيلتنن سهاج واجب دباسوه سبايق 7 کالي سجاري تعبد منوروت
فنداقت يغ مشهور دکالغان مزيك.

iii) علماء مذهب شافعي دان حنبلي بركات:

- بهوا انجيچ ، بايي ، دان کتورونن يغ لاھير درفه کدوا-دوان ترماسوق سيسا
دان قلوهن اداله نجيس عين. أوليه يغ دميكيان، هندقله دباسوه اف سهاج يغ
دستوهن سبايق 7 کالي دان ساله ساتو دردان دفن يغ برچمفور تانه کزان
تله پات حکوم کنجيسن مولوت انجيچ ايت دفن نص حدیث يغ لالو.
(كتاب الفقه الإسلامي وأدلته جزء : 1 موك سورت 135-136)

2) چارا فپوجن نجيس

z) منوروت مذهب حنبلي سکياران نجيس ايت بروقا انجيچ دان بايي اتاودرفه
کدوان اتاو ساله ساتو درفه کدوان مک واجب دباسوه سبايق 7 کالي دان واجب
دچمفور درفه ساله ساتو درفه اير ايتد دفن تانه اتاو صابون اتاو سباکين.
تنافي يغ اول اياله اير يغ دچمفور دفن تانه قد باسوهن کالي فرتام، دان جيك
کل کسن نجيس قد باسوهن کتووجه هندقله دتمبه بيلاغن باسوهن سهيفه ت
هيلع نجيس.

ii) منوروت مذهب الشافعي، هندقله دباسوه ثقت تركنا نجيس ايت سبايق 7

کالي دان هندقله ساله ساتو باسوهن آيت دچمفور دفن تانه يغ سوچي
(بوکن نجيس دان بوکن مستعمل). دفن 3 فيلهن چارا فپوجيان:

z. چمفورکن اير دفن تانه سبلوم دسیرام کائس نجيس،

ii. دسیرام اير کتمفت يغ تركنا نجيس کمدین دچون هکن تانه کائس،

iii. دچور هکن تانه دفن اير کمدین باروله دایکوتی دفن اير

iii) منوروت مذهب حنفي، سوچي دفن دباسوه نشن سکالي اير دفن شرط هيلع

عين نجيس دان کسن-کسن، دان جيك سوکر مفهيلاغن کسن سفرتي باو

دان ورنا تيدق مقاف، دان نجيس يغ تيدق تلبيهت دحکومکن سوچي منوروت

"ظن" او رغیع ممباسوه اکن سوچین نتفا دتفکن حد بيلاغن باسوهن.

iv) منوروت مذهب مالكي، دحکومکن سوچي دفن دباسوه دفن اير يغ سوچي

والاوفون سکالي افبلا تله برجاري اير درفه ثقت نجيس. دان دشرطکن هيلع

راس نجيس والاوفون سوکرکران کكل راسان ايت منونجوکن ماسېه ادا

نجيس، دميكيان جو لک دشرطکن هيلع ورنا دان باؤن جيك تيدق سوکر

مفهيلاغن کدوان، جيك سوکر مک دحکومکن سوچي.

(كتاب الفقه على المذاهب الأربعة جزء : 1 موك سورت 21-25)

کفوتوسن فتوی

ستله دتليي داري ستياش سودوت دان اسفىك، مك جواننكواس فتوی نكري جوهريغ برسيدغ فد 4 ربیع الأول 1424 برسمان 7 می 2003 تله معمبیل کفوتوسن سفرتي برايکوت:-

الحمدللہ فتوان،

فنيووهن یونیت انجیخ (SAR) فرناههن عوام اداله دهاروسکن سکیران ادا کفرلواں یغ مندسق سفرتي فخاولن کسلامن، مفسن فنجنایة، مفسن میت یغ هیلخ دان سباکاین. کهاروسن این دغن شرط-شرط دان ديسیقلین-دیسیقلین ترقنتو یغ کتت. این باکي مغیلکن ادا کولوون یغ معمبیل کسمقان دان فتنه یغ اکن تیمبول سرتا کلیروان یغ اکن براکو تراوتامان دکالفن مشارکه عوام. دانتارا ديسیقلین-دیسیقلین ترسبوت اداله سفرتي برايکوت:-

1. فکاوي یغ تربیبت هندقه مقتھوي حکوم حکم برهويوغ دغن ستاتوس نجیس مغفلة این سام اد داري سکي فنکونان، فرکاولن، پیوجیانن دان سباکاین.

2. تیدق ادا عنصو کظالیمن ترهادف بناتع ترسبوت سفرتي ممفستیکن ماکن مینومن، کبرسیهنهن سرتا تفت تیگل دان تیدق مندرا دان سباکاین.

3. سکیران بناتع ترسبوت ساکیت، هندقه دبیر راوتن یغ سفاتون:

4. هندقه بناتع این دلجر، دلاتبه سباکای انجیخ یغ "مُعلَّم" دان فد اخین ترلاتیه، نرأه، ترفیمین دان مغیکوت اراهن.

والله أعلم بالصواب.

5. هندقه دفستیکن بناتع ترسبوت تیدق مغکھکو کسلامن دان کنترامن عوام تراوتام جیران تنغا یغ فالیغ همپیر.

6. فاكاین یغ دکوناکن سماں بروکس، براتیه بېن یونیت انجیخ (SAR) هندقه فاكاین یغ برسساوین دان دتندا دان داسیغکن درقد فاكاین-فاكاین يغلاین، جوڭ قېچیان داسیغکن دغن فاكاین-فاكاین لائىن دان چارا پیوچیانن دفستیکن مغیکوت قاعدة سېنن، تراوتام تفت ترکنا باسەن (ایرلیور) نجیس مغفلة.

7. فنکونان یونیت این هندقه دباتسکن اوچتۇق تجوان منجالىن توکس اتاو لاتىهن بیاس اتاو کماھیران، بوكن تجوان اوچتۇق ھېبوران دان برسیار-سیار.

8. قىمۇن یونیت این هندقه دفنمۇن ترسندىزى دان دفستیکن نجیس تیدق برسېقە مرات-رات، بەکن نجیس هندقه دەفتىكىن دان دبواخ دەفت ترتنىو.

9. دشىتكىن جوڭ بناتع این مغیکوت شرط-شرط بناتع یغ دبوات ھېبوران (الكلب المعلم).

WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

4hb Jun 2009

4119

Pursuant to subsection 48(6) of the Administration of the Religion of Islam (State of Johore) Enactment 2003 [Enactment 16 of 2003], the Committee of Fatwa as directed by His Royal Highness the Sultan gives and notifies the fatwa as follows:

"Solat Jumaat tidak boleh dikecualikan kepada orang Islam yang bertugas di Pelabuhan Johor Berhad di mana bahagian sekalipun kerana belum sampai ke peringkat darurat yang mengharuskan meninggalkan solat Jumaat.

Demi kepentingan pengurusan dan organisasi serta kepentingan bersama (majikan dan pekerja), maka waktu rehat hari Jumaat hendaklah diperuntukkan selama 1 jam 45 minit bagi membolehkan menunaikan solat Jumaat".

Bertarikh 30 Oktober 2008
Dated 30 October 2008
[JMJ. 351/04/01/6/21; PUNJ.N. 700-1/20/1-15(6)]

Dengan Titah,
By Command,

DATO' HAJI M. TAHRIR BIN DATO' HAJI SHAMSUDDIN
*Mufti Negeri Johor/
Mufti of the State of Johore*

Disahkan pada 12 Mac 2009
Confirmed on 12 March 2009

TUAN HAJI MOHD HALIM BIN HASBULLAH
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor/
Clerk of the State Executive Council Johore*

No. 5531.

اینکمن فتنبیرن اگام اسلام (جوهر) 2003

(اینکمن 16 تاهون 2003)

فمبریتاهوان دباوه سوبسیکشن 48(6)

منزروت سوبسیکشن 48(6) اینکمن فتنبیرن اگام اسلام (جوهر) 2003 [اینکمن 16 تاهون 2003]، جاوتکواس فری باکی نکری جوهر، الس فریته دولی بع مها مولیا پکیندا توانکو سلطان، مبری دان مغیثهارکن فتوی سفرتی براینکوت:

1. جاوتکواس فتوی برستوجو بهوا کاوسن تانه بع قردافت قبور لام دلتس لوت 992 مقام سلطان محمود، دائیره کوتایشکی اداره تانه وقف فرقورن.

2. جاوتکواس فتوی تباد اف-اف هالفن داتس چادعن اوتفوق فمینداهن قبور-قبوریغ
یلاعن امت ترحد سباکیمان یغ تله دفرکشکن دان دیمهکن اولیه دولی یغ امت مولیا
نکو ابراهیم اسماعیل ابن السلطان اسکندر الحج، نکو مهکوتا جوهر ددالم فرمیان
برسام دعن صاحب السماحة یغ برحرمت داتوء حاج نوح بن گادوت، مفتی نکری
جوهر، صاحب السماحة داتوء حاج محمد تحریر بن داتوء شمس الدین، ییمان مفتی
جوهر دان جوزوترا جابت کرج رای فد 28 مرچ 2007 دایر لجاية عسکر ییمان سیا
نکری جوهر.

3. کهاروسن این اداله برداسرکن کفڈ حکوم ضرورة دان کثربوان یغ مندسق:

سوقنو فمینداهن میت-میت دری قبور کتمفت اتاو کاوسن لاءین دجالنکن هندقله
دفاتری شرط-شرط برایکوت:

(i) فکرج یغ ترليست دالم فمینداهن این هندقله برئیه بهارا کرج-کرج
این دلاکوکن دی کفتیغ دان کمصلحتن عموم کران الله تعالی.

(ii) کرج-کرج فمینداهن هندقله دلاکوکن دعن فتوه چرمت، تلپتی،
برهاتی-هاتی دعن فتوه ادب دان دیسیفلن.

(iii) فکرج-فکرج فمینداهن هندقله براکام اسلام لاکی متوف عوره:

(iv) سکیران اد وارت کفڈ میت-میت یغ دکبزمیکن دکاوسن ترسبوت،
هندقله دعلومکن ترالیه دھولو کفڈ مریک (وارث).

(v) سبلوم کرج-کرج فمینداهن قبور دلاکوکن هندقله منداشکن سورت
کبتن درلذ فجابت سیاء وسها کراجاءن نکری جوهر (SUKJ)،
فجابت کصیحتن دان فیحق فولیس.

(vi) سماس کرج-کرج فمینداهن دلاکوکن هندقله دحاضیری اولیه:

(a) فکاوای تدبیر اکام داعیره اتاو وکیل؛

(b) فولیس؛

(c) فشهولو؛

(d) کتوا کمفرغ؛

(e) فجابت کصیحتن؛

WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR

4hb Jun 2009]

4121

(f) فخريسي مسجد اتاو وکيل؛

(g) امام مسجد؛ دان

(h) مریک یعنی دلیکیرکن فرلو اولیہ فغهول.

(vii) سبلوم کرج-کرج فمینداهن دلاکوکن دچادغکن داداکن مجلس
تهليل دان دعاء ارواح باگي دهدیهکن فهلاان کفه ارواح یعنی تله
دکبومیکن دتنه لریبون ترسیبوت، جوگ همیاج دعاء سلامت اکر
سکالا کرج-کرج یعنی اکن دجالنکن برجالن دعن لنجرن تشا گفکران
دان هالثون.

برتاریخ 30 اورکوبر 2008

[JMJ. 351/04/01/6/22; PUNJ.N. 700-1/20/1-15(6)]

دعن تیته

ذاتء حاج محمد تحریر بن ذاتء حاج شمس الدین
مفتي نگري جوهر

دصحکن فه 12 منج 2009

توان حاج محمد حلیم بن حسب الله
جورو توپیس مجلس مشوارت
کراجان جوهر

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (JOHOR) 2003
ADMINISTRATION OF ISLAMIC LAW ENACTMENT (JOHORE) 2003

(Enakmen 16 Tahun 2003)
PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 48(6)

(Enactment 16 Of 2003)
NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 48(6)

Menurut subseksyen 48(6) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) 2003 [Enakmen 16 Tahun 2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Johor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan, memberi dan mengisyiharkan fatwa seperti berikut:

Pursuant to subsection 48(6) of the Administration of the Religion of Islam (State of Johore) Enactment 2003 [Enactment 16 of 2003], the Committee of Fatwa as directed by His Royal Highness the Sultan gives and notifies the fatwa as follows:

1. Jawatankuasa Fatwa bersetuju bahawa kawasan tanah yang terdapat kubur lama di atas lot 992 makam Sultan Mahmud, daerah Kota Tinggi adalah tanah wakaf perkuburan.



NEGERI JOHOR

ENAKMEN 16 TAHUN 2003 ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003

Tarikh Persebutuan DiRaja : 22 Disember 2003
Tarikh disiarkan dalam Warta : 25 Disember 2003
Tarikh mula berkuatkuasa : 1 April 2004

BAHAGIAN III - PERLANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATANKUASA FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN NASIONAL

Fasal 44. Perlantikan Mufti dan Timbalan Mufti

Fasal 45. Fungsi Mufti

Fasal 46. Jawatan kuasa Fatwa

Fasal 47. Kuasa Jawatan kuasa Fatwa untuk menyediakan fatwa

Fasal 48. Tatacara pembuatan fatwa

Fasal 49. Fatwa yang disiarkan dalam warta adalah mengikat

Fasal 50. Pindaan, ubahsuaiān atau pembatalan fatwa

Fasal 51. Fatwa yang ada hubungan dengan kepentingan kebangsaan

Fasal 52. Menerima pakal nasihat dan syor Jawatan kuasa Fatwa Kebangsaan

Fasal 53. Meminta pendapat daripada Jawatan kuasa Fatwa

Fasal 54. Qaul muktamed yang hendaklah diikuti

ENAKMEN 16 TAHUN 2003 ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003

BAHAGIAN III - PERLANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATAN KUASA FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN KEBANGSAAN

Fasal 44. Perlantikan Mufti dan Timbalan Mufti.

(1) Duli Yang Maha Mulla Sultan, di atas nasihat Majlis, hendaklah melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Johor.

(2) Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti hendaklah disiarkan dalam Warta.

(3) Apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, orang yang menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Johor sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa hendaklah disifatkan telah dilantik di bawah seksyen ini sebagai Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri Johor dan hendaklah terus memegang jawatan

itu.

**ENAKMEN 16 TAHUN 2003
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003**

**BAHAGIAN III - PERLANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATAN KUASA
FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN KEBANGSAAN**

Fasal 45. Fungsi Mufti.

Mufti hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dan pentadbiran kerajaan berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Johor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.

**ENAKMEN 16 TAHUN 2003
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003**

**BAHAGIAN III - PERLANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATAN KUASA
FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN KEBANGSAAN**

Fasal 46. Jawatankuasa Fatwa.

- (1) Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa.
- (2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada =
 - (a) Mufti, sebagai Pengurus;
 - (b) Timbalan Mufti;
 - (c) dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis;
 - (d) tidak kurang daripada dua orang dan tidak lebih daripada lima orang yang layak dan sesuai, yang dilantik oleh Majlis; dan
 - (e) seorang pegawai dari Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis sebagai Setiausaha.
- (3) Mana-mana orang yang, sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa, menjadi anggota Jawatankuasa Lujnah Fatwa Negeri Johor yang ditubuhkan di bawah Enakmen terdahulu hendaklah tertakluk kepada subseksyen (4), disifatkan telah dinamakan atau dilantik menjadi anggota Jawatankuasa Fatwa dan hendaklah menjadi anggota Jawatankuasa Fatwa sehingga tempoh pelantikannya di bawah Enakmen yang terdahulu itu tamat.

(4) Jawatankuasa Fatwa boleh, tertakluk kepada Enakmen ini, memutuskan segala persoalan berhubungan dengan tatacara dan amalannya dan kouram mesyuarat Jawatankuasa Fatwa ialah kehadiran lima ahli termasuk Pengerusi.

**ENAKMEN 16 TAHUN 2003
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003**

BAHAGIAN III - PERLANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATAN KUASA FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN KEBANGSAAN

Fasal 47. Kuasa Jawatankuasa Fatwa untuk menyediakan fatwa.

Tertakluk kepada seksyen 51, Jawatankuasa Fatwa hendaklah, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan, dan bolehiah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan oleh mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dialamatkan kepada Mufti, menyediakan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau yang menimbulkan ketidaktentuan berhubungan dengan Hukum Syarak.

**ENAKMEN 16 TAHUN 2003
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003**

BAHAGIAN III - PERLANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATAN KUASA FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN KEBANGSAAN

Fasal 48. Tatacara pembuatan fatwa.

(1) Sebelum Jawatankuasa Fatwa membuat fatwa, Mufti boleh menyebabkan supaya kajian atau penyelidikan dijalankan sebagaimana yang diarahkan olehnya dan kertas kerja disediakan.

(2) Apabila Jawatankuasa bercadang hendak membuat fatwa Mufti hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa Fatwa bagi maksud membincangkan fatwa yang dicadangkan itu.

(3) Selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti hendaklah, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, mengemukakan fatwa yang disediakan itu kepada Majlis.

(4) Majlis boleh membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan perkenannya bagi penyiaran fatwa itu dalam Warta.

(5) Syor yang dibuat di bawah subseksyen (4) hendaklah disertakan dengan memorandum penjelasan dan ulasan daripada Majlis jika Majlis berpendapat penjelasan dan ulasan itu perlu.

(6) Apabila fatwa itu telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, Majlis hendaklah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang fatwa itu dan selepas itu hendaklah menyebabkan fatwa itu disiarkan dalam Warta.

(7) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

(8) Sesuatu fatwa hendaklah disiarkan atau disampaikan dalam bahasa kebangsaan dalam tulisan jawi, tetapi teks fatwa itu dalam tulisan rumi boleh juga disiarkan dan segala Fatwa yang dikeluarkan adalah muktamad.

(9) Apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa tidak boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika pernyataan itu disiarkan dalam *Warta* menurut subseksyen (6).

(10) Walau apa pun yang diperuntukkan oleh subseksyen (3), (4), (6) dan (9), jika perkara yang dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa untuk fatwa tidak menyentuh masalah umum dan kepentingan negara, atau telah diketahui umum akan hukum hakamnya, Mufti bolehlah mengeluarkan fatwa dan memaklumkan fatwa tersebut terus kepada orang yang memohon fatwa itu dan fatwa yang dimaklumkan sedemikian kepada orang yang memohon itu tidaklah perlu diwartakan tetapi adalah mengikat untuk dipatuhi.

**ENAKMEN 16 TAHUN 2003
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003**

**BAHAGIAN III - PERLANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATAN KUASA
FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN KEBANGSAAN**

Fasal 49. Fatwa yang disiarkan atau dimaklumkan adalah mengikat.

(1) Apabila mana-mana fatwa telah disiarkan atau dimaklumkan, maka fatwa itu hendaklah mengikat tiap orang Islam yang berada di Negeri Johor sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya di sisi agama Islam untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia telah mendapat kecualian oleh Jawatankuasa Fatwa berdasarkan Hukum Syarak.

(2) Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf oleh semua Mahkamah di dalam Negeri Johor tentang semua perkara yang dinyatakan dalamnya.

**ENAKMEN 16 TAHUN 2003
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003**

**BAHAGIAN III - PERLANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATAN KUASA
FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN KEBANGSAAN**

Fasal 50. Pindaan, ubahsuanan atau pembatalan fatwa.

(1) Jawatankuasa Fatwa boleh meminda, mengubahsuaikan atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah disiarkan dalam *Warta* atau telah dimaklumkan di bawah Enakmen ini, atau di bawah Enakmen terdahulu.

(2) Sesuatu pindaan, ubahsuanan atau pembatalan sesuatu fatwa hendaklah disifatkan sebagai suatu

fatwa dan peruntukan-peruntukan seksyen 48, kecuali subseksyen 48(7), hendaklah terpakai baginya.

(3) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa yang disiarkan dalam Warta hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah subseksyen (1).

ENAKMEN 16 TAHUN 2003
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003

BAHAGIAN III - PERLANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATAN KUASA FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN KEBANGSAAN

Fasal 51. Fatwa yang ada hubungan dengan kepentingan kebangsaan.

- (1) Walau apa pun kuasa Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 47, apabila Jawatankuasa Fatwa mendapat bahawa suatu fatwa yang dicadangkan dibuat adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan kebangsaan, Jawatankuasa Fatwa hendaklah menangguhkan perbincangannya tentang fatwa yang dicadangkan itu dan mengemukakan perkara itu kepada Majlis.
- (2) Selepas menimbang teliti perkara itu Majlis boleh membuat syor kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapat perkenannya supaya fatwa yang dicadangkan itu dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, melalui Majlis Raja-Raja.
- (3) Tanpa menjaskan keluasan subseksyen (1), suatu fatwa adalah dianggap berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan kebangsaan jika persoalan itu ada hubungan dengan apa-apa perkara, dasar, rancangan atau kegiatan yang secara langsung menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana kementerian, jabatan atau agensi-agensinya.
- (4) Jika Duli Yang Maha Mulia Sultan memberikan perkenannya di bawah subseksyen (2), Majlis hendaklah, sebelum fatwa itu dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, memaklumkan kepada Kerajaan Negeri tentang perujukan itu.
- (5) Apabila sesuatu fatwa yang dicadangkan telah dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan nasihat dan syoriya kepada Majlis Raja-Raja mengikut subseksyen (2) tentang perkara itu.
- (6) Jika Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan menasihatkan atau mengesyorkan supaya fatwa yang dicadangkan itu dibuat, dengan atau tanpa ubahsuaian yang disyorkan olehnya, atau menasihatkan atau mengesyorkan suatu fatwa lain tentang perkara yang sama dan Majlis Raja-Raja telah bersetuju dengan nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu, maka Majlis hendaklah menimbang nasihat dan syor itu dan selepas itu bolehlah menyebabkan supaya fatwa mengikut nasihat dan syor itu disiarkan dalam Warta tanpa apa-apa pindaan atau ubahsuaian dan peruntukan-peruntukan seksyen 48, kecuali subseksyen 48(7), hendaklah terpakai baginya.
- (7) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam Warta hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

**ENAKMEN 16 TAHUN 2003
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003**

**BAHAGIAN III - PERLANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATAN KUASA
FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN KEBANGSAAN**

Fasal 52. Menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

- (1) Jawatankuasa Fatwa bolehlah menerima pakai apa-apa nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang menyentuh perbuatan atau amalan yang dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja merupakan perbuatan atau amalan yang meliputi seluruh Persekutuan menurut Fasal 2(b) Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan.
- (2) Nasihat atau syor yang diterima pakai menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai fatwa dan seksyen 48, kecuali subseksyen 48(7), hendaklah terpakai baginya.
- (3) Sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah seksyen ini.

**ENAKMEN 16 TAHUN 2003
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003**

**BAHAGIAN III - PERLANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATAN KUASA
FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN KEBANGSAAN**

Fasal 53. Meminta pendapat daripada Jawatan kuasa Fatwa.

Jika dalam mana-mana Mahkamah selain Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan Hukum Syarak perlu diputuskan, Mahkamah itu boleh meminta pendapat Jawatan kuasa Fatwa tentang persoalan itu, dan Mufti boleh memperakukan pendapat Jawatan kuasa Fatwa itu kepada Mahkamah yang membuat permintaan itu.

**ENAKMEN 16 TAHUN 2003
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003**

**BAHAGIAN III - PERLANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATAN KUASA
FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEPENTINGAN KEBANGSAAN**

Fasal 54. Qaul muktamad yang hendaklah diliyuti.

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di

bawah seksyen 53 Jawatan kuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut qaul muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Syafie.

(2) Jika Jawatan kuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan berhasil, Jawatan kuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali.

(3) Jika Jawatan kuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut Ijtihad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.